



# 2012

LAPORAN  
TAHUNAN

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA





**S U H A K A M**  
HAK ASASI UNTUK SEMUA

LAPORAN TAHUNAN

**2012**

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA  
MALAYSIA

## CETAKAN PERTAMA, 2013

---

### © Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

Hak cipta ini adalah milik Suruhanjaya. Kesemua atau mana-mana bahagian laporan ini boleh disalin dengan syarat pengakuan sumber dibuat atau kebenaran diperolehi daripada Suruhanjaya. Suruhanjaya menyangkal sebarang tanggungjawab, waranti dan liabiliti sama ada secara nyata atau tidak ke atas sebarang salinan penerbitan yang dibuat tanpa kebenaran Suruhanjaya. Adalah perlu memaklumkan penggunaan. Hak cipta terpelihara.

### Diterbitkan di Malaysia oleh

#### **SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA**

Tingkat 11, Menara TH Perdana  
1001 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur  
Emel: [humanrights@suhakam.org.my](mailto:humanrights@suhakam.org.my)  
URL: <http://www.suhakam.org.my>

Direka dan dicetak di Malaysia oleh  
**SALZ-TERACHI DESIGN SDN BHD**  
36-01-10, Blok 36, Kemuncak Shah Alam  
Jalan Tengku Ampuan Rahimah 9/20  
40100 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan dalam Penerbitan

ISSBN: 1675-1159

## ANGGOTA SURUHANJAYA 2012

---



**Tan Sri Hasmy Agam**  
Pengerusi

1. **Prof Emeritus Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid**
2. **Pn Jannie Lasimbang**
3. **En James Nayagam**
4. **En Detta Samen** (sekarang Datuk)
5. **En Muhammad Sha'ani Abdullah**
6. **Pn Rodziah Abdul** (Setiausaha)

**Datuk Dr Khaw Lake Tee**  
(Naib Pengerusi)

# SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

## LAPORAN TAHUNAN 2012

---

### KANDUNGAN

PERUTUSAN Pengerusi	1	
RINGKASAN Eksekutif	7	
ISU-ISU UTAMA	11	
BAB 1	LAPORAN KUMPULAN PENDIDIKAN DAN PERHUBUNGAN AWAM	27
	I. BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN PROMOSI	28
	II. BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM	43
BAB 2	LAPORAN KUMPULAN ADUAN, PEMANTAUAN DAN INKUIRI	55
	I. BAHAGIAN ADUAN DAN PEMANTAUAN	56
	II. BAHAGIAN INKUIRI	69
BAB 3	LAPORAN KUMPULAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DASAR	77
	I. BAHAGIAN PENYELIDIKAN	78
	II. BAHAGIAN PEMBANGUNAN DASAR	95
	III. BAHAGIAN KOORDINASI ANTARABANGSA	117
BAB 4	LAPORAN PEJABAT SABAH	132
BAB 5	LAPORAN PEJABAT SARAWAK	146
BAB 6	LAPORAN INKUIRI NASIONAL MENGENAI HAK KE ATAS TANAH ORANG ASAL/ASLI DI MALAYSIA	156

---

---

## LAMPIRAN

LAMPIRAN I	KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA 2012	164
LAMPIRAN II	KENYATAAN SURUHANJAYA KEPADA MAJLIS HAK ASASI MANUSIA	193
LAMPIRAN III	AKTIVITI SURUHANJAYA 2012	197
LAMPIRAN IV	CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN – NASIONAL 2012	214
LAMPIRAN V	CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN – ANTARABANGSA 2012	224
LAMPIRAN VI	PENERBITAN SURUHANJAYA 2012	228
LAMPIRAN VII	MESYUARAT BULANAN 2012 – KEHADIRAN ANGGOTA SURUHANJAYA	229
LAMPIRAN VIII	SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKAUN SURUHANJAYA	233
SENARAI SINGKATAN		249

---



# PERUTUSAN PENERUSI



## **TAN SRI HASMY AGAM**

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia

Setiap tahun, Laporan Tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia diserahkan ke Parlimen sejajar dengan Seksyen 21 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597). Ini merupakan Laporan Tahunan ke 12 Suruhanjaya dan yang ketiga oleh anggota Suruhanjaya semasa. Ia merekodkan program dan aktiviti Suruhanjaya dalam memenuhi mandatnya sebagai sebuah badan berkanun untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia.

Suruhanjaya gembira dengan beberapa perkembangan positif keadaan hak asasi manusia pada tahun ini. Suruhanjaya menyambut baik pembatalan tiga Perisytiharan Darurat, dan pemansuhan undang-undang pencegahan – Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA), Akta Buang Negeri 1959, dan Akta Kediaman Terhad 1933 – kerana kebanyakan peruntukan tersebut melanggar prinsip dan norma hak asasi manusia antarabangsa, dan Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR). Dalam memastikan langkah-langkah konkrit yang akan diambil, Suruhanjaya berasa kesal apabila sebaik sahaja pengumuman bersejarah pemansuhan ISA dibuat, 13 suspek militan telah ditahan di bawah Akta tersebut. Suruhanjaya berpandangan, ia adalah satu langkah mundur dan tidak konsisten dengan semangat di sebalik keputusan memansuhkan ISA. Pastinya, tindakan tersebut mendapat komen negatif dari dalam dan luar negara yang mendesak Kerajaan agar mempercepatkan proses pemansuhan ISA dan undang-undang pencegahan sedia ada yang lain.

Suruhanjaya menyedari sepenuhnya keperluan untuk mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan negara. Walau bagaimanapun, dalam melaksanakan fungsi undang-undang dan ketenteraman, setiap usaha perlu dibuat agar mematuhi standard dan norma antarabangsa. Selari dengan prinsip dan pendiriannya, Suruhanjaya menyeru agar semua tahanan yang masih ditahan di bawah undang-undang pencegahan penahanan dibebaskan, atau didakwa di bawah undang-undang lain dan dibicarakan di mahkamah sebagai sebahagian daripada proses undang-undang yang sewajarnya.

Kebebasan bersuara dan hak memperoleh maklumat adalah antara kebebasan asas -dan merupakan prasyarat penting dalam sesuatu masyarakat bebas dan demokratik -yang menjadi tanggungjawab negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk mempertahankannya. Sehubungan itu, Suruhanjaya gembira dengan tindakan Kerajaan mengkaji semula dasar penapisan media dan meminda keperluan memperbaharui lesen tahunan bagi media cetak. Perubahan ini diharap dapat menangani isu utama sekatan kebebasan bersuara, dan bukannya sekadar perubahan luaran sahaja. Suruhanjaya juga gembira dengan kelonggaran sekatan ke atas kebebasan bersuara dan aktivis pelajar di kampus, sekaligus mewujudkan ruang yang lebih demokratik kepada golongan muda. Situasi ini memacu Malaysia ke hadapan agar seiring dengan amalan antarabangsa.

Berkait rapat dengan perkara ini adalah kebebasan berhimpun, sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan UDHR. Malangnya, hak ini masih belum berkembang maju dalam negara. Oleh sebab Kerajaan menitikberatkan isu keamanan dan keselamatan negara sejak kemerdekaan, kebanyakan undang-undang negara adalah berorientasikan keselamatan; dan ini telah menjadi punca utama pertelingkahan antara pihak berkuasa dan orang awam yang ingin lebih bebas mengamalkan hak mereka. Di sebalik pemansuhan seksyen khusus Akta Polis dan pelulusan undang-undang yang mengeneppikan keperluan mendapatkan permit polis untuk berhimpun secara aman, masih ada kebimbangan bahawa kuasa budi bicara yang diberikan kepada polis dan sekatan lain yang terkandung dalam undang-undang baru akan menyekat, bukannya membantu penganjuran perhimpunan aman. Suruhanjaya mengharapkan agar undang-undang baru dapat diperhalusi agar mematuhi sepenuhnya piawaian hak asasi manusia antarabangsa dan untuk sementara waktu, pihak berkuasa dapat membantu dan bukannya menghalang pelaksanaan hak sejagat ini. Dalam masa yang sama, rakyat juga perlu melaksanakan hak ini secara bertanggungjawab.

Ekoran daripada perkara ini, peranan polis dalam menangani perhimpunan aman telah mengundang persepsi negatif di kalangan orang awam. Walaupun peranan utama polis dalam mengekalkan ketenteraman dan keamanan awam tidak dipertikaikan dan secara umumnya dihargai masyarakat, sebahagian pendekatan dan prosedur dalam melaksanakan tugas mereka telah menimbulkan persoalan. Suruhanjaya berpendapat isu persepsi ke atas polis perlu ditangani bagi memupuk keyakinan orang ramai terhadap polis sebagai badan penguatkuasa profesional, dan perlunya badan tersebut mencontohi amalan terbaik dunia.

Salah satu hak asasi manusia yang diperuntukkan adalah hak kebebasan beragama. Walaupun hak ini dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan dan secara umumnya diperakui, malangnya, dalam beberapa keadaan tertentu, hak ini telah dihalang daripada diamalkan. Keadaan ini tidak memberikan gambaran baik ke atas Malaysia yang berbangga sebagai negara yang bertoleransi terhadap kepelbagaian budaya dan agama rakyatnya. Perkara ini agak membimbangkan Suruhanjaya yang telah dan akan terus berperanan sebagai perantara, sekiranya perlu, bagi memastikan hak asasi terus dipatuhi.

Sejak penubuhannya, Suruhanjaya telah memberikan perhatian khusus kepada hak golongan rentan, termasuklah wanita, kanak-kanak, orang kurang upaya, dan Orang Asa/Asli (OA). Dalam mempergiatkan promosi dan perlindungan hak golongan ini, Suruhanjaya akan terus menggesa Kerajaan untuk mematuhi sepenuhnya prinsip dan norma konvensyen atau instrumen

antarabangsa di mana Malaysia menjadi anggotanya. Suruhanjaya akan giat meneruskan fungsi memantau atau menyiasat, serta mempromosi dan menasihati Kerajaan bagi memastikan kelompok ini tidak dipinggirkan masyarakat. Malah, menyentuh hak OA, Suruhanjaya sedang dalam proses menyiapkan laporan Inkuiri Nasional untuk diterbitkan pada tahun 2013, yang mengandungi beberapa cadangan dan syor bagi menyelesaikan isu hak tanah golongan ini.

Satu isu yang telah menimbulkan persepsi negatif terhadap negara ialah pemerdagangan orang. Suruhanjaya menyedari kerumitan kedua-dua masalah pekerja migran tanpa izin dan pemerdagangan orang yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dan aktor. Suruhanjaya menghargai usaha Kerajaan menangani masalah melalui pendekatan perundangan, dan membangunkan pelan strategik nasional dan perlindungan kepada mangsa pemerdagangan. Ia berharap lebih banyak usaha akan dilakukan bagi menangani jenayah pemerdagangan dan eksploitasi manusia dengan lebih berkesan, dan bagi menjamin hak asasi mangsa agar tidak dicabuli.

Suruhanjaya juga berharap akan ada kemajuan dalam isu hak untuk hidup dan usaha memansuhkan hukuman mati di Malaysia. Melihat kepada sokongan atau penerimaan yang jelas dan berterusan orang ramai terhadap hukuman mati kesan daripada publisiti meluas mengenai jenayah kejam, ia adalah satu isu yang sukar dan kompleks untuk ditangani. Suruhanjaya gembira dengan hasrat Kerajaan mengkaji semula perkara itu secara serius, bermula dengan kajian semula hukuman mati mandatori bagi kesalahan mengedar dadah. Diharapkan kajian semula, dan diikuti dengan pemansuhan hukuman ini atas kesalahan mengedar dadah, akan membenarkan mahkamah menggunakan kuasa budi bicara untuk menentukan bentuk hukuman yang sesuai dan akhirnya meletakkan Malaysia dalam kalangan majoriti negara-anggota PBB yang telah memansuhkan hukuman mati.

Perhubungan antara perniagaan dan hak asasi manusia semakin jelas dewasa ini, memandangkan kegiatan perniagaan boleh meninggalkan kesan negatif ke atas hak pekerja dan pengguna. Suruhanjaya mula mendekati sektor korporat bagi menyedarkan mereka mengenai isu serta peranan dan tanggungjawab mereka sebagai majikan yang prihatin dan bertanggungjawab dalam rangka kerja yang melebihi rangkuman Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Ini akan menjadi satu bidang yang amat penting apabila Malaysia mencapai negara maju sepenuhnya di mana sektor perniagaan memainkan peranan yang lebih dominan. Adalah diharapkan CSR akan berkembang daripada program yang berbentuk kebajikan kepada program berbentuk hak.

## **Komitmen Antarabangsa**

Adalah amat dikesali bahawa setelah sekian lama Malaysia masih belum menyertai enam instrumen teras hak asasi manusia yang selebihnya. Ia hanya meratifikasi Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita, Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak dan Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya - walaupun terdapat beberapa reservasi. Ini meletakkan Malaysia dalam kelompok negara tercorot yang meratifikasi atau menyertai, maksimum, hanya tiga instrumen teras antarabangsa sahaja. Kerajaan pada awalnya mempunyai alasan yang baik dan munasabah atas ketidakupayaan melengkapkan proses penyertaan, dengan alasan lebih banyak masa diperlukan untuk mengubah undang-

undang dan peraturan negara atau menyebarkan undang-undang dan peraturan baru. Walau bagaimanapun, proses ini telah mengambil masa yang terlalu lama - dalam beberapa kes, melebihi empat dekad - menjadikan alasan Kerajaan tidak lagi munasabah. Adalah penting bagi Kerajaan mempercepatkan proses penyertaan seiring dengan langkahnya mencapai status negara maju. Jika tidak, setelah Malaysia mencapai status negara maju yang diinginkannya, ia tidak akan memperolehi kedudukan yang setanding di kalangan negara maju yang telah menyertai kesemua instrumen teras tersebut. Selain perlunya kesungguhan politik dan keazaman yang kuat untuk terus melangkah ke hadapan, Malaysia perlu mengikuti perkembangan pesat dunia globalisasi dan tanpa sempadan, atau terus ketinggalan.

Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional (NHRAP) memainkan peranan penting dalam usaha Malaysia menjadi negara yang mematuhi sepenuhnya piawaian hak asasi manusia antarabangsa. Suruhanjaya berpuas hati Kerajaan kini mula menyokong tujuan ini dan bersetuju merumuskan NHRAP; malah, akhir-akhir ini, ia telah mengambil beberapa langkah awal tetapi penting ke arah itu. Suruhanjaya meletakkan harapan tinggi kepada kejayaan NHRAP dan berharap untuk bekerjasama dengan agensi fokal Kerajaan dalam memastikan proses membangunkan NHRAP dilaksanakan secepat mungkin, secara telus dan melalui perundingan bersama semua pihak berkepentingan, dan ia akan menjadi satu pelan yang bukan sahaja bercita-cita tinggi, tetapi juga realistik.

Pada bulan Oktober-November 2013, Malaysia akan melalui Penilaian Penggalan Sejagat (UPR) kedua susulan daripada kitaran penilaian empat setengah tahun yang mana komitmen hak asasi manusia yang dibuat pada tahun 2009 akan dinilai. Oleh kerana proses UPR merupakan proses penilaian paling penting dan telus oleh komuniti antarabangsa ke atas rekod hak asasi manusia negara anggota PBB, persediaan teliti Kerajaan adalah amat penting. Suruhanjaya berharap Kerajaan akan lebih terbuka dan menerima pandangan masyarakat awam, dan akan meningkatkan penglibatan dengan pelbagai pihak berkepentingan melalui dialog yang lebih kerap serta perkongsian kepakaran dalam proses susulan UPR, serta dalam penyediaan untuk kitaran UPR Malaysia yang seterusnya. Suruhanjaya berharap Kerajaan akan mengemukakan laporan positif dan meyakinkan mengenai pencapaian komitmen hak asasi manusianya, yang akan menggambarkan dengan baik kedudukan negara sebagai anggota semasa Majlis Hak Asasi Manusia PBB. Suruhanjaya, yang telah membentangkan laporan interim kepada Majlis Hak Asasi Manusia PBB pada bulan September 2011 mengenai pelaksanaan syor-syor UPR, telah melaksanakan proses konsultasi dengan pihak-pihak berkepentingan sebagai persediaan laporan bebas UPR bagi kitaran seterusnya.

Walaupun terdapat perkembangan positif mengenai keadaan hak asasi manusia di dalam negara, masih tidak dapat dipastikan sejauh mana tahap perkembangannya di masa hadapan sama ada akan diteruskan dan dikekalkan. Pastinya, masih banyak ruang untuk penambahbaikan, terutama sekali perlunya penyertaan kepada instrumen teras hak manusia yang selebihnya. Suruhanjaya akan terus bekerjasama dengan Kerajaan dan pihak berkepentingan lain dalam memastikan perkembangan yang berterusan ke arah pencapaian standard hak asasi manusia yang lebih baik di masa hadapan.

## Penglibatan Pihak Berkepentingan

Suruhanjaya berasa gembira apabila tugas dan mandatnya kini lebih dihargai. Namun, masih terdapat segelintir pihak yang terus melihat Suruhanjaya sebagai sebuah NGO yang sentiasa mengkritik Kerajaan, sementara sebilangan lain pula percaya ianya sebahagian daripada Kerajaan. Perlu diulangi semula bahawa Suruhanjaya ditubuhkan untuk memainkan peranan sebagai pelengkap kepada peranan Kerajaan. Walau bagaimanapun, dalam melaksanakan mandatnya, Suruhanjaya perlu bersuara dan menyuarakan mengenai isu atau perkembangan yang dirasakan mencabul hak asasi manusia atau benar-benar menghalang promosi hak asasi manusia. Sebagai sebuah institusi hak asasi manusia nasional yang ditubuhkan atas arahan PBB, Suruhanjaya diharapkan dapat bertindak secara objektif, seimbang dan profesional, melontarkan kritikan atau pujian sebagaimana sepatutnya dan sekiranya sesuai, dan menjadi penghubung antara Kerajaan dan orang awam, dalam mempromosi dan melindungi hak asasi rakyat melalui sokongan dan kerjasama semua pihak berkepentingan.

Terdapat segelintir pihak mengkritik Suruhanjaya tidak mempunyai kuasa dan tidak mampu melaksanakan cadangan dan syornya. Hal ini berkaitan dengan isu memperkasakan Suruhanjaya yang masih berterusan. Oleh itu, Suruhanjaya akan meneruskan usaha meyakinkan Kerajaan memberi kuasa tambahan dan mandat yang lebih luas melalui pindaan Akta 597, dengan harapan usaha ini akhirnya akan membuahkan hasil positif. Sementara itu, Suruhanjaya akan terus menjalankan mandatnya dengan berkesan di bawah Akta sedia ada.

Bagi mendorong minat yang lebih mendalam mengenai isu hak asasi manusia di kalangan orang ramai, dan bagi mengiktiraf individu dan organisasi, serta pengamal media yang telah memberikan sumbangan penting kepada perlindungan dan promosi hak asasi manusia, Suruhanjaya telah memperkenalkan Anugerah Hak Asasi Manusia yang diadakan setiap tahun bersempena Hari Hak Asasi Manusia Sedunia. Anugerah ini telah diterima baik oleh orang ramai yang percaya ianya satu cara yang sesuai dalam menunjukkan pengiktirafan masyarakat terhadap sumbangan yang layak menerimanya.

Jelas sekali, pendidikan hak asasi manusia memainkan peranan penting dan utama dalam promosi dan perlindungan hak asasi manusia. Ianya penting, bukan sekadar mewujudkan kesedaran dan kefahaman mengenai prinsip dan norma hak asasi manusia sejagat untuk semua lapisan masyarakat, tetapi juga memupuk toleransi sifar terhadap segala bentuk penindasan hak asasi manusia. Lebih banyak usaha perlu dibuat bagi memastikan maklumat mengenai hak asasi manusia disebarkan secara menyeluruh dan sama rata, dan bukannya bersifat selektif. Dalam meluaskan skop pendidikan termasuk pemahaman berhubung hak asasi manusia, Suruhanjaya telah menjalinkan kerjasama erat dengan Kementerian Pelajaran Malaysia dengan melibatkan lebih banyak sekolah menengah dalam program hak asasi manusia. Suruhanjaya tetap percaya akan kepentingan menerapkan nilai-nilai hak asasi manusia pada usia yang awal dan berharap untuk meyakinkan Kementerian Pelajaran dan Kerajaan agar memperkenalkan hak asasi manusia sebagai sebahagian daripada kurikulum sekolah rendah - seperti yang dilakukan di beberapa negara termasuklah negara di rantau ini - agar budaya toleransi, saling menghormati dan persefahaman boleh dipelajari di sekolah.

Orang awam dan media turut memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya; sehubungan itu Kerajaan perlu mendekatkan diri melalui penglibatan dan dialog dengan golongan ini.

Mereka mampu dan sewajarnya memainkan peranan sebagai pejuang hak asasi manusia yang menyumbang kepada pembentukan budaya hak asasi manusia yang bertolak ansur dan saling memahami, bagi mengatasi penindasan hak asasi manusia. Sehubungan itu, Suruhanjaya berharap media arus perdana dapat memberi lebih sokongan kepada promosi dan perlindungan hak asasi manusia dengan menyediakan ruang untuk kenyataan akhbar Suruhanjaya, yang seringkali disiarkan secara selektif, dan kebanyakannya melalui media alternatif.

Suruhanjaya ambil maklum dan menghargai maklum balas agensi kerajaan yang berkaitan terhadap Laporan Tahunannya yang terdahulu yang telah memberikan peluang kepada Suruhanjaya untuk menilai komitmen Kerajaan dalam memperbaiki situasi hak asasi manusia. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya berpandangan bahawa Laporan Tahunannya perlu dibincangkan sepenuhnya di Parlimen bagi membolehkan pertukaran pandangan yang lebih luas di kalangan Ahli Parlimen yang dapat menyumbang secara konstruktif ke arah penggubalan undang-undang dan polisi yang bersesuaian untuk kepentingan masyarakat Orang Asal/Asli di negara ini. Suruhanjaya berharap agar Laporan Tahunan ke 12 ini akan diteliti dan dibahaskan oleh Ahli Parlimen. Suruhanjaya masih berpendirian bahawa perbahasan isu hak asasi manusia di Parlimen, termasuk isu yang dibangkitkan dalam Laporan Tahunan ini adalah penting, malah perlu, untuk negara mencapai demokrasi yang matang dan berfungsi sepenuhnya sebagaimana yang dihasratkan oleh Perdana Menteri.

Sementara menunggu perbahasan di Parlimen, Suruhanjaya berharap Laporan ini dibincangkan oleh Jawatankuasa Pemilih Tetap Parlimen mengenai Hak Asasi Manusia yang bakal ditubuhkan Kerajaan. Suruhanjaya menyambut baik tindakan ini sebagai satu perkembangan positif proses demokratik berparlimen. Adalah diharapkan setidak-tidaknya, sesetengah isu yang diketengahkan dalam Laporan Tahunan ini dapat diberi perhatian dan dibahaskan oleh Ahli Parlimen di Dewan Rakyat.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Pesuruhjaya, iaitu Naib Pengerusi Datuk Dr Khaw Lake Tee, Prof Emeritus Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid, Encik Muhammad Sha'ani Abdullah, Encik James Nayagam, Encik Detta Samen dan Puan Jannie Lasimbang atas komitmen dan sumbangan mereka yang turut sama menggalas tanggungjawab Suruhanjaya dalam melaksanakan mandatnya. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Datuk Dr Khaw Lake Tee atas keupayaan beliau menerajui Jawatankuasa Laporan Tahunan dalam penyediaan Laporan ini.

Dengan penyerahan Laporan Tahunan ini kepada Ahli Parlimen, dan orang ramai, Suruhanjaya percaya di sebalik kekangan dan sekatan yang ditempuhinya, ia telah menjalankan tugas dan tanggungjawabnya sebaik mungkin. Akhir sekali, terpujanglah kepada rakyat Malaysia, yang mana Suruhanjaya ditubuhkan untuk berkhidmat, untuk membuat penilaian secara objektif berhubung tugasnya sebagai institusi hak asasi manusia nasional.



**TAN SRI HASMY AGAM**

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia

# RINGKASAN EKSEKUTIF

---

Beberapa pembaharuan undang-undang telah dimulakan dan diperkenalkan sepanjang tahun ini. Kerajaan telah mengambil tindakan terhadap seruan dari pelbagai segmen masyarakat seperti kumpulan masyarakat sivil, akademik, individu dan media yang menggesa agar hak-hak sivil, politik, ekonomi dan sosial diberi penghormatan. Sebahagian daripada hasil yang dapat dilihat adalah pemansuhan atau pindaan undang-undang yang bercanggah dengan prinsip teras hak asasi manusia.

Suruhanjaya terutamanya menghargai pembatalan tiga Perisytiharan Darurat, pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Akta Buang Negeri 1959 dan Akta Kediaman Terhadap 1933; serta pindaan kepada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Polis 1967 dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Walaupun Suruhanjaya mengalu-alukan penggubalan Akta Perhimpunan Aman 2012 dan Akta Keselamatan Kesalahan (Langkah-Langkah Khas) 2012, ia mengambil perhatian isu-isu tertunggak mengenai beberapa peruntukan yang perlu diselesaikan.

Suruhanjaya menyeru Kerajaan supaya memastikan isu-isu yang melibatkan hak-hak kumpulan rentan diberi perhatian sewajarnya dan mengambil kira, khususnya isu-isu yang berkaitan dengan kanak-kanak, wanita, Orang Asal/Asli (OA), Orang Kurang Upaya, kumpulan orientasi seksual dan identiti gender, pekerja migran, pencari suaka dan pelarian.

Sehubungan ini, Suruhanjaya menyeru Kerajaan supaya memastikan penguatkuasaan undang-undang mematuhi prinsip-prinsip hak asasi manusia seperti yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan, dan seperti yang diperjuangkan oleh Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat dan perjanjian teras hak asasi yang mana Malaysia menjadi ahlinya.

Dalam menyusun semula organisasi dalaman, Suruhanjaya telah membentuk tiga kumpulan yang tersendiri untuk memastikan kesedaran sepenuhnya tentang mandat yang dinyatakan dalam Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999:

- Bahagian Pendidikan dan Promosi, Perhubungan Awam dan Penerbitan kini di bawah Kumpulan Pendidikan dan Perhubungan Awam;
- Kumpulan Kerja Pembaharuan Undang-undang dan Triteriti Antarabangsa, Kumpulan Kerja Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan; dan Jawatankuasa Isu dan Kerjasama Antarabangsa membentuk Kumpulan Penyelidikan dan Pembangunan Dasar;
- Bahagian Aduan dan Siasatan diletak di bawah Kumpulan Aduan, Pemantauan dan Siasatan.

Selaras dengan mandat untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia, ketiga-tiga Kumpulan ini telah menjalankan objektif utama mereka melalui aktiviti-aktiviti yang baru dan berterusan, di samping memperluaskan jangkauan kumpulan sasaran tambahan atau mengintegrasikan isu-isu pelengkap yang memerlukan perhatian dan campur tangan Suruhanjaya.

## LAPORAN KUMPULAN PENDIDIKAN DAN PERHUBUNGAN AWAM

Dalam memenuhi fungsi untuk mendidik kumpulan sasaran yang berbeza, **Bahagian Pendidikan dan Promosi** telah menganjurkan bengkel dan menyampaikan ceramah mengenai hak asasi manusia di sekolah dan institusi pengajian tinggi, termasuk institusi yang telah memeterai Memorandum Persefahaman dengan Suruhanjaya. Dalam memastikan Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) dipatuhi oleh pihak berkuasa yang berkaitan - terutamanya dalam menyediakan kemudahan yang diperlukan dan pendidikan berkualiti - Suruhanjaya melawat beberapa buah sekolah termasuk sekolah untuk Orang Asli, dan yang menyediakan Pendidikan Islam atau vernakular. Ia juga menjalankan latihan bagi agensi-agensinya penguatkuasaan undang-undang termasuk polis, Jabatan Penjara dan pihak berkuasa tempatan, dalam mengguna pakai prinsip-prinsip hak asasi manusia dalam tugas-tugas harian.

Untuk memberi kesan kepada Konvensyen mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD), Suruhanjaya menjalankan Perbincangan Meja Bulat dengan beberapa pihak berkuasa tempatan untuk mengenal pasti isu-isu tertunggak dan untuk membincangkan penyelesaian yang praktikal dan terurus. Di samping itu, Persidangan Kebangsaan Tiada-Diskriminasi telah dianjurkan bersama dengan Pusat KOMAS dan Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Latihan dalaman telah dijalankan untuk kakitangan Suruhanjaya mengenai pelbagai isu hak asasi manusia, serta keperluan kemahiran insaniah.

**Bahagian Perhubungan Awam** telah mengatur aktiviti promosi dan publisiti seperti mengatur kunjungan hormat agensi-agensi kerajaan dan organisasi media. Ia membantu menerima kunjungan delegasi dari institusi hak asasi manusia nasional (NHRI), Pelapor Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), universiti dan organisasi lain. Aktiviti utamanya merupakan satu forum mengenai kebebasan media, *road show* dan, bagi tahun kedua berturut-turut, Majlis Anugerah Hak Asasi Manusia. Bahagian ini juga menguruskan wawancara media dan mengeluarkan kenyataan akhbar bagi pihak Suruhanjaya.

## LAPORAN KUMPULAN ADUAN, PEMANTAUAN DAN INKUIRI

Salah satu fungsi utama Suruhanjaya adalah untuk menyiasat aduan mengenai pelanggaran hak asasi manusia. **Bahagian Aduan dan Pemantauan** mengkaji isu-isu yang melibatkan penggunaan kuasa polis, kematian dalam tahanan polis, penggunaan undang-undang penahanan pencegahan, hak untuk berhimpun secara aman, layanan terhadap tahanan, kebajikan pelarian atau pencari suaka dan kanak-kanak dalam tahanan. Pada tahun ini, Suruhanjaya memantau 11 perhimpunan awam dan memerhati pilihan raya kampus universiti.

Sebagai sebahagian daripada mandat berkanun, Suruhanjaya telah melawat dan memantau 13 pusat tahanan di seluruh negara.

**Bahagian Inkuiri** telah mengadakan dua Siasatan Awam. Siasatan Awam ke Atas Insiden Sebelum dan Semasa Perhimpunan Awam pada 9 Julai 2011 telah berakhir pada tahun 2012. Panel Siasatan telah memanggil 31 saksi yang terdiri daripada 14 orang awam dan 17 wakil dari agensi-agensi kerajaan yang berkaitan; 42 eksibit telah diterima.

Tidak lama selepas laporan Siasatan Awam mengenai perhimpunan awam pada 9 Julai 2011 dikeluarkan, satu Panel Siasatan lain dibentuk yang terdiri daripada Datuk Dr Khaw Lake Tee sebagai Pengerusi, dan dibantu oleh Pesuruhjaya Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid dan Pesuruhjaya Detta Samen, bagi menyiasat dakwaan pelanggaran hak asasi manusia semasa dan selepas perhimpunan awam pada 28 April 2012. Panel Siasatan menjangkakan laporan akan dibentangkan pada awal tahun 2013.

## KUMPULAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DASAR

Dalam melaksanakan fungsinya untuk mengesyorkan penyertaan Malaysia kepada instrumen hak asasi manusia antarabangsa dan untuk memastikan undang-undang negara adalah selaras dengan instrumen antarabangsa yang berkaitan, **Bahagian Penyelidikan** menjalankan kajian untuk mendapatkan pandangan mengenai aspek-aspek berkaitan. Ia memantau pelaksanaan obligasi Kerajaan di bawah tiga konvensyen utama yang telah diratifikasi - Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), CRC dan CRPD.

Suruhanjaya telah menyediakan Laporan Bebas mengenai CEDAW dan CRC untuk dikemukakan kepada PBB dan akan terus bekerjasama dengan Kerajaan untuk menyertai enam triti hak asasi manusia antarabangsa yang selebihnya. Suruhanjaya, dengan bantuan Majlis Peguam, bertindak sebagai peguam pemerhati dalam tiga kes mahkamah. Ia terus mengemukakan cadangan kepada Kerajaan untuk meminda Akta penubuhannya untuk membolehkan lawatan ke tempat tahanan tanpa memberi notis terlebih dahulu.

**Bahagian Pembangunan Dasar** telah melibatkan Kerajaan dan organisasi masyarakat sivil dalam Perbincangan Meja Bulat mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia, Hak kepada Perumahan Wajar, Hak Asasi Manusia dan Islam dan Hak Orang Asal/Asli (OA). Satu kolokium susulan mengenai 'Aplikasi Domestik Mengenai Norma-norma Hak Asasi Manusia Antarabangsa' telah dianjurkan dengan Badan Kehakiman pada bulan September. Mesyuarat telah diatur dengan agensi-agensi kerajaan dan NGO untuk meningkatkan hubungan kerja.

**Bahagian Koordinasi Antarabangsa** membantu kerja-kerja Suruhanjaya dengan mengambil bahagian dalam aktiviti dan mesyuarat yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Penyelaras Antarabangsa PBB NHRI bagi Mempromosi dan Melindungi Hak Asasi Manusia, Majlis Hak Asasi Manusia dan Forum Komanwel NHRI. Suruhanjaya meneruskan aktiviti yang berkaitan dengan kemajuan hak asasi manusia serantau melalui Forum Asia Tenggara NHRI, Suruhanjaya antara Kerajaan ASEAN Mengenai Hak Asasi Manusia dan Forum Asia Pasifik NHRI.

Di peringkat domestik, Suruhanjaya menjalankan satu siri perundingan dengan pihak berkepentingan termasuk agensi kerajaan dan organisasi masyarakat sivil untuk menilai pelaksanaan komitmen Malaysia di bawah kitaran pertama Penilaian Penggalan Sejagat (UPR), serta untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi dan perkara-perkara yang boleh diperbaiki untuk kitaran kedua, yang akan berlangsung dari bulan Oktober-November 2013 pada sesi ke-17 UPR. Sebagai anggota Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional, Suruhanjaya menyokong Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri dalam pembangunan dan pengubalan Pelan tersebut.

## **LAPORAN PEJABAT SABAH**

Pejabat Suruhanjaya Sabah di Kota Kinabalu menerima 300 aduan, kebanyakannya mengenai dakwaan pelanggaran hak-hak kumpulan rentan. Di samping itu, Suruhanjaya mempromosi hak asasi manusia melalui Perbincangan Meja Bulat, dialog dan pameran. Lawatan telah diadakan di dua Pusat Pembelajaran Komuniti, Penjara Pusat Kota Kinabalu dan Institusi Penjara Wanita di Kepyayan. Kunjungan hormat ke pejabat Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu, Datuk Bandar Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, dan Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah di Sabah telah diatur.

## **LAPORAN PEJABAT SARAWAK**

Selain daripada menyiasat aduan, Pejabat Suruhanjaya di Sarawak menjalankan satu Perbincangan Meja Bulat mengenai hak orang kurang upaya, mengatur lima ceramah mengenai hak asasi manusia dengan bantuan agensi-agensi lain dan menguruskan pendengaran awam yang diadakan di Sarawak untuk Inkuiri Nasional Mengenai Hak ke Atas Tanah Orang Asal/Asli (OA) di Malaysia. Mesyuarat Konsultasi UPR telah diadakan dengan agensi-agensi kerajaan dan NGO.

## **LAPORAN INKUIRI NASIONAL MENGENAI HAK KE ATAS TANAH ORANG ASAL/ASLI**

Susulan daripada mesyuarat dan konsultasi awam yang diadakan pada tahun 2011, Suruhanjaya telah mengadakan pendengaran awam di Sarawak (27 Februari hingga 14 Mac), Semenanjung Malaysia (27 Mac hingga 16 Mei) dan Sabah (4 hingga 16 Jun) yang melibatkan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, masyarakat OA yang terjejas, individu dan pakar, yang memberi keterangan di hadapan Panel Siasatan dan bukti yang dikemukakan. Beberapa isu utama hak asasi manusia telah dikenal pasti semasa proses konsultasi. Ianya telah dikategorikan sebagai ketiadaan pengiktirafan konsep Hak Tanah Adat OA; proses pentadbiran; kesan skim perladangan dan projek-projek pembangunan komersial; kemasukan tanah adat ke dalam rizab pembalakan dan hutan, dan di kawasan negeri dan dilindungi; serta pampasan yang tidak mencukupi kerana kehilangan tanah, wilayah dan tanaman OA.

## ISU-ISU UTAMA

*Menafikan hak asasi manusia adalah mencabar kemanusiaan mereka.*

**Nelson Mandela**

Komitmen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan September 2011 untuk memansuh atau meminda undang-undang yang telah lama dianggap sebagai menindas prinsip-prinsip hak asasi manusia telah membuahkan hasil pada tahun 2012, dengan pembatalan tiga Perisytiharan Darurat dan luputnya undang-undang yang berkaitan, serta:

- Pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA), Akta Buang Negeri 1959 dan Akta Kediaman Terhad 1933;
- Pindaan kepada, antara lain, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Polis 1967, dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971; dan
- Penggubalan Akta Perhimpunan Aman 2012 dan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012.

Walaupun Suruhanjaya mengalu-alukan inisiatif ini, dan menyokong Kerajaan dalam usahanya ke arah pembaharuan demokratik serta untuk melindungi hak asasi manusia dan kebebasan, terdapat beberapa masalah dengan peruntukan-peruntukan tertentu dalam undang-undang baru dan undang-undang yang dipinda yang perlu diselesaikan. Di samping itu, terdapat isu-isu hak asasi manusia yang belum diselesaikan yang perlu diberi perhatian berterusan oleh Kerajaan. Antaranya ialah kebebasan berhimpun, kebebasan bersuara dan bermaklumat, dan hak-hak kumpulan rentan.

*Walaupun Suruhanjaya dalam proses menyiapkan Siasatan Awam Ke Atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam pada 28 April 2012, ia secara konsisten menggesa pihak berkuasa untuk menghormati kebebasan asasi rakyat untuk berhimpun secara aman dan untuk meluahkan kebimbangan dan pendapat, kerana ini adalah elemen penting demokrasi seperti yang dijamin di bawah Artikel 10(1)(b) Perlembagaan Persekutuan dan seperti yang termaktub dalam Artikel 20 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR).*

## 1. KEBEBASAN BERHIMPUN

Dengan pemansuhan Seksyen 27, 27A dan 27B Akta Polis dan penguatkuasaan Akta Perhimpunan Aman 2012 pada 23 April, wujud rejim undang-undang baru yang mengawal pelaksanaan hak berhimpun secara aman. Di bawah undang-undang baru, permit polis tidak lagi diperlukan untuk mengadakan perhimpunan awam; yang dikehendaki adalah pemberitahuan kepada polis 10 hari menjelang perhimpunan. Walaupun Akta tersebut memberi kuasa kepada polis untuk mengenakan syarat-syarat tertentu terhadap penganjuran sesuatu perhimpunan, ia juga meletakkan tanggungjawab kepada polis untuk memastikan pengendalian perhimpunan aman yang lancar.

Pelbagai perhimpunan awam dianjurkan sepanjang tahun ini menguji keberkesanan Akta Perhimpunan Aman dan peralihan undang-undang baru ini telah menunjukkan rasa kurang selesa serta ada kalanya rasa janggal kepada pihak berkuasa dalam melaksanakannya. Satu contoh yang baik adalah perhimpunan awam yang diadakan hanya selepas lima hari Akta Perhimpunan Aman berkuatkuasa. Pihak polis dilaporkan tidak membuat sebarang usaha untuk menyelaras atau memudahkan perhimpunan awam dengan penganjur pada hari tersebut. Malah, tindakan polis dan pihak berkuasa lain pada hari tersebut tidak boleh dianggap sebagai memudahkan perhimpunan.

Walau bagaimanapun, pada perhimpunan awam berikutnya, ada ketikanya tindakan dan operasi polis telah mencerminkan peralihan pemikiran. Suruhanjaya berpendapat bahawa banyak lagi perkara yang perlu dilakukan oleh pihak polis dalam memudahkan perhimpunan, mengelolakan pergerakan orang awam dan memastikan pelaksanaan hak untuk berhimpun secara teratur dan aman. Pihak polis juga mesti menyedari bahawa akan ada ketikanya khidmat mereka diperlukan bukan sahaja untuk memudahkan perhimpunan awam, tetapi juga mengekalkan keamanan dan ketenteraman antara kelompok individu yang berlainan pendapat dalam perhimpunan yang sama. Ketika ini, peranan polis adalah sangat penting.

Suruhanjaya mengimbas kembali syor-syornya bahawa, semasa perhimpunan dan perarakan, kehadiran pihak polis mestilah tidak terlalu menonjol, dengan memberi fokus kepada meminimalkan gangguan kesesakan trafik dan kegiatan komersial serta memastikan

pergerakan yang lancar bagi pengguna lain di tempat awam; sementara sekiranya perlu, polis rusuhan mungkin boleh berada pada keadaan siap sedia dan kekal jauh dari pandangan orang ramai.<sup>1</sup>

Suruhanjaya menyeru pihak berkuasa menyediakan latihan tambahan untuk pihak polis bagi meningkatkan pemahaman terhadap undang-undang baru dan peranan mereka dalam memudahkan perhimpunan awam dan mencegah gangguan dengan semangat kebebasan untuk berhimpun secara aman.

Suruhanjaya juga menggesa Kerajaan mengkaji semula peruntukan Akta Perhimpunan Aman seperti yang digariskan dalam Laporan Tahunan 2011 untuk memastikan pematuhan prinsip-prinsip hak asasi manusia.

Walaupun Suruhanjaya dalam proses menyiapkan Siasatan Awam ke atas Dakwaan Pelanggaran Ke Atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam pada 28 April 2012, ia secara konsisten menggesa pihak berkuasa menghormati kebebasan asasi rakyat untuk berhimpun secara aman dan meluahkan kebimbangan dan pendapat, kerana ini adalah elemen penting demokrasi seperti yang dijamin di bawah Artikel 10(1)(b) Perlembagaan Persekutuan dan seperti yang termaktub dalam Artikel 20 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR).

## 2. KAJIAN SEMULA UNDANG-UNDANG

### (a) Pemansuhan ISA dan Penggubalan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012

Suruhanjaya menyambut baik pemansuhan ISA dan mengalu-alukan, sebagai ganti, penggubalan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 yang berkuat kuasa pada 31 Julai. Pemansuhan ISA dan pindaan Kanun Keseksaan dan Kanun Prosedur Jenayah adalah langkah positif dalam memperbaiki keadaan hak asasi manusia.

Suruhanjaya ambil maklum bahawa beberapa peruntukan dalam Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) adalah selaras dengan syor-syor yang terkandung dalam laporannya, Kajian Semula Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, yang diterbitkan pada tahun 2003. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya bimbang tentang peruntukan-peruntukan lain yang boleh melanggar hak asasi manusia kepada tahanan:

- Seksyen 4 tidak menyediakan semakan kehakiman apabila tempoh tahanan dilanjutkan sehingga 28 hari.
- Seksyen 5 membenarkan polis untuk menafikan akses segera kepada peguam untuk tempoh sehingga 48 jam.

<sup>1</sup> Laporan Suruhanjaya Mengenai Hak Berhimpun, 2002

- Seksyen 6 membenarkan pintasan komunikasi yang mungkin melanggar kebebasan dan hak privasi individu.
- Seksyen 30 mengkehendaki mahkamah, atas permohonan Pendakwa Raya, untuk memerintahkan penahanan seseorang sementara menunggu kesemua rayuan dibuat sepenuhnya.

Suruhanjaya ambil maklum bahawa pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) tidak menjejaskan apa-apa perintah tahanan yang dikeluarkan sebelum 31 Julai melainkan dibatalkan terlebih dahulu oleh Menteri. Oleh itu, Suruhanjaya menggesa pihak berkuasa untuk membebaskan mereka yang masih ditahan di bawah ISA dan memberi hak kepada perbicaraan terbuka dengan diwakili peguam. Walaupun pendirian yang tegas adalah wajar terhadap ancaman keselamatan awam dan ketenteraman negara, ini tidak seharusnya menjejaskan prinsip-prinsip hak asasi manusia.

### **(b) Cadangan Pemansuhan Akta Hasutan 1948 dan Penggubalan Akta Harmoni Nasional**

Suruhanjaya mengalu-alukan cadangan pemansuhan Akta Hasutan 1948, iaitu salah satu daripada undang-undang yang telah sekian lama Suruhanjaya menyeru agar dimansuhkan oleh Kerajaan, dan berharap pemansuhan Akta ini dapat memberi penikmatan hak asasi manusia kepada kebebasan bersuara sepertimana yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan dan yang termaktub dalam Artikel 19 UDHR.

Suruhanjaya terus mengalu-alukan cadangan Akta Harmoni Nasional dan ambil maklum akan niat untuk mengimbangi antara jaminan kebebasan bersuara dan mengendalikan kerumitan masyarakat majmuk di Malaysia. Ia mencadangkan supaya Akta tersebut digubal secara telus, melalui rundingan dengan semua pihak berkepentingan termasuk Suruhanjaya, bagi memastikan pematuhan prinsip-prinsip hak asasi manusia.

### **(c) Pembatalan Proklamasi Darurat**

Suruhanjaya memuji pembatalan tiga lagi Proklamasi Darurat yang masing-masing dikeluarkan pada tahun 1966, 1969 dan 1977. Ini juga memberikan kesan kepada pembatalan undang-undang yang berkaitan, seperti Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1969 dan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969, yang melanggar prinsip-prinsip asas hak asasi manusia dengan membenarkan penahanan tanpa perbicaraan.

Walaupun beberapa tahanan kemudiannya telah dibebaskan, yang lain perlu menunggu sehingga tamat tempoh yang dinyatakan dalam perintah tahanan mereka. Suruhanjaya menyeru agar tahanan diberikan hak mereka kepada perbicaraan terbuka dengan diwakili peguam.

### **(d) Hukuman Mati**

Suruhanjaya mengulangi semula seruannya untuk memansuhkan hukuman mati dan menekankan pendiriannya bahawa hukuman tersebut dianggap sebagai kejam, tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah. Suruhanjaya mengalu-alukan cadangan untuk mengkaji semula dan pada akhirnya memansuhkan hukuman mati mandatori bagi kesalahan mengedar dadah dan untuk membenarkan budi bicara mahkamah dalam menentukan hukuman berdasarkan tahap keseriusan kesalahan tersebut. Suruhanjaya telah secara konsisten menyeru Kerajaan untuk mengenakan moratorium ke atas hukuman mati atau menggantikan bentuk hukuman dengan penjara seumur hidup terutama bagi mereka yang telah menunggu hukuman mati selama lebih daripada lima tahun. Di samping itu, Suruhanjaya menyeru Kerajaan untuk mempertimbangkan Peraturan Minimum Standard Antarabangsa bagi Layanan terhadap Tahanan, bagi memastikan kesejahteraan banduan, termasuk mereka yang dikenakan hukuman mati.

Suruhanjaya akan terus menyokong Kerajaan dalam usahanya untuk merealisasikan pematuhan penuh dengan prinsip-prinsip dan norma hak asasi manusia antarabangsa, khususnya UDHR. Suruhanjaya menyatakan kesediaannya untuk terlibat dalam rundingan berhubung kepada reformasi perundangan yang berkaitan dengan pemansuhan hukuman mati.

## **3. HAK KEBEBASAN BERSUARA DAN MEMPEROLEH MAKLUMAT**

Hak kepada kebebasan bersuara membolehkan setiap orang menyuarakan pandangan dan pendapat masing-masing yang mana ia merupakan asas demokrasi. Hak ini, serta kebebasan memperoleh maklumat, adalah penting untuk penglibatan orang awam dalam membuat keputusan. Hak ini adalah seiring dengan hak kebebasan berhimpun dan berpersatuan.

### **(a) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 2012**

Pada tahun ini, pindaan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 telah menggugurkan budi bicara mutlak Menteri berkenaan pengeluaran permit atau lesen bagi operasi percetakan dan penerbitan bahan-bahan cetakan berkala. Satu lagi pindaan memansuhkan keperluan memperbaharui permit atau lesen tersebut secara tahunan, sebaliknya membenarkan permit atau lesen berkenaan kekal sah sehingga dibatalkan. Penubuhan Majlis Media juga turut disyorkan untuk menegakkan amalanewartawanan yang beretika.

Ini adalah langkah progresif ke arah menghormati sepenuhnya hak kebebasan memperoleh maklumat. Suruhanjaya mengalu-alukan pemulihan proses semakan kehakiman yang membolehkan keputusan Menteri dicabar di mahkamah. Ini menegaskan betapa pentingnya doktrin sekatan dan imbalan dalam sistem pentadbiran. Bagaimanapun, Suruhanjaya mengulangi semula bahawa pembaharuan tidak harus dihadkan untuk menangani perkara-perkara prosedur. Undang-undang yang menyekat kebebasan bersuara mesti dikaji dan hak untuk mengakses maklumat mesti dilindungi.

## **(b) Seksyen 114A Akta Keterangan (Pindaan) (No 2) 2012**

Pelebaran akses kepada Internet telah meluaskan peluang bagi organisasi dan individu untuk menyiarkan berita dan pendapat tanpa had oleh pihak berkuasa. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah pencegahan untuk membendung kebebasan bersuara, atas dasar ianya menimbulkan ancaman keselamatan.

Satu contoh ialah Seksyen 114A, diperkenalkan oleh Akta Keterangan (Pindaan) [No. 2] 2012 yang telah berkuat kuasa pada 31 Julai. Sesiapa yang namanya, gambar atau nama samaran muncul dalam mana-mana kandungan adalah dianggap telah menghantar atau meletakkan semula kandungan tersebut melalui Internet. Anggapan fakta ini sebenarnya telah diperkenalkan bagi membantu mengenal pasti dan membuktikan identiti individu yang menyiarkan kandungan tanpa nama.

Walaupun Suruhanjaya memahami kesukaran bagi membuktikan identiti sebegini, ia berpendapat bahawa seksyen ini boleh melanggar hak asasi manusia, khususnya kebebasan bersuara seperti yang termaktub dalam Artikel 19 UDHR dan Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR). Seksyen ini juga mungkin mempunyai kesan peralihan beban bukti kepada orang yang didakwa.

Walaupun Suruhanjaya mengakui bahawa keselamatan adalah penting dalam memastikan keamanan dan kestabilan negara, ia berpandangan bahawa Seksyen 114A Akta Keterangan mesti dikaji semula atau dimansuhkan, sekali gus melindungi dan menghormati kebebasan asasi dan hak untuk kebebasan bersuara serta anggapan tidak bersalah sehingga terbukti bersalah.

## **4. PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG**

### **(a) Penggunaan Kuasa Polis**

Suruhanjaya terus menerima banyak aduan terhadap polis, termasuk dakwaan tiada tindakan dalam menjalankan siasatan, penggunaan kekerasan yang melampau dan penyalahgunaan prosedur reman. Suruhanjaya sebelum ini telah mengesyorkan bahawa setiap bilik soal siasat dilengkapi dengan kamera litar tertutup; bahawa setiap tahanan diperiksa oleh seorang doktor perubatan sebelum dan selepas sesi soal siasat; dan bahawa setiap laporan terhadap pegawai-pegawai polis akan disiasat oleh Bukit Aman atau Ibu Pejabat Polis Negeri bagi mengelakkan andaian berlakunya berat sebelah.

Suruhanjaya selanjutnya mengesyorkan supaya pasukan polis menggunakan sains forensik untuk menyokong siasatan bagi mengelakkan sentuhan fizikal dengan orang yang ditangkap terutama semasa soal siasat. Tambahan pula, tiada elemen tekanan fizikal atau mental perlu dikenakan ke atas suspek, saksi atau mangsa dalam usaha untuk mendapatkan maklumat. Siasatan awal perlu dijalankan sebelum membuat penangkapan. Latihan berterusan perlu diadakan berkenaan prosedur penangkapan, hak-hak mereka yang ditangkap dan teknik melaksanakan penangkapan yang selamat dan berperikemanusiaan.

## **(b) Kematian dalam tahanan**

Pasukan polis telah memberi maklum balas kepada permintaan Suruhanjaya supaya dimaklumkan mengenai sebarang kematian dalam tahanan dalam tempoh 24 jam, dengan melaporkan lapan kes sehingga 31 Disember. Suruhanjaya kini sedang merangka Prosedur Operasi Standard untuk mengendalikan kes-kes seumpama itu setelah dimaklumkan.

Suruhanjaya serius dalam mengenal pasti cara-cara untuk mengelakkan kematian dalam tahanan dan menegaskan bahawa keselamatan orang yang ditahan tidak boleh dikompromi oleh pihak berkuasa. Dalam hal ini, Suruhanjaya mengesyorkan bahawa pemeriksaan kesihatan dijalankan oleh pihak polis apabila seseorang itu ditangkap dan ditahan, dan bahawa ahli keluarga dihubungi untuk mendapatkan maklumat mengenai rawatan yang sedang diterima atau keperluan ubat-ubatan. Tahanan yang sakit pula mestilah dirujuk kepada pengamal perubatan.

## **5. HAK GOLONGAN RENTAN**

### **(a) Kanak-kanak**

Pada bulan Ogos, Suruhanjaya berkongsi kemarahan orang ramai apabila dua individu masing-masing dibebaskan dengan bon berkelakuan baik selepas disabitkan kesalahan rogol statutori – ‘persetujuan’ mangsa kanak-kanak dijadikan faktor mitigasi dalam setiap kes berkenaan. Undang-undang Jenayah mengiktiraf bahawa kanak-kanak mungkin kurang matang untuk memberi keizinan sebenar atau mungkin terlalu dipengaruhi untuk memberikan keizinan sebenar. Terdapat juga larangan hubungan seksual dengan kanak-kanak perempuan di bawah umur 16 tahun, tanpa mengambil kira ‘persetujuan’ daripadanya.

Oleh itu, cadangan untuk meminda Seksyen 376 Kanun Keseksaan yang mengenakan hukuman penjara mandatori bagi mereka yang disabitkan kesalahan rogol statutori adalah dipuji. Dato’ Seri Mohamad Nazri Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, mengumumkan pindaan itu, yang akan dibentang dan diluluskan pada sesi Parlimen yang seterusnya mencadangkan agar budi bicara hakim untuk mengurang atau mengenakan hukuman yang lebih ringan dalam kes-kes kes rogol statutori ditarik balik.

Suruhanjaya juga bimbang tentang insiden perkahwinan melibatkan kanak-kanak. Walau apa pun kesahihan perkahwinan itu, Suruhanjaya menarik perhatian pihak berkuasa kepada Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) yang menyatakan, antara lain, bahawa kanak-kanak oleh sebab ketidakmatangan fizikal dan mental, memerlukan perlindungan dan penjagaan khas, termasuk perlindungan undang-undang yang sesuai.

Isunya sekarang dalam insiden rogol statutori dan perkahwinan kanak-kanak, sama ada CRC ditandatangani ataupun tidak, Malaysia telah melaksanakan obligasinya setakat mana hak, perlindungan dan kepentingan terbaik serta masa depan kanak-kanak yang berkenaan.

Suruhanjaya meneruskan perlindungan hak kanak-kanak dalam pelbagai bidang lain. Dalam menyediakan Laporan CRC 2012 kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), ia telah mengumpulkan maklumat, dan meminta pandangan kanak-kanak sekolah terhadap isu-isu tertentu mengenai hak asasi manusia, seperti setakat mana penikmatan kebebasan bersuara, hak untuk mendapatkan pendidikan, hubungan antara kaum, hukuman rotan dan masalah buli, kanak-kanak kurang upaya, dan hak anak-anak OA, kanak-kanak pelarian dan tiada status kewarganegaraan.

Suruhanjaya mendapati bahawa, secara keseluruhan, terdapat kekurangan dalam penglibatan jentera Kerajaan dalam melaksanakan peruntukan-peruntukan, dan merealisasikan matlamat CRC. Terdapat juga kekurangan penglibatan oleh Kementerian berkaitan dalam membuat keputusan yang memberi kesan kepada kanak-kanak, yang mana melanggar semangat CRC.

Oleh itu, Suruhanjaya mengulangi semula bahawa Kerajaan harus mematuhi pendekatan inklusif dalam menegakkan, mempromosi dan melindungi hak kanak-kanak, berpandukan prinsip-prinsip dalam CRC. Kerajaan juga mesti melibatkan diri dengan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk kanak-kanak itu sendiri, dalam sebarang proses membuat keputusan yang berkaitan dengan nikmat untuk mendapatkan hak kewujudan, perlindungan, pembangunan, dan penyertaan sepenuhnya oleh kanak-kanak.

Selepas Perbincangan Meja Bulat yang diadakan pada tahun 2011 mengenai Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah (CAT), Suruhanjaya menyeru Kerajaan untuk menghapuskan hukuman rotan di sekolah dan mengambil langkah segera untuk mencari pendekatan alternatif dalam mendisiplinkan anak-anak tanpa memudaratkan fizikal dan mental mereka. Suruhanjaya juga menggesa Kerajaan untuk segera menghapuskan reservasi kepada Artikel 28(1)(A) CRC dan Artikel 15 Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD), di mana kedua-duanya melarang penyeksaan. Reservasi kepada Artikel tersebut boleh mencerminkan pengabaian berterusan Malaysia untuk menghalang penyeksaan.

## **(b) Wanita**

Suruhanjaya juga sedang menyediakan Laporan Bebas 2012 kepada PBB mengenai Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), dengan tumpuan khusus mengenai tindakan Kerajaan berhubung komen dan syor-syor yang disediakan oleh Jawatankuasa CEDAW dalam Komen Kesimpulan pada tahun 2006. Antara isu yang dibangkitkan adalah ketiadaan Akta Kesaksamaan Gender; dwi standard terhadap hak kewarganegaraan dalam Perlembagaan Persekutuan; penderaan seksual dan keganasan rumahtangga, serta rogol dalam perkahwinan; hak kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan; kemasukan peruntukan terhadap gangguan seksual dalam Akta Kerja; cuti bersalin; penyertaan wanita di tempat kerja; pemerdagangan wanita; hak ibu tunggal; konflik antara Undang-undang Syariah dan Sivil berhubung dengan perkahwinan; pekerja domestik migran; wanita pelarian atau pemohon suaka; dan Protokol Pilihan kepada CEDAW.

Suruhanjaya akan terus bekerjasama dengan Jawatankuasa CEDAW dan memantau pelaksanaan Komen Kesimpulan Jawatankuasa CEDAW untuk memastikan kesaksamaan substantif dan pencegahan diskriminasi wanita. Suruhanjaya mengulangi semula seruannya kepada Kerajaan untuk menarik balik reservasi selebihnya kepada Artikel 9(2), 16(1)(a), 16(1)(c), 16(1)(f), 16(1)(g) CEDAW dan meratifikasi Protokol Pilihan. Di samping itu, Suruhanjaya akan mempromosi dan memantau kesaksamaan gender untuk memastikan bahawa ianya selaras dengan rangka kerja berasaskan hak yang dinyatakan dalam CEDAW.

### **(c) Orang Asal/Asli (OA)**

Suruhanjaya telah selesai menjalankan pendengaran awam Inkuri Nasional Mengenai Hak Ke Atas Tanah Orang Asal/Asli (NI) yang kini dalam proses menyiapkan laporan, yang dijangka akan diterbitkan dalam bulan Januari 2013. Penemuan awal mendapati bahawa kekangan perundangan, polisi dan pentadbiran menghalang hak OA kepada tanah; dan kesan pengiktirafan hak tanah ke atas sosio-budaya, psikologi, ekonomi, politik, kesihatan dan alam sekitar.

Suruhanjaya juga mengetuai projek Forum Institusi Hak Asasi Manusia Nasional Asia Tenggara (SEANF) mengenai hak OA. Di bawah projek ini, ahli-ahli SEANF akan membangun dan menyiapkan kertas kerja mengenai 'Amalan Baik dalam Mempromosi dan Melindungi Hak OA' menjelang 2013.

Suruhanjaya berharap bahawa kedua-dua Kerajaan Negeri dan Persekutuan akan mempertimbangkan secara serius dan segera terhadap isu-isu yang telah dikenal pasti dan syor-syor dalam kedua-dua laporan, dan melaksanakannya bagi memastikan pengiktirafan hak tanah OA serta hak mereka kepada pendidikan, ekonomi dan sistem perundangan.

### **(d) Orang Kurang Upaya**

Aduan dan isu-isu terus dibangkitkan kepada Suruhanjaya berhubung dengan, antara lain, pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU), sistem pendidikan, akses kepada kemudahan awam, kemudahan dan perkhidmatan bangunan, kemudahan pengangkutan awam, peluang pekerjaan, dan perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Sekali lagi, Suruhanjaya menggesa Kerajaan untuk memenuhi obligasinya di bawah CRPD dengan memastikan bahawa OKU menikmati hak sedia ada

*Artikel 9 CRPD menyatakan bahawa, dalam usaha untuk membolehkan OKU hidup berdikari dan mengambil bahagian dalam semua aspek kehidupan, negara-negara ahli hendaklah mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memastikan ... akses, atas asas kesaksamaan dengan orang lain, kepada persekitaran fizikal, pengangkutan, maklumat dan komunikasi, termasuk teknologi maklumat dan komunikasi dan sistem, dan kemudahan dan perkhidmatan lain yang dibuka atau disediakan kepada orang ramai, sama ada di bandar dan luar bandar.*

mereka untuk hidup, tiada-diskriminasi, hak-hak yang sama rata, akses kepada keadilan, dan penyertaan dalam kegiatan politik. OKU berhak untuk mengamalkan hak sivil, politik, sosial, ekonomi dan kebudayaan secara saksama sebagaimana orang lain.

### **(e) Orientasi Seksual dan Identiti Gender**

Pada tahun ini, Suruhanjaya adalah antara kelompok masyarakat yang tersentak dengan penerbitan panduan ibubapa yang menggambarkan 'simptom-simptom' homoseksual. Panduan ini dilapor diterbitkan oleh Yayasan Guru Malaysia Bhd dan Majlis Pemuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Putrajaya yang dilancarkan di satu seminar pada 12 September. Walaupun Timbalan Menteri Pelajaran merasmikan seminar itu, Kementerian Pelajaran kemudiannya menafikan telah meluluskan garis panduan mengenai 'bagaimana untuk mengenalpasti ciri-ciri anak-anak gay dan lesbian' di sekolah.

Suruhanjaya berpendapat bahawa, tanpa mengira orientasi seksual atau identiti gender, semua orang berhak kepada hak-hak dan kebebasan asasi. Suruhanjaya berpendapat bahawa kes-kes yang melibatkan kanak-kanak sekolah harus dikendalikan dengan berhati-hati dan bimbingan yang betul harus diberikan untuk memastikan rasa hormat kepada semua manusia, dan untuk mengelakkan diskriminasi berdasarkan orientasi seksual.

Pada bulan Oktober, empat orang transeksual Muslim berusaha untuk mencabar Seksyen 66 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992 - atas alasan tiada-diskriminasi dan kebebasan bersuara - yang melarang mana-mana lelaki daripada berpakaian atau berkelakuan sebagai seorang wanita. Menurut laporan media, Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa Enakmen tersebut mengecualikan kebebasan asasi di bawah Perlembagaan Persekutuan. Beberapa NGO mengutuk keputusan hakim, mendakwa bahawa keputusan mahkamah yang tidak memuaskan itu akan mewujudkan satu preceden yang tidak selamat, dalam menetapkan bahawa Undang-undang Islam yang digubal oleh Negeri mengatasi kebebasan asasi yang dijamin oleh Perlembagaan.

Walaupun Suruhanjaya mengakui sistem dwi-undang-undang negara, yang terdiri daripada undang-undang sekular yang terpakai kepada semua warganegara dan Undang-undang Syariah yang terpakai kepada Orang Islam, ia khuatir bahawa penghakiman itu mungkin mempunyai satu kesan negatif kepada golongan minoriti seksual dan mendedahkan mereka kepada gangguan, diskriminasi dan ugutan yang berterusan. Suruhanjaya berharap pihak berkuasa akan bertindak adil dalam memastikan golongan ini diberikan maruah dan rasa hormat yang berhak dimiliki oleh semua manusia.

### **(d) Pekerja Migran, Pencari Suaka dan Pelarian**

#### **(i) Pekerja Migran**

Secara umum, pekerja migran dilindungi oleh Akta Pekerja 1955. Walau bagaimanapun, Akta ini tidak meliputi pembantu rumah asing. Pada masa yang sama, tidak ada kesatuan sekerja khusus untuk pembantu rumah warga asing. Persatuan sedia ada umumnya didominasi kaum lelaki, yang telah mewujudkan satu persekitaran

yang mana pembantu rumah tersebut tidak mempunyai jalan lain jika hak mereka dicabuli oleh majikan. Suruhanjaya mengesyorkan supaya pembantu rumah warga asing disediakan dengan remedi yang sesuai terhadap penganiayaan oleh majikan dan supaya mereka dibenarkan untuk terus tinggal dan bekerja di negara ini sementara menunggu perbicaraan. Turut dikesali gaji minimum tidak terpakai kepada pembantu rumah.

Suruhanjaya mengesyorkan bahawa Malaysia mengesahkan peruntukan untuk melindungi hak pembantu rumah warga asing, dan meratifikasi Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa No 189 mengenai pekerjaan yang sewajarnya untuk pembantu rumah.

(ii) Pencari Suaka dan Orang Pelarian

Malaysia bukan ahli kepada Konvensyen PBB berkenaan Status Orang Pelarian 1951 dan Protokol Pilihan 1967. Undang-undang negara juga tidak membezakan antara pelarian, pemohon suaka dan pendatang tanpa izin. Oleh itu, hak-hak mereka adalah terhad dari segi akses kepada pendidikan formal, pekerjaan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Setelah ditangkap, mereka ditahan kerana tidak memiliki dokumen yang sah. Hanya dengan campur tangan Pesuruhjaya Tinggi PBB bagi Orang Pelarian, mereka dibebaskan dari depot tahanan imigresen. Suruhanjaya mengulangi bahawa Malaysia, sebagai ahli PBB dan Majlis Hak Asasi Manusia, bertanggungjawab untuk melindungi dan membantu pencari suaka dan pelarian, walaupun ia tidak menyertai konvensyen antarabangsa yang berkaitan.

## 6. PERANAN SURUHANJAYA DI MAHKAMAH

Suruhanjaya bertindak sebagai peguam pemerhati dalam kes-kes yang melibatkan hak untuk mengundi (*Teo Soon Heng & 5 Others lwn the Election Commission of Malaysia*), hak wanita (*Gan Soh Eng & 7 Ors lwn Guppy Plastic Industries Sdn Bhd*) dan kebebasan beragama (*Zaina Abidin bin Hamid @ S Maniam & 3 Ors lwn Government of Malaysia & 3 Ors*). Penglibatan ini telah memberi peluang kepada Suruhanjaya untuk memberi input bebas berdasarkan prinsip-prinsip hak asasi manusia yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, UDHR atau CEDAW.

Dalam ketiga-tiga kes, Suruhanjaya telah diwakili oleh Pesuruhjaya dan seorang peguam dari Majlis Peguam atas dasar *pro bono*. Suruhanjaya menghargai sokongan Peguam dan Badan Kehakiman, kerana bersetuju dengan permohonan sebagai peguam pemerhati.

Di samping itu, Suruhanjaya akan meneruskan penglibatannya dalam kes-kes jenayah di peringkat mitigasi dan proses menjatuhkan hukuman, untuk memastikan bahawa prinsip hak asasi manusia diberi perhatian yang sewajarnya oleh mahkamah dalam menentukan hukuman yang sesuai.

## 7. PEMERDANGAN ORANG

Bagi tahun ketiga berturut-turut, Malaysia diletakkan pada Kedudukan Kedua Senarai Pemerhatian dalam laporan Pemerdagangan Orang 2012 (TIP) yang dikeluarkan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat, berdasarkan pematuhan negara dengan Akta Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Orang Amerika Syarikat 2000 (TVPA). Oleh sebab Malaysia adalah sebuah destinasi popular bagi pekerja migran untuk mendapatkan peluang ekonomi atau sebagai negara transit, kelompok rentan ini terdedah kepada paksaan untuk pemerdagangan seks dan buruh.

Adalah diakui bahawa TIP dan penyeludupan migran adalah isu-isu yang kompleks yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dan aktor di seluruh rantaian pemerdagangan, dengan pelbagai peringkat pertukaran dan *modus operandi*. Namun, Suruhanjaya berpendapat bahawa tindakan segera diperlukan dalam berurusan dengan kes-kes ini. Suruhanjaya sebelum ini telah mengesyorkan bahawa Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk mengenal pasti dan menangkap pesalah atau penjenayah yang disyaki dan mengambil tindakan tegas terhadap penjawat awam yang didapati bersubahat dengan mereka.

Pendakwaan ke atas pesalah-pesalah, perlindungan mangsa dan pencegahan insiden baru pemerdagangan mesti diuruskan dengan kerjasama antara Kerajaan, khususnya Majlis Anti-Pemerdagangan Orang dan Anti-Penyeludupan Migran (MAPO) dan kumpulan-kumpulan masyarakat sivil dan misi diplomatik, serta badan-badan berkepentingan di peringkat serantau dan antarabangsa. Adalah menjadi harapan Suruhanjaya bahawa mangsa TIP dan penyeludupan pekerja migran akan dilindungi di semua peringkat, selaras dengan piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh Protokol PBB iaitu Protokol untuk Mencegah, Menyekat dan Menghukum Pemerdagangan Orang, Terutamanya Wanita dan Kanak-kanak.

*Adalah menjadi harapan Suruhanjaya bahawa mangsa TIP dan penyeludupan pekerja migran akan dilindungi di semua peringkat, selaras dengan piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh Protokol PBB untuk Mencegah, Menyekat dan Menghukum Pemerdagangan Orang, terutamanya Wanita dan Kanak-kanak.*

## 8. HAK ASASI MANUSIA DAN PERNIAGAAN

Pada 3 Februari, Suruhanjaya menerima memorandum mengenai kesan terhadap Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan Kesatuan Eropah dan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA). Memorandum ini dikemukakan oleh Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia dan *Positive Malaysia Treatment Access and Advocacy Group* (MTAAG+). Susulan daripada memorandum ini, Suruhanjaya telah menganjurkan Perbincangan Meja Bulat dengan NGO yang berkaitan untuk mendengar perkara yang menjadi kebimbangan mereka. Ini termasuklah kurangnya rundingan dengan pihak berkepentingan, kemungkinan impak peningkatan perlindungan harta intelek terhadap akses kepada ubat-ubatan yang mampu dibeli, isu-isu dalam pelaburan, kesan kepada dagangan liberal ke atas beras dan produk-produk pertanian, dan hak-hak pekerja.

Suruhanjaya kemudian bertemu dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk menyatakan kebimbangan dan isu-isu berbangkit. Suruhanjaya terus menyuarakan kebimbangannya mengenai kesan kemungkinan FTA dan TPPA terhadap hak asasi manusia dan obligasi Malaysia di bawah pelbagai triti hak asasi manusia. Ia memohon MITI untuk menjalankan kajian impak penilaian hak asasi manusia.

Suruhanjaya juga meminta agar rundingan mengenai FTA dan TPPA lebih bersifat telus supaya pengguna dimaklumkan secara tepat mengenai isu-isu dan akibat Perjanjian ini terhadap hak mereka. Ia turut mencadangkan bahawa teks dan semua dokumen yang berkaitan dengan rundingan FTA dan TPPA, serta laporan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) yang berkaitan, didedahkan untuk penelitian umum di Malaysia

## 9. PENILAIAN PENGGALAN SEJAGAT (UPR)

Sementara menanti penilaian semula prestasi Malaysia di bawah Penilaian Penggalan Sejagat (UPR) yang dijadual diadakan di sesi ke-17 UPR dari Oktober hingga November 2013, Suruhanjaya telah mengadakan satu siri konsultasi dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi kerajaan dan organisasi masyarakat sivil di Semenanjung, Sabah dan Sarawak bagi menilai pelaksanaan komitmen di bawah kitaran UPR yang pertama serta untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi dan perkara-perkara yang boleh ditambahbaik untuk kitaran kedua.

Suruhanjaya bimbang kebanyakan peserta pada sesi konsultasi yang diadakan di luar Kuala Lumpur mempunyai tahap kesedaran dan kefahaman yang terhad mengenai UPR. Suruhanjaya turut berasa kecewa dengan Kementerian Luar Negeri dan Jabatan Peguam Negara, yang mana kedua-duanya mempunyai peranan utama dalam proses UPR, tidak memberi jawapan kepada jemputannya atau menghantar wakil mereka untuk menghadiri konsultasi. Suruhanjaya dengan tegas berpandangan bahawa Kerajaan perlu memainkan peranan yang lebih aktif dalam memastikan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan dalam mekanisme UPR dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan perlu secara langsung dan aktif dalam melaksanakan syor-syor UPR yang telah diterima oleh Malaysia.

Suruhanjaya akan memantau pelaksanaan syor-syor UPR oleh agensi-agensi kerajaan dan juga akan mempergiatkan usaha untuk menggalakkan kesedaran dan kefahaman tentang pentingnya mekanisme ini dalam meningkatkan standard hak asasi manusia nasional.

*Suruhanjaya dengan tegas berpandangan bahawa Kerajaan perlu memainkan peranan yang lebih aktif dalam memastikan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan dalam mekanisme UPR dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan perlu secara langsung dan aktif dalam melaksanakan syor-syor UPR yang telah diterima oleh Malaysia.*

## **10. DEKLARASI HAK ASASI MANUSIA ASEAN**

Suruhanjaya mengalu-alukan penerimaan Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN (AHRD) pada Sidang Kemuncak Serantau di Kemboja pada 18 November sebagai satu perkembangan positif dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia. Walaupun Suruhanjaya berpuas hati kerana AHRD merangkumi ruang lingkup hak asasi manusia yang mana kesemuanya selaras dengan piawaian hak asasi manusia antarabangsa, namun ia bimbang bahawa Negara Anggota dibenarkan untuk mengambilkira latar belakang politik, ekonomi, undang-undang, sosio-budaya dan sejarah mereka dalam merealisasikan hak asasi manusia di negara masing-masing. Oleh kerana peruntukan ini, yang mungkin melemahkan semangat keseluruhan Deklarasi dan menafikan perlindungan hak asasi manusia sepenuhnya di seluruh rantau ini, perakuan AHRD bahawasanya semua hak asasi manusia adalah sejagat, tidak terbahagikan, saling berkaitan dan saling bergantung adalah tidak begitu meyakinkan.

Selaras dengan visi ASEAN untuk Komuniti ASEAN menjelang 2015, Suruhanjaya berharap bahawa Suruhanjaya antara Kerajaan ASEAN mengenai Hak Asasi Manusia dapat memainkan peranan lebih aktif dan mendalam sebagai mekanisme hak asasi manusia serantau terutamanya dengan mewujudkan hubungan yang lebih bermakna dengan pihak berkepentingan khususnya Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (NHRI) dan organisasi-organisasi masyarakat sivil untuk membincangkan isu-isu yang menjadi kebimbangan bersama.

## **11. CADANGAN PINDAAN AKTA SURUHANJAYA**

Bagi memastikan bahawa penjara dan tempat-tempat tahanan mematuhi prinsip-prinsip hak asasi manusia, adalah penting bagi Suruhanjaya mempunyai kuasa untuk mengadakan lawatan mengejut ke tempat-tempat ini. Oleh itu, Suruhanjaya telah mengemukakan syor kepada Kerajaan supaya Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 dipinda bagi membenarkan Suruhanjaya menjalankan lawatan ke penjara dan tempat-tempat tahanan tanpa notis terlebih dahulu, sepertimana keperluan sedia ada untuk berbuat demikian.

## **12. RATIFIKASI INSTRUMEN TERAS HAK ASASI MANUSIA ANTARABANGSA**

Kerajaan masih lagi tidak membuat sebarang langkah konkrit untuk menyertai enam lagi instrumen hak asasi manusia antarabangsa. Malaysia hanya telah menyertai tiga instrumen iaitu - CEDAW, CRC dan CRPD. Suruhanjaya akan terus menggesa Kerajaan untuk meratifikasi ICCPR, Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan, CAT, Konvensyen Antarabangsa Tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman, Kovenan Antarabangsa mengenai Perlindungan Hak Asasi Semua Pekerja Migran dan Ahli Keluarga Mereka, dan Konvensyen Antarabangsa mengenai Perlindungan Semua Orang daripada Hilang secara Paksa. Semua ini adalah instrumen penting untuk menunjukkan komitmen negara ke arah membasmi kemiskinan, melindungi hak-hak sosio-ekonomi, meningkatkan maruah manusia dan menggalakkan hak-hak sivil dan politik rakyat.

Selepas Perbincangan Meja Bulat mengenai CAT yang telah diadakan pada tahun 2011, Suruhanjaya telah menghantar laporan yang mengandungi syor-syor yang tegas kepada Kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan dengan harapan dapat mempergiatkan lagi sokongan untuk menyertai triti tersebut. Suruhanjaya berpendapat bahawa Malaysia seharusnya sudah bersedia mengambil langkah-langkah aktif untuk menyertai CAT, berikutan jaminan yang dibuat semasa sesi UPR pada tahun 2009. Undang-undang, dasar dan amalan yang tidak mematuhi triti itu tidak harus dilihat sebagai halangan dari segi penyertaan, sebaliknya, CAT harus digunakan sebagai asas untuk penambahbaikan secara beransur-ansur. Pendekatan yang sama perlu digunakan bagi triti hak asasi manusia yang lain.

### **13. PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA NASIONAL (NHRAP)**

Suruhanjaya menghargai usaha Kerajaan, melalui agensi fokus, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri, dalam melibatkan Suruhanjaya dan organisasi-organisasi masyarakat sivil di peringkat persediaan untuk mendapatkan maklum balas mengenai pembangunan NHRAP. Di samping itu, Suruhanjaya memuji penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan NHRAP, di mana Suruhanjaya dikenal pasti telah sebagai ahli, dan berharap dapat menyumbang idea dan nasihat bagi membangunkan NHRAP yang berwawasan lagi praktikal.

Walau bagaimanapun, Suruhanjaya berasa bimbang tentang perkembangan yang kurang memberangsangkan dan berharap agar Kerajaan dapat memastikan penyiapan NHRAP menjadi keutamaan. Suruhanjaya berharap bahawa Kerajaan juga akan mempertimbangkan untuk menggabungkan syor-syor daripada UPR dan sesi-sesi badan triti mengenai Malaysia dalam NHRAP.

### **14. JAWATANKUASA PEMILIH PARLIMEN MENGENAI HAK ASASI MANUSIA**

Suruhanjaya, sepertimana yang dikehendaki oleh Seksyen 21(1) Akta penubuhannya, Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, telah mengemukakan Laporan Tahunannya kepada Parlimen pada setiap persidangan pertama sejak penubuhannya, namun tidak ada satu daripada laporan tersebut yang dibahaskan. Walau bagaimanapun, pengumuman baru-baru ini mengenai penubuhan Jawatankuasa Pemilih Tetap Parlimen Mengenai Hak Asasi Manusia (PSC) amat dialu-alukan oleh Suruhanjaya dan dilihat sebagai langkah positif ke arah memperbaiki keadaan hak asasi manusia. PSC akan menyediakan suatu forum penting bagi Ahli Parlimen untuk membincangkan hasil dapatan Laporan Tahunan Suruhanjaya bagi menangani isu-isu yang dibangkitkan dan mempertimbangkan syor-syor yang dikemukakan.

Walaupun bagaimanapun, Suruhanjaya akan terus menggesa Kerajaan untuk membentang dan membahaskan Laporan Tahunannya di Parlimen, selaras dengan amalan yang dilakukan di kebanyakan negara yang mempunyai NHRI.

## **15. MAKLUM BALAS KERAJAAN TERHADAP LAPORAN TAHUNAN SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA 2011**

Ketika laporan ini ditulis, Suruhanjaya masih belum menerima maklum balas Kerajaan terhadap Laporan Tahunan 2011. Sehubungan dengan itu, Suruhanjaya tidak boleh membuat penilaian sama ada kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan telah memberi pertimbangan terhadap penemuan dan syor-syor Suruhanjaya yang terkandung dalam laporan tersebut atau telah mengambil sebarang langkah untuk memperbaiki keadaan hak asasi manusia.

# BAB

## LAPORAN KUMPULAN PENDIDIKAN DAN PERHUBUNGAN AWAM

- Bahagian Pendidikan dan Promosi
- Bahagian Perhubungan Awam

## I. BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN PROMOSI

*Pendidikan merupakan hak asasi manusia yang mempunyai kuasa yang sangat besar untuk melakukan perubahan. Ia adalah tapak kepada asas kebebasan, demokrasi dan pembangunan manusia yang lestari.*

**Kofi Annan**

Hasrat Suruhanjaya untuk mengukuhkan tugas advokasi telah membawa kepada penggabungan tiga bahagian - Pendidikan dan Promosi, Perhubungan Awam dan Penerbitan - di bawah Kumpulan Pendidikan dan Perhubungan Awam (EPRG). Setiap bahagian melalui aktiviti masing-masing, adalah bertanggungjawab untuk mempromosikan hak asasi manusia dan mendidik pihak-pihak berkepentingan.

### 1. PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA

#### (a) Institut Pengajian Tinggi (IPT)

Suruhanjaya telah menganjurkan empat bengkel dan ceramah mengenai hak asasi manusia kepada mahasiswa dan kakitangan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), sebagai sebahagian daripada aktiviti yang telah dikenal pasti terkandung dalam Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani pada 2011 untuk tempoh masa tiga tahun. Suruhanjaya turut dijemput untuk menyampaikan ceramah mengenai hak asasi manusia di beberapa IPT lain.

Satu perkembangan yang memberangsangkan telah dicatatkan apabila Suruhanjaya telah dijemput untuk memantau pilihanraya kampus di Universiti Islam Antarabangsa pada 2 Oktober. Suruhanjaya mengalu-alukan kerjasama ini dan berharap universiti-universiti lain akan mengambil langkah yang sama.

## **(b) Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah (ATHAM)**

Suruhanjaya dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah meneruskan program ATHAM, yang dimulakan pada Jun 2009 untuk memupuk kesedaran dan amalan hak asasi manusia di 17 buah sekolah yang terlibat setakat ini. Suruhanjaya telah melawat sekolah-sekolah ini sebanyak dua kali untuk memantau perkembangan, serta memberi bimbingan dan nasihat mengenai pelaksanaan sekiranya perlu. Dua bengkel telah dianjurkan pada 23 hingga 25 April dan 9 hingga 11 Julai untuk membantu pelaksanaan program ini.

Suruhanjaya berpendapat bahawa sekolah-sekolah seperti SMK Taman Tun Dr Ismail di Kuala Lumpur; SMK Ulu Kinta, SK Kg Kenang dan SK Kg Ulu Geruntum di Perak; SMK Sultan Ahmad Shah, SK Penderas dan SJKC Sin Ming di Pahang; SMK Datuk Mansur di Negeri Sembilan; SJKT Thiruvalluvar di Alor Setar; dan SJKT Sepang dan SJKC Sin Ming di Selangor telah menunjukkan komitmen yang tinggi.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu masih memerlukan perhatian iaitu:

- (i) Bagi menjadikan hak asasi manusia sebagai sebahagian daripada budaya sekolah, kerjasama pihak sekolah terutamanya daripada guru, yang tidak terlibat secara langsung dalam program ini adalah diperlukan.
- (ii) Guru perlu mempunyai kemampuan untuk menyebarkan pengetahuan mengenai hak asasi manusia dan hak kanak-kanak melalui pengajaran dan pembelajaran, serta aktiviti-aktiviti lain di sekolah.
- (iii) Pertukaran pegawai pengurusan tertinggi di sekolah, Pejabat Daerah atau Ketua Bahagian di KPM dan keciciran maklumat atau perubahan dasar boleh menjejaskan kesinambungan atau keberkesanan program.
- (iv) Ketiadaan bahan-bahan mengenai hak asasi manusia dan konvensyen antarabangsa dalam bahasa Tamil dan Cina, serta kesukaran pihak sekolah untuk mendapatkan bahan ATHAM.
- (v) Di sesetengah sekolah, program ATHAM dianggap sebagai menambah beban kerja guru kerana kurang pemahaman atau maklumat.
- (vi) Sesetengah pentadbir mempunyai anggapan bahawa pendidikan hak asasi manusia dan pengetahuan tentang hak kanak-kanak bertentangan dengan peraturan dan undang-undang sekolah, dan bimbang pelaksanaan ATHAM boleh mengganggu pengurusan, serta menimbulkan isu-isu yang berkaitan dengan disiplin apabila murid-murid mula menuntut hak masing-masing.

### (c) Hak kepada Pendidikan

- **Orang Asli**

Suruhanjaya telah melawat beberapa buah sekolah dan penempatan Orang Asli di Pahang, Perak, Selangor dan Johor. Meskipun terdapat beberapa perubahan positif dan perhatian terhadap kualiti pendidikan telah diberikan sejak kunjungan sebelumnya, beberapa isu yang dibangkitkan oleh Suruhanjaya pada tahun 2010 dan 2011 masih belum diselesaikan.

#### **Pemerhatian Suruhanjaya**

- (i) Pengangkutan dan akses jalan raya  
Agensi-agensi berkaitan telah cuba untuk memastikan langkah-langkah yang selamat dan selesa untuk menghantar kanak-kanak ke sekolah. Walau bagaimanapun, banyak akses jalan raya masih tidak dibaiki atau diselenggara. Pencerobohan oleh pembalok telah merosakkan keadaan jalan-jalan ini.
- (ii) Bekalan air bersih  
Beberapa buah sekolah dan asrama masih menggunakan air bukit sebagai sumber bekalan mereka, walaupun isu ini telah dibangkitkan dalam Laporan Tahunan Suruhanjaya 2011 dan banyak surat telah dihantar ke KPM memaklumkan mengenai perkara ini.
- (iii) Kanak-kanak tidak bersekolah  
Penempatan seperti Pos GOP, Pos Hau dan Pos Belatim di Gua Musang, Kelantan, hanya boleh diakses melalui laluan pembalakan. Perjalanan ini mengambil masa 5 hingga 6 jam menggunakan kenderaan pacuan empat roda. Setiap penempatan ini mempunyai kira-kira 300 hingga 400 orang, dan 35 hingga 40 daripadanya merupakan kanak-kanak berusia antara 6 dan 12 tahun.

Jarak sekolah terdekat adalah kira-kira 5 hingga 6 jam melalui jalan raya. Oleh itu, kanak-kanak seawal usia enam tahun terpaksa tinggal di asrama jika mereka ingin menghadiri sekolah. Penafian hak kanak-kanak tersebut untuk tinggal dengan ibu bapa mereka adalah bertentangan dengan Artikel 9 Konvensyen Hak Kanak-kanak (CRC), yang menyatakan: 'Kanak-kanak mempunyai hak untuk tinggal dengan ibu bapa mereka melainkan ia dianggap tidak sesuai untuk kemaslahatan kanak-kanak tersebut'.

Kebanyakan kanak-kanak tidak pergi ke sekolah walaupun ada antaranya yang telah didaftarkan. Di satu penempatan, Suruhanjaya mendapati kira-kira 35 orang kanak-kanak tidak lagi belajar di sekolah rendah kerana ibu bapa mereka tidak sanggup berpisah dengan anak-anak mereka. Kanak-kanak ini sendiri tidak berminat untuk bersekolah.

*Meskipun terdapat beberapa perubahan positif dan perhatian terhadap kualiti pendidikan telah diberikan sejak kunjungan sebelumnya, beberapa isu yang dibangkitkan oleh Suruhanjaya pada tahun 2010 dan 2011 masih belum diselesaikan.*

Kebanyakan ibu bapa lebih memilih supaya pihak Kerajaan menyediakan sekolah Tahap 1 (Tahun 1-3) didirikan di dalam atau berhampiran penempatan mereka, supaya mereka boleh menjaga anak-anak mereka di rumah. Didapati kira-kira 20 buah penempatan memerlukan sekolah. Sekolah di Pos Gop dan Pos Hau yang diuruskan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli telah ditutup apabila KPM mengambil alih tanggungjawab untuk pendidikan masyarakat Orang Asli pada tahun 1996.

(iv) Sikap pengetua dan guru-guru

Suruhanjaya telah menerima aduan tentang sikap kakitangan, terutama di kawasan pedalaman. Guru sering lewat ke sekolah atau ke kelas, atau terus tidak hadir; ada antaranya meninggalkan sekolah seawal jam 9 pagi pada hari Jumaat untuk cuti hujung minggu, meninggalkan kanak-kanak dalam jagaan pengawal sekolah; dan antara mereka didakwa telah menggunakan bahasa kesat bertujuan mendisiplinkan kanak-kanak. Ibu bapa juga telah mengadu bahawa kanak-kanak Tahun 4 hingga 6 tidak boleh membaca dan menulis walaupun mereka menghadiri sekolah setiap hari.

(v) Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM)

Ibu bapa membuat aduan kepada Suruhanjaya mengenai pentadbiran bantuan kewangan yang bertujuan untuk membantu pelajar yang memerlukan. Ada yang mendakwa mereka hanya menerima wang pada bulan Jun atau Julai. Dalam kes lain, wang KWAPM tidak diagihkan untuk sekolah yang layak menerima bantuan. Selain itu, pentadbir sekolah dikatakan telah membuat potongan wang untuk membayar lawatan sekolah dan yuran kelas tambahan.

• **Sekolah Agama Rakyat (SAR)**

Suruhanjaya telah melawat 32 buah sekolah tersebut di Selangor, Pahang dan Perak antara Januari hingga Oktober. Lawatan tersebut merupakan susulan kepada siasatan Suruhanjaya mengenai kematian pelajar berusia lapan tahun di sebuah sekolah di Baling, Kedah. Pengurusan SAR dikendalikan oleh badan-badan seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Majlis Hal Ehwal Agama Negeri, KPM, beberapa NGO, syarikat swasta dan individu.

Suruhanjaya telah melawat lima jenis sekolah iaitu SAR, Kelas Agama Fardu Ain (KAFA), Tahfiz, Madrasah, TASKI dan sekolah swasta untuk:

- (i) Meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai hak kanak-kanak kepada pendidikan, di kalangan mereka yang bertanggungjawab untuk menyediakan pendidikan alternatif;
- (ii) Memastikan pelajar tidak dinafikan hak mereka mendapatkan pendidikan berkualiti berdasarkan kemudahan dan infrastruktur, dan mereka dibekalkan dengan guru-guru yang terlatih setanding dengan pelajar yang ditempatkan di sekolah-sekolah arus perdana;

- (iii) Mendapatkan input dan cadangan untuk penambahbaikan daripada guru-guru, pengurusan sekolah, ibu bapa, pelajar dan masyarakat yang mana maklum balas tersebut adalah untuk perhatian agensi-agensi kerajaan yang berkaitan; dan
- (iv) Menjalin kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan NGO yang berkaitan untuk meningkatkan kualiti kemudahan dan bantuan kepada sekolah-sekolah.

### **Pemerhatian Suruhanjaya**

Adalah didapati bahawa kebanyakan sekolah tidak menyedari tentang hak kanak-kanak kepada pendidikan berkualiti seperti yang termaktub dalam Artikel 29 CRC.

- (i) Pendaftaran persekolahan  
Lebih daripada 90 peratus sekolah-sekolah yang dilawati di Pahang dan Selangor menghadapi masalah berhubung pendaftaran. Walau bagaimanapun, sekolah-sekolah yang telah dilawati di Perak telah didaftarkan, memandangkan kerajaan negeri telah memulakan pendekatan 'mesra-SAR' pada tahun 2008.

Sekolah-sekolah tersebut mempunyai pilihan untuk mendaftar sama ada dengan KPM atau Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri. Meskipun kebanyakan sekolah telah mengemukakan permohonan, mereka masih belum menerima kelulusan. Ada di antaranya telah beroperasi menggunakan pendaftaran sementara bagi tempoh tiga tahun yang lalu atau sebelumnya. Tanpa pendaftaran, sekolah menghadapi risiko tindakan undang-undang serta tidak layak untuk mendapatkan bantuan kewangan, infrastruktur dan perkhidmatan guru terlatih.

- (ii) Infrastruktur dan kemudahan  
Sekolah-sekolah ini ditempatkan dalam pelbagai bangunan. Sebagai contoh, Darul Quran Islam di Shah Alam, Selangor, terletak di sebuah lot kedai - kelas sesak dan tiada tempat untuk bermain bagi pelajar. Di SAR KAFA (I) Taman Pelangi di Semenyih, Selangor, pembelajaran dijalankan di masjid memandangkan tiada kemudahan bilik darjah di sekolah ini.

Beberapa buah sekolah yang dilawati di Perak dilengkapi asas kemudahan bagi pendidikan berkualiti, contohnya SR Al Hidayah, SM Al Hidayah dan SMA Darul Ta'Kwa di Ipoh dan Maahad Al Islah di Sg Lampam, Teluk Intan. Walau bagaimanapun, sekolah lain menggunakan meja dan kerusi, papan putih, almari dan komputer lama yang diperolehi daripada sekolah bantuan kerajaan. Ada antara meja dan kerusi didapati tidak sama saiz, menyebabkan pelajar terpaksa duduk di kerusi yang rendah dan meja yang tinggi. Kesesuaian dan kecukupan bilik darjah, perabot, bahan bantu mengajar, perpustakaan, makmal sains, peralatan kemahiran hidup, komputer dan perkhidmatan kantin merupakan perkara-perkara yang perlu diberi perhatian.

Oleh sebab kekurangan dana, kebanyakan sekolah tidak menyediakan ruang yang sesuai yang mana guru boleh bekerja dan berinteraksi. Pejabat tidak dilengkapi dengan peralatan

standard seperti komputer, telefon, mesin faks, mesin fotostat atau perabot yang sesuai. Skim gaji bagi guru-guru dan kakitangan sekolah tidak seragam, dengan gaji yang berbeza dari RM200 hingga RM1,200 sebulan. Ada antara guru dibayar RM200 hingga RM450, menyebabkan mereka termasuk dalam kategori miskin tegar.

(iii) Asrama

Sekolah-sekolah selain daripada sekolah KAFA ada menyediakan asrama untuk para pelajar. Hasil pemeriksaan mendapati semua asrama mempunyai kemudahan seperti air bersih dan elektrik. Namun, kebanyakan bangunan yang digunakan adalah seperti banglo atau masjid lama yang tidak lagi digunakan. Keadaan asrama sangat sesak, usang, tidak selesa dan tidak selamat, contohnya Tahfiz Darul Quran di Batu Talam; Mahad Tahfiz Al-Quran di Kerdu; SMA Naim di Kuala Krau dan SMA Al Ittifaqiyah Islamiah di Kg Guai, Temerloh.

Terdapat banyak kekurangan kemudahan di asrama, atau sekiranya ada, ia tidak diselenggara dengan baik. Isu lain yang timbul juga adalah mengenai kebersihan asrama. Oleh itu, kanak-kanak telah dinafikan hak kepada tempat yang selamat, selesa, bersih dan ceria untuk didiami, serta kadar privasi yang munasabah.

(iv) Guru-guru

Majoriti sekolah yang tidak berdaftar dengan KPM tidak mempunyai perkhidmatan guru terlatih. Kebanyakan guru menyatakan bahawa mereka hanya menggunakan pemahaman secara umum, serta pengalaman dan pemerhatian mereka terhadap rakan-rakan guru dalam mengajar. Mereka kurang pengetahuan pedagogi sewajarnya, aspek psikologi dan perkembangan kanak-kanak serta kemahiran-kemahiran lain untuk menjadi guru yang berkesan, sekaligus menafikan hak kanak-kanak kepada pendidikan berkualiti.

Hampir tiada pemantauan sistematik oleh agensi-agensi yang berkaitan. Untuk meningkatkan tahap profesionalisme guru, sekolah-sekolah mengadakan latihan dalaman dengan menjemput guru-guru terlatih, guru-guru kanan dan pensyarah. Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa Bahagian Latihan Guru KPM dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri telah menganjurkan kursus pendek secara *ad hoc*, namun tidak semua guru dapat menghadiri kursus tersebut.

(v) Kurikulum

Sekolah agama yang berdaftar dengan KPM menjalankan pembelajaran menggunakan kurikulum kebangsaan dan yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri. Pelajar-pelajar menduduki peperiksaan awam (PMR dan SPM) serta peperiksaan khas untuk pengajian agama yang dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri.

Sekolah yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri mengguna pakai kurikulumnya sendiri dan tidak menawarkan peperiksaan awam. Sekolah-sekolah Tahfiz tidak menyediakan pelajarinya bagi menduduki mana-mana peperiksaan awam, tetapi mengguna pakai kurikulum, antara lain, dari negara Pakistan atau Mesir.

Jabatan Buku Teks KPM hanya menyediakan bantuan buku ke sekolah-sekolah yang berdaftar dengan Kementerian dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri. Pelajar-pelajar sekolah agama lain perlu membeli buku teks daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri.

(vi) Aktiviti ko-kurikulum

Kebanyakan sekolah tidak mempunyai tempat yang sesuai untuk rekreasi dan sukan. Perkara ini sangat ketara di sekolah-sekolah KAFA. Permainan, sukan dan aktiviti rekreasi bukan suatu keutamaan di sekolah-sekolah SAR terutama bagi pelajar yang tinggal di asrama. Pelajar memerlukan ruang untuk bermain dan bersosial bagi perkembangan peribadi, pembentukan sahsiah dan keyakinan diri. Memandangkan kebanyakan guru tidak dilatih secara profesional, mereka tidak mampu untuk mendidik kanak-kanak melalui aktiviti ko-kurikulum.

(vii) Bantuan kewangan

Semua sekolah yang dilawati telah menerima bantuan kewangan daripada KPM pada tahun 2011. Namun, sehingga bulan Oktober dalam tahun diteliti, sekolah-sekolah tersebut masih belum menerima sebarang bantuan kewangan. Geran peruntukan ini adalah untuk kemudahan pengurusan, prasarana, latihan kepada guru dan perpustakaan. Suruhanjaya telah dimaklumkan berkenaan arahan untuk menyerahkan geran peruntukan bagi latihan kepada guru, kepada Jabatan Pelajaran Negeri untuk diuruskan. Sesetengah sekolah tidak bersetuju dengan pelaksanaan ini, kerana berpendapat mereka sendiri yang lebih sesuai untuk menentukan jenis latihan yang diperlukan. Di Perak, Jabatan Pelajaran menentukan semua keperluan bagi latihan kepada guru tanpa berunding dengan sekolah.

Untuk menanggung perbelanjaan mengurus, sekolah-sekolah bergantung kepada yuran yang dibayar oleh pelajar dan derma. Beberapa buah sekolah - seperti Pusat Tahfiz Amal di Yan, Kedah telah menggunakan pelajar untuk meminta derma daripada orang awam. Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa pembayaran gaji guru juga bergantung kepada kedudukan kewangan sekolah.

- **Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)**

Suruhanjaya melawat lapan buah SJKT yang terletak di kawasan ladang.

### **Pemerhatian Suruhanjaya**

- (i) Kebanyakan sekolah kekurangan kerusi, meja, komputer, telefon dan akses kepada Internet.
- (ii) Terdapat satu sekolah telah ditempatkan di sebuah kilang getah yang terbiar, manakala sekolah lain mengalami kekurangan bekalan air.
- (iii) Kebanyakan sekolah ini menggunakan meja dan kerusi yang diperolehi dari sekolah bantuan kerajaan atau melalui derma daripada NGO atau individu.

- (iv) Pengangkutan ke sekolah merupakan satu isu penting memandangkan tiada perkhidmatan bas dari estet. Terdapat satu estet yang mana pihak pengurusannya menyediakan pengangkutan untuk kanak-kanak.

#### **(d) Isu-isu lain dalam Pendidikan**

Suruhanjaya pernah memajukan isu kepada perhatian KPM mengenai keperluan untuk memasukkan pendidikan hak asasi manusia dalam sistem persekolahan, memandangkan tahap kesedaran masih sangat rendah ataupun langsung tiada. Namun, Suruhanjaya menyedari guru-guru mempunyai beban kerja yang berat dan oleh sebab itu, tidak berhasrat untuk mengenakan aktiviti luar kurikulum mengenai hak asasi manusia. Suruhanjaya berharap agar dapat bekerjasama dengan KPM untuk mengintegrasikan hak asasi manusia dalam kurikulum, bagi membolehkan pendedahan awal kepada pelajar-pelajar.

Pada 12 September, Yayasan Guru Malaysia Bhd dan Majlis Pemuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Putrajaya telah menerbitkan panduan bagi mengesan 'simptom-simptom homoseksualiti' di kalangan pelajar. KPM sejak awal memaklumkan mereka tidak menyokong garis panduan tersebut. Namun, Suruhanjaya bimbang beberapa buah sekolah akan menerima pakai garis panduan tersebut, yang mana mampu menjerumus kepada diskriminasi terhadap kanak-kanak yang dilihat sebagai *gay* atau *lesbian*. Berdasarkan CRC, negara-negara ahli mempunyai tanggungjawab untuk menghapuskan sebarang bentuk diskriminasi. Garis panduan sedemikian mampu melanggar kebebasan asasi kanak-kanak seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Artikel 2 CRC

## **2. LATIHAN HAK ASASI MANUSIA UNTUK AGENSI PENGUATKUASA UNDANG-UNDANG**

*Suruhanjaya menekankan bahawa prinsip asas instrumen triti antarabangsa masih boleh dipatuhi dalam pelaksanaan undang-undang.*

Suruhanjaya percaya bahawa semua pihak yang bertanggungjawab terutamanya Kerajaan dan agensi penguatkuasa undang-undang perlu meningkatkan lagi usaha untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia. Sebagai ahli PBB dan Majlis Hak Asasi Manusia, Kerajaan Malaysia perlu menunjukkan komitmen dengan memastikan undang-undang domestik selaras dengan prinsip hak asasi manusia antarabangsa.

Sepanjang program yang dianjurkan kepada agensi penguatkuasa undang-undang, para peserta didedahkan dengan sembilan instrumen utama hak asasi manusia antarabangsa dan Peraturan Minimum Standard Antarabangsa bagi Layanan terhadap Tahanan memandangkan ia mempunyai kaitan secara langsung dengan tugas mereka. Namun, oleh sebab

Kerajaan masih belum meratifikasikan kebanyakan instrumen ini, menjadi kesukaran kepada jurulatih untuk meyakinkan para peserta supaya mengaplikasi dan mempraktikkan prinsip

yang diketengahkan. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya menekankan bahawa prinsip asas instrumen triti antarabangsa masih boleh dipatuhi dalam pelaksanaan undang-undang.

Walaupun Suruhanjaya berpuas hati dengan kemajuan dan kerjasama oleh agensi yang terlibat setakat ini, perhatian juga diberikan terhadap kemajuan pendidikan mengenai hak asasi manusia di agensi lain. Pada tahun sebelum ini, agensi seperti Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia dan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia telah menjemput Suruhanjaya untuk mengendalikan latihan bagi kakitangan mereka. Namun, sejak agensi-agensi ini memendekkan tempoh masa program latihan daripada tujuh hari kepada lima hari, Suruhanjaya tidak lagi terlibat dalam sesi tersebut.

### **(a) Jabatan Penjara**

Suruhanjaya telah mengendalikan tiga Bengkel Hak Asasi Manusia dengan kerjasama Akademi Koreksional Malaysia. Seramai 84 Pegawai Kanan dari seluruh Malaysia telah menghadiri bengkel tersebut. Objektif bengkel ini adalah untuk menerapkan konsep hak asasi manusia dalam tugas rasmi seharian, dengan penekanan utama terhadap peranan mereka dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia. Selain itu, penekanan juga diberikan terhadap konsep pemulihan banduan.

Program ini termasuk pembentangan kertas kerja, *role play* dan perbincangan kajian kes. Para peserta juga didedahkan dengan standard hak asasi manusia antarabangsa yang berkaitan dengan tugas mereka. Antara topik-topik yang dibincangkan adalah hak kanak-kanak dan wanita, hak kepada integriti fizikal dan moral, hak kepada standard kehidupan yang wajar, hak kesihatan kepada banduan, menjadikan penjara sebagai sebuah tempat yang selamat dan baik, kategori khas bagi banduan termasuk wanita dan kanak-kanak, dan orang dalam tahanan yang belum dijatuhkan hukuman atau orang dalam tahanan tanpa dibicarakan.

Suruhanjaya dengan kerjasama Jabatan Penjara sedang merangka kurikulum tetap hak asasi manusia untuk semua peringkat pegawai. Ianya sedang dimuktamadkan, dan disyor untuk dilaksanakan pada suku pertama 2013. Jabatan Penjara akan melaksanakannya melalui pusat latihan mereka.

### **(b) Polis Diraja Malaysia**

Pendedahan dan pendidikan mengenai hak asasi manusia untuk anggota polis masih menjadi fokus utama terutamanya sejak dakwaan mengenai pelanggaran hak asasi manusia ketika kejadian seperti perhimpunan awam Bersih 2.0 dan 3.0. Menyedari keberkesanan untuk memupuk kesedaran di

*Suruhanjaya berharap latihan tersebut akan menjadi pemangkin kepada rekrut polis untuk meningkatkan minat dalam hak asasi manusia dan menegakkan maruah pasukan polis sebagai agensi penguat kuasa undang-undang yang utama di negara ini.*

peringkat permulaan kerjaya profesional mereka, EPRG telah menganjurkan tujuh sesi latihan bagi rekrut baru di Pusat Latihan Polis, termasuk di Kota Kinabalu dan Kuching.

Latihan ini mengambil kira isu-isu yang dibangkitkan melalui aduan kepada Suruhanjaya terhadap pihak polis. Meskipun kebanyakan rekrut baru kurang pengetahuan mengenai hak asasi manusia, ada dalam kalangan mereka menunjukkan yang mereka mempunyai pengetahuan yang luas dan bersemangat untuk mengambil bahagian dalam latihan. Suruhanjaya berharap latihan tersebut akan menjadi pemangkin kepada rekrut polis untuk meningkatkan minat dalam hak asasi manusia dan menegakkan maruah pasukan polis sebagai agensi penguatkuasa undang-undang yang utama.

### **(c) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**

Suruhanjaya meneruskan kerjasama dengan Pusat Latihan untuk Pihak Berkuasa Tempatan bagi meningkatkan kesedaran pegawai penguatkuasa terhadap hak asasi manusia. Seramai 45 orang pegawai daripada 12 pihak berkuasa tempatan di Selangor dan 60 daripada pihak berkuasa tempatan di Pulau Pinang telah menghadiri program ini.

## **3. ISU-ISU YANG MELIBATKAN ORANG KURANG UPAYA**

Setelah meratifikasi Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya (CRPD) pada 6 Julai 2012, Kerajaan dipertanggungjawabkan untuk menaik taraf dasar dan undang-undang bagi menjadikan persekitaran awam yang mesra OKU. Isu-isu berkaitan telah dibangkitkan oleh Gerakan Bersama Kebangkitan OKU 2012 dalam memorandum yang dikemukakan kepada Suruhanjaya, yang bertujuan untuk menarik perhatian sektor awam dan swasta untuk memenuhi keperluan khusus Orang Kurang Upaya (OKU).



*Kanak-kanak OKU  
berhak kepada peluang  
sama rata dalam  
kehidupan*

## **(a) Kemudahan Fizikal**

Kegagalan masyarakat umum untuk memahami dan menghormati keperluan OKU merupakan penyebab utama kemudahan bagi golongan ini disalahguna atau tidak digunakan, atau kegagalan OKU untuk mengambil peluang yang telah disediakan kepada mereka. Perkara ini pada mulanya telah dibangkitkan dalam Perbincangan Meja Bulat (PMB) dengan kerajaan tempatan di Kuala Lumpur, Selangor, Perak dan Pulau Pinang pada 2011. Suruhanjaya selanjutnya bekerjasama dengan kerajaan tempatan di Terengganu, Sarawak, Johor Bahru dan Sabah dalam tahun yang diteliti. Maklumat yang diperolehi semasa PMB tersebut akan dimuatkan dalam laporan yang akan diterbitkan pada 2013.

Semasa PMB, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah memberikan taklimat kepada peserta berkenaan undang-undang yang berkaitan, sementara majlis tempatan membentangkan mengenai 'amalan baik' untuk input dan maklum balas. Wakil OKU mengemukakan isu seperti kekurangan peralatan khas atau prosedur untuk berhadapan dengan kejadian kecemasan. Sebagai contoh, seorang peserta cacat pendengaran menceritakan mengenai ketidakmampuannya untuk berkomunikasi menggunakan telefon kecemasan yang terletak di sepanjang lebuh raya, sementara peserta lain menceritakan pengalaman mereka ketika terperangkap di dalam lif tanpa dapat berkomunikasi dengan penyelenggara. Walaupun mekanisme untuk berhadapan dengan kecemasan disediakan dalam kedua-dua kes ini, namun ianya tidak boleh digunakan oleh OKU. Namun begitu, isu yang dibangkitkan secara berterusan adalah penyalahgunaan kemudahan yang disediakan kepada OKU, seperti ruang meletak kereta atau tandas oleh orang normal yang tidak prihatin.

Artikel 9 CRPD mengkehendaki negara-negara ahli untuk mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memastikan akses golongan OKU terhadap persekitaran fizikal, pengangkutan, maklumat dan komunikasi (termasuk teknologi dan sistem maklumat dan komunikasi) adalah sama rata dengan masyarakat lain, di samping kemudahan dan perkhidmatan lain yang dibuka atau disediakan kepada orang ramai, di bandar dan di kawasan luar bandar. Langkah-langkah ini harus merangkumi identifikasi dan penghapusan halangan dan rintangan untuk mengakses:

- Bangunan, jalan raya, pengangkutan dan kemudahan dalaman dan luaran yang lain, termasuk sekolah, perumahan, kemudahan kesihatan dan tempat kerja; dan
- Maklumat, komunikasi dan perkhidmatan lain, termasuk kemudahan elektronik dan kemudahan kecemasan

Artikel 9(2) menghendaki negara-negara ahli untuk:

- Membangun, menyebarkan serta memantau pelaksanaan piawaian minimum dan garis panduan bagi aksesibiliti kepada kemudahan dan perkhidmatan yang dibuka atau disediakan kepada orang awam;
- Memastikan entiti swasta yang menawarkan kemudahan dan perkhidmatan yang dibuka atau disediakan kepada orang awam, mengambil kira semua aspek aksesibiliti kepada OKU;

- Menyediakan latihan kepada pihak-pihak yang berkepentingan berkaitan isu-isu aksesibiliti yang dihadapi oleh OKU;
- Menyediakan papan tanda dalam tulisan *Braille* dan dalam bentuk yang mudah untuk dibaca dan difahami, di bangunan dan kemudahan-kemudahan lain yang dibuka kepada orang awam;
- Menyediakan bantuan sokongan hidup dan pengantaraan, termasuk pemandu arah, pembaca dan penterjemah profesional bagi bahasa isyarat, untuk memudahkan akses kepada bangunan dan kemudahan lain yang dibuka kepada orang awam;
- Menggalakkan bentuk bantuan dan sokongan lain yang sesuai kepada OKU untuk memastikan akses kepada maklumat;
- Menggalakkan akses OKU kepada maklumat serta teknologi dan sistem komunikasi yang baru, termasuk Internet; dan
- Menggalakkan reka bentuk, pembangunan, penghasilan dan penyebaran kebolehcapaian teknologi serta sistem maklumat dan komunikasi pada peringkat awal, supaya teknologi dan sistem ini boleh diakses pada kos yang minimum.

Perhatian teliti adalah perlu untuk memastikan pembangunan kemudahan memenuhi semua kategori golongan OKU. Pembaikpulihan sistem pentadbiran akan memastikan mereka tidak akan ketinggalan ketika Malaysia menuju ke arah status negara maju menjelang tahun 2020.

*Pembaikpulihan sistem pentadbiran akan memastikan OKU tidak akan ketinggalan ketika Malaysia menuju ke arah status negara maju menjelang tahun 2020.*

### **(b) Warga tua kurang upaya**

Dengan peningkatan jumlah rakyat Malaysia yang dapat hidup sehingga usia tua, mereka lebih memerlukan bantuan untuk meneruskan rutin harian. Permintaan juga meningkat bagi rawatan perubatan dan rumah jagaan, sementara keluarga dibebani dengan kos yang tinggi untuk ahli keluarga yang sudah tua.

### **(c) Pendidikan**

Kemudahan di sekolah-sekolah arus perdana secara umumnya tidak sesuai untuk keperluan kanak-kanak kurang upaya. Sebagai contoh, ia jarang dilengkapi dengan *ramp* atau tandas untuk pelajar berkerusi roda. Oleh yang demikian, ibu bapa sering dinasihatkan untuk mendaftarkan anak-anak OKU di sekolah Pendidikan Khas, yang mana terdapat kemudahan yang bersesuaian untuk kanak-kanak OKU. Namun, ia perlu diiringi dengan bantuan khusus bagi kategori ketidakupayaan yang berbeza. Sebagai contoh, seorang pelajar cacat penglihatan akan mempunyai kesukaran mencari buku-buku rujukan di perpustakaan, terutamanya apabila kekurangan bahan-bahan dalam tulisan *Braille*.

#### **(d) Pekerjaan**

Dasar sedia ada Kerajaan untuk mengambil sekurang-kurangnya satu peratus daripada OKU dalam pekerjaan telah dinafikan berdasarkan cabaran dalam pelaksanaan. Kebanyakan OKU tidak mempunyai akses kepada persekolahan pada peringkat awal. Kebanyakannya gagal memenuhi syarat asas untuk menyediakan Sijil Pelajaran Malaysia bagi mendapatkan pekerjaan, meskipun ada antara mereka yang merupakan pemegang diploma dan ijazah. Oleh itu, ramai OKU terpaksa memilih pekerjaan yang bergaji rendah, iaitu sebagai tukang urut dan operator telefon.

#### **(e) Perkhidmatan kesihatan**

Akses dan kemudahan perkhidmatan kesihatan yang mencukupi adalah perkara utama yang diberi perhatian. Memandangkan mereka kurang diambil bekerja, mereka tidak dapat menikmati faedah kesihatan yang biasanya ditawarkan dengan pekerjaan. Syarikat insurans bimbang dengan pemberian polisi kepada OKU, kerana mereka akan dilihat 'berisiko tinggi' walaupun dalam kes-kes yang mana individu tersebut mempunyai kewangan yang stabil.

#### **(f) Pengangkutan awam**

Kesukaran harian untuk menggunakan pengangkutan awam di Malaysia amat membebankan OKU. Sebagai contoh, tidak semua terminal atau perhentian bas/teksi dilengkapi dengan papan tanda *Braille*, manakala laluan pejalan kaki dan laluan akses tidak mesra kerusi roda. OKU yang memiliki kereta mendapati adalah sukar untuk mendapatkan ruang letak kereta, kerana kebanyakan parkir yang dikhaskan untuk mereka disalahguna oleh individu normal.

### **4. PERSIDANGAN KEBANGSAAN MENGENAI TIADA-DISKRIMINASI**

Suruhanjaya telah menganjurkan satu lagi Persidangan Kebangsaan Tiada-Diskriminasi di Kuala Lumpur dengan kerjasama Pusat KOMAS dan Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia. Sepertimana Persidangan pada tahun 2011, ia telah mengetengahkan kes-kes diskriminasi dan perkauman serta dasar-dasar dan keputusan berkaitan yang dibuat oleh pihak berkuasa. Suruhanjaya menganjurkan persidangan tersebut untuk mewujudkan ruang yang selamat dan terbuka untuk dialog, dan untuk mengenal pasti langkah-langkah ke arah keharmonian sosial.

### **5. LATIHAN DALAMAN**

Latihan adalah penting untuk pembangunan dan kejayaan organisasi. Untuk memastikan pekerja lebih cekap dan produktif, Suruhanjaya telah menjalankan latihan mengenai isu-isu hak asasi manusia bagi sepanjang tahun ini. Antara topik-topik latihan adalah:

Jadual 1 : Latihan Dalaman untuk Kakitangan, 2012

BIL.	TOPIK	TARIKH
1.	Perjanjian Perdagangan Bebas dan Kesannya terhadap Hak Asasi di Malaysia, oleh <i>Third World Network</i>	16 Januari
2.	HIV/AIDS dan Hak Asasi Individu yang Menghidapi HIV/AIDS, oleh <i>Pink Triangle Foundation</i>	27 Januari
3.	Kempen Hentikan LYNAS : Hak untuk Kesihatan dan Maklumat, oleh Kumpulan Hentikan LYNAS	24 Februari
4.	Kesedaran Kanser Payudara: Hak untuk Kesihatan dan Maklumat, oleh Persatuan Kebajikan Kanser Payudara Malaysia (bersempena dengan Hari Wanita Antarabangsa)	23 Mac
5.	Tayangan 'Sicko', dokumentari oleh Michael Moore (bersempena Hari Kesihatan Sedunia)	7 April
6.	Lawatan ke Kilang Percetakan <i>The Star</i> (bersempena Hari Kebebasan Akhbar Dunia)	22 Jun
7.	Siasatan Jenayah dan Prosedur Mahkamah, oleh Majlis Peguam	27 Julai
8.	Protokol dan Etika, oleh Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri, Malaysia	7 September
9.	Pertolongan Cemas dan Respons Kecemasan, oleh St John Ambulans Malaysia	2 November

## 6. AKTIVITI DI SABAH DAN SARAWAK

### (a) Pejabat Sabah

Dengan kerjasama Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri, Pejabat Sabah telah mempromosikan pendidikan hak asasi manusia di lima daerah, yang mana ia turut merekodkan aduan mengenai dakwaan pelanggaran hak asasi manusia. Bagi mendedahkan golongan belia kepada konsep hak asasi manusia, mereka telah melawat dua Pusat Pembelajaran Komuniti yang ditubuhkan oleh pertubuhan-pertubuhan masyarakat dengan bantuan PACOS Trust, iaitu sebuah NGO tempatan, bagi menyediakan anak-anak Orang Asal dengan peluang sama rata untuk mendapatkan pendidikan pra-sekolah. Pusat-pusat ini terletak di Kampung Kipouvo dan Kampung Kibunut dalam daerah Penampang.

Di samping itu juga, Pejabat Sabah telah menganjurkan Festival Pendidikan dan Kebudayaan bersempena dengan Hari Malaysia bermula 7 hingga 9 September. Ini membolehkan Suruhanjaya meningkatkan kesedaran hak asasi manusia dengan mendekati komuniti yang berbeza, terutamanya bagi mereka yang tinggal di pedalaman serta untuk mempromosikan kerja-kerja Suruhanjaya.

**(b) Pejabat Sarawak**

Pejabat Sarawak telah menganjurkan lima aktiviti hak asasi manusia dengan kerjasama Persatuan Kebangsaan Dayak Bidayuh, Penjara Pusat Sri Aman, Pusat Latihan Polis dan Kolej Kejururawatan, Kuching. Program-program ini berfungsi sebagai batu loncatan bagi aktiviti masa hadapan untuk mendidik orang awam mengenai hak asasi mereka.

## II. BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM

*Manusia secara fitrahnya memerlukan hak untuk menentukan masa depannya sendiri. Sesungguhnya, ia merupakan perkara yang asas dalam sebuah masyarakat yang mahukan hak individu digunakan dalam perspektif yang bersesuaian. Tempat yang sesuai bagi hak seseorang individu untuk mengendalikan dirinya dalam masyarakat merupakan kunci kepada pembentukan sebuah masyarakat yang mulia.*

**Datuk Nik Mustapha Hj Nik Hassan**  
**Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia**

Bahagian ini mengendalikan aktiviti promosi dan publisiti bagi Suruhanjaya di samping mengatur kunjungan hormat ke agensi kerajaan dan organisasi media. Sepanjang tahun ini, Suruhanjaya menerima lawatan termasuklah delegasi dari Institusi-institusi Hak Asasi Manusia Nasional (NHRI), universiti-universiti, Pelapor Khas PBB dan para pelajar.

Ia juga terlibat dalam program *road show* yang melibatkan ceramah dan sesi bersama masyarakat di peringkat akar umbi, temuramah media dan pelbagai lagi aktiviti berkaitan untuk anggota-anggota Suruhanjaya. Ia juga telah menganjurkan buat kali kedua Majlis Anugerah Hak Asasi Manusia dan memainkan peranan dalam mengeluarkan kenyataan media Suruhanjaya (*lihat Lampiran I*)

### 1. PELANCARAN LAPORAN TAHUNAN 2011

Buat pertama kali sejak penubuhannya, Suruhanjaya melancarkan Laporan Tahunan untuk memastikan isu-isu utama hak asasi manusia diberi perhatian umum. Perasmian pada 16 April melalui forum terbuka memberi peluang kepada Suruhanjaya bagi membincangkan isu-isu utama sepanjang tahun 2011 dan untuk mengutarakan syor-syornya. Seramai 80 orang peserta terdiri daripada agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan wakil media. Antara isu-isu yang mendapat perhatian adalah hak kumpulan minoriti seksual, pekerja migran, pelarian dan pencari suaka; moratorium hukuman mati dan hak memilih agama.

(i) Pekerja migran dan pemerdagangan orang

Seorang peserta membangkitkan kes-kes yang mana pekerja migran tidak dibenarkan bekerja dengan majikan baru sementara menunggu kes mereka disebut di mahkamah. Terdapat banyak kes, pekerja-pekerja ini dihantar pulang tanpa sebarang pendapatan untuk keluarganya. Penangguhan penyelesaian dalam kes-kes mahkamah juga menyebabkan mangsa berasa tertekan. Para peserta melahirkan harapan agar pekerja-pekerja ini akan diberi peluang untuk memperoleh pendapatan atau bekerja dengan majikan baru sementara menunggu keputusan kes atau untuk dihantar pulang dengan segera.

Suruhanjaya mengambil maklum perkara ini, serta memberi jaminan kepada para peserta bahawa ia telahpun membangkitkan isu ini kepada pihak berkuasa yang berkenaan. Ia mengakui bahawa mekanisme sedia ada berkenaan pekerja migran mempunyai beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki dengan segera. Suruhanjaya berpandangan bahawa hak pekerja seharusnya dihormati tanpa mengambilkira kewarganegaraan mereka.

(ii) Hukuman mati

Suruhanjaya menekankan keperluan untuk memansuhkan hukuman mati dengan mengambil kira Artikel 3 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) dan Artikel 6 Perjanjian Antarabangsa Mengenai Hak Sivil dan Politik. Suruhanjaya juga telah menjalankan beberapa aktiviti yang dianjurkan bersama Majlis Peguam, Kesatuan Eropah dan *Amnesty International* untuk meningkatkan kesedaran mengenai isu ini. Aktiviti-aktiviti ini termasuklah perbincangan meja bulat dan pertandingan debat antara universiti. Suruhanjaya juga secara berterusan telah menggesa Kerajaan untuk mengenakan moratorium hukuman mati atau mengenakan hukuman penjara seumur hidup terutamanya kepada mereka yang telah menunggu hukuman mati melebihi lima tahun.

(iii) Hak kumpulan minoriti seksual

Wakil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Persatuan Ulama Malaysia melahirkan kebimbangan berkaitan isu kumpulan minoriti seksual atau *SOGI*. Pandangan mereka bahawa kepercayaan dan nilai-nilai Islam sewajarnya diberi perhatian dalam menangani isu tersebut dan mencadangkan untuk mengunapakai Perisytiharan Hak Asasi Manusia Kaaherah.

Suruhanjaya menjelaskan mengenai UDHR yang telah digunapakai sejak 1948, mengariskan 30 prinsip untuk setiap individu dan ia tidak menyatakan mengenai kumpulan minoriti seksual. Ia turut melahirkan kebimbangan terhadap layanan buruk dan diskriminasi ke atas *SOGI* di Malaysia, menjelaskan, hak dan kebebasan asasi mereka perlu dihormati sama seperti hak dan kebebasan asasi setiap manusia.

## **2. JAWATANKUASA PEMILIH TETAP PARLIMEN MENGENAI HAK ASASI MANUSIA (PSC)**

Sejak 13 tahun yang lalu, Suruhanjaya telah mengemukakan Laporan Tahunannya ke Parlimen tepat pada masanya untuk sesi pertama persidangan; telah berulang kali menggesa Kerajaan untuk membentangkan laporannya untuk dibahaskan oleh Ahli Parlimen. Sehingga kini, perkara ini masih belum dilaksanakan.

Walaupun demikian, Suruhanjaya mengalu-alukan pengumuman pada 23 Oktober oleh Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menyatakan bahawa Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk membentuk satu Jawatankuasa Pemilih Tetap Parlimen Mengenai Hak Asasi Manusia (PSC). Ini sekaligus dapat memberikan ruang kepada Ahli Parlimen untuk membincangkan Laporan Tahunan dan untuk menangani isu-isu hak asasi manusia yang dibangkitkan oleh Suruhanjaya.

Suruhanjaya melihat perkara ini sebagai langkah positif untuk memperbaiki situasi hak asasi manusia. Ia juga berharap agar PSC ini dapat dibentuk secepat mungkin bagi membolehkannya membincangkan laporan tahunan akan datang. Namun begitu Suruhanjaya akan terus memohon agar Kerajaan membentangkan Laporan Tahunannya untuk perbahasan di Parlimen, selaras dengan amalan di kebanyakan negara NHRI lain.

## **3. FORUM KEBEBASAN MEDIA**

Pada 31 Mei, Bahagian ini telah menganjurkan satu forum mengenai kebebasan media sempena sambutan Hari Kebebasan Media Sedunia dengan tema 'Suara Baru: Kebebasan Media dalam Mentransformasi Masyarakat'. Forum yang diadakan di Kuala Lumpur menarik perhatian seramai 60 orang peserta termasuklah profesional di kalangan media, wakil-wakil agensi kerajaan dan NGO.

Objektif utama forum ini adalah:

- Untuk meningkatkan kesedaran di kalangan wartawan dan pengamal media mengenai hak asasi mereka ketika dalam tugas;
- Untuk menilai tahap kebebasan media di Malaysia;
- Untuk menyediakan platform untuk pertukaran pemikiran dan idea untuk memperbaiki aspek kebebasan media; dan
- Untuk mentafsir semula tugas dan tanggungjawab pengamal media serta etika media.

Datuk Azman Ujang, mantan Ketua Editor Bernama, bertindak sebagai pemudahcara dalam forum tersebut yang turut melibatkan empat orang ahli panel yang telah berkongsi pandangan

dan pengalaman mereka. Mereka adalah Cik Masjaliza Hamzah, Pegawai Eksekutif, *Centre for Independent Journalism*; Prof Dr Ahmad Murad Merican, Pensyarah di Jabatan Pengurusan dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Petronas; Encik Fahmi Fadzil, Aktivis Media; dan Encik Chin Sung Chew, Presiden Kesatuan Kewartawanan Kebangsaan, Semenanjung Malaysia.

Antara persoalan yang dibangkitkan termasuklah isu-isu seperti berikut:

- Kesan perundangan, pasaran dan dominasi ideologi kebebasan media
- Konotasi negatif terhadap maksud kebebasan media yang ada kalanya dianggap memberi ancaman kepada Kerajaan
- Kurangnya persefahaman antara Kerajaan dan pengamal media yang mana adalah sukar untuk memperjuangkan kebebasan media dan mengerakkan negara agar lebih menghormati kebebasan media dan menjadi lebih demokratik; dan
- Keperluan untuk satu format yang boleh diterima dalam penubuhan Majlis Media di Malaysia.

Berdasarkan pembentangan oleh ahli-ahli panel dan sesi soal jawab, forum mencadangkan:

- (i) Majlis Media seharusnya dikawal selia di bawah Akta Parlimen dan diiktiraf sebagai badan berkanun.
- (ii) Majlis Media seharusnya bertindak dalam mengawal dan melindungi wartawan; melindungi kepentingan awam; mendefinisikan hak bersuara; mendisiplinkan wartawan; dan menyediakan ruang bagi aduan awam.
- (iii) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [Akta 301] perlu dimansuhkan.
- (iv) Akta Kebebasan Memperoleh Maklumat seharusnya digubal ke arah memupuk pentadbiran yang kurang berahsia dan lebih bersifat terbuka.
- (v) Dana perlulah disalurkan bagi menggalakkan komuniti media yang lebih bersifat bebas.

#### **4. ANUGERAH HAK ASASI MANUSIA**

Majlis Anugerah Hak Asasi Manusia 2012 telah diadakan pada 10 Disember bersempena Sambutan Hari Hak Asasi Manusia Sedunia. Penganugerahan bagi memperakui dan memberikan pengiktirafan terhadap individu dan organisasi yang telah menyumbangkan tenaga dan usaha dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia.

## (a) Pencalonan

Suruhanjaya menerima sebanyak 37 pencalonan bagi tiga kategori utama iaitu:

- Anugerah Komuniti (Individu), diberikan kepada individu yang mempunyai rekod prestasi yang cemerlang dalam mempromosi dan memajukan hak asasi manusia dalam komuniti Malaysia atas dasar bukan untuk keuntungan;
- Anugerah Komuniti (Organisasi), diberi kepada badan bukan kerajaan atau komuniti yang mempunyai rekod prestasi yang cemerlang dalam mempromosi dan memajukan hak asasi manusia dalam masyarakat; dan
- Anugerah Media dianugerahkan kepada hasil kerja yang diterbitkan dalam majalah atau akhbar-akhbar Malaysia; atau untuk drama, berita atau program hal ehwal semasa, atau dokumentari yang disiarkan di TV atau radio pada dua atau tiga tahun sebelum ini sehingga 31 Ogos 2012 tetapi tidak terhad kepada tarikh tersebut.

## (b) Penerima Anugerah 2012

### (i) Anugerah Komuniti (Individu)

Dianugerahkan kepada Encik Cecil Rajendra atas usaha beliau secara berterusan dalam mempromosi hak asasi manusia. Sumbangan utamanya adalah dengan mewujudkan Pusat Bantuan Guaman percuma yang pertama pada tahun 1976 bagi memberikan konsultasi secara percuma kepada golongan miskin.



*Peguam veteran Encik Cecil Rajendra, mempunyai semangat untuk meneruskan perjuangan hak asasi manusia melalui amalan undang-undang, menerima Anugerah Komuniti (Individu)*

(ii) Anugerah Komuniti (Organisasi)

Pasukan Keselamatan Sukarela SJKC Pei Chai, Kuantan, Pahang, memenangi anugerah bagi kategori ini. Pasukan keselamatan ini terdiri daripada kelompok ibu bapa bergilir menjalankan tugas semasa sesi persekolahan bagi memastikan keselamatan kanak-kanak di samping menyediakan persekitaran pembelajaran yang selamat.



*Encik Cheong Chan Meng, Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru, SJKC Pei Chai, menerima Anugerah Komuniti (Organisasi)*

(iii) Anugerah Media

Dua penerima dipilih bagi anugerah ini. Cik Selina Kong Lik Hwan dari *NTV7* menerima anugerah atas penerbitan dokumentari bertajuk '*Give Life a Second Chance*', memfokuskan isu berkaitan hukuman mati dan seorang rakyat Malaysia yang sedang menunggu hukuman mati di Singapura. Penerima kedua iaitu Encik Lee Way Loon dari *Malaysiakini* melalui tiga siri laporan mengenai kehidupan komuniti Orang Asli Baram di Sarawak yang terjejas hak mereka kerana berhadapan dengan projek pembinaan empangan hidroelektrik Baram.



*Cik Selina Kong, Penerbit 'Give Life A Second Chance' bersama pasukannya: Encik Rosdy Khalil Mufti (Editor Visual) dan Khairul Azhar Mohamed (Jurugambar)*



*Encik Lee Way Loon mengutarakan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh komuniti Orang Asli Baram di Sarawak*

(iv) Anugerah Khas

Anugerah ini diberikan kepada Bahagian Siasatan Seksual, Penderaan dan Kanak-kanak, Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia atas usaha yang cemerlang.



*Dato' Abdul Malek Hj Harun mewakili PDRM menerima Anugerah Khas*



*Anggota Suruhanjaya bersama penerima Anugerah Hak Asasi Manusia 2012*

Suruhanjaya turut berbesar hati menyampaikan Sijil Penghargaan kepada lapan orang calon iaitu:

- (i) Anugerah Komuniti (Individu)
  - Muhamad Hafiz Ismail
  - Murugeswaran Veerasamy
  - Azlina Mohamed Isa
- (ii) Anugerah Komuniti (Organisasi)
  - Program Pemulihan Dalam Komuniti, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
  - *Protect and Save The Children Association of Selangor and Kuala Lumpur*
- (iii) Anugerah Media
  - Mary Chin
  - Faizal Riduan

## **5. CERAMAH DAN PAMERAN**

Suruhanjaya turut terlibat dalam menyampaikan ceramah mengenai hak asasi manusia kepada masyarakat di peringkat akar umbi melalui program 'SUHAKAM Bersama Masyarakat', di samping menerima jemputan ceramah daripada organisasi lain. Pameran turut diadakan di beberapa tempat bagi menyediakan maklumat berterusan.

Program 'SUHAKAM Bersama Masyarakat' telah diadakan di Kuala Terengganu (3 April), Alor Setar (6 Jun) dan Johor Bahru (18 Oktober) bagi mempromosikan kesedaran, di samping menyediakan pendidikan mengenai hak asasi manusia. Antara peserta yang hadir terdiri daripada wakil-wakil kerajaan, NGO, Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung, PIBG, pesara dan wakil media.

Objektif program adalah untuk memupuk kesedaran mengenai peranan dan fungsi Suruhanjaya, untuk mendapatkan maklum balas mengenai isu hak asasi manusia, untuk memberi maklum balas kepada soalan yang dibangkitkan dan untuk bekerjasama dengan agensi kerajaan di peringkat daerah dan negeri untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia. Program ini turut menyediakan kaunter aduan bagi para peserta untuk mengemukakan aduan.

Suruhanjaya mendapati bahawa kebanyakan isu yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan rasa tidak puas hati terhadap pihak berkuasa tempatan dan agensi penguatkuasa. Para peserta juga menyatakan kesukaran untuk membuat aduan kepada pihak bertanggungjawab dan menyatakan bahawa masalah ini turut disebabkan oleh komunikasi yang tidak efektif antara agensi kerajaan. Sesetengahnya mendakwa berlaku diskriminasi dalam pelaksanaan undang-undang, selain dakwaan ditindas dari segi peluang pembangunan. Oleh sebab itu, sesetengah mereka berpandangan bahawa suara mereka akan didengari hanya melalui demonstrasi awam. Suruhanjaya menekankan keperluan bagi kedua-dua pihak iaitu agensi kerajaan dan masyarakat untuk memahami dan menghormati konsep hak asasi manusia dalam menangani sebarang permasalahan.

## **6. KUNJUNGAN HORMAT**

### **(a) Lawatan daripada Pelbagai Organisasi**

Pesuruhjaya James Nayagam dan Pesuruhjaya Muhammad Sha'ani Abdullah menerima delegasi *Ombudsmen Members of the Control Yuan of the Republic of China (Taiwan)* pada 28 November. Delegasi yang terdiri daripada enam anggota diketuai oleh Encik Chao Hung Nan telah dibantu oleh Cik Chen Jin Ling, Timbalan Pengarah, Pejabat Ekonomi dan Kebudayaan Taipei di Malaysia, yang bertindak sebagai penterjemah. Lawatan adalah untuk berkongsi pengetahuan dan amalan terbaik dalam melindungi dan mendukung hak asasi manusia.

Dr Mutuma Ruteere, Pelapor Khas PBB Mengenai *Contemporary Forms of Racism, Racial Discrimination and Xenophobia and Related Intolerance* melawat Suruhanjaya pada 20 November. Datuk Dr Khaw Lake Tee, Naib Pengerusi telah mempengerusikan mesyuarat tidak rasmi bagi membincangkan isu-isu diskriminasi kaum.



*Datuk Dr Khaw Lake Tee, Naib Pengerusi Suruhanjaya, mempengerusikan mesyuarat tidak rasmi dengan Dr Mutuma Ruteree, Pelapor Khas PBB*

Pada 6 November, Suruhanjaya mengalu-alukan delegasi enam anggota daripada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan Korea yang diketuai oleh Pegawai Penyiasat Encik Hwan Seok Choi. Mereka mempunyai minat khusus tentang dasar Malaysia mengenai integrasi sosial kelompok minoriti serta perlindungan hak asasi manusia mereka.

Seramai 18 orang pra dan pasca-siswazah Fakulti Undang-undang, Universiti Sydney, Australia, melawat Suruhanjaya pada 17 Julai sebagai sebahagian daripada 'Southeast Asia Winter School Programme', dikelolakan oleh Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Turut terlibat ialah Prof Madya Dr Khairil Azmin Mokhtar, Pengarah 'Southeast Asia Winter School Programme' dan Dr Salim Ali Farrar, pensyarah Fakulti Undang-undang, Universiti Sydney. Mereka telah diberikan taklimat oleh Pesuruhjaya Detta Samen mengenai latar belakang Suruhanjaya, aktiviti-aktiviti yang dijalankan dan cabaran yang dihadapi. Sesi soal jawab juga turut diadakan.

Pada 11 Julai, seramai 20 orang pelajar dari Fakulti Undang-undang, Universiti Monash, Australia, melawat pejabat Suruhanjaya dengan ahli-ahli fakulti Dr Stephen Gray dan Dr Heli Askola. Mereka mencari maklumat mengenai aktiviti Suruhanjaya dan perbincangan mengenai isu-isu semasa di Malaysia, termasuklah kebebasan bersuara, kebebasan berhimpun, undang-undang keselamatan dan darurat, kebebasan beragama dan hak kumpulan minoriti. Mereka turut mendengar taklimat mengenai peranan dan fungsi Suruhanjaya serta turut berpeluang untuk melihat sesi pendengaran awam Siasatan Awam Ke Atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam pada 28 April 2012.

Pada 26 Jun, Suruhanjaya mengalu-alukan delegasi dari Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Bangladesh. Ini merupakan lawatan pertama mereka. Delegasi tersebut diketuai oleh Pengerusi, Prof Dr Mizanur Rahman, dan disertai oleh enam anggota Suruhanjaya dan seorang pegawai. Tujuan lawatan adalah untuk bertukar-tukar maklumat dan 'amalan terbaik'; mengkaji struktur institusi Suruhanjaya; dan mewujudkan rangkaian kerjasama antara kedua-dua pihak.

Tan Sri Hasmy Agam, Pengerusi Suruhanjaya, menekankan aktiviti berterusan Suruhanjaya termasuklah Inkuiri Nasional Mengenai Hak Ke Atas Tanah Orang Asal/Asli di Malaysia; Siasatan Awam Ke Atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam pada 28 April 2012; dan penyediaan Laporan Tahunan. Beliau juga berkongsi pandangan mengenai kejayaan dan cabaran yang dihadapi dalam menegakkan hak asasi manusia. Pada hari berikutnya, Pesuruhjaya James Nayagam turut mengaturkan lawatan ke pusat perlindungan mangsa pemerdagangan orang di Kuala Lumpur.

Pada 24 April, Suruhanjaya menerima lawatan rasmi daripada Profesor Geraldine Mackenzie, Pro Naib Canselor (Penyelidikan) dan Dekan Fakulti Undang-Undang di Universiti Bond bagi membincangkan tanggungjawab Suruhanjaya dan untuk meneroka kemungkinan peluang-peluang latihan industri untuk pelajar-pelajar universiti.

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional Myanmar menghantar satu pasukan untuk lawatan sambil belajar pada 17 Februari. Suruhanjaya, diwakili oleh Naib Pengerusi Datuk Dr Khaw Lake Tee menggariskan aktiviti-aktiviti yang sedang dijalankan oleh Inkuiri Nasional Mengenai Hak Ke Atas Tanah Orang Asal/Asli di Malaysia, dan bertukar-tukar idea mengenai pengukuhan dan perlindungan hak asasi manusia.

#### **(b) Lawatan oleh Suruhanjaya**

Pada 9 September, Suruhanjaya melawat Pusat Warga Tua Impresif iaitu pusat jagaan orang-orang tua, yang terletak di Petaling Jaya, Selangor. Lawatan itu adalah antara aktiviti-aktiviti Kumpulan Pendidikan dan Perhubungan Awam, yang merupakan lawatan awal untuk mempromosi dan melindungi hak-hak warga tua.

Pada 6 September, Suruhanjaya telah mengatur satu kunjungan hormat untuk Encik Maina Kiai, Pelapor Khas PBB mengenai Hak Kebebasan Berhimpun Secara Aman dan Berpersatuan ke atas Ketua Polis Negara (KPN), Tan Sri Dato' Seri Haji Ismail Omar. Turut hadir dalam mesyuarat tersebut ialah Datuk Dr Khaw Lake Tee, Naib Pengerusi Suruhanjaya, Tan Sri Dato' Seri Khalid Abu Bakar, Timbalan KPN dan Dato' Wira Salleh Mat Rasid, Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam.

Lawatan telah diatur untuk mendapatkan pandangan daripada Polis Diraja Malaysia mengenai perhimpunan aman yang diadakan di Malaysia. Datuk Dr Khaw turut mengambil peluang merakamkan penghargaan Suruhanjaya kepada KPN atas kerjasama yang diberikan ketika Siasatan Awam Ke Atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam pada 28 April 2012 dijalankan.

Pada 31 Mei, Suruhanjaya, yang diketuai oleh Pengerusinya, Tan Sri Hasmy Agam melawat Kumpulan Media Karangkrif di Shah Alam untuk lebih memahami pentadbiran dan perjalanan organisasi media tersebut. Lawatan ini membolehkan perbincangan dan perkongsian pandangan berkenaan dengan hak asasi manusia agar media lebih bersedia dalam penyampaian mesej.

## 7. HUBUNGAN MEDIA

Suruhanjaya mengakui peranan penting media dalam menyampaikan maklumat mengenai hak asasi manusia. Peranan media membantu mewujudkan hubungan antara Suruhanjaya dengan masyarakat di samping membentuk pemikiran dan pendapat orang awam. Pada masa yang sama, Suruhanjaya akan menggunakan media sosial untuk mempromosikan hak asasi manusia melalui laman *Facebook* dan akaun *Twitter*, yang masing-masing mempunyai lebih 2,500 rakan *FB* dan 3,800 pengikut *Twitter*.

Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, di bawah Seksyen 4 (2), memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk mengeluarkan pernyataan awam mengenai hak asasi manusia. Walaupun kebanyakan portal berita dalam talian menerima baik kenyataan tersebut dengan menyiarkannya tetapi media arus perdana kurang memberikan ruang dan masa siaran. Walau bagaimanapun, kebanyakan program bual bicara di radio dan televisyen telah memberikan kerjasama dengan menjemput anggota Suruhanjaya untuk ditemuramah mengenai isu-isu hak asasi manusia. Beberapa akhbar turut menemuramah anggota Suruhanjaya untuk mendapatkan komen mereka mengenai dakwaan pelanggaran hak asasi manusia. Suruhanjaya berharap bahawa media akan terus memberikan sokongan dalam menarik perhatian umum terhadap isu-isu hak asasi manusia.

## III. HARAPAN MASA DEPAN

**Bahagian Pendidikan dan Promosi** merancang untuk bekerjasama secara aktif dengan agensi-agensi kerajaan bagi mendapatkan idea dan kaedah untuk mempromosikan hak asasi manusia, serta bagi melaksanakan pelbagai syor-syor Suruhanjaya. Di samping mengiktiraf bahawa agensi-agensi kerajaan adalah pelaksana utama dalam perkara ini, Suruhanjaya juga mengakui peranan sama penting yang sektor swasta dapat jalankan untuk menyebarkan maklumat mengenai hak asasi manusia kepada orang ramai. Perkara ini sekaligus akan dapat mendekati lebih banyak golongan dalam sektor swasta untuk terlibat sama.

Suruhanjaya akan memulakan projek baru yang melibatkan isu-isu warga tua dan kanak-kanak dengan masalah pembelajaran. Konsultasi akan diadakan dengan golongan yang terjejas untuk memahami masalah mereka, dan mesyuarat akan diadakan dengan pihak-pihak berkepentingan untuk mengurangkan dan seterusnya menghapuskan pelanggaran hak asasi manusia terhadap golongan rentan ini.

**Bahagian Perhubungan Awam** akan membantu Suruhanjaya dalam meningkatkan kesedaran mengenai hak asasi manusia melalui pelbagai saluran dan aktiviti termasuklah pameran, penerbitan laporan serta penglibatan dengan media dan orang awam. Selain itu, Bahagian ini akan menganjurkan lebih banyak program dan pertandingan serta mengukuhkan lagi imej korporat Suruhanjaya.

# BAB

# 2

## LAPORAN KUMPULAN ADUAN, PEMANTAUAN DAN INKUIRI

- Bahagian Aduan dan Pemantauan
- Bahagian Inkuiri

## I. BAHAGIAN ADUAN DAN PEMANTAUAN

*Ketidakadilan di manapun merupakan satu ancaman kepada mana-mana keadilan.*


**Martin Luther King Jr**

Pada bulan April, Suruhanjaya telah menjalankan penyusunan semula portfolio. Kumpulan Aduan, Inkuiri dan Pemantauan telah ditukar nama kepada Kumpulan Aduan, Pemantauan dan Inkuiri bagi mencerminkan fungsi dan tanggungjawab semasa.

### 1. PENYELESAIAN ADUAN

Suruhanjaya telah menerima sejumlah 911 aduan (Rajah 1) di Ibu Pejabat Kuala Lumpur, cawangan Sabah serta Sarawak. Sejumlah 30 daripada aduan tersebut adalah dalam bentuk memorandum.

Rajah 1: Aduan Diterima, 2008-2012




Selepas dikaji, Suruhanjaya memutuskan bahawa 251 aduan adalah di luar bidang kuasanya, termasuklah:

- Pertikaian yang belum selesai di mahkamah atau yang telah diselesaikan oleh mahkamah;
- Isu-isu pentadbiran yang perlu ditangani oleh agensi-agensi berkaitan;
- Perkara-perkara yang berada di bawah bidang kuasa badan-badan profesional.


Suruhanjaya selanjutnya memutuskan untuk tidak mengambil tindakan ke atas aduan yang diterima dari sumber-sumber tanpa nama kerana kesukaran dalam mengesahkan dakwaan dan melaporkan hasilnya kepada pengadu, jika ada.

Daripada 660 aduan yang diterima (Jadual 1) Suruhanjaya telah menyelesaikan 206 kes (Rajah 2), manakala selebihnya masih disiasat.

Rajah 2: Kes selesai dan dalam siasatan, 2012



Rajah 3: Kes selesai dan dalam siasatan, 2008-2012



Jadual 1: Pecahan Aduan Hak Asasi Manusia, 2012

NO.	ADUAN	SEMENANJUNG	SABAH	SARAWAK
1.	Agensi Kerajaan			
	i. Pasukan Polis			
	a. Tiada Tindakan	36	8	0
	b. Salahguna kuasa	38	3	2
	c. Penggunaan Kekerasan Melampau	34	5	0
	ii. Jabatan Penjara	12	0	0
	iii. Jabatan Pendaftaran Negara	5	45	0
	iv. Jabatan Imigresen	9	5	0
2.	Undang-undang Penahanan Pencegahan			
	i. Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah) Pencegahan Khas) Akta 1985	3	0	0
	ii. Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960	2	0	0
	iii. Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969	5	0	0
3.	Hal-hal Tanah	8	141	28
4.	Orang Asal/ Asli	34	0	0
5.	Pelarian	50	0	0
6.	Pekerja Migran	41	17	8
7.	Orang Kurang Upaya (OKU)	7	0	0
10.	Persekitaran	1	0	0
11.	Kematian Dalam Tahanan	1	0	0
12.	Pendidikan	9	1	0
13.	Lain-lain	77	14	11
	<b>JUMLAH</b>	<b>372</b>	<b>239</b>	<b>49</b>

## 2. ISU-ISU YANG BERBANGKIT DARIPADA ADUAN

### (a) Pelaksanaan Kuasa Polis

Aduan melibatkan dakwaan penggunaan kekerasan oleh pihak polis, penyalahgunaan kuasa dan kelewatan tindakan ke atas laporan yang dibuat masih di antara jumlah tertinggi aduan yang diterima. Suruhanjaya menerima 126 kes terhadap pasukan polis pada tahun ini. Antaranya ialah dakwaan bahawa orang yang ditangkap telah dipukul semasa dalam tahanan. Dalam kebanyakan kes, ia telah melaporkan bahawa serangan tersebut berlaku semasa soal siasat untuk memaksa individu membuat pengakuan terhadap kesalahan yang dilakukan.

*Bilangan aduan terhadap polis telah meningkat setiap tahun- daripada 38 pada tahun 2008, kepada 110 pada tahun 2011, dan 126 pada tahun 2012.*

Dakwaan penyalahgunaan kuasa termasuk aduan tentang penahanan yang salah di sisi undang-undang, di mana polis menahan semula orang-orang yang telah dibebaskan oleh mahkamah atau pusat tahanan; lanjutan tempoh reman dibuat dengan membawa tahanan ke Mahkamah Majistret di beberapa daerah; ugutan terhadap pengadu supaya menarik balik laporan yang dibuat terhadap pasukan polis; bertindak berat sebelah terhadap pihak-pihak tertentu dan kegagalan untuk mengambil tindakan ke atas laporan yang dibuat.

Suruhanjaya, dalam menegaskan semula syor-syor yang dibuat dalam Laporan Tahunan 2011, menambah beberapa cadangan seperti berikut:

- (i) Bagi mengelak daripada membuat sentuhan secara fizikal dengan orang yang ditahan terutama semasa soal siasat, polis perlu menggunakan sains forensik bagi menyokong siasatan mereka.
- (ii) Tiada tekanan- sama ada fizikal atau mental- harus dikenakan ke atas suspek, saksi atau mangsa dalam usaha untuk mendapatkan maklumat daripada mereka.<sup>1</sup>
- (iii) Pihak polis harus menjalankan siasatan awal sebelum membuat penahanan. Penahanan hanya boleh dibuat di mana terdapat kesangsian yang munasabah bahawa seseorang telah melakukan suatu kesalahan atau apabila ia dianggap perlu untuk menghalang seseorang daripada melakukan sesuatu kesalahan atau melarikan diri.
- (iv) Latihan berterusan perlu diberikan kepada semua pegawai mengenai prosedur penahanan, hak-hak mereka yang ditahan, dan teknik bagi melaksanakan penangkapan secara selamat dan berperikemanusiaan.

1 *Human Rights Standards and Practice for the Police: Expanded Pocket Book on Human Rights for the Police*, m/s 10; terbitan United Nation, 2004



*Pekerja asing menyerahkan memorandum kepada Pesuruhjaya Detta Samen mengenai dakwaan penyelewengan yang berlaku di bawah Program 6P*

### **(b) Kematian Dalam Tahanan Polis**

Bagi tahun ini, Suruhanjaya telah meminta pihak polis untuk memaklumkan sebarang kematian dalam tahanan dalam tempoh 24 jam. Pihak polis telah memberi maklum balas dalam bulan September dan sehingga 31 Disember 2012, pihak polis telah melaporkan sebanyak 8 kes kematian dalam tahanan.


Suruhanjaya sedang dalam proses merangka Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam mengendalikan kes-kes kematian dalam tahanan yang dimaklumkan oleh pihak polis.

Suruhanjaya memandang serius berhubung kes kematian dalam tahanan. Hak untuk hidup mesti dilindungi oleh semua pihak. Keselamatan tahanan tidak boleh dikompromi oleh pihak berkuasa. Sehubungan itu, Suruhanjaya mengesyorkan supaya pihak berkuasa melaksanakan prosedur berikut sebagai amalan standard:

- (i) Menjalankan pemeriksaan kesihatan apabila seseorang itu ditahan dan ditangkap;
- (ii) Hubungi ahli keluarga tahanan bagi mendapatkan maklumat mengenai ubat-ubatan atau rawatan yang sedang dijalani;
- (iii) Merujuk tahanan yang sakit kepada pengamal perubatan dengan kadar segera.


### **(c) Undang-undang Penahanan Pencegahan**

- (i) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA)  
Pihak berkuasa telah bertindak balas kepada pemansuhan ISA dengan membebaskan 19 tahanan sebelum tamat tempoh perintah tahanan mereka. Mereka telah dibebaskan pada bulan Ogos, Oktober, November dan Disember. (Carta 1)



Carta 1: Pembebasan Tahanan, 2012

Sehingga 31 Disember, masih terdapat 23 orang tahanan di Kem Tahanan Kamunting di Taiping, Perak, yang mana lapan adalah warganegara Malaysia (Carta 2). Selebihnya adalah warganegara asing.



Carta 2: Individu Masih Dalam Tahanan ISA

(ii) Perisytiharan Darurat

Selaras dengan pembatalan tiga Perisytiharan iaitu Perisytiharan Darurat 1966, Perisytiharan Darurat 1969 dan Perisytiharan Darurat 1977, pihak berkuasa telah membebaskan mereka yang ditahan di bawah undang-undang darurat yang berkaitan termasuk Akta Kediaman Terhad 1933 dan Akta Buang Negeri 1959.

**(d) Hak untuk Berhimpun Secara Aman**

Akta Perhimpunan Aman telah berkuat kuasa pada 23 April. Ia digubal berikutan Seksyen 27 Akta Polis 1967 yang telah lama mendapat kritikan, yang menetapkan keperluan untuk mendapatkan permit polis sebelum sebarang perhimpunan awam diadakan. Akta Perhimpunan Aman tidak memerlukan permit polis; apa diperlukan adalah pemberitahuan kepada polis 10 hari menjelang acara yang dirancang. Walau bagaimanapun, undang-undang baru mengenakan syarat-syarat lain pada penganjuran perhimpunan awam, di mana pihak ketiga yang terjejas dibenarkan membuat bantahan terhadap perhimpunan yang dirancang.

Sejak penguatkuasaan Akta Perhimpunan Aman, Suruhanjaya telah memerhatikan bahawa pihak polis telah mengawal daripada mengambil sebarang tindakan semasa perhimpunan besar-besaran seperti Himpunan Hijau di Pahang; di Pengerang, Johor; dan pada Perhimpunan 1 Mei di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, pihak polis turut mengenakan beberapa syarat kepada penganjur termasuk melarang penyertaan kanak-kanak di bawah 15 tahun dan melarang perarakan. Namun begitu, tiada insiden berlaku kepada mereka yang menghadiri perhimpunan bersama-sama dengan anak-anak. Suruhanjaya berpendapat bahawa sekatan-sekatan tertentu dalam Akta dan syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak polis adalah tidak praktikal dan menyekat kebebasan berhimpun.

**(e) Layanan terhadap Tahanan**

(i) Tahanan ISA di Kem Tahanan Kamunting (KEMTA)

Walaupun Kerajaan telah menggantikan ISA dengan Akta Keselamatan Kesalahan (Langkah-langkah Khas) 2012, sebarang perintah tahanan di bawah ISA sebelum pemansuhan itu masih berkuat kuasa, kecuali dibatalkan oleh Menteri Dalam Negeri. Akibatnya, beberapa tahanan yang masih di bawah perintah tahanan yang tidak dibatalkan telah mengadakan mogok lapar dalam bulan Mei sebagai meluahkan rasa tidak puas hati dan menuntut pembebasan segera dari Kem Tahanan Kamunting.

Pada 2 Julai, Gerakan Mansuhkan ISA telah menyerahkan memorandum kepada Suruhanjaya menggesa supaya menyiasat dakwaan bahawa tahanan yang mengadakan mogok lapar diganggu oleh pihak berkuasa di KEMTA. Sepasukan pegawai daripada Suruhanjaya telah melawat kem tahanan dan merakamkan temubual tahanan yang terlibat. Suruhanjaya juga memohon bantuan Kementerian Kesihatan untuk menghantar pakar forensik untuk memeriksa kesihatan tahanan berkenaan. Lawatan ke KEMTA telah dijalankan oleh Suruhanjaya dan Pasukan Forensik Hospital Pulau Pinang pada 6 Julai.

Berdasarkan kepada siasatan tersebut, Suruhanjaya telah menulis kepada Komisioner Jeneral Penjara berkenaan syor-syor seperti berikut:

- Garis Panduan Standard atau satu SOP perlu diwujudkan bagi mengendalikan tahanan/banduan yang melancarkan mogok lapar.
- Pemantauan berterusan dan pemeriksaan kesihatan ke atas tahanan yang membuat mogok lapar perlu diadakan. Tahanan perlu dirujuk ke hospital sekiranya tahap kesihatan mereka merosot.
- Pasukan perubatan perlu dibentuk di hospital terdekat untuk menyediakan rawatan sekiranya mogok lapar berlaku.

(ii) Banduan yang mempunyai masalah kesihatan di Penjara Kajang

Pada 17 Julai, isteri salah seorang banduan di Penjara Kajang membuat aduan kepada Suruhanjaya mengenai keadaan kesihatan suaminya. Suruhanjaya telah melawat banduan tersebut pada 19 September. Kesihatan beliau didapati merosot selepas beliau dikenakan sebatan sebanyak lapan kali oleh pihak berkuasa penjara sebagai sebahagian daripada hukumannya. Suruhanjaya telah membuat syor-syor berikut kepada pihak berkuasa penjara:

- Banduan perlu sentiasa menerima rawatan perubatan dan fisioterapi di hospital.
- Pihak penjara perlu berusaha untuk menyediakan kerusi roda untuk memudahkan pergerakan supaya banduan tidak perlu bergantung kepada banduan lain ataupun warden penjara.
- Banduan perlu diletakkan di dalam sel yang mempunyai sistem pengudaraan yang baik untuk mengelakkan jangkitan kudis.
- Banduan perlu menjalani pemeriksaan bagi mengenal pasti punca masalah kesihatan yang dihadapi.

(iii) Rakyat Malaysia yang ditahan di Teluk Guantanamo

Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa kerajaan Amerika Syarikat telah menahan rakyat Malaysia antara tahanan rakyat lain di Pusat Tahanan Teluk Guantanamo. Pada 2 Oktober, Suruhanjaya menulis kepada Kedutaan AS di Kuala Lumpur untuk mendapatkan identiti dan status rakyat Malaysia tersebut. Walaupun Suruhanjaya mengakui keperluan langkah-langkah pencegahan keganasan yang sah, namun menegaskan semula bahawa hak asasi manusia adalah amat penting dan harus didokong pada setiap masa.

(iv) Rakyat Malaysia yang ditahan di Penjara Australia

Suruhanjaya telah membantu dalam kes Encik Liew Chew Seng, 69, atas dasar kemanusiaan. Pada tahun 1991, Mahkamah Australia telah menjatuhkan hukuman 26 tahun penjara kerana beliau membunuh Dr Vincent Chang. Susulan daripada rayuan keluarga Encik Liew, wakil peguam Suruhanjaya telah melawat beliau pada 21 April di

Pusat Pemulihan Long Bay di Sydney. Beliau yang menghidap penyakit Parkinson turut menyatakan penyesalan atas jenayah yang dilakukan dan memohon maaf kepada keluarga doktor tersebut, rakyat serta Kerajaan Australia. Berdasarkan perkara ini, usianya serta penyakit yang dialami dan 21 tahun hukuman yang telah dijalani, Suruhanjaya membuat penghujahan bertulis kepada Pihak Berkuasa Parol New South Wales bagi menyokong pembebasan beliau dengan parol. Beliau telah dibebaskan, dan kembali ke Malaysia pada bulan Oktober.

(v) Warganegara Asing yang ditahan Malaysia

Suruhanjaya turut membantu dalam beberapa kes yang melibatkan penahanan warga asing, atas permintaan sama ada ahli keluarga mereka atau institusi hak asasi manusia nasional.

Sebagai satu contoh, terdapat permohonan daripada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional Mexico mengenai tiga rakyat Mexico yang telah dihukum mati oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur di bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional Mexico menyuarakan kebimbangan berkenaan lokasi dan layanan ketiga-tiga mereka. Setelah menghubungi pihak berkuasa, Suruhanjaya dibenarkan bertemu dengan ketiga-tiga tahanan di Penjara Kajang pada 19 September, mereka ditemubual dan hasil lawatan telah dipanjangkan kepada rakan sekutu yang berada di Mexico.

### **3. PELARIAN/PENCARI SUAKA**

Suruhanjaya menerima 50 aduan dari komuniti pelarian/pencari suaka di Malaysia, terutamanya warga pelarian dari Myanmar dan Sri Lanka. Antara isu-isu yang dibangkitkan adalah kelewatan mendapatkan dokumentasi dari Pesuruhjaya Tinggi bagi Pelarian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHCR) yang sepatutnya menguruskan pengiktirafan mereka sebagai pelarian. Di antara isu yang membimbangkan adalah kesukaran untuk dipilih bagi program penempatan semula oleh UNHCR. Suruhanjaya lazimnya memanjangkan permohonan sebegini kepada UNHCR untuk tindakan selanjutnya. UNHCR turut menyediakan statistik bulanan pada kes-kes yang diterima termasuk program penempatan semula.

Kebanyakan pelarian/pencari suaka mendakwa berada dalam kesusahan akibat gangguan oleh pihak berkuasa, ketidakupayaan untuk bekerja, dan kekurangan akses kepada perkhidmatan kesihatan dan pendidikan untuk kanak-kanak.

### **4. KANAK-KANAK DI PUSAT TAHANAN IMIGRESEN**

Kempen Global Tamatkan Tahanan Imigresen Kanak-Kanak telah dilancarkan pada 21 Mac pada sesi ke-19 Majlis Hak Asasi Manusia PBB di Geneva. Di Malaysia, kempen berkenaan dilancarkan secara bersama oleh sekumpulan NGO dan Suruhanjaya pada 2 April.

Lanjutan daripada kempen tersebut, Suruhanjaya dan NGO telah bertemu dengan Jabatan Imigresen dan Kementerian Dalam Negeri untuk mendapatkan kerjasama pihak berkuasa dalam menangani isu kanak-kanak di pusat-pusat tahanan Imigresen. Dalam mesyuarat tersebut, telah dipersetujui bahawa sebuah Kumpulan Kerja akan ditubuhkan dan ia akan terdiri daripada beberapa pihak berkepentingan yang berkaitan.

## 5. AKTIVITI PEMANTAUAN

### (a) Perhimpunan Awam

NGO, kumpulan pelajar, masyarakat terpinggir dan parti-parti politik menganjurkan perhimpunan awam bagi menyuarakan pendapat serta perasaan tidak puas hati, dalam melaksanakan kebebasan asasi dan hak-hak mereka seperti yang dijamin oleh Artikel 10(1)(b) Perlembagaan Persekutuan dan yang termaktub dalam Artikel 20(1) Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejangat. Suruhanjaya turut dijemput untuk memantau perhimpunan-perhimpunan yang diadakan.

*Penangkapan, penahanan atau pemenjaraan kanak-kanak hendaklah selaras dengan undang-undang dan hendaklah digunakan hanya sebagai langkah terakhir dan untuk tempoh yang singkat .*

*Artikel 37(B) CRC*



*Suruhanjaya menghantar pasukan pemantau ke perhimpunan Bersih 3.0 di Kuala Lumpur pada 28 April*

Jadual 2: Aktiviti Pemantauan, 2012

NO.	AKTIVITI	TARIKH	LOKASI
1.	Perhimpunan Keputusan Perbicaraan Kes Liwat Dato' Seri Anwar Ibrahim	9 Januari	Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur
2.	<i>Himpunan Hijau2.0 oleh Kumpulan Stop Lynas</i>	26 Februari	Kuantan, Pahang
3.	<i>Himpunan Hijau2.0 oleh Kumpulan Stop Lynas</i>	26 Februari	Maju Junction, Kuala Lumpur
4.	Perhimpunan oleh Gerakan Mansuhkan ISA	9 April	Jalan Parlimen, Kuala Lumpur
5.	Perhimpunan Bersih 3.0	28 April	Kuala Lumpur
6.	Perhimpunan oleh Komiti Satu Mei bersempena dengan Hari Buruh	1 Mei	Dataran Maybank, Kuala Lumpur
7.	Perhimpunan oleh pengikut Syiah bersempena sambutan hari lahir Siti Fatimah	14 Mei	Seri Gombak, Selangor
8.	Perhimpunan oleh Gerakan Mansuhkan ISA	28 Jun	Jalan Parlimen, Kuala Lumpur
9.	<i>Himpunan Hijau oleh Jawatankuasa Bertindak Bukit Koman</i>	2 September	Raub, Pahang
10.	<i>Himpunan Hijau oleh Jawatankuasa Bertindak Pengerang</i>	29 September	Desaru, Johor
11.	Perhimpunan oleh JERIT bersempena dengan Hari Habitat Sedunia	1 Oktober	Jalan Parlimen, Kuala Lumpur
12.	Pilihanraya Kampus di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	2 Oktober	Gombak, Selangor

## **(b) Pilihanraya Kampus**

Suruhanjaya, untuk pertama kalinya, telah dijemput untuk memerhati dan memantau pemilihan wakil pelajar di sebuah universiti awam pada 2 Oktober. Jemputan tersebut diterima setelah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) membatalkan keputusan pilihan rayanya atas sebab masalah teknikal.



*Pesuruhjaya Muhammad Sha'ani Abdullah memerhati proses pilihanraya di UIAM*

Selepas taklimat mengenai proses pilihanraya dijalankan, pasukan pemantau Suruhanjaya membuat lawatan ke semua pusat pengundian bagi memerhati pengundian dan pengiraan undi. Secara keseluruhannya, Suruhanjaya berpuas hati dengan cara pilihanraya tersebut dijalankan namun masih ada ruang untuk penambahbaikan. Ia merupakan satu langkah yang positif dengan membenarkan pihak luar untuk memantau pilihanraya dan telus menjalankan proses pilihanraya tersebut dan ini mencerminkan komitmen kepada pilihanraya kampus yang bebas dan adil.

## **(c) Tempat Tahanan**

Semasa Suruhanjaya membuat lawatan pemantauan ke tempat-tempat tahanan di seluruh negara, perhatian telah diberikan kepada keadaan fizikal, layanan terhadap tahanan, penyediaan diet dan penjagaan kesihatan. Suruhanjaya juga turut memberi perhatian kepada isu-isu tertentu yang dibawa kepada perhatiannya.

Adalah diperhatikan bahawa keadaan di pusat tahanan secara amnya telah memenuhi piawaian minimum. Walau bagaimanapun, beberapa pusat tahanan yang dibina semasa era penjajahan didapati tidak kondusif untuk didiami oleh tahanan. Sebagai contoh, di Penjara Taiping, tiada kemudahan tandas di beberapa sel dan tahanan terpaksa menggunakan baldi.

Tahanan yang menunggu pelaksanaan hukuman mati di kedua-dua Penjara Taiping dan Alor Setar mengadu bahawa mereka tidak diberikan masa yang mencukupi untuk aktiviti riadah. Mereka juga bertanya jika pertimbangan boleh dibuat untuk pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi meringankan beban kewangan ahli keluarga.

*Jadual 3: Lawatan ke Tempat Tahanan, 2012*

NO.	LOKASI	TARIKH
1.	Penjara Johor Bahru, Johor	27 Januari
2.	Penjara Taiping, Perak	28 Februari
3.	Penjara Alor Setar, Kedah	29 Februari
4.	Penjara Penor, Kuantan, Pahang	12 Mac
5.	Penjara Bentong, Pahang	13 Mac
6.	Pusat Pemulihan Akhlak, Muar, Johor	2 April
7.	Penjara Kluang, Johor	2 April
8.	Penjara Simpang Renggam, Johor	3 April
9.	Kem Tahanan Kamunting, Taiping, Perak	18 Mei
10.	Kem Tahanan Kamunting, Taiping, Perak	1 Jun
11.	Pusat Koreksional, Arau, Perlis	6 Jun
12.	Kem Tahanan Kamunting, Taiping, Perak	6 Julai
13.	Penjara Kajang, Selangor	19 September
14.	Kem Tahanan Kamunting, Taiping, Perak	8 November
15.	Pusat Koreksional, Arau, Perlis	19 Disember
16.	Pusat Pemulihan Akhlak, Batu Gajah, Perak	20 Disember

## II. BAHAGIAN INKUIRI

*Jika anda mahukan jaminan keselamatan, anda boleh perolehinya penjara. Di sana, anda akan disediakan makanan, pakaian, penjagaan kesihatan dan sebagainya. Tetapi, anda akan kekurangan sesuatu.....iaitu kebebasan.*

**Dwight D. Eisenhower,  
Presiden Amerika Syarikat yang ke-34**

### **1. SIASATAN AWAM KE ATAS INSIDEN SEBELUM DAN SEMASA PERHIMPUNAN AWAM PADA 9 JULAI 2011**

Pada 9 Julai 2011, satu perhimpunan awam telah diadakan di Kuala Lumpur bagi menunjukkan sokongan terhadap tuntutan yang dibuat oleh Gabungan Pilihanraya Bersih dan Adil (Bersih 2.0). Sebelum perhimpunan berkenaan diadakan, Kerajaan telah mengisytiharkan Bersih 2.0 sebagai satu gerakan yang tidak sah, menyebabkan Polis mengambil langkah pencegahan termasuk penahanan individu yang mempunyai kaitan dengan gerakan berkenaan. Walau bagaimanapun, perhimpunan tersebut diteruskan seperti dirancang. Sejumlah orang berhimpun di beberapa lokasi di sekitar Kuala Lumpur, bermula lebih kurang jam 8 pagi sehingga jam 4 petang, menyebabkan pihak polis bertindak menyuraikan orang ramai dengan menggunakan meriam air dan gas pemedih mata.

Selepas perhimpunan tersebut, Suruhanjaya telah mengambil keputusan untuk mengadakan satu Siasatan Awam setelah menerima banyak dakwaan berhubung pelanggaran hak asasi manusia. Hasil daripada pengumuman untuk maklumat lanjut, Suruhanjaya telah menerima sebanyak lapan penyerahan awam iaitu lima daripada orang perseorangan dan tiga daripada pertubuhan, masing-masing daripada Majlis Peguam, Tenaganita dan gabungan antara Suara Rakyat Malaysia dan Bersih 2.0. Seramai 36 individu telah dinamakan sebagai saksi.

Panel Siasatan Awam terdiri daripada Datuk Dr Khaw Lake Tee (Pengerusi); Prof Emeritus Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid (Ahli); dan Encik Detta Samen (Ahli). Terma rujukan adalah seperti berikut:

1. Untuk menentukan sama ada terdapat sebarang pelanggaran hak asasi manusia ke atas mana-mana individu atau pihak sebelum dan semasa perhimpunan awam 9 Julai 2011;
2. Sekiranya pelanggaran hak asasi manusia berlaku, perlu ditentukan:
  - Bagaimana pelanggaran tersebut berlaku
  - Apakah arahan pentadbiran, prosedur atau aturan yang menyebabkan pelanggaran tersebut
  - Siapa atau agensi mana yang bertanggungjawab ke atas pelanggaran tersebut; dan
3. Mengesyorkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk memastikan pelanggaran tersebut tidak berulang.

### **(a) Pendengaran Awam**

Siasatan Awam yang bermula pada 11 Oktober 2011 telah berakhir pada 17 April 2012. Sebanyak 16 pendengaran telah dijalankan dan 31 keterangan saksi telah dirakamkan di mana 14 adalah dari orang awam dan 17 dari agensi kerajaan yang berkenaan. Panel juga telah menerima sebanyak 42 eksibit termasuk laporan perubatan, gambar dan rakaman video. Selain itu, Panel juga telah mengadakan lawatan ke Hospital Tung Shin, Hospital Bersalin Cina, Bukit Persekutuan dan KL Sentral bagi membolehkan Panel mendapat gambaran yang lebih jelas tentang dakwaan insiden tersebut di ketiga-tiga lokasi berkenaan.

Sepertimana terma rujukan, laporan Panel dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu dakwaan pelanggaran hak asasi manusia yang dilakukan sebelum dan semasa perhimpunan. Laporan penuh telah diterbitkan dan boleh diperolehi di laman web Suruhanjaya. Berikut adalah ringkasan, keterangan dan penemuan ke atas aduan utama.

### **(b) Dakwaan Pelanggaran Hak Asasi Manusia Sebelum Perhimpunan Bersih 2.0**

#### **(i) Keterangan**

Dato' Ambiga Sreenevasan, Pengerusi Bersih 2.0, mendakwa bahawa disebabkan kedudukannya, beliau telah menerima pelbagai ancaman sebelum 9 Julai 2011, termasuk ugutan bunuh daripada individu yang tidak dikenali, serta gangguan daripada beberapa pihak termasuklah individu, polis dan beberapa pemimpin Kerajaan.

Dato' Ambiga mendakwa, laporan media telah memberi gambaran beliau dalam konteks yang salah dan ianya telah mengganggu privasi dan mengancam keselamatan diri dan keluarga beliau. Bagi menyokong dakwaan tersebut, beliau telah memberi beberapa contoh, antaranya bagaimana alamat rumah persendirian beliau telah disiarkan oleh sebuah stesen televisyen tempatan, ugutan telefon daripada individu yang tidak dikenali dan kenyataan tidak tepat telah disiarkan oleh beberapa media tempatan. Dato' Ambiga seterusnya menjelaskan bahawa beliau dan keluarganya berasa terancam dan bimbang dengan keselamatan mereka. Akhirnya beliau terpaksa menggunakan khidmat pengawal peribadi.

Dato' Ambiga turut mendakwa bahawa usaha telah dilakukan oleh pelbagai pihak, termasuk media arus perdana untuk merosakkan reputasi dan memfitnahnya. Usaha tersebut, menurut beliau lagi, bukan sahaja menjejaskan kedudukan beliau sebagai seorang pemimpin gerakan, tetapi juga secara tidak langsung memberikan tanggapan negatif terhadap perhimpunan Bersih 2.0 yang telah dirancang. Sebagai bukti, beliau telah menyerahkan sebanyak 287 artikel yang telah disiarkan oleh media.

(ii) Penemuan

Setelah meneliti semua rekod dan keterangan yang telah diberikan, Panel berpendapat bahawa bahan yang disiarkan oleh media, terutamanya media arus perdana telah menggambarkan perhimpunan Bersih 2.0 sebagai satu gerakan yang akan menimbulkan kekacauan. Terdapat juga beberapa usaha dari pelbagai pihak untuk menafikan Dato' Ambiga dari menyuarakan pendapat beliau.

Panel berpendapat liputan media tidak dibuat secara neutral atau tidak seimbang berkenaan isu dan tujuan perhimpunan Bersih 2.0. Kebanyakan dari berita yang dilaporkan adalah berat sebelah dan tidak memberi maklumat yang menyeluruh kepada orang awam.<sup>2</sup> Media juga tidak memberikan penilaian yang sewajarnya terhadap isu-isu yang berkenaan.

Panel mengakui dan menghormati kebebasan media untuk menyiarkan berita atau pandangan. Walau bagaimanapun, pihak media perlu bertanggungjawab dalam menyiarkan berita yang adil dan berasas. Media harus neutral dalam melaporkan dan menyediakan maklumat sepenuhnya mengenai berita atau peristiwa tanpa memihak kepada mana-mana pihak. Liputan perlulah tidak berat sebelah dan prejudis. Dalam hal ini, pihak pengurusan di peringkat media, terutama editor, harus sedar tentang peranan media dan selalu memastikan kebenaran maklumat sebelum menyiarkannya.

Panel juga mengambil maklum fungsi media untuk melapor dan merakam peristiwa untuk kepentingan orang awam. Semua fakta berkaitan dengan isu yang dibangkitkan mestilah diterbitkan untuk membantu orang ramai membuat pertimbangan mereka sendiri. Dalam hal ini, media memainkan peranan penting dalam membantu masyarakat untuk membuat penilaian yang betul berkenaan perkara atau isu, dengan menyalurkan maklumat yang benar dan tepat. Panel mengulangi semula pandangan Suruhanjaya bahawa pengamal media harus beretika dan profesional dalam memenuhi dan menjalankan tanggungjawab tersebut.<sup>3</sup>

Begitu juga hak individu untuk mendapat keselamatan dan bebas dari sebarang gangguan haruslah diambil kira dalam laporan media. Sebarang maklumat tidak berkenaan yang mungkin mengancam keselamatan seperti alamat rumah atau nombor telefon tidak harus disiarkan.

---

2 Eksibit 39, *Report of the Public Inquiry Into the Infringement of Human Rights Including the Use of Excessive Force Prior to and During the Assembly on 9 July 2012*

3 *A Case for Media Freedom: Report of SUHAKAM's Workshop on Freedom of the Media*, m/s 10-11

### (c) Dakwaan Pelanggaran Hak Asasi Manusia Semasa Perhimpunan Bersih 2.0

(i) Keterangan

Beberapa peserta telah ditahan semasa perhimpunan dan kecederaan yang dialami didakwa berpunca dari tindakan anggota polis. Ini berdasarkan keterangan saksi-saksi seperti Hanafi Hawari, Yap Jee Kit, Fayyadh Afiq Akbakqry dan Muhammad Sabu disokong oleh saksi-saksi lain, gambar dan keterangan pakar dari pegawai perubatan.

(ii) Penemuan

Setelah membuat pertimbangan yang teliti, Panel berpendapat bahawa kecederaan yang dialami berlaku semasa proses tangkapan atau semasa perhimpunan.



*Hanafi Hawari sejurus selepas tangkapan*



*Kecederaan dialami oleh Fayyadh Afiq Albakqry*

Panel berpendapat kecederaan yang dialami oleh Muhammad Sabu berlaku semasa beliau ditangkap. Walaupun tiada bukti secara langsung bahawa penangkapan oleh polis telah menyebabkan kecederaan, namun Panel ambil maklum bahawa kaedah yang digunakan sepatutnya setimpal dengan atau berkadaran dengan tahap risiko pada ketika itu.

Walaupun Panel menyedari sepenuhnya tugas pasukan polis untuk melindungi keselamatan, Panel berpendapat bahawa anggota polis juga perlu mengambil kira hak-hak individu. Pihak polis harus memastikan bahawa mereka yang ditahan boleh melaksanakan hak-hak yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain. Sepertimana saksi telah menjelaskan tahap kecederaan yang dialami semasa mereka ditangkap, Panel menyatakan polis perlu memastikan rawatan perubatan disediakan bagi mereka yang memerlukan dan ia seharusnya dijadikan satu amalan. Selepas membuat penilaian secara objektif bahawa kecederaan tersebut memerlukan rawatan perubatan, pegawai atau kakitangan polis harus memastikan bantuan diberi serta merta.

#### **(d) Insiden di luar Hospital Tung Shin (TSH) dan Hospital Bersalin Cina**

(i) Keterangan

Panel meneliti dakwaan bahawa air campuran bahan kimia dan gas pemedih mata telah disembur ke arah peserta yang mencari perlindungan di pekarangan dua hospital. Saksi-saksi termasuk seorang wakil 'Siasatan Dalam Kementerian Kesihatan Malaysia-Tuduhan Menembak Gas Pemedih Mata dan Meriam Air di Hospital Tung Shin, Kuala Lumpur'; anggota polis dan kakitangan hospital.

Pegawai bertugas dan krew sebuah trak meriam air mengakui bahawa air semburan daripada kenderaan tersebut telah disembur ke arah kompaun TSH, tetapi mendakwa tidak disengajakan disebabkan oleh beberapa faktor:

- Terdapat kekeliruan berlaku semasa peserta sedang berlari masuk ke dalam kawasan hospital.
- Salah seorang anggota mengatakan beliau tidak mengetahui bahawa terdapat hospital di kawasan tersebut kerana beliau tidak biasa dengan kawasan di Kuala Lumpur.
- Keadaan trak meriam air serta bahan Perspex yang digunakan untuk cermin hadapan menyukarkan anggota mengendalikan peralatan atau menilai dengan betul keadaan di luar kenderaan tersebut.

(ii) Penemuan

Keterangan dari saksi meyakinkan Panel bahawa penggunaan meriam air, gas pemedih mata dan peralatan lain yang boleh mendatangkan risiko keselamatan kepada individu tidak harus digunakan di dalam dan sekitar tempat-tempat awam seperti hospital dan sekolah.

#### **(e) Penggunaan Gas Pemedih Mata di Terminal Bas KL Sentral**

(i) Keterangan

Beberapa saksi berkata gas pemedih mata telah ditembak ke arah peserta yang berkumpul di terminal bas di KL Sentral. Disebabkan sebahagian daripada kawasan itu ditutup, insiden itu telah mencetuskan huru-hara dalam ruang yang terhad. Ditambah dengan keadaan yang agak gelap dan kekurangan laluan keluar, ia menyukarkan peserta untuk bersurai.

Panel telah mendengar testimoni yang disokong oleh rakaman video bahawa kanister gas pemedih mata telah ditembak oleh anggota polis dari hujung bertentangan dengan terminal bas. Ini boleh menyebabkan kematian atau kecederaan kepada peserta. Seorang anggota polis telah dilihat menembak kanister gas pemedih mata terus ke arah peserta, bukan ke bawah seperti yang diarahkan.

(ii) Penemuan

Selepas meneliti bukti-bukti, Panel berpendapat bahawa kaedah yang digunakan untuk menyuraikan orang ramai di terminal bas tidak sesuai disebabkan lokasi dan keadaan kawasan tersebut. Kaedah yang digunakan dalam penyuraian peserta perhimpunan perlu mengambil kira risiko kepada peserta dan anggota polis sendiri.

## **2. SIASATAN AWAM KE ATAS INSIDEN SEMASA DAN SELEPAS PERHIMPUNAN AWAM PADA 28 APRIL 2012**

Pada 3 April, Parlimen telah menerima laporan yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Pemilih Parlimen mengenai Pembaharuan Pilihan Raya, yang ditubuhkan untuk mengkaji tuntutan Jawatankuasa Pemandu Bersih 2.0 untuk pilihan raya yang bersih dan adil. Walau bagaimanapun, pada keesokan harinya Bersih 2.0 melahirkan rasa tidak puas hati dengan laporan itu dan mengumumkan bahawa ia akan menganjurkan satu lagi perhimpunan, yang digelar 'Duduk Bantah', dari jam 2-4 petang pada 28 April di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

Pada 24 April, polis telah mengeluarkan satu kenyataan akhbar bahawa mereka telah memperolehi Perintah Mahkamah di bawah Seksyen 98 Kanun Prosedur Jenayah dari Mahkamah Majistret Kuala Lumpur. Perintah tersebut melarang orang awam daripada menganjurkan sebarang perhimpunan atau aktiviti di Dataran Merdeka dari 28 April hingga 1 Mei.

Media telah melaporkan bahawa Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menawarkan beberapa tempat alternatif –seperti Stadium Merdeka, Stadium Titiwangsa dan Stadium Bukit Jalil–tetapi penganjur telah menolak atas alasan bahawa mereka telah diberikan masa yang singkat untuk membuat sebarang perubahan.

Terdapat juga laporan menyatakan bahawa polis membenarkan orang ramai untuk bertemu di enam tempat perhimpunan yang dipilih oleh Bersih 2.0, dengan syarat bahawa perarakan tidak diadakan. Polis kemudian menyekat beberapa jalan raya di pusat bandar dan menutup Dataran Merdeka dengan penghadang. Kawasan tersebut dikawal rapi. Walau bagaimanapun, perhimpunan tetap diteruskan pada 28 April.

Selepas peristiwa tersebut, beberapa pihak telah menggesa Suruhanjaya untuk mengadakan Siasatan Awam terhadap dakwaan pencabulan hak asasi manusia semasa dan selepas perhimpunan. Pada masa itu, KDN telah menubuhkan 'Panel Siasatan Bebas ke atas Bersih 3.0'<sup>4</sup> yang diketuai oleh Tun Hanif Omar. Suruhanjaya memutuskan untuk melihat terma rujukan panel tersebut sebelum memutuskan sama ada untuk mengadakan Siasatan Awam ataupun tidak.

Walaupun bagaimanapun, Panel Bebas tersebut tidak mengumumkan terma rujukan untuk masa itu. Pada masa yang sama, Suruhanjaya telah menerima sejumlah aduan dan memorandum mengenai dakwaan pencabulan hak asasi manusia. Berdasarkan laporan oleh pasukan pemantau Suruhanjaya dan aduan-aduan yang dikemukakan, Suruhanjaya telah mengumumkan

4 Bersih 3.0 merujuk kepada perhimpunan 'Duduk Bantah'

pada 21 Mei untuk mengadakan satu Siasatan Awam Ke Atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam pada 28 April 2012.

Panel Siasatan yang terdiri daripada Datuk Dr Khaw Lake Tee (Pengerusi), Profesor Emeritus Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid (Ahli) and Encik Detta Samen (Ahli). Terma Rujukan adalah seperti berikut:

1. Untuk menentukan sama ada terdapat sebarang pelanggaran hak asasi manusia berlaku terhadap mana-mana individu atau pihak semasa dan selepas perhimpunan;
2. Sekiranya pelanggaran hak asasi berlaku, untuk mengenalpasti:
  - Bagaimana pelanggaran tersebut berlaku
  - Apakah arahan pentadbiran dan prosedur, atau aturan yang menyebabkan pelanggaran tersebut
  - Siapa atau agensi mana yang bertanggungjawab terhadap pelanggaran tersebut; dan
3. Untuk mengesyorkan langkah-langkah bagi memastikan pelanggaran tersebut tidak akan berulang.

#### **(a) Pendengaran Awam**

Siasatan Awam bermula pada 5 Julai dan berjalan selama 29 hari. Seramai 49 saksi telah memberi keterangan semasa pendengaran awam dan mengemukakan bukti yang berkaitan. Kebanyakan orang awam dan media hadir dengan sendiri, manakala anggota polis dipanggil berdasarkan keterangan yang didengar (Jadual 4). Saksi-saksi telah dipanggil di bawah Seksyen 14 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, berdasarkan kuasa yang diperuntukkan kepada Suruhanjaya.

*Jadual 4: Jumlah Saksi Mengikut Kategori*

NO.	KATEGORI	JUMLAH SAKSI
1.	Orang Awam	19
2.	Wakil Media	4
3.	Anggota Polis	18
4.	Profesional/Pakar	8
<b>JUMLAH</b>		<b>49</b>



*Demonstrasi penggunaan gas pemedih mata oleh Unit Simpanan Persekutuan*

### III. HARAPAN MASA DEPAN

Pada tahun hadapan, **Bahagian Aduan dan Pemantauan** akan meningkatkan usaha dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan penahanan kanak-kanak di pusat tahanan imigresen, dan kes-kes kematian dalam tahanan berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pihak polis. Bahagian Aduan dan Pemantauan berharap untuk bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa dan kumpulan masyarakat sivil dalam menangani isu-isu ini dengan lebih berkesan. Lawatan yang lebih sistematik akan diadakan ke tempat-tempat tahanan. Selaras dengan keputusan Suruhanjaya untuk memulakan kerja mengenai kanak-kanak kurang upaya dalam pembelajaran dan warga tua, lawatan akan diadakan ke tempat-tempat berkaitan seperti rumah orang tua, pada tahun hadapan.

**Bahagian Inkuiri** akan menerbitkan Laporan Siasatan Awam Ke Atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam pada 28 April 2012. Ia juga akan mengadakan perbincangan mengenai syor-syor Suruhanjaya berhubung dengan Siasatan Awam. Keutamaan akan diberikan kepada hak untuk berhimpun secara aman, dan usaha pihak berkuasa dan penganjur untuk memastikan bahawa hak demokratik ini didokong dan dihormati.

# 3

## BAB

### LAPORAN KUMPULAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DASAR

- Bahagian Penyelidikan
- Bahagian Pembangunan Dasar
- Bahagian Koordinasi Antarabangsa

## I. BAHAGIAN PENYELIDIKAN

*Bahawasanya, ia telah lama diiktiraf bahawa elemen utama dalam mempertahankan hak asasi manusia adalah pengetahuan mendalam masyarakat tentang hak-hak mereka dan bagaimana hak-hak tersebut dilindungi.*

**Boutros Boutros-Ghali,  
Setiausaha Agung  
Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu**

Di bawah penstrukturan semula organisasi, Suruhanjaya telah menggabungkan Kumpulan Kerja Pembaharuan Undang-undang dan Triti Antarabangsa; Kumpulan Kerja Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan; dan Jawatankuasa Isu dan Kerjasama Antarabangsa dan dikenali sebagai Kumpulan Penyelidikan dan Pembangunan Dasar.

Adalah menjadi tanggungjawab kumpulan ini untuk membantu Suruhanjaya dalam menasihati Kerajaan bagi memastikan undang-undang dan polisi selari dengan piawaian hak asasi manusia dan mencadangkan supaya Kerajaan meratifikasi atau menyertai instrumen-instrumen antarabangsa mengenai hak asasi manusia. Selain itu, Kumpulan ini juga bertanggungjawab memastikan penglibatan Suruhanjaya di peringkat antarabangsa mengenai isu hak asasi manusia.

Bahagian Penyelidikan mengambil alih tugas dan fungsi Kumpulan Kerja Pembaharuan Undang-undang dan Triti Antarabangsa. Sepanjang tahun ini, Bahagian ini telah menjalankan kajian bagi mendapatkan pandangan-pandangan pihak berkepentingan mengenai perkembangan isu-isu hak asasi manusia. Bahagian ini juga membantu dalam menyediakan Laporan Bebas kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai pelaksanaan tanggungjawab Malaysia di bawah triti-triti antarabangsa yang telah diratifikasi olehnya.

## **1. PEMANTAUAN BAGI PELAKSANAAN KONVENSYEN MENGENAI PENGHAPUSAN SEGALA BENTUK DISKRIMINASI TERHADAP WANITA (CEDAW)**

### **(a) Laporan Bebas kepada Jawatankuasa CEDAW**

Memandangkan Kerajaan akan mengemukakan Laporan Berkala ke 3 dan ke 4 mengenai CEDAW kepada PBB, Suruhanjaya telah menyediakan satu Laporan Bebas untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa CEDAW (Laporan CEDAW). Laporan CEDAW ini akan menjadi satu dokumen tambahan kepada Laporan Berkala Kerajaan. Laporan Bebas ini akan mengutarakan isu-isu berdasarkan pemerhatian Suruhanjaya berkenaan perkembangan Kerajaan dalam melaksanakan pandangan dan cadangan oleh Jawatankuasa CEDAW sepertimana terdapat dalam Komen Kesimpulan pada 2006.<sup>1</sup> Laporan CEDAW ini menekankan beberapa isu iaitu:

- (i) Ketiadaan Akta Kesaksamaan Jantina  
Walaupun Artikel 8 Perlembagaan Persekutuan telah dipinda pada 2001 dengan memasukkan perkataan 'jantina' sebagai satu asas larangan diskriminasi, Malaysia masih belum mempunyai satu Akta Kesaksamaan Jantina. Kerajaan telah memulakan perbincangan pada 2010 bagi mengumpul maklumat, namun hasil perbincangan tersebut masih tidak diketahui. Suruhanjaya menyeru Kerajaan untuk mempercepatkan proses merangka undang-undang tersebut melalui konsultasi dengan pihak-pihak berkepentingan. Adalah menjadi harapan Suruhanjaya agar undang-undang yang dicadangkan itu dapat mempromosi dan melindungi hak wanita sekaligus mengangkat dan memperkasakan martabat mereka.
- (ii) Perbezaan peruntukan kewarganegaraan dalam Perlembagaan Persekutuan  
Anak-anak kepada wanita warganegara Malaysia yang berkahwin dengan lelaki asing tidak diberikan taraf warganegara secara automatik. Anak-anak ini hanya layak mendapat taraf warganegara jika mereka dilahirkan di Malaysia. Manakala, anak-anak kepada lelaki warga Malaysia yang berkahwin dengan wanita asing layak mendapat taraf warganegara tanpa mengambil kira tempat lahir anak-anak tersebut, dengan syarat kelahiran mereka didaftarkan dengan Kedutaan Malaysia dalam tempoh yang telah ditetapkan, sepertimana yang termaktub dalam Artikel 14 Perlembagaan Persekutuan. Suruhanjaya sedia maklum berhubung prosedur pentadbiran yang diperkenalkan pada tahun 2010 yang membenarkan wanita warga Malaysia yang berkahwin dengan warga asing untuk memohon taraf warganegara bagi anak-anak mereka yang dilahirkan di luar negara. Bagaimanapun, dari sudut Perlembagaan, masih wujud diskriminasi ke atas wanita yang bersuamikan warga asing.

Artikel 15 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa taraf warganegara boleh diberikan kepada isteri berwarga asing kepada seorang lelaki warga Malaysia melalui permohonan kepada Kerajaan. Walau bagaimanapun, tiada peruntukan serupa bagi suami kepada wanita Malaysia.

---

<sup>1</sup> Berdasarkan Laporan Pertama dan Berkala Malaysia mengenai CEDAW 2004, Jawatankuasa CEDAW telah mengeluarkan Komen Kesimpulan yang mengandungi komen-komen positif, isu-isu yang perlu diutamakan dan syor-syornya.

Melihat kepada situasi ini, Suruhanjaya menggesa Kerajaan untuk mengkaji semula peruntukan undang-undang secara amnya, dan Perlembagaan Persekutuan secara khususnya bagi memastikan ianya konsisten dengan prinsip tiada-diskriminasi dan selari dengan tanggungjawab triti Malaysia.

(iii) Penderaan seksual dan keganasan rumahtangga, dan rogol dalam perkahwinan  
Suruhanjaya mengalu-alukan tindakan Kerajaan untuk menggubal seksyen 375A Kanun Keseksaan untuk menjadikan perbuatan suami yang menandatangani kecederaan dengan niat untuk melakukan persetubuhan dengan isteri sebagai satu jenayah. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya menyedari bahawa terdapat pengecualian bagi kesalahan rogol di bawah seksyen 375 yang menjadikan kesalahan rogol dalam perkahwinan sebagai bukan satu jenayah. Suruhanjaya menyeru supaya pengecualian di bawah seksyen 375 ini dimansuhkan.

(iv) Hak bagi penjagaan kesihatan  
Penyediaan perkhidmatan penjagaan kesihatan semakin bertambah baik. Wanita - termasuk golongan terpinggir seperti orang miskin, Orang Asal/Asli dan migran - adalah tidak terkecuali daripada mendapat akses yang adil dan sama rata terhadap perkhidmatan ini. Walau bagaimanapun, kekurangan akses dari segi fizikal dan ekonomi untuk mendapatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan masih berterusan di beberapa kawasan pedalaman, sementara penyediaan perkhidmatan kesihatan ke kawasan tersebut ada kalanya tidak menentu disebabkan, antara lain, faktor cuaca yang buruk.

Penduduk di kawasan pedalaman juga kurang akses kepada maklumat berkenaan dengan langkah pencegahan penyakit, terutama yang berpotensi menjangkiti golongan wanita. Sebagai contoh, seseorang wanita boleh terdedah dengan jangkitan HIV/AIDS jika pasangan mereka terlibat dalam perhubungan seksual secara rambang. Suruhanjaya menggesa Kerajaan untuk menggandakan usaha dalam menyediakan maklumat supaya dapat mendidik masyarakat mengenai isu-isu kesihatan.

(v) Penggabungan peraturan-peraturan mengenai gangguan seksual ke dalam Akta Pekerja  
Pada 2011, Kerajaan telah memasukkan definisi 'gangguan seksual' dan peruntukan-peruntukan yang berkaitan<sup>2</sup> ke dalam Akta Pekerja 1955 untuk menangani isu gangguan seksual di tempat kerja. Suruhanjaya berpandangan bahawa definisi 'gangguan seksual' adalah tidak cukup menyeluruh. Pertama, ia memperuntukkan bahawa majikan, dan bukan pekerja yang menentukan sama ada gangguan seksual terjadi atau tidak. Kedua, definisinya hanya terbatas bagi kejadian yang didakwa berlaku di tempat kerja. Pada masa yang sama, proses aduan dan hukuman tidak dinyatakan dengan secukupnya.

Suruhanjaya sangat bimbang tentang prosedur aduan berhubung dakwaan gangguan seksual oleh majikan. Dalam kes sebegini, Ketua Pengarah Tenaga Kerja diberi kuasa mengarahkan majikan untuk menyasat aduan yang dikemukakan, yang mana ini boleh

---

2 Bahagian XVA Gangguan Seksual, Seksyen 81A, 81B, 81C, 81D, 81E, 81F dan 81G Akta Pekerja (Pindaan) 2012, Akta A1419 berkuatkuasa pada 1 April 2012.

menyebabkan sikap berat sebelah. Oleh yang demikian, Suruhanjaya mengesyorkan supaya Kerajaan dapat mengkaji semula peraturan semasa dan mempertimbangkan satu undang-undang berasingan dan yang komprehensif terhadap gangguan seksual.

(vi) Cuti bersalin

Kerajaan telah melanjutkan cuti bersalin dari 60 ke 90 hari, berkuatkuasa mulai 15 Oktober 2010. Hal ini adalah selari dengan semangat yang terkandung dalam CEDAW dan telah memberikan para ibu peluang untuk menjalinkan hubungan dengan anak mereka yang mana ia adalah amat penting di peringkat awal kelahiran. Kerajaan telah menghadkan kelayakan jumlah cuti sebanyak 300 hari, dan wanita diberikan fleksibiliti dalam merancang tempoh bercuti antara 60 dan 90 hari bagi setiap kelahiran.

Suruhanjaya berpendapat bahawa cuti bersalin yang telah dihadkan boleh menyekat hak reproduktif seseorang wanita.<sup>3</sup> Tambahan pula, kebanyakan majikan di sektor swasta telah mengekalkan tempoh cuti selama 60 hari. Suruhanjaya menyeru Kerajaan untuk mempertimbangkan semula jumlah bilangan hari cuti bersalin yang telah dihadkan dan memastikan tempoh 90 hari bercuti dilanjutkan kepada golongan wanita yang bekerja di sektor swasta.

(vii) Penglibatan wanita dalam tenaga kerja

Suruhanjaya mengambil maklum mengenai peningkatan jumlah golongan profesional di kalangan wanita, namun begitu Suruhanjaya berpendapat bahawa usaha perlu dipergiatkan bagi memastikan penglibatan mereka adalah saksama dan adil terutamanya dalam bidang ekonomi, politik dan kehakiman. Usaha-usaha juga perlu dipertingkatkan bagi memastikan jumlah wanita di peringkat pembuat keputusan di sektor awam dan swasta adalah munasabah.

(viii) Pemerdagangan wanita dan kanak-kanak perempuan

Pelan Tindakan Nasional (2010-2015) mengenai pemerdagangan orang telah memperlihatkan penubuhan Majlis Anti-Pemerdagangan Orang di bawah Kementerian Dalam Negeri. Majlis ini meneruskan usaha untuk menyelaraskan pelaksanaan Akta Anti-Pemerdagangan Orang dan Anti-Penyeludupan Migran 2007; dan merangka dasar dan program-program bagi mencegah dan memerangi kesalahan-kesalahan yang berkaitan.

Suruhanjaya mengesyorkan supaya tahap kesedaran di kalangan semua peringkat masyarakat khususnya golongan wanita dan kanak-kanak dipertingkatkan lagi. Memandangkan jenayah pemerdagangan orang adalah merentasi sempadan, kerjasama antarabangsa, serantau dan antara pelbagai agensi harus diperkukuhkan dan diperluaskan.<sup>4</sup> Suruhanjaya mengharapkan agar hak-hak mangsa yang diselamatkan dari jenayah ini dijamin mulai saat mereka diselamatkan dan seterusnya semasa proses pemulihan sehinggalah saat mereka diintegrasikan semula ke dalam masyarakat.

---

3 Jumlah 300 hari tempoh cuti bersalin akan menghadkan bilangan anak wanita bekerjaya.

4 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, Bab 7: Pemerdagangan Wanita, Laporan mengenai Hak Wanita di Malaysia, m/s 51

(ix) Hak-hak ibu tunggal

Semasa seminar mengenai ibu tunggal pada 20 Oktober 2010, Suruhanjaya telah mengambil maklum akan kesukaran yang dihadapi oleh ibu tunggal dalam proses pemindahmilikan rumah yang dibina di bawah Projek Perumahan Awam dan Projek Perumahan Rakyat selepas kematian suami. Suruhanjaya mencadangkan agar polisi ini dikaji semula. Kerajaan juga perlu memastikan penambahan pembinaan unit rumah awam di seluruh negara, termasuk di kawasan luar bandar dan pedalaman di negeri Sabah dan Sarawak.

Kerajaan juga perlu menubuhkan kemudahan penjagaan kanak-kanak yang berpatutan dan boleh diakses bagi ibu bapa yang bekerja, termasuk golongan ibu tunggal, terutamanya bagi mereka yang berpendapatan rendah. Kini, terdapat kekurangan pusat jagaan harian kanak-kanak khususnya untuk kanak-kanak kurang upaya, di tempat kerja.

(x) Konflik di antara undang-undang Syariah dan sivil berkenaan perkahwinan

Di bawah sistem kehakiman Malaysia, hak perundangan keluarga bagi Muslim dan bukan Muslim ditadbir oleh undang-undang yang berbeza. Sebagai contoh, perkahwinan pasangan bukan Muslim ditadbir oleh Akta Undang-undang Pembaharuan (Perkahwinan dan Penceraian) 1976, yang diletakkan di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi Sivil. Manakala, perkahwinan pasangan Muslim ditadbir oleh Enakmen Undang-undang Syariah negeri masing-masing dan berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Dalam kes-kes di mana terdapat salah seorang pasangan menganut agama Islam, suatu keadaan pertelingkahan undang-undang mungkin akan timbul yang membawa kepada isu-isu bidang kuasa berhubung pertikaian penjagaan anak, nafkah bagi isteri dan anak-anak dan pengagihan harta perkahwinan.

Suruhanjaya menggesa agar satu kajian semula dijalankan dalam usaha untuk menyediakan prosedur yang jelas dan komprehensif bagi isu penukaran agama Islam, yang seterusnya akan memberi pencerahan dalam menangani isu mengenai status perkahwinan, pembahagian harta perkahwinan, hak penjagaan anak dan pembayaran nafkah.

(xi) Pembantu rumah migran

Secara umumnya, pekerja migran adalah dilindungi oleh Akta Pekerja 1955. Namun, Akta ini tidak memberi perlindungan sepenuhnya kepada pembantu rumah migran. Tiada kesatuan kerja untuk golongan ini. Kesatuan kerja yang sedia ada secara umumnya didominasi oleh lelaki, yang mewujudkan persekitaran di mana pembantu rumah migran tidak mempunyai pilihan lain jika hak mereka dicabuli oleh majikan. Suruhanjaya mencadangkan agar pembantu rumah migran diberikan perlindungan dan remedi yang bersesuaian di atas penderaan yang dilakukan oleh majikan. Selain itu, mereka juga patut dibenarkan untuk kekal dan bekerja dalam negara sementara menunggu dan semasa proses perbicaraan kes. Suruhanjaya turut mencadangkan agar Malaysia mewujudkan satu undang-undang atau meminda undang-undang sedia ada untuk melindungi pembantu rumah migran dan meratifikasi Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa No 189 mengenai Kerja-kerja yang Bersesuaian dengan Pembantu Rumah.

Dalam perkara lain yang berkaitan, Suruhanjaya berasa kecewa apabila mendapati bahawa undang-undang berkenaan dengan gaji minimum adalah tidak terpakai kepada pembantu rumah, yang mana merupakan satu bidang kerja yang didominasi oleh wanita.

(xii) Pelarian/pencari suaka wanita

Malaysia tidak meratifikasi Konvensyen Berkenaan Status Orang Pelarian 1951 dan Protokol berkenaan Status Orang Pelarian 1967. Undang-undang kebangsaan tidak membezakan antara pelarian, pencari suaka atau imigran yang tidak berdokumen. Kebanyakan pelarian dan pencari suaka wanita tidak bekerja dan mereka bergantung kepada pasangan dan ahli keluarga untuk sokongan kewangan. Ketiadaan sumber kewangan merupakan dilema utama kepada mereka. Jika ditangkap, mereka akan ditahan di depot tahanan imigrasi dan hanya dibebaskan setelah campur tangan daripada Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Orang Pelarian. Suruhanjaya menyeru kepada Kerajaan untuk menandatangani Konvensyen Berkenaan Status Orang Pelarian 1951.

(xiii) Protokol Pilihan kepada CEDAW

Suruhanjaya sentiasa menyeru Kerajaan supaya meratifikasi Protokol Pilihan kepada CEDAW, yang memperuntukkan dua prosedur dalam aduan – prosedur komunikasi dan prosedur inkuiri. Individu berhak untuk membuat aduan di bawah Protokol Pilihan ini - jika ia diratifikasi – setelah menggunakan kesemua proses kehakiman domestik.

Suruhanjaya berharap Kerajaan akan terus bekerjasama dengan Jawatankuasa CEDAW dalam melaksanakan cadangan daripada Komen Kesimpulan Jawatankuasa tersebut demi memastikan kesamarataan substantif untuk wanita, dan mencegah diskriminasi.

Suruhanjaya menegaskan semula cadangannya agar Kerajaan menarik balik reservasi-reservasi CEDAW terhadap Artikel 9(2), 16(1)(a), 16(1)(c), 16(1)(f) dan 16(1)(g) dan meratifikasi Protokol Pilihan CEDAW.

## **(b) Konsultasi bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berhubung Laporan Negara Berkala CEDAW**

Pada 15 Ogos, KPWKM telah menjemput Suruhanjaya untuk membincangkan draf Laporan Berkala ke 3 dan ke 4 Negara CEDAW ke PBB. Suruhanjaya turut dijemput untuk memberi maklum balas berhubung draf laporan ini dan telah pun berbuat demikian.

## **2. MEMANTAU PELAKSANAAN KONVENSYEN MENGENAI HAK KANAK-KANAK (CRC)**

Dalam persediaan untuk penyerahan Laporan Bebas Suruhanjaya mengenai CRC 2012 kepada PBB, Suruhanjaya telah melawat 10 buah sekolah terpilih yang terdiri daripada lima buah sekolah rendah, lima sekolah menengah di Kuala Lumpur dan Selangor, untuk mengumpul pandangan kanak-kanak dalam isu hak asasi manusia. Lawatan berkenaan telah dijalankan dalam tempoh dua bulan setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Pelajaran, Jabatan Pelajaran Selangor dan Jabatan Pelajaran Kuala Lumpur.

Pegawai Suruhanjaya telah berjumpa dengan 10-15 pelajar daripada setiap sekolah. Soalan-soalan yang dikemukakan memfokuskan isu-isu yang memerlukan Kerajaan mengambil lebih banyak langkah-langkah dalam memastikan semua kanak-kanak dapat menikmati sepenuhnya hak seperti yang dijamin oleh CRC:

- Sejauh mana kebebasan bersuara yang dinikmati oleh kanak-kanak
- Pandangan mereka terhadap sistem pendidikan kebangsaan
- Permerhatian mereka berkaitan hubungan antara kaum
- Isu pembuangan bayi
- Kebebasan media
- Keperluan hukuman rotan di sekolah
- Buli di sekolah

Respons daripada pelajar ini telah diserap ke dalam Laporan CRC 2012, sebagai tambahan terhadap pemerhatian-pemerhatian Suruhanjaya daripada lawatan-lawatan dan pandangannya berkenaan isu-isu yang terlibat. Maklumat dan penemuan daripada lawatan-lawatan ini turut digunakan oleh Suruhanjaya untuk tujuan pengesahan, kajian lanjut dan aktiviti-aktiviti lain yang dirasakan sesuai.

Laporan CRC 2012 mengetengahkan isu-isu yang menjadi perhatian Suruhanjaya, seperti kanak-kanak kurang upaya, layanan kejam dan tidak berperikemanusiaan, kebebasan agama, hak kanak-kanak pelarian, hak pendidikan, pemerdagangan kanak-kanak dan eksploitasi seks, hak kanak-kanak orang asli dan kanak-kanak tanpa kerakyatan.

Seperti yang diketengahkan dalam Laporan, Suruhanjaya mendapati terdapat kekurangan penglibatan secara keseluruhan jentera Kerajaan dalam merealisasikan matlamat-matlamat CRC. CRC dan isu-isu berkenaan hak kanak-kanak adalah, secara keseluruhannya, dipertanggungjawabkan kepada KPWK. Walaupun terdapat konsultasi dan kerjasama antara Kementerian dan agensi, Suruhanjaya berpendapat bahawa hak asasi manusia dan isu hak asasi kanak-kanak tidak seharusnya menjadi tanggungjawab dan perhatian KPWK sahaja.

Kanak-kanak juga kurang dilibatkan dalam proses membuat keputusan yang berkaitan dengan kepentingan mereka; yang mana ini adalah bertentangan dengan semangat CRC. Sebagai contoh, berdasarkan lawatan ke sekolah-sekolah, Suruhanjaya mendapati kanak-kanak kurang upaya menghadapi banyak cabaran untuk belajar dalam sistem pendidikan sekarang. Penglibatan kanak-kanak, ibu bapa serta guru dalam mempertimbangkan pandangan dan pengalaman mereka mungkin dapat membantu Kerajaan dalam menambahbaik sistem ini.

### **3. MEMANTAU PELAKSANAAN KONVESYEN MENGENAI HAK ORANG KURANG UPAYA (CRPD)**

Pada 17 Mac, Suruhanjaya telah menerima satu memorandum yang dikenali sebagai 'Bangkit 2012' daripada Kumpulan Kerja Orang Kurang Upaya, Jawatankuasa Hak Asasi Majlis Peguam Malaysia. Sebelas isu telah diketengahkan antaranya ialah pendaftaran orang-orang kurang upaya (OKU), sistem pendidikan yang memenuhi keperluan-keperluan OKU, akses kepada

kemudahan, pekerjaan dan kemahiran hidup. Memorandum tersebut telah mengesyorkan cadangan-cadangan untuk menambahbaik hak-hak dan keadaan OKU. Suruhanjaya sedang dalam proses menyediakan laporan berdasarkan tajuk kajian “*Malaysia - Its Compliance with the CRPD, Persons with Disabilities Act, Malaysian Standards and Policies*”. Kajian ini akan diserapkan sebagai sebahagian daripada Laporan Bebas Suruhanjaya ke PBB.

#### **4. PERANAN SURUHANJAYA DALAM MAHKAMAH**

Suruhanjaya telah bertindak sebagai peguam pemerhati dalam tiga kes di hadapan mahkamah iaitu *Teo Soon Heng & 5 Others lwn the Election Commission of Malaysia* (hak mengundi); *Gan Soh Eng & 7 Ors lwn Guppy Plastic Industries Sdn Bhd* (hak wanita), dan *Zaina bin Abidin Hamid @ S Maniam & 3 Ors lwn Government of Malaysia & 3 Ors* (kebebasan beragama). Dalam kes pertama dan ketiga, Suruhanjaya telah bersandarkan kepada Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) dan Perlembagaan Persekutuan dalam menyediakan penghujahan di mahkamah. Berkenaan dengan kes kedua, CEDAW telah digunakan sebagai asas dalam penghujahan Suruhanjaya.

Dalam ketiga-tiga kes ini, Suruhanjaya telah diwakili oleh anggota Suruhanjaya dan peguam daripada Majlis Peguam Malaysia. Suruhanjaya menghargai komitmen Majlis Peguam Malaysia dan ahli-ahlinya yang terus memberi kerjasama dalam menyediakan khidmat profesional atas dasar *pro bono*. Suruhanjaya turut berbesar hati atas sokongan daripada pihak Kehakiman dalam membenarkan permohonannya untuk menjadi peguam pemerhati walaupun permohonan dibuat melalui notis yang singkat.

Suruhanjaya menegaskan kepentingan penglibatannya dalam kes-kes yang akan memberi peluang dalam mempromosi prinsip-prinsip hak asasi, yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan instrumen-instrumen hak asasi yang berkaitan. Suruhanjaya berharap untuk meluaskan penglibatannya dalam kes jenayah yang melibatkan prinsip hak asasi manusia, namun hanya di peringkat mitigasi dan hukuman sahaja.

#### **5. KAJIAN SEMULA UNDANG-UNDANG**

##### **(a) Pemansuhan ISA dan Penggubalan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012**

Suruhanjaya memuji Kerajaan di atas pemansuhan Akta Keselamatan Negeri 1960 (ISA) dan mengalu-alukan, sebagai ganti, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) yang telah berkuatkuasa pada 31 Julai.<sup>5</sup> Pindaan utama turut dibuat dalam Kanun Keseksaan<sup>6</sup> dan Kanun Prosedur Jenayah<sup>7</sup> bagi memastikan peruntukan-peruntukannya adalah konsisten dengan SOSMA.

5 P.U.(B) 256/2012

6 Kanun Keseksaan (Pindaan) 2012 [A1430]

7 Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) [No. 2] 2012 [Act 1431]

Suruhanjaya mengambil maklum bahawa beberapa peruntukan SOSMA adalah selari dengan syor-syor Suruhanjaya sepertimana yang terkandung dalam laporan bertajuk *'Review of the Internal Security Act'*, yang diterbitkan pada 2003. Laporan tersebut mencadangkan agar ISA dimansuhkan dan satu undang-undang yang komprehensif yang selari dengan prinsip hak asasi manusia digubal untuk menangani ancaman terhadap keselamatan negara (termasuk keganasan).

Suruhanjaya turut mengalu-alukan peruntukan dalam Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 yang membenarkan polis menahan individu bagi tempoh maksimum selama 28 hari untuk tujuan siasatan, dan selepas itu, individu tersebut mesti dibebaskan atau didakwa di bawah mana-mana kesalahan mengenai keselamatan seperti yang diperuntukkan oleh Akta. Suruhanjaya juga mengalu-alukan klausa yang mengkehendaki peruntukan yang memberi kuasa kepada polis bagi menahan seseorang individu selama 28 hari disemak setiap lima tahun. Klausa tersebut juga menyatakan bahawa kuasa polis akan terhenti, melainkan jika, tempoh kuatkuasanya dilanjutkan oleh Parlimen.

Namun demikian, Suruhanjaya berharap agar isu-isu seperti yang dinyatakan di bawah dapat diberi perhatian:

- (i) Kuasa penangkapan dan penahanan di bawah seksyen 4 Akta ini tidak memperuntukkan bagi semakan kehakiman apabila tempoh penahanan dilanjutkan kepada 28 hari.
- (ii) Walaupun seksyen 5 membenarkan notis makluman mengenai penahanan dan penangkapan seseorang individu diberikan kepada waris terdekat, polis masih mempunyai kuasa menafikan hak individu tersebut untuk mendapat akses kepada peguam selama 48 jam.
- (iii) Peruntukan yang membenarkan pihak berkuasa memintas komunikasi di bawah seksyen 6 melanggar kebebasan dan hak kepada privasi seseorang individu. Suruhanjaya memahami keperluan polis dan pendakwa raya untuk bertindak mengikut perkembangan teknologi, dan mengakui bahawa pemintasan komunikasi dan penahanan maklumat bagi tujuan keselamatan negara dalam kes-kes tertentu adalah wajar. Namun demikian, penggunaan kuasa ini tanpa kawalan yang bersesuaian, akan mencabuli hak privasi seseorang individu. Suruhanjaya mengesyorkan agar pemintasan komunikasi hanya dibuat atas perintah mahkamah bagi tujuan dan tempoh yang spesifik.
- (iv) Seksyen 30 mengkehendaki mahkamah, atas permohonan oleh pendakwa raya, untuk memerintahkan orang yang telah dibebaskan supaya direman di dalam penjara sementara menunggu notis rayuan difailkan terhadap pembebasannya. Hal ini akan melanggar kebebasan individu tersebut. Walaupun difahami bahawa ia dilakukan bagi mengelak tertuduh daripada melarikan diri dan bagi memastikan kehadirannya ke mahkamah, Suruhanjaya menegaskan bahawa seksyen tersebut melanggar kebebasan individu, lebih-lebih lagi apabila seseorang itu telah dibebaskan oleh mahkamah yang kompeten dan adil. Di atas sebab ini, Suruhanjaya menggesa agar seksyen 30 disemak semula dan mencadangkan agar prosedur serupa seperti dalam kes jenayah lain bagi memastikan

kehadiran ke mahkamah digunapakai, seperti penyerahan dokumen perjalanan dan pembayaran bon.

### **(b) Seksyen 114A Akta Keterangan (Pindaan) (No.2) 2012**

Seksyen 114A telah diperkenalkan dalam Akta Keterangan 1950 bagi memasukkan anggapan fakta dalam perbuatan meletakkan bahan kandungan ke dalam Internet. Pindaan ini telah berkuatkuasa pada 31 Julai.<sup>8</sup> Sesiapa yang namanya, gambarnya atau nama samarannya muncul dalam kandungan Internet yang menggambarkan bahawa dia adalah pemilik, hos, pentadbir, editor atau penolong editor, dia dianggap telah meletakkan bahan kandungan tersebut sehingga dibuktikan sebaliknya. Sesiapa sahaja yang membantu meletakkan atau meletakkan semula bahan kandungan tersebut, dengan apa cara sekalipun, juga dianggap sebagai orang yang meletakkan bahan kandungan. Pada dasarnya, tujuan seksyen 114A adalah untuk membantu mengenalpasti mereka yang meletakkan sesuatu bahan ke Internet.

Anggapan di bawah seksyen 114A adalah dikira sebagai anggapan fakta dan ia boleh disangkal, bererti jika anggapan itu dipakai ke atas seseorang, orang tersebut boleh mengemukakan keterangan bagi menyangkal anggapan itu. Namun demikian, ini mungkin sukar dilaksanakan dalam bidang Internet, apabila secara realitinya, individu biasa dan sesetengah syarikat mungkin tidak mempunyai masa, sumber dan, yang lebih spesifik, kepakaran teknologi untuk menyangkal anggapan bagi membuktikan bahawa mereka tidak bersalah.

Seksyen 114A tidak mengalihkan sepenuhnya beban pembuktian, yang mana bagi kes-kes jenayah terletak pada pihak pendakwaan dan bagi kes-kes sivil, pada pihak plaintif. Walau bagaimanapun, apabila dipraktikkan ia berkemungkinan memberi kesan, di mana beban pembuktian diletakkan pada tertuduh atau defendan, sekali gus melanggar prinsip asas undang-undang.

Dalam hal ini, kebimbangan Suruhanjaya adalah mengenai risiko pihak yang tidak bersalah didakwa atau disaman akibat perbuatan yang dilakukan oleh pihak ketiga; Suruhanjaya berpendapat bahawa perlu ada perlindungan undang-undang terhadap kemungkinan tersebut.

Justeru, Suruhanjaya mengesyorkan bahawa sebelum mana-mana orang didakwa atau disaman, peluang perlu diberikan kepada orang itu untuk mengambil tindakan pembedahan, seperti menurunkan atau memadam bahan kandungan yang diletakkan di Internet. Hanya jika terdapat kegagalan untuk bertindak sedemikian, tindakan pendakwaan atau mahkamah boleh dimulakan. Peruntukan "perlindungan" (*'safe harbour' provision*) adalah ciri-ciri yang biasa dalam mengendali kesalahan atau pelanggaran yang melibatkan penggunaan Internet.

Seksyen 114A, dalam bentuk sedia ada dan tanpa perlindungan perundangan, mungkin akan mempunyai kesan buruk terhadap kebebasan bersuara, iaitu hak yang termaktub dalam Artikel 19 UDHR dan Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik. Walaupun Suruhanjaya mengakui bahawa keselamatan negara adalah penting dalam memastikan keamanan dan kestabilan, ia juga berpendapat bahawa Seksyen 114A mesti disemak semula ataupun

---

8 P.U(B) 255/2012

dimansuhkan sama sekali untuk melindungi kebebasan bersuara dan prinsip anggapan tidak bersalah sehingga terbukti bersalah.

### **(c) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 2012**

Suruhanjaya secara konsisten telah menggesa supaya undang-undang berkaitan dengan media yang menyekat kebebasan bersuara dikaji semula. Sehubungan itu, Suruhanjaya mengalu-alukan pindaan kepada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 yang berkuat kuasa pada 15 Julai.<sup>9</sup> Satu peruntukan telah mengubah budi bicara mutlak Menteri berkenaan pengeluaran permit percetakan dan penerbitan. Satu lagi peruntukan telah memansuhkan amalan memperbaharui permit percetakan dan penerbitan setiap tahun. Di samping itu, terdapat hak untuk didengari sebelum Menteri membatalkan mana-mana permit, dan keputusan Menteri dalam hal ini adalah tertakluk kepada semakan kehakiman. Pindaan-pindaan ini adalah amat dialu-alukan kerana ia adalah langkah-langkah ke arah merealisasikan sepenuhnya kebebasan media dan hak untuk memperoleh maklumat.

### **(d) Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) (Pindaan) 2012**

Suruhanjaya mengalu-alukan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU). Dalam Laporan Tahunan 2011, Suruhanjaya telah mengetengahkan hasil penyelidikan ke atas AUKU, khususnya Seksyen 15(5)(a), 15(D)(1), 16C(2) dan 16B(3B).<sup>10</sup> Seksyen-seksyen ini didapati melanggar kebebasan berpersatuan dan kebebasan bersuara, hak untuk perbicaraan yang adil, hak untuk pendidikan dan hak untuk diwakili oleh peguam pilihan sendiri. Oleh itu, Suruhanjaya mencadangkan supaya Kerajaan mengkaji semula seksyen-seksyen ini.

Syor-syor Suruhanjaya dilihat sebagai pemangkin kepada pindaan seksyen 15, yang berkuat kuasa pada 1 Ogos.<sup>11</sup> Pindaan ini telah memanjangkan hak pelajar untuk berpersatuan di bawah AUKU yang merangkumi hak untuk menjadi ahli mana-mana parti politik. Pembatalan sekatan ke atas pelajar untuk menyatakan sokongan, simpati atau bangkangan terhadap parti politik sememangnya satu langkah ke hadapan dalam menegakkan hak untuk kebebasan bersuara, seperti yang ditekankan oleh Artikel 19 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat. Lebih penting lagi, pindaan itu telah memastikan bahawa AUKU adalah selari dengan Artikel 119 Perlembagaan Persekutuan.<sup>12</sup>

9 P.U(B) 223/2012

10 Seksyen 15 (5) (a) tidak membenarkan penglibatan pelajar dalam politik. Seksyen 15 (D) (1) dan 16C (2) mengadakan peruntukan bagi penggantungan pelajar sebuah universiti apabila dipertuduh dengan suatu kesalahan atau semasa menanti selesainya prosiding tatatertib, yang tidak selaras dengan prinsip 'tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah'. Seksyen 16B (3B) memperuntukkan hak pelajar dituduh melanggar peraturan disiplin untuk diwakili oleh seseorang pekerja atau pelajar lain universiti - yang menafikan hak untuk diwakili oleh seorang peguam pilihan.

11 P.U (B) 257/2012

12 Dalam Laporan Tahunan 2011, Suruhanjaya menegaskan bahawa Seksyen 15 (5) (a) yang terdahulunya melanggar Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan. Walaupun Perkara 119 memperuntukkan bahawa setiap warganegara berumur 21 tahun layak untuk mengundi, yang merupakan satu bentuk ekspresi dan penyertaan dalam politik, seksyen tersebut menghalang pelajar daripada menyatakan pandangan, simpati atau bangkangan terhadap parti-parti politik - elemen yang penting dalam hak mengundi.

Suruhanjaya berharap Kerajaan akan mempertimbang untuk mengkaji semula Seksyen 15D(1), 16C(2) dan 16B(3B). Suruhanjaya yakin bahawa Kerajaan akan mengambil kira semua aspek dan piawaian hak asasi manusia apabila meminda AUKU, dalam usaha menjadikan Akta ini relevan dengan konteks pembangunan modal insan untuk menghadapi cabaran global.

### **(e) Pembatalan Proklamasi Darurat**

Ketiga-tiga proklamasi darurat - yang dikeluarkan oleh Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 1966, 1969 dan 1977 - telah dibatalkan oleh Parlimen pada akhir tahun 2011. Hasilnya, semua undang-undang yang digubal di bawah Perisytiharan tersebut berhenti berkuat kuasa enam bulan dari tarikh pembatalan. Ini termasuk Ordinan [Kuasa-kuasa Perlu] Darurat 1969 dan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, yang melanggar prinsip hak asasi manusia kerana membenarkan penahanan tanpa perbicaraan.

### **(f) Cadangan Pemansuhan Akta Hasutan 1948 dan Penggubalan Akta Harmoni Negara**

Suruhanjaya mengalu-alukan cadangan Kerajaan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948, yang merupakan salah satu daripada undang-undang yang Suruhanjaya menyeru agar dimansuhkan oleh Kerajaan. Tindakan ini akan membolehkan individu-individu menikmati hak asasi manusia dan kebebasan bersuara dengan lebih baik

Suruhanjaya juga memuji undang-undang gantian yang dicadangkan, Akta Harmoni Negara, dan mengambil maklum niat kerajaan untuk mengimbangi di antara jaminan kebebasan bersuara kepada setiap rakyat dan keperluan untuk mengendalikan isu-isu rumit dalam masyarakat yang berbilang kaum. Adalah diharap bahawa Akta ini akan digubal secara telus dan rundingan dibuat dengan pihak-pihak berkepentingan.

Berikutan ini, Suruhanjaya berharap untuk melibatkan diri dengan Jabatan Peguam Negara dan pihak berkepentingan yang lain, termasuk masyarakat sivil, dalam penggubalan undang-undang baru untuk menangani isu tertentu dan memastikan bahawa peruntukannya adalah konsisten dengan prinsip-prinsip hak asasi manusia sejagat.

*Suruhanjaya berharap untuk melibatkan diri dengan Jabatan Peguam Negara dan pihak berkepentingan yang lain, termasuk kumpulan-kumpulan masyarakat sivil, dalam penggubalan undang-undang baru untuk menangani isu tertentu dan untuk memastikan bahawa peruntukan adalah konsisten dengan prinsip-prinsip universal hak asasi manusia.*

## **6. HUKUMAN MATI**

Suruhanjaya meneruskan usahanya menggesa kepada pemansuhan hukuman mati dan menekankan pendiriannya bahawa hukuman tersebut merupakan satu bentuk hukuman

yang kejam, tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah. Suruhanjaya juga telah menyarankan agar Kerajaan mengenakan moratorium ke atas hukuman mati dan menggantikannya dengan hukuman penjara seumur hidup, terutamanya bagi mereka yang telah menjalani hukuman tersebut melebihi tempoh lima tahun.

### **(a) Tinjauan Awam berhubung Hukuman Mati**

Pada tahun 2012, Suruhanjaya telah terlibat dalam satu tinjauan awam untuk mengumpul pandangan berhubung hukuman mati di Malaysia. Tinjauan ini, yang diterajui oleh Universiti Malaya, melibatkan 500 responden terdiri daripada lelaki dan wanita berbilang bangsa, agama, sosio - ekonomi, pendidikan dan geografi.


Responden diminta memberi pandangan berhubung dua isu - sokongan terhadap hukuman mati dan jenis-jenis kesalahan yang mana hukuman mati patut dilaksanakan. Responden diberikan sembilan senario merangkumi pelbagai kesalahan jenayah, seperti kes rompak dan bunuh, pembunuhan dalam rumah tangga, pembunuhan bersangkutannya isu dadah atau geng, pengedaran dadah, rogol dan bunuh, aktiviti penganas, pemilikan senjata api, penculikan kanak-kanak, dan keganasan terhadap kanak-kanak. Setiap senario mempunyai faktor mitigasi dan faktor pemberat.

Hasil kajian menunjukkan 97.6% responden menyokong hukuman mati dilaksanakan bagi sekurang-kurangnya satu senario. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa rakyat Malaysia secara amnya menyokong hukuman mati. Sokongan padu terhadap hukuman mati direkodkan ke atas kes-kes yang melibatkan kes lebih daripada satu kesalahan jenayah, pesalah berulang, jenayah yang amat kejam terutamanya terhadap kanak-kanak dan wanita dan aktiviti penganas. Sebaliknya, majoriti responden berpendapat bahawa hukuman mati tidak patut dilaksanakan terhadap kesalahan jenayah berkaitan dadah, kecuali yang melibatkan pembunuhan.

Walau bagaimanapun, dalam kes yang melibatkan kehilangan nyawa, faktor mitigasi dilihat memainkan peranan penting terhadap respons keseluruhan. Sebagai contoh, dalam kes yang melibatkan pesalah berulang yang merupakan pengedar dadah, 64.6% responden memilih hukuman mati. Dalam satu kes lain, melibatkan seorang pemuda yang tidak pernah melakukan sebarang kesalahan, telah menembak mati seorang pengedar dadah, hanya 30.8% responden bersetuju untuk mengenakan hukuman mati.

Justifikasi utama ke atas pelaksanaan hukuman mati mandatori ialah pencegahan. Hukuman mati mandatori dilihat sebagai satu langkah untuk menanam perasaan takut kepada mereka yang merancang jenayah kejam dan berat. Selain itu, ia juga sebagai jalan untuk meningkatkan sikap moral yang baik di kalangan golongan muda. Responden juga diminta untuk menyatakan hukuman alternatif yang paling sesuai jika hukuman mati dihapuskan. Hasil kajian (Carta 1) menunjukkan 53% responden memilih hukuman penjara seumur hidup, manakala 14.4% lagi memilih hukuman penjara 30 tahun serta sebatan.

Carta 1: Pilihan Alternatif bagi Hukuman untuk menggantikan Hukuman Mati Mandatori



**(b) Kempen menentang Hukuman Mati**

Suruhanjaya bekerjasama dengan Delegasi Kesatuan Eropah ke Malaysia dan Majlis Peguam dalam kempen untuk menghapuskan hukuman mati. Pada bulan Mac, satu debat antara pelajar universiti ‘Mempromosikan Kempen Menghapuskan Hukuman Mati di Malaysia’ telah diadakan di Kuala Lumpur. Ini merupakan program susulan bagi seminar ‘Menghapuskan Hukuman Mati’ yang telah dijalankan pada Oktober 2011. Tujuan debat ini adalah juga untuk meningkatkan kesedaran di kalangan golongan muda tentang relevannya menghapuskan hukuman mati. Debat tersebut telah dirasmikan oleh Dato’ Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Sebagai sebahagian daripada kempen ini, Suruhanjaya, Delegasi Kesatuan Eropah dan Majlis Peguam bekerjasama mengadakan satu Pertandingan Perbicaraan bagi hukuman mati yang melibatkan pelajar undang-undang dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta di

kawasan Lembah Klang. *Road show* dan dokumentari bertajuk '*Death in Dilemma: The Final Curtain*' turut ditayangkan sempena dengan pertandingan ini. Antara universiti yang menyertai pertandingan ini adalah Universiti Malaya, Universiti HELP, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kolej Universiti Taylor, Kolej Brickfield Asia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Pertandingan Perbincaran peringkat akhir ini telah diadakan pada 10 Disember bersempena dengan Hari Hak Asasi Manusia Sedunia. Seramai 12 orang pelajar daripada enam buah universiti mengambil bahagian dalam pertandingan akhir ini. Hakim-hakim pertandingan akhir terdiri daripada Pesuruhjaya Detta Samen, wakil Majlis Peguam, Pn Usha Kulasegaran dan wakil Delegasi Kesatuan Eropah, En Ivo Apostolov. Pelajar-pelajar ini dihakimi berdasarkan kebolehan mereka mengutarakan prinsip dan piawai hak asasi manusia antarabangsa dalam hujah mereka. Pelajar dari UIAM telah memenangi pertandingan ini.



*Hakim-hakim bagi pertandingan akhir -  
(dari kiri) En Ivo Apostolov, Pn Usha Kulasegaran and Pesuruhjaya Detta Samen*

### **(c) Cadangan Kajian ke atas Hukuman Mati bagi Kesalahan Melibatkan Dadah**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz telah mengumumkan pada 20 Oktober bahawa Kerajaan bercadang untuk mengkaji hukuman mati mandatori terhadap kes pengedaran dadah, di mana mahkamah akan diberi kebebasan dan budi bicara bagi memutuskan hukuman yang bersesuaian berdasarkan tahap keseriusan setiap kes.<sup>13</sup> Suruhanjaya mengalu-alukan perkara ini.

<sup>13</sup> Pada 9 Julai 2012, Kerajaan Singapura telah mengumumkan cadangan untuk menjadikan hukuman mati bagi kes pengedaran dadah tidak lagi mandatori tetapi meletakkan kuasa budi bicara kepada mahkamah, jika memenuhi dua syarat. Pertama, pengedar dadah hanya memainkan peranan sebagai pembawa dan tidak terlibat dengan mana-mana aktiviti berkaitan membekal atau mengagihkan dadah. Kedua, kuasa budi bicara hanya akan digunakan jika memenuhi syarat pertama, sama ada pengedar bekejasama dengan *Central Narcotics Bureau* dengan cara yang substantif atau mempunyai kecacatan mental yang menggugat pertimbangan perlakuannya. Lihat ucapan oleh Mr Teo Chee Hean, TPM dan Menteri Dalam Negeri, '*Enhancing Our Drug Control Framework and Review of the Death Penalty*'. P.U (B) 257/2012

Suruhanjaya turut menggesa Kerajaan agar mengkaji semula kewajaran dan keberkesanan hukuman mati terhadap kesalahan jenayah yang lain supaya Malaysia, bersama-sama dengan 140 negara Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu yang lain, menghapuskan hukuman mati. Suruhanjaya menyatakan kesediaannya untuk bekerjasama dengan semua pihak Kerajaan dalam proses konsultasi berhubung reformasi perundangan.

## 7. CADANGAN PINDAAN TERHADAP AKTA SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA 1999 (AKTA 597)

Sejak penubuhannya, Suruhanjaya telah menyatakan kebimbangannya berhubung limitasi dalam undang-undang tubuhnya, yang mana mempunyai kesan terhadap kebebasan dan keberkesanan Suruhanjaya. Pada tahun 2002, Suruhanjaya telah mencadangkan agar beberapa pindaan dibuat untuk memperbaiki kelemahannya.<sup>14</sup>

Akta 597 telah dipinda pada 2010 dengan menambahkan proses pemilihan dan pelantikan Anggota Suruhanjaya untuk memastikan bahawa ianya adalah telus.<sup>15</sup> Pindaan ini adalah rentetan daripada langkah Jawatankuasa Koordinasi Antarabangsa Untuk Institusi-institusi Nasional Dalam Promosi Dan Perlindungan Hak Asasi Manusia untuk menurunkan taraf Suruhanjaya ke status 'B'<sup>16</sup>, yang akan memberi kesan kepada haknya untuk menyuarakan isu-isu hak asasi manusia di badan-badan utama PBB.

Selain pindaan di atas, Suruhanjaya berpendapat bahawa Akta 597 perlu dikaji dengan lebih mendalam bagi mempertingkatkan keberkesanan Suruhanjaya dan memperjelaskan peruntukan-peruntukan yang samar serta memastikan Akta ini selari sepenuhnya dengan Prinsip-prinsip Paris.

Bagi tujuan ini, Suruhanjaya telah mempertimbangkan untuk mengesyorkan pindaan terhadap peruntukan-peruntukan yang melibatkan isu pelantikan Suruhanjaya - sama ada untuk melantik Anggota Suruhanjaya secara tetap atau separuh masa; lawatan mengejut ke pusat-tahanan; dan kuasa Suruhanjaya untuk campur tangan di mahkamah bagi kes yang melibatkan hak asasi manusia.

*Dalam usaha Suruhanjaya memastikan penjara dan tempat-tempat tahanan mematuhi prinsip-prinsip hak asasi manusia, adalah penting supaya Suruhanjaya diberikan kuasa untuk melawat tempat-tempat tersebut tanpa memberi notis awal.*

14 Laporan Tahunan SUHAKAM 2002, Bab 3(v)- Semakan terhadap Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, m/s 46-48; memfokuskan cadangan pindaan kepada seksyen yang mentadbir pelantikan, pemecatan dan terma ahli Suruhanjaya. Selain itu, cadangan untuk meningkatkan keberkesanan termasuk peruntukan (i) membenarkan Suruhanjaya menjalankan lawatan mengejut ke tempat-tempat tahanan; (ii) meningkatkan tahap kerjasama di antara Badan Eksekutif dan Suruhanjaya; dan (iii) hak untuk melaporkan aduan kepada Suruhanjaya dan imuniti kepada para pengadu.

15 Lihat pindaan seksyen 5(2) dan (4); dan kemasukan seksyen 11A yang baru.

16 Status 'A' menandakan institusi hak asasi manusia nasional yang mematuhi sepenuhnya Prinsip-prinsip Paris dan dengan itu mempunyai hak untuk mencelah di mekanisme hak asasi manusia antarabangsa atau mesyuarat PBB manakala status 'B' menandakan separa pematuhan kepada Prinsip-prinsip Paris, fungsi penglibatan yang terhad tanpa hak untuk bersuara di mesyuarat PBB.

Suruhanjaya akhirnya telah memutuskan untuk mengesyorkan pindaan kepada kuasanya untuk melawat tempat-tempat tahanan. Peruntukan sedia ada menghendaki Suruhanjaya memaklumkan kepada pihak berkuasa berkaitan sebelum sesuatu lawatan diadakan. Dalam usaha Suruhanjaya memastikan penjara dan pusat-pusat tahanan mematuhi prinsip-prinsip hak asasi manusia, adalah penting supaya Suruhanjaya diberikan kuasa untuk melawat tempat-tempat tersebut tanpa memberi notis awal. Cadangan-cadangan ini telah diserahkan kepada pihak Kerajaan pada bulan Disember.

## **8. RATIFIKASI/PENYERTAAN KEPADA TRITI ANTARABANGSA**

### **(a) Konvensyen Menentang Penyeksaan Dan Hukuman Lain Yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan Atau Menjatuhkan Maruah (CAT)**

Laporan dan syor-syor berkaitan Perbincangan Meja Bulat CAT yang dianjurkan oleh Suruhanjaya pada 2011 telah dihantar ke pelbagai kementerian dan agensi berkenaan bagi mendapatkan lebih sokongan terhadap penyertaan Malaysia dalam triti tersebut. Suruhanjaya berpandangan bahawa Malaysia hendaklah mengambil langkah aktif untuk menyertai kepada CAT, susulan kepada komitmennya semasa Penilaian Penggalan Sejagat pada 2009. Undang-undang, polisi dan amalan-amalan yang tidak mematuhi triti tersebut tidak perlu dilihat sebagai suatu halangan kepada penyertaan, sebaliknya triti ini harus dijadikan asas untuk penambahbaikan secara berperingkat. Pendekatan yang sama juga perlu diterapkan kepada semua triti hak asasi manusia yang lain.

Selain itu, Kerajaan hendaklah menarik semula reservasi kepada Artikel 28(1)(A) CRC dan Artikel 15 CRPD dengan segera, yang mana kedua-duanya melarang sebarang bentuk penyeksaan. Reservasi-reservasi tersebut mencerminkan pengabaian Malaysia secara berterusan untuk menghalang penyeksaan.

Suruhanjaya juga mengambil berat mengenai hukuman rotan di sekolah yang tidak dilarang dan tiada tindakan tegas diambil untuk menghapuskannya. Berdasarkan pemerhatian Suruhanjaya, majoriti pelajar sekolah rendah dan menengah memihak kepada hukuman rotan dan mendakwa ia merupakan satu cara yang berkesan dalam membentuk disiplin. Suruhanjaya melahirkan kebimbangannya berhubung hal ini yang menunjukkan bahawa hukuman rotan telah menjadi norma yang diterima di sekolah. Kerajaan hendaklah mengambil langkah yang lebih proaktif dalam memperkenalkan hukuman alternatif yang tidak memberi kesan merbahaya ke atas fizikal dan mental pelajar-pelajar sekolah.

## II. BAHAGIAN PEMBANGUNAN DASAR

*Keamanan, pembangunan dan hak asasi manusia pada dasarnya adalah saling berkaitan, saling bergantung dan tidak boleh dibahagikan.*

Theo van Boven

Bahagian ini dahulunya dikenali sebagai Kumpulan Kerja Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan. Bidang kuasa kerja bahagian ini melibatkan hak asasi manusia dan perniagaan, hak asasi kepada perumahan wajar dan mencukupi, hak asasi masyarakat Orang Asa/Asli (OA) dan hak asasi manusia dan Islam.

### 1. HAK ASASI MANUSIA DAN PERNIAGAAN

#### (a) Kesan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) ke atas Hak Asasi Manusia di Malaysia

Pada 3 Februari, Suruhanjaya telah menerima memorandum daripada Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan *Positive Malaysia Treatment Access and Advocacy Group* (MTAAG+) mengenai kesan domestik FTA<sup>1</sup> dan TPPA.<sup>2</sup> Suruhanjaya memberikan maklumbalas dengan menganjurkan Perbincangan Meja Bulat (PMB) pada 22 Februari bersama Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk mengetahui perkara yang menjadi kebimbangan mereka. Beberapa isu telah dibangkitkan berkenaan hak asasi manusia seperti berikut:

- (i) Akses kepada ubat-ubatan yang mampu dibeli  
Individu yang menghidap penyakit HIV+ berasa gusar kerana ubat-ubatan yang mampu menyelamatkan nyawa mereka mungkin tidak akan mampu dibeli sekiranya perjanjian ini dimeterai. Harga semasa ubat-ubatan yang dipatenkan di Malaysia sememangnya mahal - sehingga mencecah 1,044% lebih tinggi daripada ubat-ubatan generik- sekaligus meningkatkan kos perubatan bagi penyakit-penyakit tertentu. Pada tahun 2003, Kerajaan telah mengeluarkan lesen wajib untuk mengimport ubat-ubatan yang dipatenkan bagi

1 Malaysia buat masa ini, sedang merundingkan FTA dengan Kesatuan Eropah

2 Perjanjian dagangan bebas ini melibatkan 9 negara - Amerika, New Zealand, Australia, Brunei, Chile, Malaysia, Peru, Singapura, dan Vietnam.

jenis generik kepada pesakit HIV+. Kesannya telah menyebabkan penurunan sebanyak 81% kos rawatan bagi seorang pesakit untuk sebulan, menyebabkan lebih ramai pesakit yang boleh dirawat. Kini, Kerajaan menyediakan Terapi ARV secara percuma kepada wanita hamil dan kanak-kanak yang menghidap penyakit HIV+. Adalah dibimbangi peningkatan perlindungan harta intelek dan peruntukan-peruntukan berkaitan yang terdapat dalam perjanjian, mungkin akan memberikan kesan kepada kemampuan Kerajaan dalam menyediakan bantuan perubatan kepada pesakit yang menghidap HIV+.

(ii) Perlindungan harta intelek

TPPA memerlukan Kerajaan untuk mengukuhkan perlindungan harta intelek dengan memanjangkan tempoh masa untuk proses paten dan hak cipta. Perlindungan paten yang dipanjangkan akan menyebabkan pesakit terpaksa menunggu lebih lama untuk mendapatkan ubat-ubatan generik. Statistik pada Disember 2010 menunjukkan sebanyak 91,362 kes yang dilaporkan melibatkan jangkitan HIV+ dan 16,352 kes AIDS di Malaysia. Tanpa akses kepada ubat-ubatan generik, NGO berpendapat bahawa hak kepada kesihatan akan terjejas. Mereka juga risau lebih banyak ubat-ubatan baru akan dipatankan.

TPPA memperkenalkan satu peruntukan mengenai *data exclusivity* sebagai satu bentuk halangan administratif kepada pemasaran ubat-ubatan generik. Perkara ini akan menghalang dan melambatkan pendaftaran ubat-ubatan dengan Kementerian Kesihatan (KKM), sebagai badan utama yang melakukan eksperimen klinikal dan juga pembuktian data ke atas keselamatan dan keberkesanan ubat-ubatan yang dipaten sama ada boleh digunakan atau tidak, termasuklah tempoh luput ubatan tersebut.

(iii) Kesan kepada dagangan liberal

NGO menyatakan kebimbangan mengenai liberasi tarif dan juga kesan ke atas sektor pertanian dan Industri Kecil dan Sederhana (IKS), serta sektor pekerjaan. Hal ini akan menyebabkan penurunan ke atas sekatan dalam industri dagangan tembakau dan seterusnya akan membawa kepada taraf kesihatan yang merosot.

NGO telah mengesyorkan beberapa cadangan:

- Suruhanjaya hendaklah menggesa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk memberikan maklumat mengenai perjanjian tersebut agar NGO boleh mengemukakan cadangan dan pandangan kepada Kerajaan;
- Suruhanjaya hendaklah menggesa Kerajaan agar telus dan mengadakan konsultasi yang bermakna bersama pihak berkepentingan.
- Suruhanjaya hendaklah menjalankan siasatan awam ke atas kesan FTA dan TPPA ke atas hak asasi manusia di Malaysia.
- Kerajaan hendaklah mengadakan konsultasi bersama Parlimen dan satu Jawatankuasa Parlimen hendaklah ditubuhkan untuk memantau pelaksanaan dan menilai kesan-kesan perjanjian.

- Kerajaan hendaklah menilai kos dan faedah pelaksanaan perjanjian ini dan juga kesan kepada triti-triti hak asasi manusia antarabangsa yang Malaysia telah ratifikasi;
- Suruhanjaya hendaklah mengesyorkan kepada Kerajaan agar mengecualikan peruntukan-peruntukan Perdagangan berkaitan dengan aspek Perlindungan Harta Intelek+ dan juga bab Harta Intelek dalam perjanjian tersebut.
- Suruhanjaya hendaklah meneruskan kerjasama bersama pihak berkepentingan.

## **(b) Mesyuarat konsultasi bersama MITI**

Suruhanjaya telah membangkitkan isu-isu yang menjadi kebimbangan NGO semasa mesyuarat konsultasi yang diadakan bersama MITI pada 22 Mac.<sup>3</sup> Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha MITI, Datuk Dr Rebeca Sta Maria dan isu-isu yang dibincangkan adalah seperti berikut:

### **(i) Konsultasi bersama pihak berkepentingan**

MITI memaklumkan bahawa semasa proses rundingan FTA, pihaknya telah mengadakan konsultasi dengan semua pihak termasuk NGO kecuali Ahli Parlimen. MITI menegaskan bahawa semua isu yang diketengahkan oleh NGO diambil maklum oleh pihak Kerajaan dan diberikan pertimbangan sewajarnya.

Suruhanjaya mencadangkan agar konsultasi bersama NGO hendaklah dijalankan dengan penuh bermakna kerana NGO telah berulang kali menyatakan kebimbangan kerana kekurangan komunikasi dan juga maklumat. Suruhanjaya menekankan agar konsultasi yang dijalankan tidak menjadi sesi taklimat semata-mata.

### **(ii) Hak asasi manusia**

Telah dinyatakan bahawa perjanjian terdahulu hanya mengandungi isu-isu perdagangan. Ini merupakan kali pertama elemen bukan perdagangan dibawa masuk ke dalam perbincangan rundingan. MITI memberi maklumbalas bahawa FTA Malaysia-EU turut mengandungi peruntukan ke atas kebajikan haiwan, oleh itu, isu hak asasi manusia akan diberikan pertimbangan sewajarnya.

Mengenai isu buruh, MITI telah meminta nasihat Suruhanjaya sama ada Malaysia perlu menandatangani dan meratifikasi tiga Konvensyen Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO) – Pemansuhan Buruh Paksa 1930; Kebebasan Berpersatuan dan Perlindungan Hak untuk Menganjur 1948; dan Diskriminasi (Pekerjaan) 1958.<sup>4</sup> Wakil MITI mencadangkan agar Suruhanjaya mengambil pendekatan yang seimbang dalam mendefinisikan hak asasi manusia dan dalam masa yang sama turut mengambilkira kepentingan pengguna.

<sup>3</sup> Mesyuarat tersebut diadakan susulan dari laporan media mengenai memorandum oleh MTUC dan MTAAG+.

<sup>4</sup> Pada 3 Julai, Suruhanjaya menyerahkan pandangan kepada MITI berkenaan ketiga-tiga Konvensyen ILO tersebut.

- (iii) Permohonan untuk mendapatkan bahan teks berkenaan FTA  
Suruhanjaya telah memohon sesalinan kajian yang dijalankan Program Pembangunan PBB (UNDP)<sup>5</sup> dan teks mengenai FTA. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya dimaklumkan bahawa MITI tidak dapat memberikan teks FTA oleh kerana perjanjian sulit yang telah ditandatangani bersama negara-negara rundingan. MITI memberitahu bahawa mereka hanya boleh memberikan maklumat terkini mengenai perkembangan rundingan tersebut.
- (iv) Penurunan tarif  
Mengenai penurunan tarif, wakil MITI mengatakan bahawa konsultasi telah diadakan di setiap peringkat industri, termasuklah IKS. Ia melaporkan bahawa terdapat percanggahan pendapat mengenai isu penurunan tarif. MITI telah diberitahu bahawa penurunan tarif tidak akan dilaksanakan dalam bahagian pelaburan bagi melindungi industri negara. MITI turut memberikan jaminan bahawa kepentingan IKS akan turut dilindungi semasa rundingan FTA dan TPPA.
- (v) Pengalaman negara-negara lain  
MITI memberitahu bahawa mereka sedia maklum mengenai kesan FTA ke atas negara-negara lain. Jabatan Peguam Negara telah berulang kali mengingatkan MITI agar berhati-hati dengan kesan akibat daripada perjanjian FTA.
- (vi) Kajian penilaian kesan hak asasi manusia  
Suruhanjaya meminta MITI menjalankan kajian berkenaan kerana Suruhanjaya kekurangan kapasiti serta dana untuk menjalankan kajian tersebut.

### **(c) Laporan akhir UNDP/MITI ke atas rundingan Malaysia mengenai TPPA**

Pada 26 Julai dan 7 Ogos, wakil Suruhanjaya<sup>6</sup> telah melihat laporan akhir UNDP/MITI yang bertarikh 30 November 2010.<sup>7</sup>

#### **Pemerhatian Suruhanjaya:**

- (i) Objektif keseluruhan laporan akhir adalah untuk memaklumkan Kerajaan mengenai kesan-kesan yang mungkin berlaku ke atas ekonomi akibat daripada penglibatan Malaysia dalam TPPA+. Laporan turut menilai objektif Amerika Syarikat dengan meneliti kesan FTA sedia ada yang mana Amerika Syarikat adalah ahli. Ia turut menekankan mengenai kesan keputusan Malaysia ke atas perjanjian, terutamanya penerimaan komitmen ke atas isu-isu, barangan dan perkhidmatan terpilih yang akan timbul apabila ia dilaksanakan.

5 Pada 2 April, Suruhanjaya telah menulis kepada MITI untuk memohon salinan Laporan UNDP. Walaubagaimanapun, oleh kerana dokumen tersebut sulit, MITI hanya membenarkan Suruhanjaya untuk melihat kandungannya di pejabat MITI.

6 Delegasi pada 26 Julai 2012, terdiri daripada Pesuruhjaya Muhammad Sha'ani Abdullah, Nurul Hasanah dan Parneswari Subramaniam dan pada 7 Ogos 2012, wakil-wakil adalah Nurul Hasanah dan Parneswari Subramaniam.

7 Laporan bertarikh pada 30 November 2012 telah disediakan bersama oleh Dr Craig Van Grasstele, Dr Hedi Bchir, Dato Ooi Say Chuan dan Dr Sieh Mei Ling.

- (ii) Secara umumnya, laporan tersebut memfokuskan kesan ke atas 15 bidang iaitu liberasi tarif, liberasi bukan tarif, pakaian dan tekstil, pertanian dan keselamatan, pelaburan, perkhidmatan dagangan, perkhidmatan kewangan, polisi persaingan, pemerolehan Kerajaan, hak harta intelek, buruh, persekitaran, kerjasama dan kapasiti, *regulatory coherence*, IKS dan rangkaiannya.
- (iii) Laporan turut menyediakan gambaran keseluruhan yang seimbang ke atas kesan FTA kepada polisi kerajaan sedia ada, perkembangan ekonomi dan orang awam secara keseluruhannya. Laporan ini menyedarkan Kerajaan mengenai beberapa bidang di mana pembuatan keputusan akan menjadi penting, terutama mengenai isu liberasi tarif ke atas beras dan produk pertanian, dan hak-hak harta intelek yang berkaitan produk farmasi. Laporan turut mencadangkan agar di peringkat rundingan, Malaysia hendaklah menjalankan Analisis Kepentingan Negara yang komprehensif termasuk kebaikan dan keburukan TPPA. Model analisis tersebut dijalankan oleh New Zealand mengenai penglibatannya dalam TPPA asal. Laporan itu menekankan perlunya pengawasan berterusan mengenai perkembangan polisi tempatan di Amerika Syarikat.
- (iv) Walaupun Laporan tersebut tidak menilai kesan hak asasi terhadap penglibatan Malaysia dalam FTA/TPPA, elemen berkenaan telah terkandung di dalamnya. Perkara ini jelas dalam bahagian yang membincangkan kesan FTA/TPPA ke atas aksesibiliti ubat-ubatan generik melalui peruntukan untuk mengenakan peraturan yang lebih ketat berkaitan paten ubat-ubatan.
- (v) Laporan turut meneliti mengenai strategi dan pendekatan yang digunakan di Amerika Syarikat dalam membuat rundingan FTA yang terdahulu dengan negara anggota. Berdasarkan perkara tersebut, laporan telah merangka strategi untuk digunakan oleh perunding-perunding Malaysia.

#### **(d) Mesyuarat susulan bersama MTUC dan MTAAG+**

Suruhanjaya telah membuat perjumpaan bersama dua NGO tersebut pada 6 September untuk memaklumkan mengenai status terkini dan tindakan susulan memorandum. Dalam mesyuarat tersebut, wakil NGO telah mengkritik Kerajaan kerana sikap tidak telus yang masih berterusan. Oleh kerana rundingan TPPA akan diputuskan pada akhir tahun 2013, mereka mencadangkan agar Suruhanjaya menjalankan siasatan awam berkenaan kesan FTA dan TPPA. Ia turut mencadangkan dokumen dan teks berkenaan rundingan tersebut termasuk laporan UNDP hendaklah disediakan untuk penelitian orang awam.

#### **(e) Geran penyelidikan Hak Asasi Manusia dan Perniagaan**

- (i) Bengkel Penyelidikan  
*Raoul Wallenberg Institute* (RWI) telah mengadakan bengkel penyelidikan mengenai 'Peranan Institusi Hak Asasi Manusia (NHRI) untuk Hak Asasi Manusia dan Perniagaan di Asia Tenggara' pada 9 hingga 12 Julai di Bangkok, Thailand. Wakil daripada empat NHRI iaitu Malaysia, Indonesia, Filipina dan Thailand serta wakil Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Myanmar yang baru ditubuhkan telah menghadiri bengkel ini.

Matlamat bengkel tersebut adalah seperti berikut:

- Meningkatkan pelaksanaan praktikal standard hak asasi manusia di Asia melalui NHRI dan institusi akademik sebagai aktor utama yang sangat berpotensi memberikan kesan positif ke atas hak asasi manusia di rantau ini; dan
- Membantu menyuburkan penyelidikan kerjasama ke atas peranan, mandat dan pengalaman NHRI dalam menangani pencabulan hak asasi manusia oleh entiti-entiti perniagaan.

Susulan daripada bengkel itu, Suruhanjaya bersetuju mengadakan kolaborasi bersama Encik Nisar Mohamad Ahmad, seorang pensyarah daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang turut menghadiri bengkel tersebut, untuk menyerahkan kertas cadangan penyelidikan mengenai hak asasi manusia dan perniagaan kepada RWI untuk mendapatkan geran berjumlah US\$6,650.

- (ii) Maklumat untuk projek penyelidikan RWI meluluskan permohonan geran penyelidikan yang bertajuk 'Peranan SUHAKAM dalam Menangani Pencabulan Hak Asasi Manusia Korporat: Kajian mengenai Industri Pembalakan dan Pertanian di Malaysia'.

Untuk mendapatkan maklumat projek dan mengkoordinasi pelaksanaan, Suruhanjaya telah menjalankan dua PMB iaitu pada 7 dan 8 November. PMB pertama diadakan untuk mendengar dakwaan pencabulan hak asasi manusia oleh pihak korporat, sementara PMB kedua pula diadakan bersama syarikat-syarikat pembalakan dan pertanian. Maklumat daripada PMB tersebut dimasukkan ke dalam penyelidikan tersebut. Deraf pertama telah dipanjangkan ke RWI pada 8 Disember untuk penilaian semula.

## **2. HAK PERUMAHAN WAJAR DAN MENCUKUPI**

Pada 31 Julai, Bahagian Pembangunan Dasar telah mengadakan mesyuarat bersama agensi kerajaan dan pihak berkuasa negeri di Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak mengenai isu hak asasi perumahan wajar dan mencukupi. Seramai 40 orang wakil daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Luar Bandar dan Wilayah (KLBW), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Standard Malaysia, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan juga Pihak Berkuasa Negeri dari Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Terengganu, Perak, Perlis, Sabah dan Sarawak telah menghadiri mesyuarat tersebut.

Matlamat mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Untuk mendapatkan maklumbalas mengenai aduan dan memorandum yang diterima berkenaan isu-isu perumahan oleh Suruhanjaya daripada pelbagai pihak berkepentingan, termasuklah individu dan juga NGO;

- (ii) Mendapatkan maklumbalas mengenai surat Suruhanjaya kepada pelbagai wakil Kerajaan pada 16 Januari, mengenai maklumbalas bertulis tentang laporan Suruhanjaya yang telah diterbitkan pada tahun 2004 bertajuk *Adequate Housing: A Human Right, A Report of SUHAKAM's Seminar on Human Rights Pertaining to Basic Needs*.

Selain itu, mesyuarat turut membincangkan isu-isu terkini mengenai hak asasi manusia kepada perumahan dan beberapa cadangan yang akan dikemukakan kepada Kerajaan.

### **(a) Akses kepada Perumahan Mampu secara Pemilikan atau Sewaan**

Walaupun rumah kos rendah telah banyak dibangunkan untuk golongan berpendapatan rendah, namun unit rumah tersebut tidak dapat mereka miliki. Perkara ini disebabkan oleh harga rumah dan kesukaran untuk mendapatkan pinjaman daripada institusi perbankan. Oleh demikian, unit rumah tersebut telah dijual kepada golongan bukan sasaran.

Suruhanjaya mengesyorkan kepada Kerajaan untuk:

1. Mengenalpasti bidang penyelidikan dan pembangunan yang bersesuaian bagi mencari penyelesaian agar kos pembinaan adalah rendah tanpa menjejaskan kualiti pembinaan;
2. Merangka polisi yang membenarkan fleksibiliti dalam pembayaran balik pinjaman agar golongan miskin dapat memiliki rumah, serta melaksanakan kajian semula kadar faedah; dan
3. Mempertimbangkan penyelesaian alternatif seperti menyewakan unit rumah kos rendah kepada golongan miskin.

### **(b) Kekurangan Unit Rumah Mampu Milik**

Beberapa agensi terlibat dalam menyediakan rumah mampu milik di bawah Skim Perumahan Awam Mampu Milik. Walau bagaimanapun, jumlah unit untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana, termasuklah golongan kurang upaya, warga tua, ibu tunggal dan setinggan masih lagi tidak mencukupi.

Suruhanjaya bersetuju dengan cadangan yang telah dikemukakan di bawah Dasar Perumahan Negara (DRN)<sup>8</sup> bahawasanya peranan, dan kolaborasi di antara agensi yang terlibat dalam pembinaan dan pengagihan rumah-rumah mampu milik hendaklah diperkukuhkan agar sistem penyampaian lebih efektif.

### **(c) Sistem pengagihan rumah kos rendah yang tidak efisien**

Pengagihan rumah kos rendah yang tidak efisien telah dikenalpasti sebagai salah satu sebab kegagalan kumpulan sasaran tidak mendapat rumah mampu milik. Terdapat dakwaan bahawa permasalahan ini timbul akibat data senarai pembeli yang layak, yang diuruskan oleh Kerajaan,

8 Rujuk 'Isu dan Cabaran' di dalam DRN.

tidak dikemaskini. Dalam kes-kes tertentu, hanya 10-20% pembeli berpotensi yang tersenarai mendapat rumah kos rendah yang ditawarkan. Sebagai maklumbalas, Kerajaan menekankan bahawa pemilihan pemohon untuk rumah kos rendah adalah berdasarkan pendapatan bulanan mereka, iaitu kurang daripada RM2,500, dan juga melalui maklumat yang diperolehi daripada data sistem E-Kasih.

Suruhanjaya mencadangkan agar pihak berkuasa yang berkaitan memantau mekanisme dan mengemaskini senarai pembeli layak dengan lebih kerap.

#### **(d) Peraturan dan perundangan Negara**

- (i) Kelemahan dalam mekanisme mengawal, memantau dan penguatkuasaan  
Pembeli rumah menyatakan masalah seperti pembinaan rumah yang tidak bermutu, kegagalan membetulkan kerosakan dan kecacatan serta projek perumahan yang terbungkalai. Di bawah DRN, Kerajaan telah merangka usaha untuk meningkatkan kualiti pembinaan rumah dengan menggalakkan penggunaan pekerja mahir dan bahan binaan tempatan yang berkualiti.

Suruhanjaya mencadangkan pengawalan yang efektif ke atas projek perumahan untuk memastikan rumah yang dibina adalah berkualiti dan melindungi hak pembeli.

- (ii) Sistem polisi, undang-undang, peraturan dan garis panduan yang kompleks  
Industri perumahan dikelilingi oleh pelbagai peraturan dan melibatkan bidang tugas pelbagai agensi. Keperluan mematuhi pelbagai undang-undang dan peraturan telah menyebabkan birokrasi dan berkemungkinan meningkatkan kos pembinaan rumah. Selain itu, kekurangan undang-undang dan peraturan yang standard mungkin mempengaruhi kualiti rumah yang dibina.

Suruhanjaya mengesyorkan agar Kerajaan mengkaji semula sistem-kawal tersebut agar ia lebih mudah. Dalam masa sama, kualiti rumah, keselamatan pekerja dan hak-hak pembeli hendaklah dilindungi oleh undang-undang.

- (iii) Kekurangan pengetahuan mengenai polisi perumahan  
Tahap kesedaran dan pengetahuan yang rendah di kalangan masyarakat umum mengenai hak kepada perumahan dan polisi yang berkaitan perumahan turut dibangkitkan.

Suruhanjaya mencadangkan agar masyarakat awam diberikan maklumat mengenai hak kepada perumahan wajar dan mencukupi supaya dapat mempertahankan hak mereka dengan efektif. Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri, serta golongan masyarakat sivil, hendaklah mempertimbang untuk meningkatkan kempen kesedaran mengenai prosedur dan kriteria dalam membuat pembelian rumah kos rendah.

Suruhanjaya pula, akan mengambil langkah untuk menjalankan kajian yang mendalam mengenai status hak kepada perumahan wajar, mampu milik dan boleh didiami khususnya kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU), warga tua dan ibu tunggal.

### 3. ANTI-PEMERDAGANGAN ORANG

#### (a) Taklimat berkenaan *US Trafficking in Persons (TIP) Report* terhadap Malaysia

Pada 14 September, Suruhanjaya telah menjemput wakil daripada Kedutaan Amerika Syarikat untuk memberikan taklimat berkenaan *US Trafficking in Persons (TIP) Report* pada tahun 2012, yang telah dikeluarkan pada 19 Jun oleh *US Department of State*. Wakil kedutaan tersebut terdiri daripada Mr Jeffrey Rathke, Kaunselor Hal Ehwal Politik, Mr Benjamin Ford, Pegawai Politik (Hak Asasi Manusia) dan Mr Ravindran Manickam, *Senior Associate*. Perbincangan tersebut telah membawa kepada beberapa isu penting iaitu:

(i) Kedudukan Malaysia

Malaysia, selama tiga tahun berturut-turut, telah diletakkan di Kedudukan Kedua, Senarai Pemerhatian (*Tier 2, Watch List*) kerana Kerajaan tidak mematuhi sepenuhnya standard minimum di bawah Akta Perlindungan Mangsa Perdagangan Orang Amerika Syarikat (TVPA) dan tidak melaksanakan sebarang usaha yang signifikan ke arah itu.<sup>9</sup> Suruhanjaya dimaklumkan sesebuah negara tidak boleh berada di Peringkat Kedua Senarai Pemerhatian untuk dua tahun berturut-turut<sup>10</sup>.

Walaupun bagaimanapun, Malaysia telah diberikan pengecualian pada tahun 2012 kerana Kerajaan telah menghasilkan satu pelan tindakan melalui Majlis Anti-Pemerdagangan Orang dan Anti-Penyeludupan Migran (MAPO) yang diberikan pertimbangan oleh *US State Department*.

(ii) Penyeludupan Buruh

Walaupun terdapat peningkatan pendakwaan terhadap kes pemerdagangan seks, pendakwaan kes yang melibatkan buruh paksa masih lagi rendah.<sup>11</sup> Jabatan Tenaga Kerja masih terlalu baru dalam bidang penyiasatan dan pendakwaan yang melibatkan kes buruh paksa.<sup>12</sup> Adalah dimaklumkan, jabatan tersebut juga enggan menyiasat kes buruh paksaan sebagai kes penyeludupan manusia kerana ia biasanya mengambil masa yang lebih lama untuk diselesaikan. Terdapat juga kebimbangan bahawa, walaupun rampasan pasport oleh majikan adalah menyalahi undang-undang, Kerajaan terus membenarkan amalan ini berlaku dengan sewenang-wenangnya.

---

9 Jabatan Negeri telah meletakkan tangga kepada semua negara dalam peringkat 1 hingga 3 untuk melihat sejauhmana usaha-usaha kerajaan untuk memenuhi tuntutan 'standard minima untuk menghalang pemerdagangan' seperti TVPA.

10 Malaysia telah diletakan pada kedudukan kedua senarai pemerhatian pada tahun 2010 dan 2011.

11 Pada tahun 2011, Kerajaan telah menangkap 17 penjenayah penyeludupan seks tetapi tidak mendakwa mana-mana penjenayah dalam buruh paksa. Polis dan pegawai imigresen menyiasat 97 kes ke atas dakwaan penyeludupan, 45 adalah kes penyeludupan buruh, mereka memulakan 16 dakwaan, 13 kes melibatkan penyeludupan seks dan 3 kes melibatkan buruh paksa.

12 Pada November 2011, Jabatan Tenaga Kerja menfaikkan dakwaan ke atas suspek pemerdagangan. Kes ini dikenali sebagai Kes 'GSS News Agency'. Jabatan menyiapkan penyiasatan pertama dan 3 individu telah didakwa atas kesalahan pemerdagangan 5 orang pekerja migran warganegara India.

(iii) Kekurangan undang-undang dan penguatkuasaan

Agensi penguatkuasaan undang-undang dilihat tidak beroperasi di bawah prosedur atau garis panduan yang jelas semasa berhadapan dengan kes pemerdagangan orang. Prosedur dalam mengenal pasti mangsa juga berbeza dari satu agensi dengan agensi yang lain. Sebagai contoh, Jabatan Sumber Manusia mengenalpasti seseorang sebagai mangsa pemerdagangan buruh jika dia tidak menerima gaji selama lebih daripada tiga bulan. Adalah ditegaskan bahawa ia akan menjadi lebih baik untuk mempunyai garis panduan yang konsisten yang boleh diguna pakai oleh semua agensi penguatkuasaan dalam menangani isu-isu pemerdagangan.

Terdapat sesetengah mangsa tidak bersedia untuk bekerjasama dengan pegawai penguatkuasa dalam memberikan keterangan terhadap pesalah kerana mereka bimbang keselamatan ahli keluarga sama ada di Malaysia atau di negara asal mereka. Dalam kes-kes lain, mangsa enggan melaporkan kes-kes seperti pemerdagangan manusia untuk mengelak ditahan di tempat perlindungan Kerajaan.<sup>13</sup>

(iv) Peranan MAPO

Telah diperhatikan bahawa hanya terdapat beberapa rujukan mengenai MAPO dan fungsinya dalam laporan TIP Amerika Syarikat. Ini kerana laporan itu menggambarkan, terutamanya, usaha keseluruhan Kerajaan dalam memerangi penyeludupan dan tidak memfokuskan kepada agensi-agensi individu. Telah dipersetujui bahawa MAPO perlu mengambil inisiatif untuk menangani isu-isu, kerana ia adalah sebuah badan penyalaras antara agensi yang terdiri daripada wakil-wakil Kementerian dan agensi-agensi yang diamanahkan untuk berhadapan dengan isu-isu pemerdagangan. Suruhanjaya dimaklumkan bahawa cadangan telah dibuat kepada MAPO untuk berkembang menjadi badan penyalaras yang lebih kuat dan responsif.

(v) Perlindungan Mangsa

Telah diperhatikan bahawa Kerajaan tidak melaksanakan usaha yang mencukupi untuk melindungi mangsa pemerdagangan. Tiada peningkatan ketara terhadap keadaan di pusat perlindungan mangsa. Kebanyakan mangsa tinggal selama tiga hingga enam bulan, walaupun sesetengahnya telah berada di tempat perlindungan selama lebih daripada setahun. Kerajaan menyediakan kaunseling yang terhad kepada mangsa serta mereka mempunyai akses yang terhad kepada bantuan perundangan atau psikologi, terutama yang disediakan oleh NGO.

Suruhanjaya telah menyatakan bahawa Kerajaan perlu memperbaiki keadaan di pusat perlindungan dan seharusnya mampu mengendalikan keadaan ini kerana bilangan mangsa adalah kecil. Kerajaan boleh membenarkan mangsa pemerdagangan untuk bekerja sementara berikutan perintah perlindungan mereka telah tamat tempoh.

(vi) Kekurangan Kemahiran penguatkuasaan

Kekurangan kesedaran, kemahiran dan sumber dalam agensi penguatkuasaan undang-undang telah membawa kepada pelbagai masalah termasuk terlebih bergantung pada

---

<sup>13</sup> Kelewatan pelaksanaan hukuman akan menyebabkan mangsa ditahan di pusat perlindungan Kerajaan.

mangsa/saksi dalam pendakwaan penderar. Pihak penguatkuasa undang-undang tidak menerima latihan yang mencukupi untuk berhadapan dengan mangsa, dan prosedur siasatan yang lemah tanpa mengambil kira kepentingan terbaik mangsa. Majoriti pegawai penguatkuasa undang-undang barisan hadapan masih tidak tahu bagaimana hendak menangani penyeludupan. Pakar-pakar dari Amerika Syarikat telah menjalankan program latihan dan pembinaan kapasiti, serta berkongsi pengalaman mereka dan kajian kes dengan pegawai pendakwa dan penguatkuasa.

### **(b) Peranan Suruhanjaya**

Sebagai ahli MAPO, Suruhanjaya menyediakan input mengenai perkara yang dibangkitkan di mesyuarat. Di samping itu, Suruhanjaya mengadakan lawatan ke tempat perlindungan, memberikan syor untuk memperbaiki keadaan serta menangani isu-isu yang berkaitan dengan hak.

## **4. HAK ASASI ORANG ASAL/ASLI**

### **(a) Perbincangan Meja Bulat (PMB) mengenai Sistem Perundangan Orang Asal/Asli**

Susulan daripada bengkel 'Sistem Perundangan Orang Asal/Asli' yang diadakan pada tahun 2011, Suruhanjaya telah menganjurkan satu PMB mengenai 'Sistem Perundangan Orang Asal/Asli' pada 18 Mei. PMB ini bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas berhubung isu-isu dan syor-syor yang telah dikemukakan semasa bengkel terdahulu. Suruhanjaya berharap agar Sistem Perundangan Orang Asal/Asli akan diiktiraf berdasarkan prinsip hak sama rata dan hak jati diri kepada semua golongan.

Lebih kurang 20 orang peserta dari pelbagai agensi dan NGO, ahli akademik dan masyarakat pribumi di Semenanjung Malaysia telah menyertai dialog tersebut. PMB tersebut merangkumi pelbagai topik termasuklah pelantikan pemimpin Orang Asal/Asli atau batin, promosi budaya Orang Asal/Asli dan juga cara hidup serta undang-undang adat Orang Asli.

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah merangka tugasnya. Melalui Pelan Strategik Lima Tahun, Jabatan telah mengenal pasti aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk melindungi dan mempromosi budaya dan adat resam masyarakat Orang Asal/Asli, termasuk bekerjasama dengan penyelidik universiti untuk mengkaji Sistem Perundangan Orang Asli.

- JAKOA telah melancarkan glosari bahasa 18 suku kaum di Malaysia sebagai usaha mempromosi dan mendokumentasi adat Orang Asli.
- JAKOA turut mengemukakan kertas cadangan kepada Jabatan Peguam Negara berhubung kriteria pelantikan batin. Antara kriteria-kriteria yang dicadangkan adalah calon mestilah seorang yang pakar dalam adat resam pribumi dan boleh membaca dalam Bahasa Melayu.

Majlis Peguam mencadangkan agar Kerajaan atau agensi-agensi yang berurusan dengan hal ehwal yang berkaitan dengan Orang Asli harus mengadakan perbincangan dengan masyarakat dan bukan hanya bersama batin. Perbincangan haruslah menegakkan prinsip persetujuan awal, bebas dan dimaklumkan terlebih dahulu. Majlis Peguam juga mencadangkan, selain daripada Mahkamah Anak Negeri, tribunal perlu ditubuhkan untuk menyelesaikan sesuatu pertikaian. Orang Asal/Asli yang pakar dan mahir mengenai adat masyarakat Orang Asli harus berkhidmat sebagai hakim dan peguam, sebagaimana diperuntukkan oleh Artikel 27 Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Hak Orang Asal/Asli (UNDRIP).

Jabatan Peguam Negara memaklumkan bahawa undang-undang adat anak negeri boleh dilaksanakan, dengan mengambil kira hak yang sama rata kepada semua rakyat dalam Perlembagaan Persekutuan dan Artikel 44 UNDRIP. Walau bagaimanapun, isu-isu tertunggak mestilah diselesaikan sebelum mana-mana undang-undang itu boleh diperkenalkan. Pengerusi Suruhanjaya, Tan Sri Hasmy Agam, mencadangkan bahawa undang-undang yang digubal perlu menggabungkan prinsip-prinsip yang terdapat dalam UNDRIP demi untuk memperkasakan masyarakat Orang Asli.

Orang Asli dan wakil-wakil NGO menegaskan bahawa Mahkamah Orang Asli perlu diwujudkan sepertimana di Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, usaha untuk menyeragamkan undang-undang adat dan hukuman perlu dielakkan kerana ia berbeza mengikut golongan masyarakat Orang Asli.

### **(b) Siri Kedua Syarahan mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli**

Suruhanjaya telah dijemput untuk menyampaikan ucapan di siri syarahan tertutup yang diadakan di Pusat Undang-Undang dan Pengajian Perundangan Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara pada 10-12 September. Turut dijemput adalah lima pakar dari New Zealand mengenai kedudukan golongan Maori dalam Triti Waitangi.

Pesuruhjaya Jannie Lasimbang membentangkan kertas kerja mengenai Inkuiri Nasional ke atas Hak Tanah Orang Asal/Asli di Malaysia dan menggariskan beberapa perkara seperti berikut: isu-isu yang biasa dialami oleh masyarakat pribumi di seluruh negara; kekangan ke atas hak tanah penduduk Orang Asal/Asli disebabkan dasar-dasar, undang-undang dan pentadbiran; kesan pengiktirafan atau ketiadaan pengiktirafan ke atas hak kepada tanah, termasuk sosio-budaya, psikologi, ekonomi, politik, kesihatan dan kesan alam sekitar; dan langkah-langkah dan syor yang mungkin boleh dilaksanakan untuk melindungi hak kepada tanah.

*Triti Waitangi adalah satu perjanjian yang dimeterai oleh wakil Māori iwi (puak-puak) dan hapū (sub-puak), ditandatangani pada 6 Februari 1840. Ia adalah satu kenyataan prinsip yang luas di mana pegawai-pegawai British dan ketua Māori membuat perjanjian politik atau kovenan untuk mengasaskan sebuah negara bangsa dan membina kerajaan di New Zealand.*

Delegasi dari New Zealand berkongsi pengalaman mereka berhubung rangka kerja undang-undang yang berkaitan dengan hak dan isu Orang Asal; rundingan serta pembelaan kepada penyelesaian triti; sumber-sumber asli, tuntutan-tuntutan kaum Maori dan juga opsyen penyelesaian; rejim terkini dan integrasi undang-undang tanah kaum Maori dengan sistem pemindahan tanah New Zealand; kerjasama di antara negara dan kaum Maori; entiti tadbir-urus selepas penyelesaian (*Post-settlement governance entities*) dan struktur perniagaan kaum Maori; serta obligasi antarabangsa New Zealand dan Triti Waitangi.

Perbincangan berikutnya merangkumi:

- (i) Sempadan tanah adat Orang Asal/Asli seperti yang ditafsirkan oleh Orang Asal/Asli;
- (ii) Konsep pemilikan tanah Orang Asal/Asli (iaitu tiada hak milik tanah dan andaian bahawa mereka adalah pemilik tanah yang diwarisi daripada nenek moyang);
- (iii) Perpindahan dan penempatan semula Orang Asal/Asli kesan daripada projek-projek Kerajaan dan swasta; dan
- (iv) Peranan agensi Kerajaan dan entiti swasta berhubung dengan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya hasil dari Inkuiri Nasional.

### **(c) Projek Forum Institusi Hak Asasi Manusia Nasional Asia Tenggara (SEANF) mengenai Hak Asasi Orang Asal/Asli**

Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) SEANF yang diadakan di Bangkok 23-24 Februari telah bersetuju bahawa ahli-ahlinya perlu menghasilkan kertas kerja untuk memperkenalkan 'Amalan Baik dalam Mempromosi dan Melindungi Hak Orang Asal/Asli' di negara masing-masing. Mesyuarat TWG di Jakarta pada 20 Ogos turut mempersetujui bahawa format kertas kertas yang disediakan oleh Suruhanjaya akan digunapakai oleh semua ahli dan deraf pertama laporan tersebut perlu diserahkan pada 31 Ogos.

Objektif projek ini adalah untuk membolehkan perkongsian amalan baik di kalangan ahli-ahli SEANF dan orang awam secara keseluruhannya. Untuk deraf pertama laporan itu, Suruhanjaya menjalankan penyelidikan sekunder bagi mendapatkan input berdasarkan format kertas kerja yang dipersetujui. Ringkasan eksekutif laporan deraf pertama telah dibentangkan oleh Pengerusi, Tan Sri Hasmy Agam, pada mesyuarat SEANF Tahunan yang diadakan di Chiangmai pada 12-14 September. Mesyuarat kali ini turut mempersetujui bahawa semua ahli perlu mengemukakan deraf kedua pada 20 Disember 2012 dan draf terakhir menjelang Mac 2013.

### **(d) Laporan mengenai 'Amalan Baik untuk Mempromosi dan Melindungi Hak Asasi Orang Asal/Asli' di Malaysia**

Suruhanjaya menganjurkan Perbincangan Meja Bulat (PMB) pada 5 November yang dihadiri oleh agensi Kerajaan, NGO dan wakil-wakil masyarakat Orang Asal/Asli. Para peserta PMB terdiri daripada JAKOA, Kementerian Pelajaran (KPM), Kementerian Kesihatan (KKM), Kementerian

Luar Bandar dan Pembangunan Wilayah (KLBW), Jabatan Muzium, Majlis Peguam, Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS), Jaringan Orang Asli Se-Malaysia (JOAS), UNDP Malaysia, Tabung Kanak-kanak PBB dan Mahkamah Anak Negeri Sabah.

Objektif PMB ini adalah untuk mendapatkan maklum balas berhubung deraf Suruhanjaya mengenai 'Amalan Baik untuk Mempromosi dan Melindungi Hak Asasi Masyarakat Orang Asal/Asli' di Malaysia dan untuk mendapatkan input mengenai amalan-amalan baik yang lain untuk dimuatkan dalam laporan akhir SEANF.

Amalan terbaik yang diketengahkan adalah seperti berikut:

- (i) Inkuiri Nasional Suruhanjaya ke atas Hak Tanah Adat Orang Asal/Asli di Malaysia telah bertindak sebagai saluran untuk menyiasat aduan-aduan yang berhubung kait dengan hak tanah adat. Dengan menggunakan perspektif Orang Asal/Asli, beberapa cadangan akan dikemukakan kepada agensi-agensi yang berkaitan.
- (ii) Taman-Taman Sabah telah membangunkan Zon Penggunaan Komuniti - contohnya di Ulu Senagang dan Mongool Baru - untuk manfaat masyarakat Orang Asal/Asli. Ia bertujuan untuk mengimbangi keperluan masyarakat dengan pemuliharaan alam sekitar, menggalakkan penyertaan dan kerjasama komuniti tempatan dalam pengurusan taman dan memelihara budaya dan pengetahuan tradisional komuniti.
- (iii) Seiringan dengan Artikel 14 UNDRIP dan Artikel 26 UDHR, KPM telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan pendidikan formal kepada Orang Asal/Asli, termasuklah memperkenalkan tujuh inisiatif di bawah Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asal/Asli, memperkenalkan bahasa Semai dan KadazanDusun sebagai mata pelajaran elektif bagi peperiksaan PMR dan SPM, menetapkan syarat kemasukan yang lebih rendah kepada masyarakat Orang Asal/Asli untuk ke institusi pengajian tinggi, bekerjasama dengan Suruhanjaya dalam projek 'Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah' dan membangunkan program pendidikan dewasa.
- (iv) SRIP, sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah, telah membantu menaikkan taraf hidup di kalangan masyarakat Orang Asal/Asli di negeri ini dengan memperkenalkan penanaman baru/penanaman semula pokok getah dengan *Latex Timber/High Yield Clones* sejak tahun 1981. Matlamatnya adalah untuk membasmi kemiskinan tegar dengan mewujudkan sistem pertanian kekal yang boleh memberikan pendapatan yang stabil dan mapan, serta meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asal/Asli. Kumpulan sasaran adalah pemilik tanah terbiar, petani sara diri yang mengamalkan pertanian pindah dan individu miskin yang berada di kawasan luar bandar dan terpencil. Program ini telah menyumbang kepada pembangunan ekonomi Orang Asal/Asli Sabah dan telah membolehkan mereka menikmati pendapatan yang mapan.
- (v) Mahkamah Anak Negeri Sabah adalah penting dalam menegakkan dan melindungi amalan unik di bawah Sistem Perundangan Masyarakat Orang Asal/Asli. Bidang kuasa mahkamah,

seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 6 Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992, adalah lebih menjurus kepada isu-isu pertikaian di bawah undang-undang adat, agama dan perkahwinan. Mahkamah Anak Negeri turut menyumbang kepada kesinambungan tradisi dan budaya masyarakat Orang Asal/Asli, serta menyediakan akses kepada keadilan yang selari dengan pandangan Orang Asal/Asli. Walaupun masyarakat Orang Asal/Asli terdiri daripada kumpulan-kumpulan yang berbeza, Mahkamah Anak Negeri telah menyatukan mereka melalui Sistem Pribumi Undang-undang yang berdasarkan adat dan tradisi.

- (vi) Majlis Peguam telah menubuhkan perkhidmatan undang-undang secara sukarela di bawah Jawatankuasa Orang Asli untuk mengendalikan secara *pro bono*, kes-kes yang melibatkan tanah nenek moyang. Oleh itu, Orang Asal/Asli boleh mendapatkan perkhidmatan peguam yang mungkin tidak mampu mereka miliki kerana faktor kos.
- (vii) Pusat Pembelajaran Komuniti (PPK) di Sabah telah dibangunkan oleh *Partner of Community Organisation in Sabah (PACOS Trust)* pada tahun 1993, untuk menyediakan pendidikan formal (tadika/nurseri) dan tidak formal kepada kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun. PPK juga berfungsi sebagai tempat pertemuan masyarakat untuk berbincang dan menjalankan program-program pembangunan sistem ekonomi, tanah dan pengurusan sumber tanah. PPK menyediakan tempat untuk Orang Asal/Asli belajar, berkongsi dan melindungi pengetahuan dan kemahiran tradisional. Ini termasuklah dalam membuat kraftangan, lagu/tarian, cerita, muzik, bahasa, makanan, dokumentasi istilah dan dokumentasi asal-usul untuk kanak-kanak kampung. Penubuhan PPK berdasarkan Artikel 29 dan 30 Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) dan Artikel 13 dan 14 UNDRIP.
- (viii) Gerai OA terdiri daripada sukarelawan yang menjual kraftangan asli unik seperti bakul dan barang kemas buatan tangan di seluruh Malaysia. Ini bertujuan untuk mengekalkan warisan dan budaya pribumi, mempromosi seni asli kepada orang awam, mendokumen pembuatan, mengangkat warisan kraf, memperbaiki teknik pengeluaran, mewujudkan pasaran baru, dan membantu pembuat kraf dalam menambahkan pendapatan mereka. Hasil jualan dikembalikan kepada pembuat kraf untuk membayar yuran sekolah anak-anak mereka atau untuk melabur dalam pembukaan ladang.
- (ix) Sejak KKM mengambil alih pengurusan Hospital Orang Asli di Gombak, Selangor, dari JAKOA, satu unit khas telah ditubuhkan untuk menangani isu-isu kesihatan Orang Asal/Asli. KKM tegas menguatkuasakan peraturan-peraturan mengekalkan standard ubat-ubatan yang diberikan kepada semua pesakit, termasuk Orang Asal/Asli.
- (x) JOAS telah melakukan kerja yang meluas dalam mempromosikan UNDRIP dan mengaplikasikan peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam UNDRIP ke dalam kes-kes mahkamah. Ini telah membawa kepada beberapa keputusan penting dalam menegakkan hak Orang Asli/Asal. Sejak Malaysia menerima pakai UNDRIP pada tahun 2007, JOAS telah menjalankan pelbagai *road show* dan bengkel di seluruh negara bagi mewujudkan kesedaran mengenai UNDRIP terutamanya kepada Orang Asal/Asli.

### (e) Aktiviti-aktiviti Lain

Suruhanjaya terlibat dalam aktiviti lain mengenai Hak Asasi Orang Asal/Asli:

- Persidangan dan ceramah yang dianjurkan oleh Pusat Pengajian Pribumi, Universiti Malaya
- Pameran foto mengenai 'Nomad di Hutan Hujan Belum di Temengor - Kemodenan, Perubahan dan Masa Depan' yang dianjurkan oleh Persatuan Pencinta Alam Malaysia
- Perbincangan Kumpulan Fokus yang dianjurkan oleh UNDP mengenai 'Kajian dan Kajian Status Sosio-ekonomi Orang Asal/Asli di Semenanjung Malaysia bagi mewujudkan Rancangan Pembangunan Negara untuk Projek Orang Asli'
- Persidangan Tanah anjuran Sinui Pai Nanak Sengik, Rangkaian Kampung Orang Asli Semenanjung Malaysia dan Pusat KOMAS

## 5. KOLOKIUUM BADAN KEHAKIMAN MENGENAI APLIKASI DOMESTIK MENGENAI NORMA-NORMA HAK ASASI MANUSIA ANTARABANGSA

Suruhanjaya menganjurkan kolokium pada 22 dan 23 September untuk anggota Badan Kehakiman yang terdiri daripada 77 orang hakim dari Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi. Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Malaya dan Hakim Besar Sabah dan Sarawak turut menghadiri acara tersebut.

Oleh kerana kolokium badan kehakiman yang pertama diadakan pada tahun 2009 telah mendapat sambutan menggalakkan daripada anggota badan kehakiman dan pengamal undang-undang, kolokium susulan yang kedua ini diadakan untuk:

- (i) Memastikan bahawa anggota badan kehakiman telah memperolehi pengetahuan asas mengenai asal, tujuan dan skop undang-undang hak asasi manusia antarabangsa dan untuk membiasakan hakim dengan penggunaan undang-undang hak asasi manusia antarabangsa di peringkat domestik;
- (ii) Meningkatkan kefahaman instrumen hak asasi manusia dan pelbagai undang-undang kes yang relevan di peringkat nasional;
- (iii) Mendapatkan kerjasama lanjut dengan Badan Kehakiman berhubung hasrat Suruhanjaya untuk terlibat sebagai *amicus curiae* atau sebagai pemerhati dalam kes-kes yang melibatkan pencabulan hak asasi manusia.

Kolokium tersebut mengandungi tiga sesi utama. Sesi pertama adalah kata-kata aluan oleh Pengerusi Suruhanjaya, Tan Sri Hasmy Agam, diikuti oleh Ucaptama oleh Yang Arif JS Verma, bekas Ketua Hakim India dan bekas Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan India.

Sesi kedua merangkumi pembentangan oleh Profesor Brian Burdekin AO, bekas Pesuruhjaya Hak Asasi Manusia Australia dan bekas Penasihat Khas Institusi Kebangsaan kepada Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia; Yang Arif JS Verma, Prof Emeritus Datuk Dr Shad Saleem Faruqi dan Dato' Ranita Hussein.

Sesi ketiga adalah PMB untuk peserta berkongsi pandangan mereka dalam membincangkan topik-topik yang diketengahkan oleh penceramah. Tan Sri Hasmy Agam bertindak sebagai fasilitator sesi, bersama ahli panel yang terdiri daripada Naib Pengerusi Suruhanjaya, Datuk Dr Khaw Lake Tee, Hakim Mahkamah Rayuan, YA Dato' Mohamad Ariff Md Yusof dan Encik Andrew Khoo.



*Barisan Hadapan (dari kiri): Mr Brian Burdekin AO (Bekas Pesuruhjaya Hak Asasi Manusia Australia dan Bekas Penasihat Khas Institusi Kebangsaan kepada Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia), YAA Tan Sri Dato' Seri Zulkefli Ahmad Makinudin (Hakim Besar Malaya); Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi Suruhanjaya); YAA Tun Arifin Zakaria (Ketua Hakim Negara), Hakim JS Verma (Bekas Ketua Hakim Negara India dan Bekas Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia India), YAA Tan Sri Dato' Seri Md Raus Sharif (Presiden Mahkamah Rayuan); dan YAA Tan Sri Datuk Seri Panglima Richard Malanjum (Hakim Besar Sabah dan Sarawak)*

*Barisan Belakang (dari kiri): Puan Jannie Lasimbang (Pesuruhjaya), En Muhammad Sha'ani Abdullah (Pesuruhjaya), En Andrew Khoo, YAA Dato' Mohamad Ariff Md Yusof (Hakim Mahkamah Rayuan), Datuk Dr Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi Suruhanjaya), Profesor Emeritus Datuk Dr Shad Saleem Faruqi, En Detta Samen (Pesuruhjaya); En James Nayagam (Pesuruhjaya); dan Puan Rodziah Abdul (Setiausaha Suruhanjaya)*

Beberapa isu telah dibincangkan:

- (i) Menggalakkan Badan Kehakiman untuk menggunakan '*prismatic approach*'  
Rujukan telah dibuat kepada kes *Lee Kwan Woh lwn Pendakwa Awam* di mana Mahkamah Persekutuan telah sebulat suara membenarkan rayuan Lee terhadap hukuman mati kerana penyelewengan dalam perbicaraan asal beliau di Mahkamah Tinggi atas kesalahan mengedar dadah. Mahkamah Persekutuan berpendapat bahawa hak-hak perlembagaan mesti dibaca secara *prismatic* dan bukannya secara literal.

Sebagai contoh, Artikel 5 Perlembagaan Persekutuan mengenai hak untuk hidup harus diberikan pentafsiran yang lebih daripada sekadar hidup dan mati, ia juga harus mempertimbangkan antara lain, hak kepada air dan hak kepada persekitaran yang bersih.

- (ii) Kegagalan untuk mengharmonikan triti hak asasi manusia yang telah diratifikasi dengan undang-undang domestik

Di bawah Akta Perhimpunan Aman 2012, mana-mana individu di bawah umur 15 tahun tidak boleh mengambil bahagian dalam perhimpunan. Walau bagaimanapun, Artikel 15 CRC, yang mana Malaysia adalah negara ahli, mengiktiraf hak kanak-kanak untuk kebebasan berhimpun secara aman. Di samping itu, penguatkuasaan Akta Kanak-Kanak 2001 tidak mendukung semangat CRC, memandangkan undang-undang domestik hanya memberi tumpuan kepada perlindungan kanak-kanak dan bukannya kepada hak kanak-kanak, terutamanya hak sivil dan politik. Situasi sedemikian akan menimbulkan cabaran kepada Badan Kehakiman apabila perkara-perkara ini dibawa ke hadapan mahkamah.

- (iii) Ketelusan dalam proses pelantikan hakim

Untuk memastikan integriti sistem kehakiman, dicadangkan agar proses pelantikan hakim seharusnya dilakukan di tempat awam. Sebagai contoh, di Afrika Selatan, peluang diberikan kepada orang ramai untuk membahaskan kelayakan calon-calon bagi jawatan hakim.

- (iv) Kerjasama antara Badan Kehakiman dan Suruhanjaya

Akta Suruhanjaya, Akta 597, tidak memperuntukkan kuasa kepada Suruhanjaya untuk memfailkan kes-kes di mahkamah. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya telah, atas inisiatifnya sendiri, sehingga kini bertindak sebagai pemerhati dalam tiga kes. Diharapkan bahawa Akta 597 akan dipinda untuk memperuntukkan kuasa kepada Suruhanjaya untuk bertindak sebagai *amicus curiae*, untuk menawarkan maklumat serta membantu mahkamah dalam menentukan perkara-perkara yang berkaitan dengan hak asasi manusia

- (v) Siasatan Awam Suruhanjaya

Sejak penubuhan Suruhanjaya pada tahun 2000, Suruhanjaya telah menjalankan lapan Siasatan Awam dan satu Inkuiri Nasional. Walau bagaimanapun, sebagai badan penasihat, Suruhanjaya hanya boleh membuat syor-syor untuk menangani pelanggaran hak asasi manusia. Dicadangkan bahawa penemuan dan syor-syor inkuiri digunakan sebagai rujukan di mahkamah, yang mana berkaitan.

- (vi) Kesedaran hak asasi manusia untuk Badan Kehakiman  
Malaysia akan menjalani kitaran kedua Penilaian Penggalan Sejangat (UPR) dari bulan Oktober-November 2013. Semasa kitaran pertama pada tahun 2009, Malaysia telah menerima 62 syor dan akan dikaji semula untuk tindakan susulan semasa penilaian kitaran kedua. Salah satu cadangannya ialah Kerajaan hendaklah mempromosikan kesedaran hak asasi manusia kepada anggota Badan Kehakiman. Suruhanjaya berpendapat bahawa kolokium kehakiman merupakan arena yang bersesuaian untuk tujuan ini.
- (vii) Penggunaan undang-undang antarabangsa di peringkat domestik  
Satu soalan telah diajukan berkenaan sejauh mana badan kehakiman boleh melaksanakan prinsip-prinsip hak asasi manusia, termasuk prinsip di bawah UDHR yang meliputi kebebasan individu dan hak-hak ekonomi, sosial dan kebudayaan.

Seksyen 4 (4) Akta 597 memperuntukkan: Bagi maksud Akta ini, perhatian hendaklah diberikan kepada (UDHR) 1948 selagi perisytiharan itu tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Mengambil prinsip tersebut sebagai struktur, Badan Kehakiman diharapkan akan menggunakan UDHR sebagai salah satu sumber rujukan bidang kuasanya. Sebagai contoh, dalam kes *Norfadilla binti Ahmad Saikin lwn Chayed bin Basirun & Anor*, hakim telah menggunakan Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita secara kreatif, menegaskan bahawa tindakan defendan menarik balik atau membatalkan pelantikan plaintif sebagai guru sandaran tidak terlatih adalah bertentangan dengan Perlembagaan, menyalahi undang-undang dan tidak sah berdasarkan Artikel 8 Perlembagaan Persekutuan, yang menghalang diskriminasi atas faktor jantina. Walau bagaimanapun, dalam kes-kes tertentu, adalah sukar bagi hakim untuk melangkaui peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan.

## **6. PERBINCANGAN MEJA BULAT (PMB) MENGENAI 'HAK ASASI MANUSIA DAN ISLAM'**

Pada 20 November, Suruhanjaya dengan kerjasama *International Institute of Advanced Islamic Studies Malaysia* (IIAIS), menganjurkan PMB tertutup mengenai 'Hak Asasi Manusia dan Islam' untuk:

- (i) Mengenal pasti isu-isu penting hak asasi manusia dalam Islam;
- (ii) Menyediakan platform untuk penghayatan kritikal terhadap pelbagai isu-isu yang berkaitan dengan hak asasi manusia dalam Islam;
- (iii) Mempromosi perbincangan terbuka, analisis kritikal dan penyelidikan mengenai isu-isu hak asasi manusia dari perspektif Islam; dan

- (iv) Meneliti mekanisme yang sesuai untuk memperhebatkan dialog antara pihak-pihak berkepentingan berdasarkan semangat menyelesaikan masalah, berkaitan dengan isu-isu hak asasi manusia dalam Islam.

Perbincangan telah menyentuh mengenai beberapa isu:

### **(a) Kajian Semula Skop *Maqasid***

Profesor Mohammad Hashim Kamali, Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif IAIS mencadangkan bahawa skop *maqasid* dikaji semula daripada lima senarai yang telah ditetapkan kepada nilai-nilai lain yang tidak terhad seperti keadilan, maruah dan hak asasi manusia, kebebasan dan keamanan yang mana semuanya mempunyai dalil di dalam Al-Quran. *Maqasid* adalah matlamat dan tujuan Syariah dan secara logiknya tidak harus terhad kepada bilangan tertentu semata-mata kerana Syariah itu sendiri adalah tidak terhad dalam perkara tersebut. Untuk memastikan kesesuaian, pembangunan dan perkembangan yang berterusan berdasarkan *ijtihad*, pembaharuan dan reformasi matlamat dan tujuan Syariah juga mesti kekal berkembang dari sudut pembangunan perundangan dan ketamadunan Islam.

### **(b) Kebebasan Beragama**

Bagi menyelesaikan masalah yang timbul di Malaysia, isu ini memerlukan pentafsiran yang lebih lanjut berkenaan prinsip-prinsip yang terdapat di dalam Al-Quran dan Hadis. Al-Quran tidak menggariskan tentang hukuman mati kepada orang yang murtad dan dalil-dalil Hadis yang disandarkan adalah terbuka kepada pentafsiran. Ulama' telah berhujah menggunakan hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas di mana Nabi (saw) bersabda, 'sesiapa yang keluar daripada agamanya hendaklah dibunuh'. Kebanyakan ulama' bersetuju bahawa hukuman yang hendak ditetapkan tidak boleh bersandarkan kepada Hadis *ahad*, dan kekufuran dengan sendirinya tidak membawa kepada hukuman mati. Faktor utama yang menentukan pelaksanaan hukuman ini adalah pemberontakan dan permusuhan kepada orang-orang yang beriman dan keperluan untuk mencegah kemungkinan berlakunya fitnah terhadap agama dan negara.

Di samping itu, hukuman mati dalam hadis tersebut tidak bermaksud untuk murtad semata-mata tetapi pemberontakan (*hirabah*) - apabila murtad disertai dengan permusuhan dan pemberontakan terhadap masyarakat dan kepimpinan yang sah. Hadis ini adalah perintah umum (*'amm*) dan perlu kepada pengkhususan (*takhsis*).

### **(c) Penyertaan Wanita di dalam Sektor Kerajaan**

Penyertaan wanita dalam sektor Kerajaan seharusnya samarata di semua peringkat dengan pengecualian di mana kesaksamaan adalah tidak disyorkan seperti tugas polis dan tentera. Satu-satunya pengecualian Syariah berkenaan penyertaan wanita dalam kerajaan adalah berkaitan kedudukan wanita sebagai ketua negara berdasarkan pendapat majoriti ulama' (*ijma'*). Walau bagaimanapun, tiada dalil yang jelas untuk mencegah kesaksamaan walaupun untuk jawatan pada peringkat ini. Wujudnya doktrin semakan dan imbalan serta pengasingan kuasa dalam perlembagaan moden, telah sama sekali mengubah ciri-ciri kepimpinan. Kaedah

perundangan Islam juga berpendapat bahawa suatu ketetapan berubah berdasarkan keperluan dan rasional (*illah*) agar selari dengan perubahan dan bersesuaian mengikut keadaan melalui *ijtihad* serta pandangan agama tentang perkara yang tidak disebut dalam sumber hukum Islam.

#### **(d) Undang-undang Perwarisan Harta Pusaka dalam Islam**

Hujah-hujah yang menyokong pemberian bahagian harta pusaka yang lebih untuk waris lelaki adalah seorang lelaki bertanggungjawab memberi nafkah dan menyediakan keperluan wanita dalam perkahwinan, serta bantuan kewangan untuk membantu wanita yang bercerai.

Dicadangkan bahawa ulama' dan hakim perlu meneroka prinsip keutamaan perundangan (*istihsan*) yang boleh menangani undang-undang sedia ada yang membawa kepada keputusan yang tidak adil. *Istihsan* membenarkan ulama dan hakim untuk mencari alternatif dan penyelesaian yang lebih baik untuk kes yang dibawa kepada mereka, yang akan mengambilkira ekuiti dan keadilan. Walau bagaimanapun, ulama dan hakim tidak menggunakan *istihsan* secara efektif, yang tidak bermaksud untuk memperkenalkan undang-undang baru tetapi untuk menangani kes-kes di mana pelaksanaan undang-undang yang ketat boleh membawa kepada keputusan yang tidak adil.

PMB berakhir dengan persetujuan bahawa kebanyakan prinsip-prinsip hak asasi manusia dalam UDHR adalah selaras dengan Syariah kecuali bagi isu-isu tertentu seperti hak-hak komuniti Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender, kesaksamaan gender dan perkahwinan sejenis.

## **7. KEPUTUSAN MAHKAMAH**

### **(a) Hukuman bagi Kesalahan Rogol Berkanun**

Pada 27 Ogos, Mahkamah Rayuan mengekalkan keputusan Mahkamah Sesyen untuk mengenakan bon lima tahun tingkah laku baik dan bukannya hukuman penjara kepada atlit sukan kebangsaan yang didapati bersalah merogol gadis berusia 13 tahun. Dalam membuat keputusan, hakim Mahkamah Sesyen mengambilkira bahawa gadis itu bersetuju dengan perbuatan tersebut. Mahkamah Rayuan berpendapat bahawa tertuduh, berusia 21 tahun, tidak pernah menipu gadis itu untuk menyerahkan dirinya kepada tertuduh dan tidak melibatkan unsur keganasan. Di samping itu, tiga panel hakim memutuskan bahawa kepentingan awam tidak dapat dilaksanakan dengan menjatuhkan hukuman penjara kepada tertuduh kerana tertuduh "mempunyai masa depan yang cerah" dalam bidang sukan.

Pada 28 Ogos, dalam kes yang serupa di Pulau Pinang, Mahkamah Sesyen telah menjatuhkan hukuman bon berkelakuan baik sebanyak RM25,000 selama tiga tahun kepada juru elektrik yang disabitkan kesalahan merogol teman wanitanya yang berusia 12 tahun. Mahkamah berpendapat bahawa perbuatan seksual tersebut adalah di atas kerelaan, dan bahawa tertuduh tidak menipu gadis itu untuk melakukan perbuatan tersebut. Walau bagaimanapun, pada 19 November, Mahkamah Tinggi Pulau Pinang membatalkan keputusan itu dan pesalah telah dijatuhkan hukuman penjara selama lima setengah tahun.

Berdasarkan kedua-dua kes yang dilaporkan, Suruhanjaya menyatakan kebimbangannya terhadap hukuman ringan yang dikenakan ke atas ke dua-dua tertuduh di atas kesalahan rogol berkanun. Hukuman tersebut mungkin menggambarkan mesej yang salah kepada bakal pesalah dan tidak akan bertindak sebagai pencegahan yang berkesan. Suruhanjaya juga bimbang bahawa persetujuan daripada mangsa kanak-kanak dalam kedua-dua kes itu diambilkira sebagai faktor mitigasi. Isu persetujuan kanak-kanak tidak seharusnya menjadi faktor pengurangan hukuman memandangkan terdapat larangan undang-undang mengadakan hubungan seks dengan kanak-kanak perempuan di bawah umur 16 tahun, tanpa mengira sama ada dengan keizinan atau tidak oleh kanak-kanak tersebut. Jelas sekali bahawa undang-undang jenayah Malaysia mengiktiraf kanak-kanak berkemungkinan masih kurang matang untuk memberikan keizinan secara sukarela atau mungkin dipengaruhi dalam memberikan keizinan.

Suruhanjaya juga memandang serius pendedahan umum nama-nama pesalah dalam setiap kes, yang boleh membawa kepada pendedahan identiti mangsa. CRC menetapkan bahawa disebabkan ketidakmatangan fizikal dan mental mereka, kanak-kanak berhak kepada perlindungan dan penjagaan khas, termasuk perlindungan undang-undang. Kepentingan kanak-kanak dalam kes-kes tersebut, termasuk perlindungan identiti mangsa, keselamatan dan kesejahteraan, sepatutnya diberikan perhatian penting seperti yang termaktub dalam Artikel 19 dan 34 CRC.

### **(b) Berpakaian Sonsang (*cross-dressing*)**

Pada 11 Oktober, Mahkamah Tinggi Seremban menolak permohonan Muhammad Juzaili Mohd Khamis dan tiga yang lain kepada suatu perisytiharan bahawa Seksyen 66 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992 (Enakmen 4 Tahun 1992) - yang melarang mana-mana orang lelaki yang 'memakai pakaian wanita' atau 'berkelakuan sebagai seorang wanita' - adalah tidak selaras dengan kebebasan asasi yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan; iaitu larangan diskriminasi berdasarkan jantina, kebebasan bersuara, kebebasan bergerak, dan hak untuk hidup bermaruah dan privasi, dan hak untuk kehidupan. Menurut laporan media, Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa Enakmen tersebut mengecualikan kebebasan asasi di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Pemohon yang ditahan kerana berpakaian seperti wanita, merupakan seorang transeksual lelaki ke perempuan yang telah menjalani penilaian psikologi yang menunjukkan bahawa mereka secara psikologinya mengenalpasti diri mereka sebagai seorang wanita. Penilaian Psikiatri juga menunjukkan bahawa mereka mengalami Kecelaruhan Identiti Gender.

Suruhanjaya berpendapat bahawa setiap individu, tanpa mengira orientasi seksual, seharusnya menikmati pelbagai aspek hak asasi manusia tanpa pengecualian.

### III. BAHAGIAN KOORDINASI ANTARABANGSA

*Adalah amat penting bagi institusi hak asasi manusia nasional (NHRI) untuk mengambil bahagian dalam forum-forum antarabangsa, seperti yang sedang berlaku di Majlis Hak Asasi Manusia.*

**H.E. Laura Dupuy Lasserre**  
**Presiden Majlis Hak Asasi Manusia**

Bahagian Koordinasi Antarabangsa, yang sebelum ini dikenali sebagai Jawatankuasa Isu dan Kerjasama Antarabangsa, meneruskan peranan sebagai titik fokus dan urusetia bagi penyertaan Suruhanjaya dalam forum-forum hak asasi manusia antarabangsa.

#### **1. JAWATANKUASA PENYELARAS ANTARABANGSA BAGI INSTITUSI- INSTITUSI NASIONAL UNTUK PROMOSI DAN PERLINDUNGAN HAK ASASI MANUSIA (ICC)**

Suruhanjaya meneruskan sokongannya secara aktif terhadap ICC dalam memajukan prinsip-prinsip dan piawai hak asasi manusia di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Pada bulan Mac, Dr Mousa Burayzat, Ketua Pesuruhjaya Pusat Nasional untuk Hak Asasi Manusia Jordan, telah dilantik sebagai Pengerusi ICC, menggantikan Puan Rosslyn Noonan, yang telah menamatkan tempoh beliau sebagai Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia New Zealand. Dr Mousa Burayzat akan memegang jawatan tersebut selama setahun, iaitu baki tempoh giliran rantau Asia Pasifik sebagai Pengerusi ICC.

ICC telah mencapai beberapa sasaran penting sepanjang tahun ini, yang telah meningkatkan keterlihatannya di peringkat global.

Salah satu keutamaan ICC sejak kebelakangan ini adalah untuk memperjuangkan hak penyertaan bebas NHRI dalam forum-forum Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang berkaitan seperti Suruhanjaya Mengenai Status Wanita, Persidangan Negara Anggota kepada Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya dan Kumpulan Kerja Terbuka PBB Mengenai Warga Tua. Usaha ICC yang berterusan telah membawa hasil yang positif apabila Forum

Tetap PBB Mengenai Isu-isu Orang Asal/Asli telah memutuskan untuk membenarkan NHRI mengambil bahagian secara bebas dalam sesi-sesinya.

Sebagai tindakan susulan kepada satu resolusi Majlis Hak Asasi Manusia, ICC telah mengemukakan permohonan rasmi melalui Presiden Perhimpunan Agung PBB, untuk mendapatkan status pemerhati tetap bagi ICC dan Jawatankuasa-jawatankuasa Penyelaras Serantaunya di Perhimpunan Agung.

*Suruhanjaya telah menghadiri Mesyuarat Tahunan ICC ke-25 di Geneva pada bulan Mac, di mana ia berpeluang untuk berkongsi pengalamannya mengenai proses akreditasi ICC selaku ahli panel dalam sebuah acara sampingan.*

ICC telah mencapai satu lagi kejayaan apabila ia menubuhkan Kumpulan Kerja ICC Mengenai Penuaan, yang terdiri daripada wakil-wakil daripada empat rantau ICC. Objektif-objektif utama kumpulan kerja tersebut adalah untuk mendapatkan pengiktirafan NHRI di Kumpulan Kerja Terbuka PBB Mengenai Penuaan, dan juga untuk menyelaras sumbangan NHRI kepada kerja Kumpulan Kerja PBB.

Suruhanjaya, sebagai ahli Biro ICC, telah mengambil bahagian dalam Mesyuarat Biro, yang telah diadakan di Geneva dan Amman pada bulan Mac dan November. Suruhanjaya telah menghadiri Mesyuarat Tahunan ICC ke-25 di Geneva pada bulan Mac, di mana ia berpeluang untuk berkongsi pengalamannya mengenai proses akreditasi ICC selaku ahli panel dalam sebuah acara sampingan.

Di mesyuarat yang sama, ICC telah mencapai beberapa keputusan penting termasuk menerima pakai pindaan kepada Statut ICC, seperti yang dicadangkan oleh Biro ICC berhubung dengan:

- (i) Peruntukan kuasa kepada Mesyuarat Tahunan ICC untuk menentukan masa dan tempat Persidangan Antarabangsa ICC diadakan;
- (ii) Definisi 'keadaan luar biasa' yang mungkin membawa kepada penggantungan sementara status akreditasi ahli-ahli NHRI; dan
- (iii) Bahasa Arab sebagai bahasa rasmi ICC yang keempat.

Suruhanjaya juga telah mengambil bahagian dalam acara utama ICC pada tahun ini, iaitu 'Persidangan Antarabangsa Mengenai Hak Asasi Wanita dan Kanak-kanak Perempuan, Kesaksamaan Gender: Peranan NHRI', yang dianjurkan oleh Pusat Nasional untuk Hak Asasi Manusia Jordan dengan kerjasama Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia (OHCHR) dan ICC.

Suruhanjaya mengalu-alukan usaha ICC dalam memperkukuhkan proses akreditasi. Suruhanjaya khususnya memuji Kumpulan Kerja ICC mengenai Kajian terhadap Pemerhatian Am kerana mengkaji semula teks Pemerhatian Am tersebut.

Pemerhatian Am ICC akan terus menjadi panduan kepada Jawatankuasa Kecil Akreditasi ICC dalam proses akreditasi NHRI, serta alat normatif utama untuk mengukuhkan dan mempercepatkan kematangan NHRI dan pematuhan terhadap Prinsip-prinsip Paris. Suruhanjaya berpendapat bahawa teks Pemerhatian Am yang telah dikemaskini tersebut, sekiranya diterima pakai, akan menghasilkan proses akreditasi yang lebih teliti dan tegas. Ini boleh membawa kepada penambahbaikan yang menyeluruh terhadap peranan dan keberkesanan NHRI di seluruh dunia dalam mempromosikan dan melindungi hak asasi manusia.

Akreditasi semula Suruhanjaya yang seterusnya dijadualkan untuk dijalankan pada tahun 2015. Walaupun Suruhanjaya mempunyai status akreditasi 'A', ia sedar akan sifat proses akreditasi yang semakin berkembang, terutamanya dengan Pemerhatian Am baru yang telah dicadangkan. Oleh itu, Suruhanjaya sedar bahawa ia tidak boleh leka dan perlu mengambil langkah-langkah yang selanjutnya untuk meningkatkan pematuhan kepada Prinsip-prinsip Paris serta mengekalkan status 'A'.

## 2. MAJLIS HAK ASASI MANUSIA PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (HRC)

Selaras dengan kajian semula terhadap Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (HRC), yang telah memberikan hak penyertaan yang lebih besar kepada NHRI di sesi-sesinya, Suruhanjaya meneruskan penglibatannya dengan HRC.

Suruhanjaya telah menyumbang kepada dua daripada tiga sesi tetap HRC tahun ini. Pada Sesi Tetap HRC ke-20 pada bulan Jun, Suruhanjaya telah menyampaikan satu kenyataan lisan berkaitan dengan laporan Pelapor Khas Mengenai Hak untuk Berhimpun Secara Aman dan Persatuan. Dalam kenyataan<sup>1</sup> yang telah disampaikan oleh Puan Katharina Rose, Wakil ICC di Geneva, Suruhanjaya menyeru Kerajaan Malaysia untuk mengkaji semula Akta Perhimpunan Aman 2012, selaras dengan syor-syor yang dikemukakan Suruhanjaya dan organisasi-organisasi masyarakat sivil, serta Pelapor Khas dalam laporannya.

*Suruhanjaya bimbang akan pendirian Kerajaan kerana penajaan bersama Malaysia akan dapat mencerminkan sokongan lanjut Kerajaan terhadap kerja dan peranan NHRI.*

Sesi tersebut juga menyaksikan penerimaan satu resolusi penting mengenai NHRI, yang memperkukuhkan pengiktirafan NHRI dan badan penyelarasnya, ICC, dalam promosi dan perlindungan hak asasi manusia. Resolusi ini, yang diterima pakai secara konsensus dan ditaja bersama oleh lebih daripada 100 buah Negara Anggota, mengesyorkan, antara lain, agar Perhimpunan Agung PBB mengkaji kemungkinan untuk membenarkan NHRI yang berstatus 'A' untuk mengambil bahagian dalam sesi-sesinya seperti di HRC.

<sup>1</sup> The Commission's Oral Statement at the 20th Regular Session of the Human Rights Council on 21 June 2012 at the Palais des Nations, Geneva on Freedom of Peaceful Assembly and Association (Lampiran II)

Dalam menyokong resolusi ini, Suruhanjaya telah mengambil langkah-langkah advokasi untuk menggesa Kerajaan supaya menaja bersama resolusi tersebut. Namun, Kerajaan memutuskan untuk tidak berbuat demikian. Suruhanjaya bimbang akan pendirian Kerajaan kerana penajaan bersama Malaysia akan dapat menunjukkan sokongan lanjut Kerajaan terhadap kerja dan peranan NHRI. Tambahan pula, penajaan bersama tersebut juga dapat memberi gambaran baik kepada Malaysia sebagai ahli HRC. Suruhanjaya percaya bahawa, di samping menegakkan hak asasi manusia dalam negara, NHRI patut memainkan peranan yang penting di peringkat antarabangsa untuk memajukan agenda hak asasi manusia.

Bersempena dengan Sesi Tetap HRC ke-21, Suruhanjaya, untuk kali pertama, telah menyampaikan kenyataan lisan melalui mesej video. Mesej video merupakan satu mekanisme alternatif baru yang diperkenalkan oleh HRC untuk membolehkan pihak berkepentingan seperti NHRI dan organisasi masyarakat sivil untuk mengambil bahagian dalam sesi-sesinya tanpa perlu hadir di Geneva. Kenyataan-kenyataan yang disampaikan oleh Suruhanjaya adalah mengenai kebebasan bersuara dan berpendapat di Internet<sup>2</sup> dan juga mengenai akses kepada keadilan bagi Orang Asal/Asli.<sup>3</sup> Susulan kepada kenyataan-kenyataan tersebut, sebilangan delegasi daripada Kesatuan Eropah telah menyatakan minat mereka terhadap kerja Suruhanjaya mengenai kebebasan bersuara dan berpendapat. Wakil Tetap Malaysia ke PBB di Geneva telah menggunakan hak beliau untuk memberikan respons terhadap kenyataan Suruhanjaya mengenai kebebasan bersuara dan berpendapat.

### **3. FORUM KOMANWEL INSTITUSI HAK ASASI MANUSIA NASIONAL (CFNHRI)**

CFNHRI, yang kini dipengerusikan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Australia, telah menganjurkan Mesyuarat Tahunannya bersempena dengan Mesyuarat Tahunan ICC ke-25 di Geneva pada 19, 20 dan 22 Mac. Objektif-objektif mesyuarat tersebut adalah untuk memberikan maklumat terkini kepada ahli-ahli mengenai aktiviti-aktiviti CFNHRI and juga untuk membincangkan isu-isu bertema hak asasi manusia yang melibatkan:

- Perubahan Iklim
- Hak orang kurang upaya
- Hak kanak-kanak
- Hak warga tua
- Orientasi seksual dan identiti gender

Di mesyuarat tersebut, ahli-ahli CFNHRI telah bersetuju untuk mencalonkan Suruhanjaya sebagai Pengerusi CFNHRI yang seterusnya untuk tahun 2013-2015. Keputusan tersebut dibuat susulan kepada ketidakupayaan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Sri Lanka untuk mengambil alih jawatan Pengerusi kerana berstatus 'B' di bawah sistem akreditasi ICC. Penyerahan rasmi

2 *Transcript of the Commission's Video Message at the 21st Regular Session of the Human Rights Council on 14 September 2012 at the Palais des Nations, Geneva on Freedom of Expression and Opinion on the Internet (Lampiran II)*

3 *Transcript of the Commission's Video Message at the 21st Regular Session of the Human Rights Council on 18 September 2012 at the Palais des Nations, Geneva on Access to Justice by Indigenous Peoples (Lampiran III)*

jawatan Pengerusi dijadualkan untuk berlangsung pada bulan Mei 2013. Sebagai Pengerusi, Suruhanjaya dijangka untuk:

- Bekerjasama dengan Urusetia Komanwel untuk menyelaraskan kenyataan-kenyataan dan laporan-laporan;
- Bekerjasama dengan Sekretariat Komanwel untuk mengurus laman web CFNHRI; dan
- Menganjur Mesyuarat Tahunan dan Dwi Tahunan CFNHRI.

Suruhanjaya juga telah memberi input untuk beberapa laporan yang disediakan oleh Urusetia Komanwel:

- (i) Kenyataan CFNHRI kepada Kumpulan Tindakan Menteri-menteri Komanwel
- (ii) Laporan CFNHRI mengenai Pelan Strategik Urusetia Komanwel untuk tahun 2013 hingga 2016
- (iii) Laporan CFNHRI mengenai Piagam Komanwel
- (iv) Kenyataan CFNHRI mengenai Keadaan Pembela Hak Asasi Manusia di Malawi

#### 4. PENILAIAN PENGGALAN SEJAGAT (UPR)

Kitaran kedua Penilaian Penggalan Sejagat (UPR) Malaysia akan berlangsung pada Sesi ke-17 UPR daripada bulan Oktober hingga November 2013. Sebagai persediaan untuk penilaian tersebut, Suruhanjaya sedang menyediakan laporan pihak berkepentingan untuk dikemukakan kepada Kumpulan Kerja UPR. Bagi tujuan ini, Suruhanjaya telah mengadakan beberapa sesi mesyuarat konsultasi dengan pihak-pihak berkepentingan, termasuk agensi-agensinya kerajaan dan organisasi-organisasi masyarakat sivil, untuk menilai pelaksanaan komitmen-komitmen Malaysia di bawah kitaran UPR yang pertama; dan untuk mengenalpasti cabaran-cabaran yang dihadapi dan perkara-perkara yang boleh ditambah baik untuk kitaran kedua.

Enam sesi konsultasi telah dianjurkan, empat di Semenanjung Malaysia, satu di Sabah dan satu di Sarawak. Konsultasi di Sabah and Sarawak telah dianjurkan dengan kerjasama Pasukan Negara PBB (UNCT). Walaupun

*Walaupun Suruhanjaya berpuas hati kerana peserta-peserta yang menghadiri konsultasi di Kuala Lumpur berpengetahuan tentang proses UPR, namun ia bimbang kerana peserta-peserta di peringkat negeri mempunyai kesedaran dan pemahaman yang terhad tentang UPR.*

Suruhanjaya berpuas hati kerana peserta-peserta yang menghadiri konsultasi di Kuala Lumpur berpengetahuan tentang proses UPR, namun ia bimbang kerana peserta-peserta di peringkat negeri mempunyai kesedaran dan pemahaman yang terhad tentang UPR. Hal ini mencemaskan kerana mekanisme UPR sepatutnya melibatkan pelbagai pihak berkepentingan di semua peringkat terutamanya di peringkat akar umbi.

Di samping itu, Suruhanjaya mengambil maklum ketakhadiran beberapa agensi-agensi kerajaan penting semasa konsultasi di Kuala Lumpur, seperti Kementerian Luar Negeri dan Jabatan Peguam Negara. Suruhanjaya percaya bahawa kehadiran agensi-agensi Kerajaan tersebut boleh menyumbang maklumat yang berguna untuk laporan Suruhanjaya. Dalam hal ini, Suruhanjaya mengesyorkan agar Kerajaan memainkan peranan yang lebih aktif dalam memastikan semua pihak berkepentingan, terutamanya agensi kerajaan di peringkat negeri, bukan sahaja sedar tentang UPR tetapi juga terlibat secara langsung dalam pelaksanaan syor-syor UPR yang telah diterima oleh Malaysia. Pada masa yang sama, Suruhanjaya akan berusaha dengan lebih gih untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai UPR.

Suruhanjaya telah mengambil bahagian dalam e-perbincangan UPR yang telah dianjurkan oleh Program Pembangunan PBB (UNDP) dari 16-22 Mei. Tujuan e-perbincangan ini adalah untuk mengenal pasti perkara-perkara di mana PBB boleh menyumbang untuk menambah baik proses pelaksanaan UPR.

Sepanjang tahun ini, Suruhanjaya telah dijemput untuk berucap dan berkongsi pendapat mengenai proses UPR di beberapa acara:

- (i) Konsultasi Nasional mengenai UPR oleh Gabungan NGO Malaysia, di Kuala Lumpur, 17 Julai
- (ii) *'Regional Governance Week: Social Accountability in a Changing Region – Actors and Mechanisms'*, Kaherah, Mesir, 26 hingga 29 November
- (iii) *'International Service for Human Rights Workshop on UPR'*, Bangkok, Thailand, 5-7 Disember
- (iv) Seminar Hari Hak Asasi Manusia yang dianjurkan oleh UNCT, Kuala Lumpur, 6 Disember

## **5. FORUM INSTITUSI HAK ASASI MANUSIA NASIONAL ASIA TENGGARA (SEANF)**

SEANF meneruskan peranannya sebagai forum hak asasi manusia sub-serantau terutamanya dalam melaksanakan Pelan Strategik 2012-2016, yang telah diterima pakai pada akhir tahun 2011. Ahli SEANF telah memberi tumpuan kepada projek-projek usahasama yang dikenal pasti dalam Pelan Strategik:

- Projek tentang pergerakan orang yang termasuk pekerja migran, mangsa perdagangan orang, pelarian dan pencari suaka.

- Projek tentang hak kepada pembangunan dan alam sekitar
- Projek tentang perniagaan dan hak asasi manusia
- Projek tentang hak Orang Asal/Asli
- Projek tentang tahanan dan pengeksekusi

Selaku ketua NHRI bagi projek tentang hak Orang Asal/Asli, Suruhanjaya telah mencadangkan agar ahli SEANF menyediakan satu kertas bertajuk 'Amalan Baik dalam Mempromosi dan Melindungi Hak Orang Asal/Asli', sebagai salah satu aktiviti. Aktiviti ini memerlukan setiap ahli SEANF untuk menyediakan input mengenai amalan baik dalam mempromosi dan melindungi hak orang asal/asli di negara masing-masing. Suruhanjaya akan mengumpul input-input tersebut untuk digabungkan sebagai dalam satu kertas, yang dijangka akan siap menjelang tahun 2013.

Suruhanjaya juga telah mengambil bahagian dalam kedua-dua Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal SEANF yang diadakan di Bangkok dan Jakarta pada bulan Februari dan Julai. Di mesyuarat pertama, ahli-ahli SEANF telah bersetuju dengan cadangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Thailand (NHRCT) untuk menggabungkan unsur-unsur perniagaan dan hak asasi manusia dalam kesemua projek usahasama SEANF.

Tahun ini juga telah terbukti sebagai satu tahun yang penting bagi SEANF dengan penerimaan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional Myanmar (MNHRC) sebagai ahli keenam SEANF. Pada bulan Jun, sebelum penerimaan MNHRC, Suruhanjaya dan ahli-ahli SEANF yang lain telah mengadakan kunjungan hormat ke pejabat MNHRC untuk mempelajari dengan lebih lanjut mengenai penubuhan, fungsi-fungsi dan aktiviti-aktiviti MNHRC. Ahli-ahli SEANF mengambil maklum bahawa MNHRC, yang telah ditubuhkan melalui Dekri Presiden pada bulan September 2011, dalam proses menggubal undang-undang, yang mana, sekiranya diluluskan oleh Parlimen, akan digunapakai sebagai Akta MNHRC. Suruhanjaya berpendapat bahawa kemasukan MNHRC amat penting dalam memperkukuhkan peranan SEANF dalam menegakkan hak asasi manusia di Asia Tenggara.

Pada 12 hingga 14 September, Suruhanjaya telah mengambil bahagian dalam Mesyuarat Tahunan SEANF ke-9, yang dianjurkan oleh NHRCT. Salah satu keputusan penting mesyuarat tersebut adalah pindaan kepada Peraturan-peraturan Prosedur SEANF, khususnya mengenai peruntukan yang berkaitan dengan penerimaan ahli baru dan kewajipan-kewajipan ahli. Ahli-ahli juga telah bersetuju untuk menulis sepucuk surat kepada Pengerusi Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN Mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR) untuk memohon satu perjumpaan bagi membincangkan isu-isu berkaitan dengan Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN, yang dijadualkan untuk dimuktamadkan menjelang akhir tahun 2012. Di samping itu, Mesyuarat Tahunan tersebut telah menyaksikan penyerahan jawatan pengerusi SEANF daripada NHRCT kepada Pejabat Provedor bagi Hak Asasi Manusia dan Keadilan Timor Leste.

*Selaku ketua NHRI bagi projek tentang hak Orang Asal/Asli, Suruhanjaya telah mencadangkan agar ahli SEANF menyediakan satu kertas bertajuk 'Amalan Baik dalam Mempromosi dan Melindungi Hak Orang Asal/Asli', sebagai salah satu aktiviti.*



*Anggota SEANF menerima Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional Myanmar sebagai anggota ke enam SEANF*

## **6. SURUHANJAYA ANTARA KERAJAAN ASEAN MENGENAI HAK ASASI MANUSIA (AICHR)**

Penglibatan Suruhanjaya dengan AICHR setakat ini adalah terhad. Pada 23 April, Suruhanjaya telah mengadakan satu perjumpaan dengan Wakil Malaysia bagi AICHR, Datuk Seri Muhammad Shafee Abdullah, untuk membincangkan isu-isu yang menjadi perhatian bersama terutamanya Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN (AHRD).

Lanjutan kepada perjumpaan tersebut, Suruhanjaya telah menghadiri satu konsultasi mengenai AHRD, yang dianjurkan oleh Datuk Seri Shafee pada 16 Jun dan satu lagi konsultasi yang dianjurkan oleh AICHR pada 22 Jun. Di kedua-dua konsultasi tersebut, Suruhanjaya telah menyampaikan penghujahan yang telah disediakan bersama dengan rakan-rakannya di SEANF, yang menyatakan bahawa draf AHRD sepatutnya:

- (i) Menekankan prinsip-prinsip sejagat, tidak boleh dibahagikan, saling bergantung dan saling berkaitan hak asasi manusia;
- (ii) Menekankan keseimbangan hak, kebebasan dan tanggungjawab;
- (iii) Mengambil kira dokumen dan instrumen hak asasi manusia lain yang boleh diaplikasikan;
- (iv) Menerima pakai nilai-nilai hak asasi manusia apabila menangani isu keutamaan ASEAN;
- (v) Menekankan peranan NHRI dan pihak berkepentingan lain; dan
- (vi) Merupakan satu dokumen yang berkembang dari semasa ke semasa yang akhirnya akan membawa kepada satu konvensyen yang mengikat di sisi undang-undang.

Suruhanjaya berpendapat bahawa penerimaan AHRD di Sidang Kemuncak ASEAN di Kemboja pada 18 November sebagai satu perkembangan positif dalam promosi dan perlindungan hak asasi manusia di rantau ini. Walaupun Suruhanjaya berpuas hati kerana AHRD tersebut merangkumi ruang lingkup hak asasi manusia yang luas, yang mana kesemuanya adalah selaras dengan piawaian antarabangsa, Suruhanjaya juga, pada masa yang sama, berasa bimbang kerana hak-hak tersebut tertakluk kepada prinsip-prinsip yang membenarkan sekatan dibuat atas alasan-alasan yang lebih luas berbanding dengan yang diterima di peringkat antarabangsa. Rujukan dibuat kepada Prinsip Am ke-7, yang mengisytiharkan bahawa semua hak asasi manusia adalah sejagat, tidak boleh dibahagikan, saling bergantung dan saling berkaitan, dan pada masa yang sama, ia juga mengakui bahawa Negara Anggota boleh mengambil kira latar belakang politik, ekonomi, undang-undang, sosio-budaya dan sejarah dalam merealisasikan hak asasi manusia di negara mereka. Suruhanjaya berasa bimbang kerana prinsip-prinsip ini boleh melemahkan semangat keseluruhan AHRD dan menafikan penunaian dan perlindungan hak asasi manusia di rantau ini.

Walaupun Suruhanjaya memuji AICHR kerana menganjurkan konsultasi-konsultasi dengan pihak berkepentingan untuk mendapatkan maklum balas mengenai AHRD, Suruhanjaya berpendapat bahawa konsultasi-konsultasi tersebut akan menjadi lebih bermakna sekiranya draf AHRD dikongsikan bersama pihak-pihak berkepentingan.

Melihat kepada visi ASEAN untuk mewujudkan sebuah komuniti ASEAN menjelang tahun 2015, Suruhanjaya berharap bahawa AICHR boleh memainkan peranan yang lebih aktif sebagai mekanisme hak asasi manusia serantau melalui perbincangan-perbincangan yang lebih bermakna dengan pihak-pihak berkepentingan – terutamanya NHRI dan organisasi-organisasi masyarakat sivil – untuk membincangkan isu-isu yang menjadi perhatian bersama.

*Walaupun Suruhanjaya berpuas hati kerana AHRD tersebut merangkumi ruang lingkup hak asasi manusia yang luas, yang mana kesemuanya adalah selaras dengan piawaian antarabangsa, Suruhanjaya juga, pada masa yang sama, berasa bimbang kerana hak-hak tersebut tertakluk kepada prinsip-prinsip yang membenarkan sekatan dibuat atas alasan-alasan yang lebih luas berbanding dengan yang diterima di peringkat antarabangsa.*

## **7. FORUM ASIA PASIFIK INSTITUSI HAK ASASI MANUSIA NASIONAL (APF)**

Pada 26 hingga 30 Jun, Suruhanjaya telah menjadi tuan rumah kepada bengkel serantau yang diadakan di Kuala Lumpur bagi wakil-wakil perpustakaan atau pusat sumber NHRI di rantau Asia Pasifik. Bengkel tersebut dianjurkan oleh Institut Hak Asasi Manusia dan Undang-Undang Kemanusiaan Raoul Wallenberg (RWI) dengan kerjasama Forum Asia Pasifik Institusi Hak Asasi Manusia (APF). Bengkel ini bertujuan meningkatkan kapasiti perpustakaan dan pusat-pusat

*Pengerusi Suruhanjaya, Tan Sri Hasmy Agam, atas jemputan APF, telah mewakili APF sebagai ahli panel untuk sesi 'Mempromosikan Hak Warga Tua – Usaha Terbaik Masa Depan'.*

sumber dalam menguruskan sumber-sumber untuk kegunaan kakitangan dan pengguna-pengguna luar. Seramai 20 peserta telah menghadiri bengkel tersebut.

Mesyuarat Antara Kerajaan Asia Pasifik Mengenai Penilaian Kedua Pelan Tindakan Antarabangsa Madrid tentang Penuaan, telah diadakan di Bangkok dari 10-12 September. Pengerusi Suruhanjaya, Tan Sri Hasmy Agam, atas jemputan APF, telah mewakili APF sebagai ahli panel untuk sesi 'Mempromosikan Hak Warga Tua – Usaha Terbaik Masa Depan'. Perbincangan tersebut memberi tumpuan kepada kemungkinan untuk mewujudkan satu konvensyen PBB mengenai hak orang tua dan implikasinya.

Suruhanjaya telah menghadiri Mesyuarat Pegawai Eksekutif Kanan (SEO), yang diadakan di Sydney dari 24-25 Mei. Mesyuarat tersebut dihoskan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Australia dan dianjurkan oleh Urusetia APF. Mesyuarat tersebut menjadi platform bagi SEO NHRI dari Asia Pasifik untuk berkongsi maklumat tentang strategi pengurusan.

Dari segi latihan hak asasi manusia, dua wakil daripada Suruhanjaya telah mengambil bahagian dalam Kursus Pembelajaran Campuran untuk Wakil-wakil NHRI Asia Pasifik. Kursus tersebut terdiri daripada kursus dalam talian dari 17 Oktober hingga 13 November 2011 dan latihan bersemuka di Bangkok dari 19 - 28 Mac.

Wakil Suruhanjaya juga telah mengambil bahagian dalam Bengkel Latihan bagi Pelatih Perintis APF mengenai Sistem Hak Asasi Manusia Antarabangsa, yang diadakan di Manila dari 18 - 22 Jun. Bengkel tersebut terbukti amat berguna kepada peserta.

Suruhanjaya juga telah memeterai Memorandum Persefahaman dengan APF dan Pusat Hak Ekonomi dan Sosial (CESR), untuk melaksanakan projek perintis mengenai pemantauan hak ekonomi dan sosial. Projek tersebut bermula dengan lawatan teknikal oleh APF dan CESR selama empat hari dari 11 - 14 Disember. Semasa lawatan tersebut, CESR dan APF telah mengendalikan sesi latihan selama dua hari mengenai alat dan strategi untuk memantau hak ekonomi dan sosial, dan sesi perancangan selama dua hari untuk projek Suruhanjaya. Selepas mempertimbangkan beberapa pilihan dan isu-isu bagi projek tersebut, Suruhanjaya telah memutuskan untuk memberi tumpuan kepada pendidikan untuk kanak-kanak kurang upaya dalam aspek pembelajaran.



*Para peserta semasa Bengkel Perancangan mengenai Pemantauan Hak Ekonomi dan Sosial*

Dengan penerimaan MNHRC sebagai ahli bersekutu APF yang terbaru, Suruhanjaya berharap untuk mengukuhkan hubungan dengan MNHRC dan bekerjasama dengannya dalam isu-isu hak asasi manusia yang menjadi perhatian bersama.

## **8. PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA NASIONAL (NHRAP)**

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) merupakan agensi fokus bagi NHRAP. Atas permintaan BHEUU, Suruhanjaya telah mengadakan mesyuarat dengan agensi tersebut pada 6 Januari. Naib Pengerusi Suruhanjaya, Datuk Dr Khaw Lake Tee, telah mempengerusikan mesyuarat tersebut, yang merupakan mesyuarat ketiga dengan BHEUU mengenai NHRAP.

Mesyuarat tersebut diadakan untuk mendapatkan input dan cadangan daripada Suruhanjaya mengenai pembangunan NHRAP. Puan Akhzailina Md Akhir, wakil BHEUU, telah berkongsi maklumat mengenai perkembangan NHRAP. Datuk Dr Khaw mengulangi cadangan Suruhanjaya untuk menggunakan syor-syor UPR yang telah diterima oleh Malaysia sebagai titik rujukan dalam mengenal pasti isu-isu yang perlu diberi perhatian dalam NHRAP.

Dalam menyokong usaha BHEUU, Suruhanjaya telah menganjurkan Perbincangan Meja Bulat (PMB) Mengenai NHRAP pada 9 Februari. Datuk Dr Khaw mempengerusikan sesi perbincangan tersebut. PMB ini bertujuan mendapatkan maklum balas daripada organisasi-organisasi masyarakat sivil dan institusi-institusi akademik, dan untuk membantu BHEUU dalam mendapatkan laporan dan hasil kajian yang boleh dijadikan sebagai bahan rujukan bagi kajian asas untuk NHRAP.



*PMB mengenai NHRAP yang diadakan pada 9 Februari*

Suruhanjaya telah menghadiri seminar mengenai NHRAP yang dianjurkan oleh BHEUU pada 24 hingga 25 Mei. Antara topik-topik yang dibincangkan adalah kepentingan NHRAP, proses pembangunan NHRAP dan keunikan Malaysia di arena hak asasi manusia. Malaysia dianggap unik kerana masyarakat majmuk dan latar belakang sejarahnya yang tersendiri.

*Walaupun bagaimanapun, Suruhanjaya berasa bimbang atas kadar pembangunan NHRAP yang kurang memberangsangkan dan berharap agar penyiapan NHRAP akan menjadi satu keutamaan bagi Kerajaan.*

Sebelum seminar tersebut, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, telah mengumumkan keputusan Kerajaan untuk membangunkan NHRAP tersebut. Suruhanjaya mengalu-alukan keputusan ini dan memuji penubuhan Jawatankuasa Penyelaras untuk pembangunan NHRAP oleh Kerajaan. Suruhanjaya, yang telah dikenal pasti sebagai salah satu ahli jawatankuasa, berharap agar ia dapat menyumbangkan idea atau nasihat berhubung dengan pembangunan satu NHRAP yang berwawasan lagi praktikal. Walaupun bagaimanapun, Suruhanjaya berasa bimbang atas kadar pembangunan NHRAP yang kurang memberangsangkan dan berharap agar penyiapan NHRAP akan menjadi satu keutamaan bagi Kerajaan.

## IV. HARAPAN MASA DEPAN

Suruhanjaya telah mengenal pasti lima keutamaan bagi 2013 iaitu hak kepada pendidikan bagi kanak-kanak kurang upaya, hak golongan warga tua, penilaian hak asasi manusia ke atas Perjanjian Perdagangan Bebas dan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik, hak asasi manusia dan perniagaan dan hak-hak Orang Asal/Asli. **Bahagian Penyelidikan** akan terlibat dalam membangunkan pelan tindakan bagi tiga projek pertama.

Bahagian ini juga akan terus membantu Suruhanjaya untuk menggesa penyertaan Malaysia kepada instrumen-instrumen hak asasi manusia antarabangsa dengan mewujudkan kesedaran di kalangan agensi-agensi kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan lain mengenai rasional dan ciri-ciri penting instrumen berkenaan serta tanggungjawab Negara Ahli setelah menyertai sesuatu instrumen.

Selain itu, Bahagian ini juga akan terus mengkaji semula undang-undang yang bersangkutan bagi memastikan Malaysia mematuhi tanggungjawabnya di bawah CEDAW, CRC dan CRPD. Bahagian ini berbesar hati untuk menawarkan bantuan dalam memastikan undang-undang atau pentafsiran undang-undang mencapai standard antarabangsa. Hal ini akan melibatkan kerjasama Suruhanjaya dengan Badan Eksekutif, Perundangan dan Kehakiman.

**Bahagian Pembangunan Dasar** akan terus memantau tindakan Kerajaan terhadap syor-syor Suruhanjaya, serta mengenal pasti isu-isu yang memerlukan advokasi lanjut. Bahagian ini juga akan terus memastikan hak asasi manusia dihormati sepenuhnya dan dilindungi dengan penyertaan bermakna pihak-pihak berkepentingan dalam menggubal dan memantau dasar-dasar negara. Pada tahun 2013, bahagian ini akan memperhebatkan usaha dan gerak kerja Suruhanjaya terhadap hak-hak asasi warga tua, hak asasi kepada pendidikan dan hak-hak asasi masyarakat Orang Asal/Asli.

**Bahagian Koordinasi Antarabangsa**, dalam menyokong komitmen Suruhanjaya untuk memajukan hak asasi manusia, akan meneruskan usaha untuk bekerjasama dengan pihak berkepentingan pada peringkat serantau dan antarabangsa.

Bahagian ini juga komited untuk membantu Suruhanjaya dalam mengambil langkah-langkah susulan bagi memantau usaha Kerajaan dalam melaksanakan komitmen-komitmen yang dibuat semasa kitaran UPR kedua.

Ia juga berharap dapat memainkan peranan penting, memandangkan Suruhanjaya akan mengambil alih jawatan pengerusi CFNHRI dari 2013 - 2015.

Di samping itu, Bahagian ini akan menyokong Suruhanjaya dalam melaksanakan Pelan Tindakan 2013, khususnya berkaitan lima bidang utama yang telah dikenalpasti. Dalam hal ini, ia akan meningkatkan keterlihatan Suruhanjaya dan mengunjurkan kerjanya di peringkat serantau dan antarabangsa.



# 4

**BAB**

**LAPORAN PEJABAT SABAH**

*Orang yang baik tidak memerlukan undang-undang untuk memberitahu mereka agar bertindak lebih bertanggungjawab, sementara orang yang salah akan mencari jalan untuk membelakangi undang-undang.*

**Plato**

Pejabat Suruhanjaya di Sabah (Pejabat Sabah) bertanggungjawab untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di negeri ini, terutama sekali di kalangan golongan rentan. Selain menerima aduan daripada orang ramai, Pejabat Sabah turut menganjurkan beberapa program sendiri atau bersama-sama agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO).

Secara umumnya, Pejabat Sabah melihat peningkatan kerjasama di antara NGO dan badan-badan kerajaan. Walau bagaimanapun, penarikan kelulusan menggunakan tempat untuk dua program di saat-saat akhir kononnya atas alasan tekanan daripada pihak luar amat mengecewakan.

## **1. TINDAKAN TERHADAP ADUAN**

Sepanjang tahun ini, Pejabat Sabah telah menerima sebanyak 300 aduan dan bilangan aduan tertinggi melibatkan isu tanah yang berjumlah 141 kes (Jadual 1). Suruhanjaya telah menyelesaikan 81 kes sementara 147 kes sedang disiasat dan 72 kes yang lain tidak memerlukan sebarang tindakan lanjut.

Kebanyakan pengadu datang sendiri ke Pejabat Sabah yang terletak di Kota Kinabalu walaupun terdapat aduan yang diterima melalui pos dan emel. Aduan-aduan mengenai pelanggaran hak asasi manusia yang diterima lebih tertumpu kepada dakwaan berhubung isu tanah, kewarganegaraan dan sijil kelahiran, penggunaan kekerasan polis dan imigresen serta pekerjaan. Suruhanjaya turut merekodkan kenyataan lisan hasil daripada temubual sepanjang *road show* anjuran Biro Pengaduan Awam Negeri dan Persekutan yang diadakan di pelbagai daerah.

*Jadual 1: Aduan yang diterima oleh Pejabat Sabah, 2012*

NO.	ADUAN/ISU	BIL. KES
1.	Isu Tanah	141
2.	Kewarganegaraan	45
3.	Sijil Kelahiran	33
4.	Kekerasan Polis	9
5.	Pekerjaan	14
6.	Imigresen	15
7.	Pendidikan	5
8.	Lain-lain	38
<b>JUMLAH</b>		<b>300</b>

Suruhanjaya telah menerima maklum balas daripada pihak Polis, Jabatan Imigresen, Pejabat Tanah, Jabatan Tenaga Kerja dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mengenai aduan yang telah diajukan kepada mereka untuk tindakan lanjut.

### **(a) Hal-hal Tanah**

Masyarakat Orang Asal tidak berpuas hati dengan tindakan Pejabat Tanah di atas kelewatan memproses permohonan untuk memiliki tanah. Segelintir daripada mereka menyatakan bahawa mereka tidak menerima sebarang jawapan daripada Pejabat Tanah tetapi kemudiannya mendapat tahu bahawa tanah tersebut telah diberi hak milik kepada pihak lain, biasanya kepada syarikat-syarikat swasta. Pejabat Tanah turut didakwa tidak konsisten dalam memproses permohonan dan pemberi milikan tanah. Pengadu seterusnya mendakwa mereka tidak dimaklumkan mahupun dibawa berunding mengenai pembangunan yang melibatkan tanah adat Orang Asal.

### **Syor - Syor Suruhanjaya**

1. Pejabat Tanah hendaklah memproses permohonan tanah secepat mungkin berdasarkan dasar 'siapa cepat, dia dapat' untuk mengelakkan berlakunya permohonan yang bertindih.
2. Satu kajian lapangan yang melibatkan pemohon tanah dan ketua kampung perlu dijalankan untuk mengenal pasti tanah adat Orang Asal.
3. Pejabat Tanah perlu membangunkan satu mekanisme yang cekap dalam memaklumkan pemohon dengan segera mengenai status permohonan agar tidak dibiarkan menunggu lama.

4. Kerajaan perlu mengeluarkan garis panduan yang mewajibkan persetujuan bebas, awal dan dimaklumkan dalam setiap rundingan awal yang diadakan sebelum menjalankan sebarang pembangunan tanah dalam usaha untuk melindungi hak Orang Asal.

### **(b) Isu Dokumentasi**

Kebanyakan aduan tertumpu kepada kelewatan JPN dalam memproses dokumen pengenalan, terutamanya yang melibatkan pendatang yang berkahwin dengan rakyat tempatan, kanak-kanak daripada ibu atau ayah yang merupakan pendatang dan Orang Asal yang tinggal di kawasan pedalaman. Ketiadaan dokumen pengenalan diri telah membawa kepada pelbagai masalah kepada pengadu seperti kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan mahupun mendaftarkan anak-anak di sekolah. Kanak-kanak tidak boleh mendapat kemudahan kepada pendidikan formal tanpa adanya sijil kelahiran.

### **(c) Penggunaan Kekerasan Polis**

Terdapat aduan penggunaan kekerasan polis ketika individu berada dalam tahanan, termasuklah kes seorang wanita yang mendakwa dipukul. Anggota polis tersebut didakwa turut mengugut beliau dengan menggunakan kekerasan agar suspek dipaksa untuk mengaku salah.

Apabila Suruhanjaya meminta maklum balas daripada pihak polis mengenai kes tersebut, ia dimaklumkan bahawa pihak polis sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard. Namun demikian, Suruhanjaya menyeru agar siasatan rasmi dibuat ke atas aduan yang melibatkan penggunaan kekerasan. Suruhanjaya turut berharap agar ia diberikan kuasa di sisi undang-undang untuk menjalankan lawatan mengejut ke atas pusat tahanan sebagai satu cara bagi membendung sebarang kejadian sedemikian.

### **(d) Isu Pekerjaan**

Kebanyakan pengadu mendakwa majikan mereka gagal membayar atau menyumbang kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Pejabat Sabah telah mengemukakan aduan-aduan tersebut kepada Jabatan Tenaga Kerja untuk tindakan selanjutnya.

### **(e) Isu Imigresen**

Semakin ramai migran terus mendapatkan bantuan Suruhanjaya berhubung isu imigresen dan kes ini telah dirujuk kepada agensi-agensi yang berkaitan untuk perhatian selanjutnya. Aduan yang sering diterima adalah berkaitan migran yang ditahan walaupun mereka memegang surat pengenalan yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Menteri. Suruhanjaya menyeru agar pendekatan yang lebih sistematik dan telus digunakan oleh agensi-agensi kerajaan dan Jabatan Imigresen dalam mendokumentasikan pendatang haram di Sabah.

## 2. KAUNTER BERSEPADU ADUAN BERGERAK

Suruhanjaya turut terlibat di dalam beberapa sesi program perkhidmatan yang dianjurkan oleh Biro Pengaduan Awam di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Biro Pengaduan Awam Negeri Sabah. Di bawah program ini, kaunter bersepadu aduan bergerak telah ditubuhkan untuk merekodkan masalah yang dihadapi oleh orang ramai berhubung perkhidmatan Kerajaan. Komen dan cadangan pengadu turut direkodkan bagi meningkatkan kecekapan dan prestasi perkhidmatan awam.

Pejabat Sabah menghargai peluang yang diberikan dalam menyertai program ini sebagai usaha mendekati masyarakat terutamanya mereka yang tinggal di kawasan luar bandar dan tidak mampu ke Kota Kinabalu untuk membuat aduan mengenai pencabulan hak asasi manusia mereka (Jadual 2). Penyertaan dalam program ini telah membantu:

- (i) Meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kewujudan dan fungsi Suruhanjaya, seperti yang dibuktikan melalui peningkatan jumlah aduan yang diterima sejak tahun 2008;
- (ii) Mendidik orang ramai mengenai hak asasi melalui ceramah dan pameran; serta
- (iii) Mewujudkan hubungan kerjasama kukuh dengan agensi-agensi kerajaan dalam meningkatkan perkhidmatan kepada orang awam.

*Jadual 2: Kaunter Aduan Bergerak Bersepadu, 2012*

NO.	TARIKH	TEMPAT	BIL. PENGUNJUNG	BIL. ADUAN/ISU
1.	10 Mac	Tamu Pitas	200	16 - isu tanah
2.	5 April	Dewan Masyarakat Sandakan	150	12 - isu tanah
3.	12 April	Dewan Masyarakat Tawau	250	16 - isu tanah
4.	15 Jun	Dewan Sa'adah, Kota Kinabalu	160	[Tidak diterima]
5.	29 September	Dewan Masyarakat Ranau	200	16 - isu tanah dan pekerjaan
6.	20 November	Dewan Masyarakat Tuaran	250	6 - isu tanah; 2 - ketiadaan infrastruktur asas di kawasan perkampungan terpencil

### 3. PERBINCANGAN MEJA BULAT MENGENAI HAK WANITA



*Para peserta Perbincangan Meja Bulat Mengenai Hak Wanita dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Jannie Lasimbang*

Satu Perbincangan Meja Bulat Mengenai Hak Wanita yang dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Jannie Lasimbang telah diadakan pada 5 Julai dan telah menarik penyertaan daripada agensi kerajaan dan pertubuhan NGO wanita di Sabah. Objektif program ini adalah untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai isu-isu terpilih dan bagi mengenalpasti syor-syor bagi menangani masalah ketidaksamaan gender. Para peserta yang hadir turut mengetengahkan isu-isu seperti:

- Diskriminasi yang dihadapi oleh wanita.
- Dasar dan undang-undang yang melibatkan kes-kes keganasan ke atas wanita.
- Penyalahgunaan alkohol sebagai salah satu punca keganasan ke atas wanita.
- Tindakan dan siasatan polis ke atas laporan yang dibuat oleh wanita.
- Sokongan bantuan untuk wanita miskin.

#### **Syor – Syor Suruhanjaya**

1. Pengiktirafan perlu diberikan kepada Sistem Perundangan Orang Asal yang membenarkan pemberian alimoni kepada wanita Orang Asal. Mahkamah Anak Negeri turut menawarkan khidmat perundangan yang lebih murah kepada wanita Orang Asal yang menuntut bantuan kewangan daripada bekas pasangan.
2. Anggota polis perlu dilatih untuk menjadi lebih sensitif dan menghormati dalam mengendalikan laporan yang dibuat oleh seseorang wanita, khususnya kes yang melibatkan rogol dan keganasan rumah tangga. Satu unit khas perlu ditubuhkan bagi menyiasat kes-kes tersebut yang bertujuan untuk mengurangkan birokrasi dan kelewatan bagi melindungi pengadu. Di samping itu, siasatan juga perlu berdasarkan kepada prosedur yang jelas dan konsisten.

3. Kerajaan perlu mewujudkan sistem yang lebih berkesan dalam merekrut wanita ke dalam sektor perkhidmatan awam berdasarkan kepada merit atau kuota yang membolehkan mereka melibatkan diri dalam peringkat pentadbiran tertinggi. Kerajaan juga perlu menggalakkan penyertaan wanita dalam proses membuat keputusan mengenai dasar dan undang-undang negara.
4. Agensi kerajaan dan NGO perlu bekerjasama dalam mendidik wanita mengenai hak mereka, terutamanya wanita dari komuniti terpinggir, dengan menjalankan program-program yang menarik yang boleh membantu mereka. Komuniti sekolah juga perlu menyediakan ruang untuk mendidik anak-anak dan remaja mengenai konsep seks dan jantina dan juga bagi mencabar pemikiran yang stereotaip.
5. Sektor swasta juga harus mengambil inisiatif dengan mengadakan kursus keusahawanan dan program pembangunan kerjaya kepada wanita agar mereka boleh dilatih menjadi ketua perniagaan dan pengurus atasan. Ini dapat meningkatkan kesaksamaan gender dalam sektor korporat, mengurangkan jurang kemiskinan dan memperluaskan lagi sumber manusia melalui sumbangan wanita.
6. Perkhidmatan kaunseling yang mudah diakses oleh kaum wanita yang sedang menghadapi kesukaran adalah penting untuk kesejahteraan mereka. Oleh itu, kaunselor perlu dilatih dalam mengendalikan isu-isu wanita secara profesional dan menunjukkan minat dalam memberikan bantuan.

*Pengiktirafan perlu diberikan kepada sistem perundangan anak negeri yang membenarkan pemberian alimoni untuk wanita Orang Asal. Mahkamah Anak Negeri juga menawarkan akses yang lebih murah untuk wanita Orang Asal menuntut keadilan bagi mendapatkan bantuan kewangan daripada bekas pasangan.*

#### **4. SAMBUTAN HARI ORANG ASAL/ASLI SEDUNIA**

Pejabat Sabah sekali lagi bekerjasama dengan Jaringan Orang Asli SeMalaysia (JOAS) dalam penganjuran sambutan Hari Orang Asal/Asli Sedunia peringkat kebangsaan yang diadakan pada 9-12 Ogos di Miri, Sarawak. Pejabat Sabah telah membuat tempahan untuk menggunakan Dewan Suarah dan Dewan Bulan Sabit Merah sebagai tempat sambutan tersebut. Walau bagaimanapun, kedua-dua pengurus bagi dewan berkenaan telah membatalkan tempahan itu dengan alasan mereka telah menerima panggilan daripada pihak berkuasa. Pihak penganjur terpaksa berpuas hati dengan lokasi baharu yang tidak sesuai untuk majlis tersebut.

Majlis tersebut turut menyelitkan sesi dialog mengenai 'Mempromosi Budaya dan Bahasa Orang Asli' dan acara pameran yang memaparkan kehidupan Orang Asal/Asli termasuklah dari segi prinsip persetujuan bebas, awal dan dimaklumkan.

Topik dialog yang bertajuk 'Media Orang Asal, Memperkasakan Suara Orang Asal' dipilih bagi mencerminkan tema sejagat bagi tahun ini. Lebih daripada 200 orang peserta kebanyakannya terdiri daripada Orang Asal dan wakil-wakil NGO dari seluruh negara telah mengambil bahagian. Ahli-ahli panel adalah terdiri daripada Pesuruhjaya Jannie Lasimbang, Encik Thomas Jalong Apoi dari JOAS dan Encik Hassanal Redzuan daripada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sarawak. Turut hadir Dr Victor Karunan dari Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan salah seorang pengarah dari Jabatan Kemajuan Orang Asli. Objektif utama dialog ini bertujuan untuk mendapatkan sokongan bagi mengiktiraf budaya unik dan bahasa Orang Asal/Asli di Malaysia, serta memberi impak melalui cara yang praktikal.

Para peserta melahirkan kebimbangan mengenai:

- (i) Ketiadaan maklum balas terhadap seruan untuk membuka lebih banyak institusi kebudayaan dan kerajaan dalam mempromosi tradisi dan bahasa masyarakat Orang Asal/Asli di Malaysia;
- (ii) Kurangnya liputan media mengenai perayaan budaya Orang Asal di Malaysia;
- (iii) Keperluan masyarakat Orang Asal di Sabah dan Sarawak yang masih belum mendapat pengiktirafan di sebut dalam borang rasmi dan kertas kerajaan; dan
- (iv) Kerajaan perlu mengiktiraf Hari Orang Asal Sedunia pada 9 Ogos setiap tahun dan memasukkan tarikh tersebut di dalam kalendar acara rasmi Malaysia.

Adalah disarankan agar Kerajaan mempertimbangkan cadangan untuk menubuhkan sebuah suruhanjaya hak Orang Asal/Asli yang terdiri daripada masyarakat Orang Asal/Asli yang berdedikasi agar isu-isu semasa dapat dikaji dan jalan penyelesaian boleh dikenalpasti.

### Syor – Syor Suruhanjaya

1. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta masyarakat Orang Asal harus diberikan kesedaran mengenai Perisytiharan PBB Mengenai Hak Orang Asal (UNDRIP) yang telah diterima oleh Malaysia. Peruntukannya perlu dicerminkan di dalam undang-undang, dasar dan program. Satu mekanisme bebas perlu diwujudkan bagi memantau pelaksanaan UNDRIP di Malaysia.
2. Ahli Parlimen perlu lebih pro-aktif dalam menyuarakan masalah-masalah masyarakat terpinggir.
3. Sikap hormat dan mengiktiraf budaya, bahasa dan tradisi Orang Asal hendaklah dirangkumkan di dalam wawasan masyarakat majmuk negara.
4. Orang Asal perlu diberi kebebasan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang sah di sisi undang-undang tanpa campur tangan daripada Kerajaan.

*Orang Asal perlu diberi kebebasan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang sah di sisi undang-undang tanpa campur tangan daripada Kerajaan.*

## **5. AKTIVITI BERKAITAN INKUIRI NASIONAL MENGENAI HAK KE ATAS TANAH ORANG ASAL/ASLI DI MALAYSIA**

Dalam persediaan pendengaran awam Inkuiri Nasional (NI) pada bulan Jun, Pejabat Sabah telah membantu Sekretariat Inkuiri Nasional mencari saksi untuk merekodkan kenyataan serta mengumpul hujahan tambahan. Pejabat Sabah turut mengatur logistik dan tempat bagi pendengaran awam tersebut berlangsung. Cabaran yang paling jelas dihadapi oleh Suruhanjaya dalam menjalankan Inkuiri Nasional di Sabah adalah proses mencari saksi yang tinggal di kawasan luar bandar akibat ketiadaan alamat dan kesukaran untuk menghubungi mereka melalui telefon. Masyarakat Orang Asal yang tinggal di kawasan pedalaman turut menghadapi kesukaran untuk menghadiri pendengaran awam di Kota Kinabalu kerana tidak mampu menanggung kos pengangkutan, selain daripada keadaan jalan raya yang rosak.

Suruhanjaya menghargai kesediaan saksi-saksi daripada agensi-agensi kerajaan dalam memberikan kerjasama mereka di dalam proses NI. Walau bagaimanapun, maklum balas daripada beberapa saksi dari sektor swasta adalah tidak memuaskan berikutan kegagalan mereka membalas surat yang memerlukan kehadiran mereka.

Dengan tamatnya proses pendengaran awam di Sabah, fail-fail telah dibuka untuk setiap 407 kenyataan yang telah diterima melalui Sekretariat NI bagi memudahkan tindakan susulan melalui prosedur aduan biasa.

## **6. HARI HAK ASASI MANUSIA SEDUNIA**

Pejabat Sabah telah bekerjasama dengan Kelab Larian Kinabalu, Yayasan PACOS, *The Yellow Dots* dan Pusat Kebajikan *Good Shepherd* dalam penganjuran julung kalinya Larian Hak Asasi Manusia, Pameran dan Konsert pada 8 Disember di Universiti Malaysia Sabah bersempena dengan Hari Hak Asasi Manusia Sedunia yang diraikan pada 10 Disember setiap tahun.

Pihak penganjur telah menempah Stadium Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai tempat acara tersebut diadakan. Walau bagaimanapun, sehari sebelum berlangsungnya acara, pihak UMS telah menarik balik kebenaran untuk menggunakan stadium dan mengugut untuk mengetatkan keselamatan. Pihak UMS turut memasang sepanduk yang menyatakan bahawa acara tersebut telah dibatalkan walaupun mereka tidak mempunyai hak untuk berbuat demikian. Pihak UMS pada mulanya menjelaskan bahawa acara tersebut adalah berunsurkan 'politik' dan mereka telah menerima arahan untuk membatalkan tempahan berkenaan walaupun Naib Canselor UMS kemudiannya memohon maaf dan berkata bahawa pembatalan tersebut adalah atas polisi universiti.

Pada hari berlangsungnya acara tersebut, pihak penganjur berjaya mengadakan acara Larian Hak Asasi Manusia di trek larian Tasik Likas. Larian berganti-ganti berjaya diadakan walaupun berlakunya perubahan ke atas lokasi dan dalam keadaan hujan lebat. Walau bagaimanapun, acara pameran terpaksa dibatalkan kerana bahan pameran yang disediakan oleh pihak penganjur telah rosak akibat hujan lebat. Saiz bazar makanan terpaksa dikurangkan kerana

bilangan orang ramai yang hadir berkurangan akibat perubahan lokasi yang mendadak. Empat kumpulan pemuzik turut membatalkan kehadiran ke konsert tersebut manakala pentas yang disediakan tidak bersesuaian dari segi kedudukannya yang jauh daripada penonton.

Pembatalan tempahan di saat-saat akhir oleh pihak UMS dan keengganan Naib Canselor UMS untuk mempertimbangkan rayuan daripada pihak penganjur amat mengecewakan. Keputusan mengejut untuk menarik balik kebenaran menggunakan stadium bukan sahaja menimbulkan pelbagai masalah logistik kepada penganjur, malah ia terpaksa menanggung kos yang tidak dijangka kerana terpaksa mencari lokasi baharu. Perkara ini amat dikesali kerana tindakan UMS telah menghalang rakyat Malaysia daripada meraikan hak asasi mereka untuk berhimpun secara aman seperti yang dijamin di dalam Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan, dan ironiknya pada Hari Hak Asasi Manusia Sedunia.



*Hujan lebat tidak mematahkan semangat kira-kira 1,000 orang pelari dan penonton Larian Hak Asasi Manusia pada 8 Disember*

## **7. DIALOG ANTARA MAHKAMAH ANAK NEGERI DAN MAHKAMAH SYARIAH**

Pada 10 Disember, Pejabat Sabah telah mengadakan dialog tertutup di antara Mahkamah Anak Negeri dan Mahkamah Syariah di Kota Kinabalu yang dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Jannie Lasimbang. Seramai 20 orang wakil daripada Mahkamah Anak Negeri dan 15 orang wakil daripada Mahkamah Syariah telah menghadiri dialog tersebut. Dua kertas kerja telah dibentangkan diikuti dengan sesi dialog.

Haji Langsing Mangana yang mewakili Mahkamah Anak Negeri telah menggariskan beberapa cabaran dan cadangan untuk kerjasama yang boleh dijalin di antara Mahkamah Anak Negeri dan Mahkamah Syariah. Dalam hal ini, pentafsiran Seksyen 9 di bawah Enakmen Mahkamah

Anak Negeri Sabah 1992 dilihat sebagai satu cabaran kerana keringkasan dan kekurangan mekanisme formal bagi kedua-dua mahkamah tersebut dalam membincangkan aspek yang bertindih. Beliau mengesyorkan agar kes-kes yang melibatkan budaya dan tradisi Anak Negeri bagi yang beragama Islam dibicarakan di Mahkamah Anak Negeri, manakala hal-hal yang berkaitan dengan undang-undang agama Islam kekal di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Secara idealnya, kedua-dua mahkamah perlu mengekalkan hubungan komunikasi yang lebih baik dalam mengkaji undang-undang dan kes yang berkaitan bersama-sama.

Kertas kerja kedua yang dibentangkan oleh Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah iaitu Encik Ahadin Arinen menekankan manfaat mempunyai sebuah Jabatan Kehakiman Mahkamah Syariah di Sabah yang ditubuhkan pada 1 Disember 2005. Beliau menyatakan bahawa ia telah membolehkan pengiktirafan yang lebih ke atas Mahkamah Syariah dan membantu ke arah operasi yang bebas dan lebih sistematik. Sekiranya Mahkamah Anak Negeri memiliki jabatan sendiri, beliau berkata, ia akan memberi kesan yang serupa. Ia membolehkan Institut Latihan Mahkamah Anak Negeri untuk mendapatkan pembiayaan tetap dan berfungsi dengan lebih efektif.

#### Syor - Syor Suruhanjaya

1. Dialog antara Mahkamah Anak Negeri dan Mahkamah Syariah perlu diteruskan bagi menyelesaikan isu-isu yang melibatkan kedua-dua mahkamah.
2. Satu sesi susulan perlu diadakan bagi wakil daripada kedua-dua mahkamah untuk mengenal pasti isu-isu di bawah Seksyen 9 Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992 dan Kaedah-kaedah 1995.
3. Satu modul mengenai Undang-undang Anak Negeri dan fungsi Mahkamah Anak Negeri perlu dibentuk dan diselitkan dalam kursus pegawai perkhidmatan awam sebagai satu cara untuk menyebarkan maklumat mengenai Mahkamah Anak Negeri dan merancang semula sistem Mahkamah Anak Negeri.
4. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri perlu menyediakan sumber kepada Mahkamah Anak Negeri dan Institut Latihan Mahkamah Anak Negeri bagi memastikan keberkesanan fungsinya; sebuah perpustakaan juga perlu ditubuhkan.
5. Jabatan-jabatan kerajaan negeri yang berkaitan perlu mempercepatkan proses penubuhan Jabatan Kehakiman Mahkamah Anak Negeri yang sama seperti Mahkamah Syariah di Sabah.

## 8. PERJUMPAAN DENGAN JABATAN KERAJAAN

### (a) Perjumpaan dengan Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu dan Datuk Bandar

Pesuruhjaya Jannie Lasimbang telah mengadakan perjumpaan berasingan bersama Encik Jauteh Dikun, Ketua Polis Daerah (OCPD) Kota Kinabalu dan Datuk Abidin Madingkir, Datuk Bandar Kota Kinabalu. Ia bagi memaklumkan mengenai rancangan Suruhanjaya untuk menganjurkan Larian, Pameran dan Konsert Hak Asasi Manusia pada 8 Disember.

Isu-isu yang turut dibangkitkan kepada OCPD termasuklah aduan yang diterima oleh Suruhanjaya terhadap pasukan polis. Datuk Bandar turut dimaklumkan mengenai hasil kelima-lima bengkel yang diadakan pada 2011 mengenai Mahkamah Anak Negeri di Sabah.



*Wakil-wakil daripada Suruhanjaya memaklumkan kepada Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu tentang rancangan untuk mengadakan Larian, Pameran dan Konsert Hak Asasi Manusia*

### (b) Kunjungan Hormat ke atas Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah di Sabah

Pesuruhjaya Jannie Lasimbang telah bertemu Encik Ahadin Arinen, Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah di Sabah bagi membincangkan rancangan Suruhanjaya untuk mengadakan sesi dialog tertutup di antara Mahkamah Anak Negeri dan Mahkamah Syariah pada 5 Disember. Dialog ini merupakan susulan daripada lima buah bengkel yang telah diadakan masing-masing di Kota Marudu, Keningau, Beaufort, Telupid dan Semporna pada tahun 2011.

## 9. AKTIVITI – AKTIVITI LAIN

### (a) Pesta Kebudayaan dan Pendidikan

Suruhanjaya telah menyertai Pesta Kebudayaan dan Pendidikan yang diadakan sempena Hari Malaysia pada 7-9 September bersama-sama 25 agensi kerajaan dan NGO. Suruhanjaya turut mengadakan pameran yang juga dijadikan sebagai tempat menerima aduan dalam mewujudkan kesedaran mengenai hak asasi manusia dan mempromosi kerja-kerja Suruhanjaya.

### (b) Lawatan ke Pusat Pembelajaran Komuniti (PPK)

Suruhanjaya telah mengadakan program mendekati masyarakat sempena Hari SUHAKAM pada 9 September setiap tahun. Pejabat Sabah telah melawat Pusat Pembelajaran Komuniti (PPK) yang masing-masing terletak di Kampung Kipouvo dan Kampung Kibunut di daerah Penampang.

PPK tersebut ditubuhkan melalui inisiatif organisasi komuniti dengan bantuan Yayasan PACOS dalam menyediakan peluang yang sama dalam penerimaan pendidikan pra-sekolah kepada kanak-kanak Orang Asal. Setelah memperjuangkan selama beberapa tahun untuk mencapai taraf tertentu, kedua-dua PPK telah mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Pelajaran. Semasa lawatan tersebut, Pesuruhjaya Jannie Lasimbang turut memberitahu mengenai fungsi dan peranan Suruhanjaya dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia serta kanak-kanak kepada para guru dan ibu yang hadir. Suruhanjaya turut memuji organisasi terlibat dalam menyediakan perkhidmatan tersebut dan menyeru Kerajaan agar mengiktiraf dan menyokong inisiatif serupa di komuniti pedalaman yang masih belum dilaksanakan.



*Lawatan ke PPK yang terletak di Kampung Kibunut, Penampang*

### **(c) Lawatan ke Pusat Penjara dan Institut Penjara Wanita**

Pejabat Sabah telah mengadakan lawatan rasmi ke Penjara Pusat Kota Kinabalu dan Institusi Penjara Wanita di Kepyayan pada 24 Oktober. Tujuan lawatan ini adalah untuk memantau keadaan penjara dan bertemu dengan para pegawainya.

Suruhanjaya memuji Jabatan Penjara dalam mengintegrasikan kurikulum pendidikan kebangsaan ke dalam sukatan pembelajaran bagi banduan muda di Sekolah Integriti di Penjara Pusat Kota Kinabalu dan Sekolah Perempuan Henry Gurney di bawah Institusi Penjara Wanita. Ini membolehkan golongan banduan menerima pendidikan yang sama tanpa sebarang diskriminasi.

Walau bagaimanapun, Suruhanjaya terkejut apabila dimaklumkan bahawa terdapat banduan yang telah menunggu lama untuk mendapatkan pengampunan daripada Yang Di Pertua Negeri. Suruhanjaya turut dimaklumkan bahawa Lembaga Rayuan tidak pernah bersidang.

Di samping itu, penjara lelaki dan penjara wanita masing-masing menghadapi kekurangan pegawai, manakala penjara lelaki mengalami kesesakan. Suruhanjaya turut dimaklumkan bahawa terdapat satu kecenderungan untuk memindahkan banduan dari pusat tahanan sementara ke penjara tanpa sebarang notis atau apa-apa pertimbangan terhadap kapasiti penjara.

## **10. HARAPAN MASA DEPAN**

Dengan penghasilan Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Ke Atas Tanah Orang Asal/ Asli di Malaysia yang dijangka akan dikeluarkan pada awal tahun 2013, Pejabat Sabah akan mengadakan beberapa sesi dialog bersama pihak berkuasa dan pihak berkepentingan bagi memastikan syor-syornya dilaksanakan. Pejabat Sabah akan turut memantau perkembangan pelaksanaan dan akan menghasilkan laporan pada penghujung tahun hadapan.

Usaha lanjut akan diadakan untuk mengambil tindakan susulan ke atas aktiviti-aktiviti promosi dan perlindungan hak golongan rentan, terutamanya kanak-kanak kurang upaya. Pejabat Sabah akan terus mencari cara untuk meningkatkan kerjasama di antara pihak NGO, sektor awam dan swasta bagi meneliti perkara-perkara yang diketengahkan menerusi aduan-aduan yang diterima.

# 5

**BAB**

**LAPORAN PEJABAT SARAWAK**

*Anda tidak harus hilang sifat kemanusiaan. Sifat kemanusiaan ibarat laut, jika beberapa titik laut itu kotor, laut itu tidak semestinya kotor.*

**Mohandas Gandhi**

Pejabat Sarawak terus memberi penekanan dalam mempertingkatkan usaha promosi dan melindungi hak asasi manusia di negeri ini. Tumpuan utama diberikan dalam menyelesaikan aduan-aduan yang diterima selaras dengan fungsi dan kuasa yang termaktub di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) 1999.


Kebanyakan aduan yang diterima adalah dari penduduk luar bandar. Masalah utama yang diutarakan adalah berkaitan hak tanah adat dan pembayaran jumlah pampasan yang tidak setimpal. Pengadu turut mendapatkan nasihat dalam menangani masalah sedemikian.

Pejabat Sarawak turut mengadakan perbincangan meja bulat, ceramah dan seminar, di samping mempromosi hak asasi manusia melalui program dan aktiviti yang dijalankan secara usahasama dengan agensi-agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO).

## **1. TINDAKAN TERHADAP ADUAN**

Suruhanjaya menerima sebanyak 51 aduan (Rajah 1) sehingga Disember, yang mana 30 daripada aduan tersebut melibatkan hak tanah adat. Aduan mengenai kelewatan atau kegagalan pihak polis untuk mengambil tindakan ke atas hal yang dibangkitkan turut diterima oleh pejabat ini. Aduan tersebut telah dipanjangkan kepada pihak polis untuk dapatkan maklumbalas.

Suruhanjaya berjaya menyelesaikan 27 kes pada tahun ini manakala 10 kes didapati tidak berkaitan dengan pelanggaran hak asasi manusia. Oleh itu 'Tiada Sebarang Tindakan Diambil'. 24 kes yang lain sedang diproses oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Dalam menyelesaikan aduan, Suruhanjaya menerima kerjasama daripada jabatan kerajaan dan bantuan daripada NGO.



Rajah 1: Aduan yang Diterima oleh Pejabat Sarawak, 2012

*Pembangunan dan eksploitasi ke atas sumber hutan selalunya telah menyebabkan konflik di antara penduduk Orang Asal dengan agensi-agensi swasta atau separa kerajaan.*

**(a) Hak Tanah Adat**

Terdapat aduan yang sama bahawa kerajaan negeri tidak memberikan pengiktirafan yang sepenuhnya ke atas hak tanah adat dan telah gagal dalam mengeluarkan dokumen hak milik kepada pihak penuntut yang sah. Terdapat juga dakwaan bahawa syarikat pembalakan telah mencerooboh ke atas tanah adat dan jumlah ganti rugi yang dibayar adalah tidak setimpal.

Pembangunan dan eksploitasi ke atas sumber hutan selalunya telah menyebabkan konflik di antara penduduk Orang Asal dengan agensi-agensi swasta atau separa kerajaan. Penyebab utama perkara ini berlaku apabila tiada

dokumen tanda persempadanan yang rasmi dalam membezakan tanah adat dan tanah negeri; tiada pematuhan dari pihak syarikat swasta; dan penguatkuasaan yang tidak mencukupi.

Sehubungan dengan itu, para pengadu mendakwa:

- (i) Pihak berkuasa tidak mengambil serius aduan yang dibuat dan ada kalanya tindakan diambil ke atas pengadu;
- (ii) Jumlah pampasan yang tidak setimpal untuk pengambilan tanah atau tanaman yang musnah apabila sesebuah kawasan diambil untuk tujuan pembangunan;

- (iii) Tidak ada penyertaan yang bermakna dalam membuat keputusan atau peluang untuk menyertai kegiatan ekonomi melalui pembangunan projek-projek; dan
- (iv) Kerajaan tidak mengiktiraf pemilikan ke atas tanah adat seperti yang berlaku ke atas masyarakat Penan di Murum, Belaga.

### **(b) Peluang Pekerjaan**

Pengadu turut mendakwa bahawa pihak majikan gagal membayar gaji atau mencarum ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Sesetengah daripada mereka mendakwa tidak menerima sebarang bentuk faedah berkaitan dengan pekerjaannya. Pejabat Sarawak telah memanjangkan aduan tersebut kepada pihak berkuasa yang berkaitan untuk tindakan mereka selanjutnya.

## **2. INKUIRI NASIONAL MENGENAI HAK KE ATAS TANAH ORANG ASAL/ASLI DI MALAYSIA**

Di bawah program Inkuiri Nasional (NI) Suruhanjaya yang sedang berjalan, sesi pendengaran awam telah diadakan di empat buah lokasi di Sarawak (Jadual 1). Pengerusi Suruhanjaya, Tan Sri Hasmy Agam telah mempengerusikan Panel Inkuiri bersama-sama dengan Pesuruhjaya Detta Samen dan Pesuruhjaya James Nayagam selaku ahli panel. Perunding bebas iaitu Dato' Ranita Mohd Hussien dan Encik Andrew Khoo turut membantu Panel Inkuiri. Seramai 60 orang saksi telah dipanggil untuk memberikan keterangan semasa sesi pendengaran awam tersebut berlangsung.

*Jadual 1: Sesi Pendengaran Awam di Sarawak, 2012*

<b>NO.</b>	<b>TARIKH</b>	<b>LOKASI</b>
1.	27 Februari – 1 Mac	Dewan Masyarakat, Serian
2.	3 – 5 Mac	Dewan Suarah, Sibu
3.	7 – 9 Mac	Dewan Suarah, Bintulu
4.	11 – 15 Mac	Dewan Suarah, Miri

Sebanyak 61 aduan dilaporkan berhubung dakwaan pencerobohan tanah adat oleh syarikat swasta dan agensi pembangunan negeri; 72 kes melibatkan aduan berhubung kelemahan pihak pentadbiran ke atas pendaftaran tanah serta ketidakpuasan hati ke atas soal selidik tanah adat; dan 25 kes adalah berkaitan bayaran pampasan yang tidak setimpal ke atas tanah yang diambil untuk tujuan pembangunan.

### 3. PERBINCANGAN MEJA BULAT MENGENAI HAK ORANG KURANG UPAYA

Pejabat Sarawak telah menganjurkan Perbincangan Meja Bulat (PMB) Mengenai Hak Orang Kurang Upaya pada 14 Jun. YB Robert Lawson Chuat, Menteri Muda Kebajikan telah merasmikan acara tersebut yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pihak berkuasa tempatan dan kumpulan masyarakat sivil.

Seramai 60 orang peserta termasuk individu yang berminat telah menghadiri program setengah hari tersebut. Encik Mohd Faisal Adenan dari Ahli Majlis Perbandaran Kuching Utara, Encik Wong Ming Kong dari Ahli Majlis Perbandaran Kuching Selatan, Encik Francis Johen dari Kementerian Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Komuniti Sarawak dan Encik Dusim Oh Siong dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak merupakan antara penceramah yang dijemput pada hari tersebut.

Dalam ucapan perasmianya, Menteri Muda menyatakan bahawa sehingga Jun, seramai 27,919 Orang Kurang Upaya telah berdaftar di Sarawak. Beliau mengesahkan bahawa Kerajaan Negeri menyokong usaha untuk meningkatkan perkhidmatan kepada kumpulan yang kurang bernasib baik termasuklah Orang Kurang Upaya. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak turut menggunakan pendekatan 'penginsanan perkhidmatan kebajikan' yang dapat dilihat melalui peruntukan perkhidmatan mudah alih oleh Jabatan Kebajikan. Ia telah memberikan perkhidmatan ke 96 buah lokasi sejak dilancarkan pada awal tahun. Kerajaan Negeri akan terus mencari cara untuk memperbaiki kemudahan akses perkhidmatan kebajikan.

Pesuruhjaya Delta Samen menekankan dalam ucapan beliau bahawa berdasarkan kepada kaji selidik Bank Dunia, sebanyak 10% populasi dunia – atau dianggarkan seramai 2.8 juta penduduk – merangkumi OKU. Daripada jumlah ini, 90% adalah kanak-kanak yang mana kebanyakan daripada mereka adalah buta huruf kerana tidak mendapat akses kepada pendidikan.

Perbincangan tersebut turut mengambil kira kedua-dua isu semasa dan yang sekian lama berlarutan, iaitu;

- (i) Pengundi dengan keperluan istimewa  
Menyedari bahawa pilihanraya akan diadakan pada tahun 2013, para peserta memaklumkan bahawa pusat mengundi negeri tidak mesra OKU. Mereka mencadangkan agar Suruhanjaya Pilihanraya memperkenalkan sistem elektronik untuk menampung pengundi yang memerlukan keperluan istimewa. Mereka turut menggesa Kerajaan untuk memastikan bahawa semua pusat mengundi mudah diakses dan mesra OKU dalam masa yang terdekat.

*Kerajaan perlu memastikan bahawa semua pusat mengundi mudah diakses dan mesra OKU dalam masa yang terdekat.*

- (ii) Membuat keputusan dalam Majlis Pihak Berkuasa Tempatan  
Dengan adanya semakin ramai golongan OKU yang berpelajaran, mereka lebih berpengetahuan untuk mengenal pasti keperluan dan jalan penyelesaian kepada komuniti OKU. Oleh itu, peluang yang luas perlu diberikan ke atas penyertaan mereka di dalam proses membuat keputusan di peringkat tempatan.
- (iii) Kemudahan perbankan  
Terdapat aduan berhubung sesetengah bank yang menolak permohonan OKU untuk mendapatkan kad ATM.
- (iv) Akses kepada kemudahan awam  
Kajian menunjukkan bahawa terdapat bangunan, perkhidmatan pengangkutan awam dan kemudahan awam masih lagi bersifat kurang mesra OKU walaupun terdapat peruntukan dalam undang-undang.
- (v) Kesedaran awam  
Agensi kerajaan dan NGO perlu memainkan peranan yang lebih aktif dalam mempromosi hak OKU kerana tahap kesedaran masyarakat berhubung isu ini yang rendah.



*Peserta PMB mengenai hak OKU*

#### **4. LAWATAN KE SKIM PENEMPATAN SEMULA DI EMPANGAN BENGOH**

Suruhanjaya telah mengadakan lawatan ke kawasan Skim Penempatan Semula Empangan Bengoh pada 16 Jun. Kerajaan Negeri telah mencadangkan projek ini pada 2007 untuk meningkatkan penyaluran bekalan air ke kawasan Kuching sehingga tahun 2030. Projek ini memerlukan pemindahan empat buah kampung – Kampung Pain Bojong, Kampung Taba Sait, Kampung Rejai dan Kampung Semban.

Semasa lawatan tersebut, Pesuruhjaya Delta Samen turut diberikan taklimat mengenai status terkini dan reka bentuk rumah-rumah baharu. Beliau berpuas hati dengan reka bentuk rumah yang memenuhi permintaan penduduk kampung. Beliau turut meninjau kemudahan kawasan penempatan semula tersebut termasuk kawasan padang bola sepak dan kawasan perkuburan.

## **5. MESYUARAT BERSAMA MASYARAKAT PENAN TERJEJAS AKIBAT PEMBINAAN EMPANGAN HIDRO MURUM DI BELAGA**

Pada bulan Oktober, Suruhanjaya telah menerima satu memorandum daripada kumpulan masyarakat Penan yang terjejas akibat pembangunan Empangan Murum di Belaga. Enam buah kampung – Long Wat, Long Luar, Long Tanggau, Long Singu, Long Menapa dan Long Jaik – terpaksa dipindahkan.

Pesuruhjaya Delta Samen telah mengadakan perjumpaan bersama lebih kurang 50 ahli masyarakat Penan di Bintulu pada 23 November untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung dakwaan yang dibangkitkan. Perjumpaan tersebut telah dianjurkan oleh Institut Penyelidikan Borneo (BRIMAS).

Kumpulan masyarakat Penan mengatakan bahawa mereka tidak membantah pembangunan empangan tersebut semata-mata tetapi mereka bimbang kerana terpaksa berpindah dari kawasan hutan yang menjadi sumber kepada kehidupan mereka. Sebagai ganti rugi, mereka menuntut agar Kerajaan Negeri membayar RM500,000 kepada setiap keluarga yang terpaksa berpindah ke kawasan penempatan semula di Sungai Tegulang dan Sungai Metalong. Mereka turut melahirkan kebimbangan berhubung pengagihan bantuan kebajikan berjumlah RM750 untuk setiap keluarga selama lima tahun selepas mereka dipindahkan. Apa yang membimbangkan mereka adalah jumlah bantuan tersebut akan ditolak daripada ganti rugi yang dituntut. Masyarakat itu juga mahu Kerajaan Negeri menjawab persoalan kepada tuntutan mereka. Suruhanjaya akan mengambil tindakan susulan berhubung isu-isu yang dibangkitkan.

## **6. MESYUARAT KONSULTASI BERHUBUNG PROSES PENILAIAN PENGGALAN SEJAGAT (UPR)**

Pada 18 Oktober, Pejabat Sarawak dengan kerjasama Pasukan Negara Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah mengadakan satu mesyuarat mengenai proses UPR. UPR adalah satu mekanisme semakan untuk penelitian komitmen dan tanggungjawab negara dalam menyampaikan hak asasi manusia. Malaysia akan menghadapi kitaran kedua UPR dari Oktober hingga November 2013 di Geneva.

Dua sesi mesyuarat telah diadakan di Kuching dengan pihak NGO dan pihak agensi kerajaan masing-masing memberikan input kepada UPR. Konsultasi ini dapat membantu Suruhanjaya menyediakan laporan yang perlu disiapkan pada Mac 2013.

## 7. CERAMAH HAK ASASI

Suruhanjaya telah menganjurkan beberapa siri ceramah mengenai hak asasi manusia dengan kerjasama Persatuan Kebangsaan Dayak Bidayah (DBNA), Pusat Latihan Polis dan Kolej Sains Kejururawatan di Kuching serta Penjara Pusat Sri Aman (Jadual 2). Ceramah yang diadakan adalah bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran mengenai hak asasi manusia dan sebagai batu loncatan dalam penganjuran aktiviti untuk kumpulan sasaran pada masa hadapan. Suruhanjaya bercadang untuk mengadakan program seumpamanya sebagai satu tugas rutin.

*Jadual 2: Ceramah Hak Asasi, 2012*

NO.	TARIKH	LOKASI
1.	14 April	Persatuan Kebangsaan Dayak Bidayah, Kuching
2.	25-26 April	Penjara Pusat Sri Aman
3.	15 Mei	Pusat Latihan Polis, Kuching
4.	19 Jun	Kolej Sains Kejururawatan, Kuching
5.	2 Oktober	Pusat Latihan Polis, Kuching

Sesi tersebut membolehkan para peserta untuk menyuarakan pendapat dan kebimbangan mereka mengenai:

- (i) Bagaimana Suruhanjaya boleh memainkan peranan yang lebih efektif dalam menyelesaikan isu-isu hak asasi manusia;
- (ii) Pertikaian ke atas hak tanah di antara Orang Asal dengan Kerajaan Negeri;
- (iii) Penerimaan konsep 'hak bersama pasangan' di penjara; dan
- (iv) Kelewatan ke atas peruntukan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan bagaimana sistem pelaksanaan boleh dipertingkatkan.



*Peserta semasa ceramah hak asasi di Pusat Latihan Polis Kuching*

## **8. PERASMIAN FESTIVAL FILEM KEBEBASAN 2012**

Suruhanjaya sekali lagi dijemput untuk merasmikan acara ini yang telah dianjurkan untuk kali ke lima, di Sarawak. Objektif acara ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai hak asasi manusia melalui persembahan seni serta menghapuskan sifat perkauman dan diskriminasi di dalam masyarakat.

## **9. KUNJUNGAN HORMAT**

Suruhanjaya telah mengadakan kunjungan hormat ke atas agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk mengeratkan lagi hubungan di antara kedua-dua belah pihak dan untuk mengambil peluang untuk menyampaikan maklumat berhubung aktiviti-aktiviti Suruhanjaya. Kunjungan hormat ini telah dijalankan ke atas:

- Setiausaha Kerajaan Negeri, YB Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Abdul Ghani, pada 10 Mei
- Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan Sarawak, YBhg Datuk Michael Manyin, pada 22 Jun
- Setiausaha Kerajaan Persekutuan, YBhg Datuk Haji Yahaya Basimin, pada 3 Julai



*Kunjungan Hormat ke atas Setiausaha Kerajaan Persekutuan, YBhg Datuk Haji Yahaya Basimin, pada 3 Julai*

## **10. LATIHAN DALAMAN**

Kakitangan Pejabat Sarawak telah menghadiri kursus dalaman pada 15 Jun, yang diadakan di Kuching buat pertama kalinya. Sesi ini dianjurkan oleh Kumpulan Pendidikan dan Perhubungan Awam. Pejabat Sarawak berharap kursus dalaman ini dapat diteruskan agar pegawai dan kakitangan dapat meningkatkan kemahiran mereka.

## **11. TEMURAMAH BERSAMA MEDIA**

Pada 25 April, Pesuruhjaya Delta Samen telah mengadakan temuramah bersama Radio Televisyen Malaysia (RTM) di Kuching. Ia bertujuan untuk meningkatkan profil Suruhanjaya, mendidik masyarakat berhubung hak asasi manusia dan memberitahu masyarakat berhubung aktiviti Suruhanjaya pada masa akan datang.

## **12. HARAPAN MASA DEPAN**

Pejabat Sarawak komited dalam mengukuhkan hubungan di antara Kerajaan Negeri, NGO dan kumpulan masyarakat secara keseluruhannya pada masa akan datang dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai hak asasi manusia. Di samping itu, melalui aktiviti-aktiviti besar yang bakal dijalankan, ia berharap dapat menggalakkan Kerajaan Negeri untuk mengkaji semula undang-undang dan polisi yang berkaitan dengan hak Orang Asal dan kumpulan rentan lain.

# 6

## BAB

### LAPORAN INKUIRI NASIONAL MENGENAI HAK KE ATAS TANAH ORANG ASAL/ASLI DI MALAYSIA

*Walaupun Malaysia telah menandatangani Perisytiharan Hak Orang Asal Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2007, kebanyakan Jabatan Kerajaan tidak sedar akan kewujudan perisytiharan tersebut, dan ada beberapa jabatan yang beranggapan bahawa ianya hanya satu memorandum bertulis oleh agensi-agensi bukan kerajaan (NGO).*

**The Star, 11 November 2010**

Dalam Laporan Tahunan 2011, Suruhanjaya membuat keputusan untuk mengadakan satu Inkuiri Nasional Mengenai Hak Ke Atas Tanah Orang Asal/Asli di Malaysia (NI). Laporan tersebut mengandungi latar belakang, terma rujukan NI dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan, termasuklah mesyuarat dan konsultasi dengan pihak berkepentingan.

Pada tahun yang diteliti, Suruhanjaya meneruskan aktiviti untuk memastikan perjalanan gerak kerja NI mengikut jadual. Tumpuan diberikan pada pendengaran awam dan penyediaan laporan.

## **1. PENDENGARAN AWAM**

Pada pendengaran awam, saksi-saksi telah dipanggil di hadapan Panel untuk memberi keterangan lanjut atau mengesahkan fakta-fakta yang diberikan semasa konsultasi awam. Pendengaran awam yang dijalankan antara bulan Februari hingga Jun telah diadakan di beberapa lokasi di Semenanjung, Sabah dan Sarawak (Jadual 1).

Suruhanjaya berpandangan bahawa proses NI merupakan satu platform untuk memperkasakan Orang Asal/Asli (OA) dalam melindungi tuntutan mereka ke atas tanah adat OA. Ini jelas kelihatan dalam usaha yang telah diambil oleh masyarakat OA untuk bersatu dalam usaha mengesan bukti sejarah bagi menyokong tuntutan mereka bagi memperjuangkan Hak Tanah Adat OA (NCR).

Jadual 1: Jadual Pendengaran Awam, 2012

WILAYAH	TARIKH	TEMPAT
SARAWAK	27 Februari – 1 Mac	Dewan Suarah Serian, Serian
	3-5 Mac	Dewan Suarah Sibu, Sibu
	7-9 Mac	Dewan Suarah Bintulu, Bintulu
	12-14 Mac	Dewan Suarah Miri, Miri
SEMENANJUNG	27-30 Mac	Pejabat SUHAKAM, Kuala Lumpur
	9-10 April	Dewan Tunku Ibrahim Ismail, Kluang, Johor
	27-30 April	Kesedar Inn, Gua Musang, Kelantan
	6-10 Mei	Hotel Heritage, Ipoh, Perak
SABAH	13-16 Mei	Hotel Seri Malaysia, Temerloh, Pahang
	4-16 Jun	Dewan SEDCO, Kota Kinabalu, Sabah



*Panel Inkuiri mendengar pernyataan saksi ketika Pendengaran Awam di Selangor  
Dari kiri: Puan Jannie Lasimbang (Anggota Suruhanjaya), Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi) dan Datuk Dr Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi)*

Selain daripada menggerakkan masyarakat, matlamat NI juga adalah untuk membentuk dan menggalakkan kesedaran awam terhadap hak tanah adat OA dan cara hidup mereka. Bagi mencapai matlamat ini, Suruhanjaya menyifatkan bahawa penglibatan media adalah amat penting dalam mempromosi ketelusan proses ini, bagi memainkan peranan untuk mendidik masyarakat dan memberi tekanan kepada pihak-pihak berkuasa yang tertentu. Dalam mendapatkan penglibatan sepenuhnya daripada media, Suruhanjaya telah memastikan butir-butir mengenai pendengaran awam disebarkan kepada media massa dan wakil-wakil mereka dijemput untuk melaporkan tentang sesi pendengaran tersebut. Suruhanjaya mendapati bahawa sesi pendengaran awam di Sabah dan Sarawak menerima liputan yang meluas dalam media arus perdana dan alternatif manakala di Semenanjung hanya mendapat liputan yang minimum di kedua-dua aliran media.

## 2. ISU-ISU UTAMA NI

Berdasarkan isu-isu yang dikenal pasti semasa proses konsultasi awam dan kenyataan yang direkodkan, Suruhanjaya telah memilih 132 daripada 892 kes untuk diteliti secara terperinci oleh ahli Panel Inkuiri semasa pendengaran awam. Kes-kes yang dipilih adalah berdasarkan kepada dokumen sokongan dan bukti yang sah.

Terdapat persamaan dalam kebanyakan isu yang dikenal pasti di kesemua tiga wilayah, dan secara umumnya boleh dikategorikan sebagai: ketiadaan pengiktirafan konsep tanah adat OA; proses pentadbiran tanah; kesan skim perladangan; kemasukan tanah OA di dalam kawasan hutan simpan dan pembalakan, dan dalam kawasan negeri dan lindungan; skim pembangunan tanah OA; dan projek pembangunan komersial.

Pada masa yang sama, NI telah mengenalpasti isu-isu yang unik kepada wilayah yang tertentu. Contohnya, kebimbangan yang dibangkitkan mengenai pengeluaran Hak Milik Komunal adalah eksklusif kepada Sabah, manakala kebimbangan terhadap Rizab Orang Asli dan tugas-tugas fidusiari Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) adalah unik kepada Semenanjung.

### (a) Kegagalan Pengiktirafan Konsep Penggunaan dan Pemilikan Tanah

Wakil-wakil OA berhujah bahawa undang-undang dan dasar-dasar telah gagal menghormati dan mengiktiraf sepenuhnya konsep penggunaan tanah dan pemilikan mereka, dan ini telah menghakis NCR mereka ke atas tanah.

*Isu asas berkaitan dengan tanah Orang Asal/ Asli terletak kepada tiadanya pengiktirafan ciri-ciri budaya dan tradisional undang-undang adat yang berkaitan dengan penggunaan dan pemilikan tanah.*

*Di Semenanjung, isu yang paling biasa dibangkitkan oleh majoriti Orang Asli adalah dakwaan terhadap kegagalan JAKOA untuk memenuhi tugas-tugas sebagai pemegang amanah kepada komuniti.*

### (b) Proses Pentadbiran

Isu-isu yang dibangkitkan terutamanya melibatkan proses dan prosedur pejabat-pejabat tanah. Isu yang paling biasa dikemukakan adalah kelewatan pejabat tanah untuk memproses permohonan tanah dari OA dan permohonan untuk pengiktirafan hak tanah dan wilayah mereka. Mereka juga mendakwa, disebabkan oleh kelewatan tersebut, permohonan berikutnya yang dibuat oleh pihak ketiga telah mengakibatkan permohonan bertindih ke atas tanah yang sama. Ada juga dakwaan bahawa pejabat tanah telah kehilangan fail-fail mereka. OA juga diarahkan untuk mengemukakan permohonan baru untuk tanah yang sama, yang menyebabkan kelewatan selanjutnya dalam proses pentadbiran.

Didapati antara isu-isu pentadbiran yang dibangkitkan adalah unik kepada wilayah tertentu. Contohnya, di Semenanjung, isu yang paling biasa dibangkitkan oleh majoriti Orang Asli adalah dakwaan terhadap kegagalan JAKOA untuk memenuhi tugas-tugas sebagai pemegang amanah kepada komuniti. Dalam beberapa kejadian, ada juga dakwaan bahawa JAKOA telah mengambil tindakan yang bertentangan terhadap kepentingan, kesejahteraan dan kemajuan Orang Asli. Di Sabah, kebimbangan adalah terhadap pengeluaran Hak Milik Komunal, yang dianggap bertentangan dengan konsep tradisional pemilikan tanah dan penggunaan; manakala di Sarawak, terdapat aduan mengenai pelaksanaan kaji selidik perimeter.



*Saksi dari Jabatan Tanah dan Survei Sarawak memberi keterangan pada pendengaran awam di Sarawak*

### **(c) Kesan Skim Perladangan**

Isu-isu utama yang berkaitan dengan pencerobohan skim perladangan ke atas tanah adat OA atau perkampungan adalah ketiadaan persetujuan bebas, awal dan dimaklumkan terlebih dahulu daripada OA. Terdapat juga dakwaan tiada pembayaran atau kekurangan dividen daripada agensi kerajaan seperti RISDA dan FELCRA.

Kategori ini juga meneliti peraturan-peraturan yang berkaitan, khususnya berhubung kajian penilaian kesan sosial dan alam sekitar; lesen sementara yang diberikan kepada syarikat-syarikat; dan tanggungjawab syarikat terhadap mana-mana bahagian kawasan berlesen yang dituntut oleh OA.

### **(d) Skim Pembangunan Tanah OA**

Kebanyakan skim ini dilaksanakan di bawah inisiatif pengurangan kemiskinan Kerajaan. Apabila suatu kawasan dikenal pasti untuk dimajukan, kawasan tersebut diserahkan kepada agensi-agensinya kerajaan atau syarikat berkaitan kerajaan - sebagai contoh, Pihak Berkuasa

Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) di Sabah dan Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah (LCDA) di Sarawak - untuk menyelia semua aspek pelaksanaan pembangunan. Walau bagaimanapun, kebanyakan OA mendakwa bahawa projek-projek pembangunan tanah telah dirancang dan dilaksanakan tanpa perundingan yang sesuai dengan mereka terlebih dahulu dan oleh sebab itu, ia gagal untuk menangani keperluan mereka.



*Seorang wakil Orang Asal membaca satu kenyataan pada pendengaran awam di Sabah*

#### **(e) Kemasukan Tanah OA dalam Kawasan Hutan Simpan dan Pembalakan**

Banyak rungutan telah dinyatakan mengenai tanah adat yang termasuk dalam hutan simpan. Kebanyakan OA berkata mereka tidak menyedari kewujudan hutan simpan sehinggalah notis melalui pos dimaklumkan oleh pihak berkuasa yang melarang mereka memasuki kawasan tersebut, atau apabila syarikat pembalakan muncul. Ia juga didakwa bahawa kejahilan pihak pengendali syarikat atau pentadbir hutan yang tidak mengambil kira penanda sempadan tradisional OA (contohnya, kubur atau kebun) telah mengakibatkan kemusnahan harta dan tapak suci komuniti.

#### **(f) Kemasukan Tanah Adat OA dalam Kawasan Perlindungan**

Inkuiri mendengar daripada pelbagai komuniti OA bahawa tanah mereka telah dimasukkan dalam Taman Negara dan Negeri, kawasan tadahan air, kawasan lindungan hidupan liar dan tapak warisan negara tanpa pengetahuan mereka. Ramai yang memberi penekanan terhadap kurangnya atau tiada perbincangan dan perundingan dengan masyarakat mengenai cadangan mewujudkan taman dan kawasan-kawasan perlindungan. Kebanyakannya terkejut apabila menerima notis pengusiran, manakala yang lain mendakwa bahawa mereka telah ditangkap apabila memasuki tanah mereka yang terletak di kawasan-kawasan yang dilindungi. Ada juga yang terpaksa membayar yuran kemasukan untuk memasuki kawasan-kawasan ini.

#### **(g) Projek Pembangunan Komersial**

Isu utama daripada projek-projek ini, seperti empangan, kuari dan skim pembangunan bandar, adalah dakwaan kurangnya perundingan serta persetujuan yang bebas, awal dan dimaklumkan. OA yang membangkitkan isu ini mendakwa bahawa, apabila pihak berkuasa

melakukan lawatan, mereka hanya diberitahu bahawa tanah mereka akan atau telah diambil untuk projek tertentu dan mereka dikehendaki mengosongkan perkampungan mereka. Mereka tidak diberi peluang untuk membuktikan bahawa mereka adalah pemilik sah tanah yang akan membolehkan mereka mendapat hak remedi yang mencukupi.

#### **(h) Pampasan ke atas Kehilangan Tanah Adat OA/Kawasan dan Tanaman**

Dakwaan turut dinyatakan bahawa pampasan tidak dibayar atau tidak mencukupi atas kehilangan tanah adat OA dan kawasan atau tanaman yang musnah setelah tanah itu diambil bagi projek dan perladangan oleh Kerajaan atau sektor swasta. Ramai juga mendakwa bahawa mereka hanya akan dibayar jumlah pampasan yang sederhana bagi tanaman mereka, manakala tiada pembayaran ditawarkan untuk kehilangan tanah.

### **3. LAPORAN NI**

Ketika laporan ini disediakan, Suruhanjaya sedang memuktamadkan Laporan NI yang dijangka diterbitkan pada awal 2013. Laporan tersebut, yang mengandungi hasil dapatan, pemerhatian dan syor-syor Suruhanjaya, akan dikemukakan kepada semua pihak yang berkepentingan, terutamanya agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, untuk pertimbangan dan tindakan. Melalui Kumpulan Aduan, Pemantauan dan Inkuiri, Suruhanjaya akan memantau pelaksanaan syor-syor yang dikemukakannya.



# LAMPIRAN

## LAMPIRAN I

# KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA 2012

NO	TARIKH	TAJUK
1.	5 Jan	Hak Untuk Berhimpun dan Keselamatan Semua Mesti Dilindungi
2.	21 Jan	Penggantungan Pelajar Universiti Menidakkan Hak Mereka
3.	31 Jan	Hak Kumpulan Terpinggir Mesti Dilindungi
4.	13 Feb	Malaysia Patut Mendukung Standard Tertinggi Dalam Mempromosi dan Melindungi Hak Asasi Manusia
5.	24 Feb	Pendengaran Awam Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asa/Asli Akan Dimulakan Di Sarawak
6.	7 Mac	Pendengaran Awam SUHAKAM Adalah Proses Bebas dan Terbuka
7.	16 April	Pemansuhan ISA Dialu-alukan, Rang Undang-Undang Baru Perlu Dikaji Semula
8.	3 Mei	Kebebasan Bersuara dan Hak Untuk Berhimpun Secara Aman Mesti Dilindungi dan Dihormati
9.	12 Mei	Panel Perlu Bebas dan Adil
10.	21 Mei	Siasatan Awam Ke Atas Kejadian Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam 28 April 2012
11.	3 Jun	Setiausaha Baru Mula Bertugas
12.	24 Jun	Malaysia Kekal Di Kedudukan Kedua Senarai Pemerhatian Laporan Pemerdagangan Orang 2012
13.	30 Jun	SUHAKAM Memulakan Siasatan Awam Berhubung Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam 28 April 2012
14.	12 Julai	Pemansuhan Akta Hasutan Dialu-alukan
15.	25 Ogos	Hak Kepada Kebebasan Bersuara dan Tanggapan Tidak Bersalah Sehingga Dibuktikan Bersalah Mesti Dilindungi dan Dihormati
16.	30 Ogos	Perlindungan dan Penjagaan Khas Mangsa Kanak-Kanak Harus Sentiasa Didokong

NO	TARIKH	TAJUK
17.	1 Okt	Tugas Pejuang Hak Asasi Manusia Mesti Dihormati Dan Diiktiraf
18.	22 Okt	Cadangan Kajian Semula Hukuman Mati Ke Atas Kesalahan Dadah Dialu-alukan
19.	24 Okt	Penubuhan Jawatankuasa Pemilih Parlimen Mengenai Hak Asasi Manusia Dialu-alukan
20.	19 Nov	Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN Bertentangan Daripada Apa Yang Dijangka
21.	5 Dis	Ambil Tindakan Segera Terhadap Pesalah Pemerdagangan Manusia



## **SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA** HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

### **HAK UNTUK BERHIMPUN DAN KESELAMATAN SEMUA MESTI DILINDUNGI**

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) mengalu-alukan usaha yang diambil oleh Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar untuk memulakan dialog antara Polis dan pengajar perhimpunan yang dirancang diadakan pada 9 Januari 2012. Suruhanjaya telah beberapa kali menyeru pihak berkuasa agar membenar dan memudahkan hak rakyat untuk melaksanakan hak mereka untuk berhimpun. Kesanggupan Polis untuk memudah dan memastikan perhimpunan yang teratur dan aman adalah dengan itu, dipuji dan disokong oleh Suruhanjaya. Cara sedemikian akan memastikan pelaksanaan hak berhimpun tanpa menjejaskan hak orang lain untuk menjalankan kehidupan dan hal ehwal seharian mereka dengan gangguan yang minimum. Dalam hal ini, sekiranya perlu, Suruhanjaya bersedia untuk menawarkan bantuan, sebagai sebuah badan yang neutral dan tidak berat sebelah, di dailog berkenaan untuk memudahkan perhimpunan yang teratur dan aman pada 9 Januari.

Suruhanjaya juga ingin mengulangi pendirian walaupun ia mengakui bahawa keamanan dan kestabilan adalah yang paling utama dan bahawa ketenteraman awam perlu dikekalkan pada setiap masa, ia juga berpendapat bahawa perhimpunan awam menyediakan peluang kepada orang ramai untuk melahirkan perasaan mereka mengenai isu-isu yang menjadi kebimbangan. Hak-hak ini diperuntukkan di bawah Perkara 10 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan dan Perkara 20 (1) Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR), dan Perkara 19 UDHR mengenai kebebasan bersuara.

Walau bagaimanapun, dalam tuntutan untuk demokrasi, Suruhanjaya menggesa semua pihak untuk melaksanakan hak-hak mereka dengan bertanggungjawab dalam memastikan bahawa keamanan dan keselamatan semua yang terlibat dilindungi dan yang penting lagi, bahawa hak-hak orang lain yang secara tidak langsung terlibat juga perlu dihormati dan dilindungi. Dalam hal ini, Suruhanjaya berharap sokongan dan komitmen berterusan Kerajaan ke arah perlindungan dan promosi hak asasi manusia.

-TAMAT-

**“HAK ASASI UNTUK SEMUA”**

**TAN SRI HASMY AGAM**

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

5 Januari 2012



## **SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA** HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

### **PENGGANTUNGAN PELAJAR UNIVERSITI MENIDAKKAN HAK MEREKA**

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) memandang berat akan keputusan sesetengah universiti baru-baru ini yang menggantung pelajar-pelajar yang telah menyuarakan pendapat dan mendakwa bahawa mereka telah memburukkan nama instituti tersebut dan mengganggu ketenteraman awam. Adalah dikesalkan bahawa tindakan yang diambil oleh beberapa universiti tersebut bukan sahaja menyekat hak asasi para pelajar malah ia juga bertentangan dengan pengumuman YAB Perdana Menteri untuk meminda seksyen 15 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) yang membenarkan pelajar universiti berumur 21 tahun dan ke atas menggunakan hak mereka berhubung kebebasan bersuara, kebebasan berhimpun dan kebebasan berpersatuan yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (the Universal Declaration of Human Rights).

Kesedaran terhadap hak ekonomi, sivil dan politik di kalangan pelajar universiti dan penglibatan mereka dalam perbincangan mengenai isu-isu berkaitan kepentingan nasional perlu dilihat secara positif bagi melengkap dan menambah pendidikan dan latihan formal yang diterima di universiti. Sebarang sekatan yang tidak munasabah ke atas penggunaan hak dan pengalaman berkenaan akan menidakkan pendidikan dan pengalaman yang amat penting dalam perkembangan mereka sebagai pemimpin masa depan negara.

Suruhanjaya mengalu-alukan rundingan awal yang diadakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi bersama Suruhanjaya, wakil-wakil pelajar dan pihak berkepentingan yang lain mengenai peruntukan yang kontroversi di dalam AUKU dan berharap agar rundingan awam serta dialog terbuka selanjutnya dapat diadakan agar ianya akan membolehkan pelajar-pelajar mencapai lebih banyak hak dan kebebasan.

- TAMAT -

**“HAK ASASI UNTUK SEMUA”**

**TAN SRI HASMY AGAM**

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

21 Januari 2012



## **SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA** HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

### **HAK KUMPULAN TERPINGGIR MESTI DILINDUNGI**

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) berpandangan tegas bahawa agensi-agensinya penguatkuasa tidak sepatutnya menyalahgunakan kuasa dan, antara lain, harus menghormati hak-kumpulan yang terpinggir terutamanya masyarakat Orang Asli dan Pribumi. Rujukan ini dibuat berhubung dengan kejadian penahanan dan penangkapan 13 Orang Asli di Gua Musang, Kelantan oleh pihak polis pada 28 Januari 2012. Jelas bahawa suku kaum Temiar telah mengadakan bantahan secara aman terhadap aktiviti-aktiviti syarikat pembalakan yang telah menceroboh ke atas tanah mereka. Malangnya lagi pihak polis telah didakwa menggunakan kekerasan dalam rombakan sekatan oleh masyarakat Orang Asli dan dalam proses tersebut telah menunjukkan sikap kurang sensitif, kurang mengambil berat dan kurang pemahaman tentang nasib rakyat yang terpinggir. Adalah juga difahamkan bahawa aktiviti pembalakan masih lagi diteruskan walaupun selepas jaminan diberikan oleh pihak berkuasa negeri untuk menyelesaikan ketidakpuasan suku kaum Temiar ini menjelang pertengahan bulan Januari, dengan itu telah mencetuskan bantahan suku kaum Temiar.

Pihak polis dilaporkan telah merombak penghalang dan membakar struktur bersebelahan yang dibina oleh suku Temiar yang telah hanya menyatakan pendirian mereka dalam perjuangan untuk menuntut kembali hak mereka kepada tanah adat. Ahli keluarga dan rakan-rakan dilaporkan telah dihalang untuk mengiringi mereka ke pusat tahanan dan mereka juga telah dinafikan perwakilan peguam sebelum dibebaskan beberapa jam kemudian. Suruhanjaya menggesa kerajaan negeri untuk bertindak segera dalam menyelesaikan nasib masyarakat Orang Asli di Kelantan dan melindungi hak mereka kepada tanah nenek moyang dan hak kepada kehidupan. Adalah juga digesa agar semua kerajaan negeri menghormati keputusan mahkamah yang telah memberi hak tanah kepada Orang Asli dan agar dapat mengadakan lebih banyak rundingan terbuka bersama masyarakat ini.

Suruhanjaya kini sedang menjalankan Inkuiri Nasioinal buat pertama kalinya mengenai hak tanah masyarakat Orang Asli/Orang Asal yang bermatlamat untuk merangka syor-syor kepada Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk mengkaji semula perundangan domestik tanah dan dasar-dasar yang menerapkan pendekatan hak asasi dan untuk merangka strategi dan pelan tindakan dengan tujuan untuk melindungi dan mempromosi hak Orang Asli/Asal kepada tanah.

-TAMAT-

**“HAK ASASI UNTUK SEMUA”**



**TAN SRI HASMY AGAM**

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

31 Januari 2012



## **SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA** HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

### **MALAYSIA PATUT MENDUKUNG STANDARD TERTINGGI DALAM MEMPROMOSI DAN MELINDUNGI HAK ASASI MANUSIA**

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) amat kecewa dengan pengusiran pulang secara terburu-buru kolumnis akhbar Arab Saudi Hamza Kashgari, yang telah ditahan di bawah Polis Malaysia pada 9 Februari, dilaporkan atas permintaan pihak berkuasa Arab Saudi. Pengusiran beliau menjadi satu kejutan walau selepas rayuan bertulis dibuat oleh Suruhanjaya kepada Menteri Dalam Negeri untuk mempertimbangkan kesnya agar selaras dengan prinsip hak asasi manusia dan khususnya prinsip bukan-refoulment di mana seseorang yang menghadapi penganiayaan di negara beliau tidak perlu dikembalikan ke negara tersebut.

Pengusiran pulang Kashgari akan mempunyai kesan negatif kepada negara kerana telah melanggar undang-undang dan instrumen hak asasi manusia antarabangsa terutama sekali yang termaktub dalam Perkara 3, 10 dan 11 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejangat, di mana menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menjamin bahawa setiap orang mempunyai hak kepada nyawa, kebebasan dan keselamatan; bahawa setiap orang adalah berhak secara sama rata kepada perbicaraan yang adil dan terbuka; dan bahawa setiap orang mempunyai hak untuk dianggap tidak bersalah sehingga terbukti bersalah mengikut undang-undang di dalam perbicaraan terbuka. Kashgari telahpun dinafikan hak-hak tersebut di mana kes beliau telah menarik tajuk-tajuk utama media antarabangsa.

Dalam hal ini, Suruhanjaya mengulangi seruannya kepada Kerajaan, sebagai ahli Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu agar menunjukkan komitmen untuk mendukung standard tertinggi dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di negara ini.

-Tamat-

**“HAK ASASI UNTUK SEMUA”**

**DATUK DR KHAW LAKE TEE**

Naib Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

13 Februari 2012



## **SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA** HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

### **PENDENGARAN AWAM INKUIRI NASIONAL MENGENAI HAK TANAH ORANG ASAL/ASLI AKAN DIMULAKAN DI SARAWAK**

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya), setelah mengkaji semula rakaman kenyataan, bukti dan dokumen yang diterima semasa konsultasi awam diadakan dari bulan Jun hingga September tahun lalu telah mengenal pasti kategori utama dakwaan pelanggaran hak ke atas tanah pribumi, termasuk pencerobohan atau pelupusan tanah pribumi, pentadbiran hal-hal tanah, pewartaan tanah pribumi ke dalam Hutan, Hidupan Liar dan Rizab Tadahan Air dan Taman, serta skim perladangan dan projek-projek pembangunan komersial yang lain, dan isu pampasan.

Peringkat seterusnya proses Inkuiri Nasional adalah Pendengaran Awam di mana saksi daripada kes-kes wakil, dan pihak berkuasa yang berkaitan, syarikat-syarikat dan pakar-pakar akan hadir di hadapan Panel Inkuiri untuk menjelaskan undang-undang, dasar dan isu-isu prosedur berkaitan. Siri pertama Pendengaran Awam akan bermula di Sarawak di mana lebih daripada 100 orang saksi dijadualkan hadir di hadapan tiga anggota Panel Inkuiri yang dipengerusikan oleh Pengerusi Suruhanjaya, Tan Sri Hasmy Agam, dan dibantu oleh Pesuruhjaya Delta Samen dan James Nayagam dan perunding bebas, Dato' Ranita Mohd Hussein dan Andrew Khoo. Pendengaran Awam, yang akan diadakan di Dewan Masyarakat Serian (27 Februari-1 Mac), Dewan Suarah Sibu (3-5 Mac), Dewan Suarah Bintulu (7-10 Mac) dan Dewan Suarah Miri (12-14 Mac), adalah terbuka kepada orang awam dan media.

Pendengaran Awam seterusnya Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli akan diadakan di Semenanjung antara bulan April - Mei, dan Sabah pada bulan Jun.

Inkuiri Nasional dijalankan susulan daripada memorandum dan aduan yang diterima oleh Suruhanjaya sejak penubuhannya, yang selaras dengan seksyen 12 (1) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 yang akan membolehkan Suruhanjaya untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asal/Asli di Malaysia dalam merealisasikan hak mereka ke atas tanah dan kesan masalah ini kepada hak masyarakat Orang Asal/Asli seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan prosedur antarabangsa. Suruhanjaya kemudian akan merangka strategi dan syor-syor kepada Kerajaan Persekutuan dan Negeri dan lain-lain pihak berkepentingan yang berkaitan untuk memastikan bahawa hak-hak tanah masyarakat Orang Asal/Asli dilindungi, dihormati dan direalisasikan.

-TAMAT-

**“HAK ASASI UNTUK SEMUA”**



**TAN SRI HASMY AGAM**

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

24 Februari 2012



## **SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA** HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

### **PENDENGARAN AWAM SUHAKAM ADALAH PROSES BEBAS DAN TERBUKA**

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia [Suruhanjaya] ambil maklum kebimbangan yang dibangkitkan oleh Sarawak Timber Association (STA) berhubung sesi Pendengaran Awam Inkuiri Nasional mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli di Malaysia sepertimana yang dilaporkan oleh Utusan Borneo pada 6 Mac 2012.

Suruhanjaya menghargai kebimbangan tersebut namun menekankan bahawa peranannya untuk menyasiat dakwaan pencabulan hak asasi manusia diperuntukkan secara jelas dalam Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597) yang menyatakan bahawa Suruhanjaya boleh atas kehendaknya sendiri atau atas suatu aduan yang dibuat kepada Suruhanjaya oleh orang atau kumpulan yang terkilan, atau seseorang yang bertindak bagi pihak orang atau sekumpulan orang yang terkilan, menyasiat dakwaan pelanggaran hak asasi manusia orang atau kumpulan berkenaan. Dengan itu, Pendengaran Awam yang dijalankan oleh Suruhanjaya adalah sebenarnya untuk menentukan kebenaran dakwaan tersebut dan memberi peluang kepada mereka yang didakwa untuk memberi maklum balas.

Dalam melaksanakan mandat tersebut, Suruhanjaya mempunyai budi bicara untuk memutuskan perjalanan inkuiri termasuk komposisi Panel dan, sekiranya Suruhanjaya berhasrat untuk adakan satu pasukan Konsultan Bebas di mana peranan mereka juga ditentukan oleh Suruhanjaya. Sejajar dengan itu, Suruhanjaya bersetuju bahawa ahli-ahli Panel terdiri daripada Pesuruhjaya manakala Konsultan Bebas pula dipilih berdasarkan kepakaran mereka dalam bidang hak tanah orang Asal/Asli.

Di samping itu, bagi memastikan peluang yang diberikan kepada semua saksi untuk menyatakan dan memberi maklumbalas dakwaan terhadap mereka, kesemua saksi telah dimaklumkan oleh Suruhanjaya akan niat untuk menjalankan Pendengaran Awam. Sedar akan kebimbangan mengenai jemputan yang lewat diterima, Suruhanjaya menekankan ianya sentiasa terbuka kepada cadangan untuk penangguhan. Sebagai contoh, Suruhanjaya bersetuju dengan permohonan STA untuk melanjutkan tarikh akhir dari 15 November kepada 31 Disember 2011 bagi menghantar penyerahan mereka berdasarkan soalan mengenai isu-isu tanah di mana Suruhanjaya telah nyatakan dalam surat kepada STA bertarikh 1 November 2011. Kesanggupan Suruhanjaya untuk mendengar permohonan tersebut telah terbukti walaupun ia tidak menerima apa-apa penyerahan dari STA selepas lanjutan tarikh akhir.

Dalam mengumpulkan semua penghujahan dan kenyataan untuk Inkuiri ini, Suruhanjaya sedar akan batasan yang dihadapi oleh orang-orang yang tertentu terutamanya orang Asal/Asli untuk memberikan keterangan dokumentari berdasarkan kepada kapasiti mereka dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk mendapatkan akses bahan-bahan tersebut. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya menegakkan hak setiap orang untuk memberikan keterangan tanpa mengira keadaan sosio-ekonomi dan latarbelakang mereka. Meskipun begitu, ringkasan kes-kes terpilih telah dilampirkan bersama surat jemputan Suruhanjaya kepada syarikat. Tambahan lagi, bagi

membolehkan pihak responden memahami dakwaan ke atas mereka, Suruhanjaya juga telah menjemput mereka untuk duduk mendengar penghujahan dakwaan oleh saksi-saksi komuniti semasa Pengengaran Awam.

Bagi memastikan Panel dapat membuat penilaian secara objektif isu-isu hak tanah yang nyata telah sekian lama dan sistemik ini, adalah penting bagi Suruhanjaya untuk mendapatkan seboleh mungkin, semua dokumen yang berkaitan dengan setiap kes yang dibawa mereka. Di samping itu juga, Suruhanjaya mempunyai kuasa untuk mendapatkan bahan-bahan sepertimana dinyatakan dalam Seksyen 14(1)(c) Akta 597 sepertimana berikut;

“14(1)(c) Suruhanjaya hendaklah, bagi maksud sesuatu siasatan di bawah Akta ini, mempunyai kuasa untuk memanggil mana-mana orang yang bermastautin di Malaysia supaya menghadiri mana-mana mesyuarat Suruhanjaya bagi memberikan keterangan atau mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain yang ada dalam miliknya, dan untuk memeriksa orang itu sebagai saksi atau menghendaknya mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain yang ada dalam miliknya.”

Pada amnya Suruhanjaya berpuashati dengan kerjasama yang diberikan oleh saksi-saksi yang telah tampil di hadapan Panel. Namun, memandangkan terdapat beberapa orang saksi yang mewakili syarikat tidak bersedia memberikan bukti dan maklumat yang diperlukan untuk Inkuiri ini, Panel dengan itu telah meneruskan soalsiasat saksi-saksi ini bagi mendapatkan dokumen dan maklumbalas yang penting untuk memastikan Panel tidak menghasilkan kesimpulan yang tidak lengkap dan berat sebelah dalam laporannya nanti.

Walau bagaimanapun, Suruhanjaya sedar akan komen dan cadangan yang dibuat oleh STA dan dengan itu akan terus melibatkan semua pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan bagi memastikan satu proses yang inklusif.

-TAMAT-

**“HAK ASASI UNTUK SEMUA”**



**TAN SRI HASMY AGAM**

Pengerusi  
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)  
7 Mac 2012



## **SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA** HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

### **PEMANSUHAN ISA DIALU-ALUKAN, RANG UNDANG-UNDANG BARU PERLU DIKAJI SEMULA**

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) mengalu-alukan pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) dan menyambut baik Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) yang telah dibentangkan di Parlimen pada 10 April 2012. Pemansuhan ISA adalah langkah positif ke arah memperbaiki keadaan hak asasi manusia negara. Di samping itu, Suruhanjaya mengambil maklum akan pindaan kepada Kanun Keseksaan, Akta Keterangan 1950 dan Kanun Tatacara Jenayah yang telah dibentangkan pada 11 April selepas bacaan kali pertama Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012.

Suruhanjaya mengalu-alukan dan menyokong usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk reformasi demokrasi dan untuk melindungi hak asasi manusia serta kebebasan, sepertimana janji beliau dalam perutusan khas Hari Malaysia pada 15 September 2011. Suruhanjaya ambil maklum keperluan polisi anti-terorisme bagi menentang keganasan dan menjaga keselamatan negara, namun Suruhanjaya tetap dengan pendiriannya bahawa peruntukan dalam Rang Undang-undang tersebut serta pindaan ke atas undang-undang lain yang berkaitan mestilah mencari keseimbangan antara keselamatan negara dan kebebasan asasi serta hak asasi manusia. Sehubungan dengan itu, Suruhanjaya memaklumi dengan rasa senang akan gesaan YAB Perdana Menteri kepada polis pada 12 April agar mengimbangkan antara tugas mereka dalam memastikan ketenteraman dan keselamatan awam dan menghormati hak individu.

Suruhanjaya ambil maklum bahawa sesetengah daripada peruntukan di dalam Rang Undang-undang ini adalah mematuhi syor-syornya yang terkandung dalam laporan *Review of the Internal Security Act 1960* yang diterbitkan pada tahun 2003. Dalam laporan tersebut, Suruhanjaya mengesyorkan agar ISA dimansuhkan dan undang-undang baru yang komprehensif digubal bagi menggantikannya bagi menangani ancaman keselamatan negara (termasuk keganasan) tetapi dengan peruntukan yang sejajar dengan prinsip-prinsip hak asasi manusia. Oleh yang demikian, Suruhanjaya menyambut baik Rang Undang-undang baru ini yang hanya membenarkan polis untuk menahan saspek hingga tempoh 29 hari bagi maksud penyiasatan, di mana selepas tempoh tersebut saspek akan dibebaskan atau didakwa mengikut kesalahan keselamatan yang ditetapkan. Suruhanjaya mengalu-alukan fasal untuk semakan semula peruntukan mengenai tempoh tahanan pada tiap-tiap lima tahun dan ianya hendaklah terhenti berkuatkuasa melainkan jika dilanjutkan.

Walau bagaimanapun, Suruhanjaya berharap perkara-perkara berikut dapat diselesaikan:

- i. Kuasa penangkapan dan penahanan di bawah Fasal 4 Rang Undang-undang tersebut tidak menyediakan pemerhatian kehakiman dalam melanjutkan tempoh tahanan sehingga 28 hari.

- ii. Walaupun Fasal 5 Rang Undang-undang tersebut membenarkan pemberitahuan kepada waris kadim apabila seseorang itu ditangkap dan ditahan, polis mempunyai kuasa menafikan tahanan tersebut untuk mendapatkan segera khidmat peguam untuk tempoh sehingga 48 jam.
- iii. Peruntukan yang membenarkan kuasa memintas komunikasi di bawah Fasal 4(6) Rang Undang-undang tersebut boleh mencabul kebebasan peribadi dan hak kepada privasi. Kuasa ini sepatutnya dilaksanakan melalui arahan mahkamah.

Walau apapun komen di atas, Suruhanjaya memandang ke hadapan kepada penglibatan lanjut dan secara berterusan dengan agensi-agensi Kerajaan, khususnya Jabatan Peguam Negara dan pihak berkepentingan lain untuk memastikan undang-undang lapuk dan tidak relevan dimansuhkan dan diganti dengan undang-undang yang konsisten dengan prinsip hak asasi manusia sejagat, seterusnya mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di negara ini. Dalam melaksanakan fungsinya sebagai sebuah institusi hak asasi manusia nasional, Suruhanjaya akan terus memantau pelaksanaan undang-undang baru serta undang-undang relevan yang dipinda bagi memastikan bahawa mereka mematuhi prinsip-prinsip dan norma hak asasi manusia antarabangsa khususnya Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 (UDHR).

-TAMAT-

**“HAK ASASI UNTUK SEMUA”**



**TAN SRI HASMY AGAM**

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

16 April 2012



## **SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA** HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

### **KEBEBASAN BERSUARA DAN HAK UNTUK BERHIMPUN SECARA AMAN MESTI DILINDUNGI DAN DIHORMATI**

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) amat kecewa dan bimbang dengan pelbagai insiden yang dilaporkan berlaku semasa perhimpunan awam pada 28 April 2012, termasuk laporan pasukan pemantaunya, khususnya dakwaan pengendalian yang terlalu kasar dan secara sembarangan oleh pihak polis dalam menyuraikan orang ramai. Suruhanjaya juga terkejut dengan dakwaan layanan polis terhadap petugas media yang mempunyai tanggungjawab untuk merekod, mendokumen dan melaporkan peristiwa yang menarik minat orang ramai secara professional dan beretika; sesetengah daripada mereka dikasari sementara dua wartawan dilaporkan ditahan, di samping peralatan mereka dimusnah dan dirampas oleh pihak penguatkuasa. Suruhanjaya juga mengambil maklum dengan penuh kebimbangan keadaan di mana kelakuan dan tingkah laku peserta perhimpunan yang tidak dapat dikawal dan menjadi huru hara. Namun begitu, penggunaan kekasaran yang tak seimbang dan tidak sepatutnya terhadap peserta perhimpunan dan juga petugas media adalah satu tindakan pihak polis yang tidak boleh diterima sama sekali di mana mereka mempunyai tanggungjawab untuk mengekalkan undang-undang dan ketenteraman serta keselamatan awam secara professional lebih-lebih lagi sekiranya diperlukan untuk mengendali dan memudahkan perhimpunan awam.

Suruhanjaya, dalam Laporan Tahunan serta laporan Siasatan Awam berkenaan penggunaan kekerasan yang melampau oleh pihak polis semasa perhimpunan awam, telah berulang kali menyeru pihak berkuasa, agar menggunakan cara yang bersesuaian dan tanpa keganasan sekiranya mereka mendapati ianya perlu untuk mengawal atau menyuraikan orang ramai semasa perhimpunan. Tambahan pula, Prinsip Asas Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Penggunaan Kekerasan dan Senjata Api oleh Pegawai Penguatkuasaan Undang-undang juga menyediakan bahawa pegawai penguatkuasa undang-undang haruslah, seboleh mungkin, menggunakan cara yang tanpa kekerasan sebelum mengambil keputusan untuk menggunakan kekerasan.

Walaupun Suruhanjaya telah beberapa kesempatan menawarkan diri sebagai mediator antara polis dan penganjur perhimpunan agar satu persetujuan secara konsensus antara dua pihak sebelum perhimpunan dapat dicapai, namun, tawaran tersebut telah ditolak. Suruhanjaya juga telah beberapa kali menyeru pihak berkuasa untuk membenarkan dan memudahkan orang ramai untuk berhimpun secara aman. Ia juga telah menggesa agar polis memudahkan orang ramai untuk melaksanakan hak mereka untuk berhimpun secara aman dan mengeluarkan pandangan tanpa membahayakan hak orang lain untuk menjalankan kehidupan dan hal ehwal harian dengan gangguan minima. Peserta di perhimpunan yang seumpama di beberapa tempat lain seperti Georgetown, Kuantan, Johor Bahru, Ipoh, Kuching dan Kota Kinabalu telah dibenarkan untuk berhimpun dan bersurai secara aman, teratur dan bertanggungjawab tanpa sebarang insiden yang tidak diingini berlaku merupakan satu testimoni kepada kebolehlaksanaan langkah-langkah tersebut.

Suruhanjaya ingin mengulangi pendiriannya bahawa ia mengakui keamanan dan kestabilan adalah yang paling utama dan bahawa ketenteraman awam perlu dikekalkan pada setiap

masa, namun ianya juga berpendapat bahawa perhimpunan awam menyediakan ruang untuk orang ramai melahirkan perasaan mereka mengenai isu yang menjadi kebimbangan. Hak-hak tersebut adalah terkandung dalam Perkara 10(1)(b) Perlembagaan Persekutuan dan Perkara 20(1) Perisytiharan hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) serta Akta Perhimpunan Aman 2011 dan juga Perkara 19 UDHR mengenai kebebasan mengeluarkan pendapat.

Walau bagaimanapun, dalam usaha ke arah demokrasi yang berfungsi sepenuhnya, Suruhanjaya telah berulang kali menggesa semua pihak untuk melaksanakan hak mereka secara bertanggungjawab dalam memastikan keamanan dan keselamatan semua yang terlibat dilindungi dan yang lebih penting hak orang lain yang terlibat secara tidak langsung juga mesti dihormati dan dilindungi.

Buat ketika ini, Suruhanjaya menyeru orang ramai, pihak media serta pihak berkuasa yang berkaitan yang telah menyaksikan sebarang pelakuan atau insiden mengenai dakwaan pelanggaran hak asasi manusia semasa perhimpunan 28 April 2012 untuk mengemukakan maklumat, dokumen lain dan bukti yang berkaitan kepada Suruhanjaya untuk siasatan. Sementara itu, Suruhanjaya akan membincangkan perkara ini, menganalisa bukti yang terkumpul dan mengkaji laporan pemantuan perhimpunan tersebut secara terperinci dalam mesyuaratnya yang akan datang bagi mempertimbangkan tindakan selanjutnya.

Untuk sebarang pertanyaan serta pengemukakan maklumat dan dokumen, sila hubungi:

Kumpulan Aduan, Inkuiri dan Pemantauan  
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)  
Tingkat 11, Menara TH Perdana  
Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2612 5600; Faks: 03-2612 5694/5620  
Emel: [complaints@suhakam.org.my](mailto:complaints@suhakam.org.my)/[humanrights@suhakam.org.my](mailto:humanrights@suhakam.org.my)

-TAMAT-

**“HAK ASASI UNTUK SEMUA”**



**TAN SRI HASMY AGAM**

Pengerusi  
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)  
3 Mei 2012



## **SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA** HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

### **PANEL PERLU BEBAS DAN ADIL**

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) mengambil maklum akan penubuhan Panel Bebas oleh Kerajaan bagi menyiasat pelbagai dakwaan penggunaan kekerasan yang keterlaluan oleh pihak polis dalam menyuraikan peserta perhimpunan awam yang telah diadakan pada 28 April 2012, dianjurkan untuk menuntut reformasi dalam sistem pilihan raya. Suruhanjaya juga mengambil perhatian akan seruan beberapa kumpulan hak asasi manusia dan profesional, serta ahli masyarakat sivil lain supaya Suruhanjaya menjalankan siasatannya sendiri.

Suruhanjaya benar-benar menyedari akan mandatnya untuk menyiasat dakwaan pencabulan hak asasi manusia dan sedang meneliti aduan-aduan yang telah diterima daripada orang awam mengenai peristiwa tersebut sebelum membuat keputusan mengenai tindakan selanjutnya yang bersesuaian, sungguhpun pada masa kejadian tersebut Suruhanjaya sedang dalam proses menyelesaikan dan mengumumkan laporan siasatan yang baru saja disiapkan ke atas dakwaan pelanggaran hak asasi manusia termasuk penggunaan kekerasan yang melampau sebelum dan semasa perhimpunan pada 9 Julai 2011. Laporan berkenaan kemudiannya telah dikeluarkan pada 4 Mei 2012, di mana Suruhanjaya amat berharap, akan dipertimbangkan dengan serius oleh semua pihak yang berkenaan, terutama sekali pihak berkuasa.

Adalah sangat penting bahawa sebarang siasatan ke atas kejadian pada perhimpunan awam 28 April 2012 akan dijalankan segera, tetapi juga dengan berhati-hati untuk memastikan proses dan hasil siasatan tersebut sekaligus dapat betul-betul menyelesaikan perkara ini, dan akan memulihkan keyakinan orang ramai terhadap pihak berkuasa. Ini merupakan ciri penting demokrasi yang berfungsi sepenuhnya seperti yang rakyat cita-citakan dan Kerajaan komited untuk mencapainya. Dalam hal ini, Suruhanjaya menanti penetapan terma-terma rujukan Panel dengan harapan dan jangkaan agar mereka adalah selaras dengan keperluan sebuah siasatan yang akan menjalankan tugasnya dengan cara yang bebas, tidak berat sebelah, telus, dan dengan berintegriti dan tanpa gentar atau pilih kasih, sepertimana yang diharapkan oleh orang ramai.

Suruhanjaya tetap akan memberi pertimbangan akan perkara ini dan akan terus mengkaji aduan dan pengemukaan daripada pelbagai kumpulan, dan juga laporan media, berkaitan dengan pelbagai insiden yang berlaku pada hari tersebut.

-TAMAT-

**“HAK ASASI UNTUK SEMUA”**

**TAN SRI HASMY AGAM**

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

12 Mei 2012



## **SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA** HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

---

### **SIASATAN AWAM KE ATAS KEJADIAN SEMASA DAN SELEPAS PERHIMPUNAN AWAM 28 APRIL 2012**

Susulan kepada Kenyataan yang telah dikeluarkan pada 2 Mei 2012 mengenai dakwaan penggunaan kekerasan yang tidak sepatutnya oleh pihak polis semasa perhimpunan awam 28 April 2012, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) telah memutuskan untuk menjalankan Siasatan Awam ke atas dakwaan tersebut di atas setelah membuat pertimbangan yang serius. Keputusan ini mengambil kira pemantauan Suruhanjaya semasa kejadian pada 28 April 2012 dan beberapa faktor lain yang berkaitan, termasuk penyerahan aduan, laporan dan memorandum daripada orang awam, kumpulan hak asasi manusia dan profesional, serta ahli-ahli masyarakat sivil yang lain kepada Suruhanjaya berhubung dengan perkara itu, yang mana semua telah menggesa agar satu siasatan bebas dijalankan ke atas kejadian tersebut.

Suruhanjaya ingin, tetapi tidak lagi boleh menunggu, pemakluman terma rujukan Panel Bebas yang ditubuhkan oleh Kerajaan kerana masih belum dimuktamadkan. Walau apapun siasatan yang akan dijalankan oleh Panel tersebut, adalah menjadi tanggungjawab Suruhanjaya untuk menjalankan Siasatan Awam sepertimana mandat yang terkandung dalam Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597).

Panel siasatan akan dipengerusikan oleh Naib Pengerusi Suruhanjaya Datuk Dr Khaw Lake Tee dibantu oleh Pesuruhjaya Profesor Datuk Dr Mahmood Zuhdi b Haji Abdul Majid dan Pesuruhjaya Encik Detta Samen.

#### **Terma Rujukan Siasatan Awam**

Terma rujukan untuk Siasatan Awam ini adalah:

1. Untuk menentukan sama ada terdapat apa-apa pelanggaran hak asasi manusia terhadap mana- mana individu atau pihak semasa dan selepas perhimpunan pada 28 April 2012;
2. Jika pelanggaran hak asasi manusia telah berlaku, untuk menentukan:
  - i. Bagaimana pelanggaran itu terjadi;
  - ii. Apakah arahan pentadbiran dan prosedur, atau aturan yang menyebabkan pelanggaran tersebut; dan
  - iii. Individu atau agensi yang bertanggungjawab untuk pelanggaran tersebut.
3. Untuk mengesyorkan langkah-langkah untuk diambil bagi memastikan pelanggaran tersebut tidak akan berulang.

## **Panggilan Penyerahan Awam**

Suruhanjaya dengan ini memanggil penyerahan awam mengenai bukti dan maklumat berikutan dakwaan antara lain, penggunaan kekerasan yang tidak sepatutnya oleh pihak berkuasa semasa dan selepas perhimpunan pada 28 April 2012. Orang awam yang telah menyaksikan sebarang perbuatan atau insiden mengenai dakwaan pelanggaran hak asasi manusia, atau mereka yang boleh memberi maklumat yang berkaitan dan/atau dokumen serta bukti-bukti termasuk rakaman video/gambar mengenai dakwaan-dakwaan ini diminta menghubungi Suruhanjaya dengan segera.

## **Tarikh akhir Penyerahan Awam**

Tarikh akhir penyerahan awam adalah pada hari **Isnin, 4 Jun 2012 pada pukul 12 tengah hari.**

Untuk sebarang pertanyaan serta pengemukaan maklumat dan dokumen, sila hubungi:

Kumpulan Aduan, Inkuiri dan Pemantauan

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) Tingkat 11, Menara TH Perdana

Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur

Tel: 03-2612 5600; Faks: 03-2612 5694/5620

Emel: [complaints@suhakam.org.my](mailto:complaints@suhakam.org.my) / [humanrights@suhakam.org.my](mailto:humanrights@suhakam.org.my)

-TAMAT-

## **“HAK ASASI UNTUK SEMUA”**



**TAN SRI HASMY AGAM**

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

21 Mei 2012



## **SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA** HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

---

### **SETIAUSAHA BARU MULA BERTUGAS**

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) dengan ini mengumumkan bahawa ia telah melantik secara terus seorang Setiausaha baru, justeru menamatkan amalan sebelum ini yang telah dipinjamkan dari pegawai kanan PTD. Puan Rodziah Abdul yang mengambil alih jawatan tersebut berkuatkuasa 1 Jun 2012 telah dilantik untuk tempoh lima tahun yang membawa bersamanya pengalaman yang luas dalam kedua-dua sektor korporat dan awam, telah berkhidmat sebelum ini, antara lain di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR) dan Suruhanjaya Sekuriti.

Suruhanjaya berterima kasih kepada Encik Kamaruddin Mohamed Baria (sekarang Datuk), Tuan Haji Ahmad Yusof Ngah dan Puan Hashimah Nik Jaafar, atas tugas yang telah mereka lakukan dalam membantu anggota dan kakitangan Suruhanjaya dalam melindungi dan mempromosi hak asasi manusia sepertimana yang dimandatkan di bawah Akta. Suruhanjaya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan kerana telah meminjamkan tiga pegawai berkenaan sejak ia ditubuhkan pada tahun 2000.

-TAMAT-

**“HAK ASASI UNTUK SEMUA”**

**TAN SRI HASMY AGAM**

Pengerusi  
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)  
3 Jun 2012



## **SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA** HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

---

### **MALAYSIA KEKAL DI KEDUDUKAN KEDUA DALAM SENARAI PEMERHATIAN LAPORAN PEMERDAGANGAN ORANG 2012**

Bagi tahun ketiga berturut-turut, Malaysia berada di kedudukan kedua di Senarai Pemerhatian Laporan Perdagangan Orang 2012 (TIP) yang dikeluarkan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat berdasarkan kepada pematuhan negara-negara ke atas Akta Perlindungan Mangsa Perdagangan 2000 (TVPA). Malaysia yang terus menjadi destinasi popular di kalangan pekerja asing atas sebab ekonomi atau sebagai negara transit, menjadikan kumpulan ini terdedah menjadi mangsa perdagangan seks dan buruh. Walaupun isu perdagangan orang (TIP) adalah satu isu yang kompleks yang melibatkan ramai pihak, orang perantara dan modus operandi yang agak rumit, namun demikian, adalah penting agar kes perdagangan orang dapat ditangani dengan segera.

Usaha negara dalam mengembangkan sifat menghormati hak asasi manusia dalam anti- perdagangan orang tidak menunjukkan sebarang tanda yang signifikan. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) mengakui kerumitan masalah perdagangan orang dan penyeludupan migran seperti yang dinyatakan dalam Laporan Tahunan SUHAKAM 2011 yang menyuarakan kebimbangan ke atas pindaan Akta Anti-Perdagangan Orang (ATIP) pada tahun 2010 yang menggabungkan elemen penyeludupan manusia boleh menyulitkan lagi keadaan terutamanya jika terdapat kemungkinan bahawa mangsa yang diperdagangkan boleh dianggap sebagai pendatang migran yang diseludup dan seterusnya dihantar pulang; sebaliknya mangsa yang diperdagangkan hendaklah diletakkan di pusat perlindungan.

Sehubungan dengan itu, Suruhanjaya berharap agar pihak berkuasa melihat secara konstruktif Laporan Perdagangan Orang (TIP) 2012 yang dikeluarkan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat dan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memperbaiki keadaan ini, contohnya peningkatan bina upaya dan memberikan kuasa kepada pegawai penguatkuasa di bahagian hadapan untuk mengambil langkah-langkah yang perlu dalam mengenal pasti dan melindungi mangsa. Di samping itu, kempen kesedaran perlu dipertingkatkan dalam menggalakkan orang ramai tampil sebagai pemberi maklumat dan melaporkan aktiviti TIP yang disyaki. Usaha yang berpanjangan juga perlu dibuat dalam mendidik pekerja migran, sebaiknya dalam bahasa mereka sendiri, mengenai hak mereka dalam mendapatkan bantuan perundangan dan mencari jalan penyelesaian ke atas pemerdagang orang atau majikan yang gagal memenuhi kewajipan perundangan mereka.

Suruhanjaya juga berpendapat bahawa Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Majlis) hendaklah lebih telus dan terbuka dalam menyediakan maklumat berkaitan operasi dan pelaksanaannya. Untuk mencapai matlamat ini, Suruhanjaya mencadangkan agar Majlis memasukkan di dalam laporan suku tahunannya mengenai aktiviti- aktiviti yang dijalankan dan perkembangan yang dibuat dalam mencapai matlamat pelan strategik kebangsaan untuk memerangi TIP.

Usaha membina lebih banyak pusat perlindungan bagi mangsa penyeludupan orang amatlah dipuji. Walaubagaimanapun, kemudahan yang disediakan hendaklah ditambahbaik dengan akses perkhidmatan kesihatan fizikal dan mental, dan piawaian atau garis panduan serta peraturan dan prosedur yang digunapakai oleh pusat perlindungan tidak melanggar hak asasi mangsa. Peruntukan bantuan guaman dan kaunseling yang berkesan serta penjagaan ke atas mangsa-mangsa TIP bagi memastikan mereka tidak diancam atau dihukum atas jenayah yang dilakukan akibat diperdagangkan hendaklah diteliti secara serius.

Suruhanjaya secara konsisten telah mengesyorkan kepada Kerajaan untuk mengambil langkah-langkah dalam mengenal pasti dan menangkap pesalah atau pemerdagang, dan mengambil tindakan keras ke atas kakitangan awam yang membantu atau bersubahat di dalam aktiviti TIP. Oleh itu, Suruhanjaya melihat secara serius berhubung dakwaan bahawa pesalah yang didakwa tidak ditangkap dan didakwa mengikut cara yang betul, seperti dalam dua kes yang melibatkan eksploitasi seks atau pelacuran dan buruh paksa, pesalah telah didakwa di bawah Akta ATIP dan disabitkan kesalahan dengan hukuman lapan tahun penjara; sebaliknya, lapan orang pegawai imigresen yang ditahan pada tahun 2010 di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dibebaskan dalam masa kurang daripada setahun selepas ditahan tanpa bicara; dan penghantaran pulang 11 warga China etnik Uighur berikutan tuduhan mereka terlibat dalam TIP. Ini tidak memberi keyakinan di atas keazaman negara untuk memerangi ancaman tersebut dan memastikan bahawa hak mangsa TIP dan mangsa penyeludupan migran dilindungi. Perlu ditekankan bahawa pemerdagang orang dan bukannya mangsa yang merupakan penjenayah.

Suruhanjaya mengesyorkan bahawa orang-orang yang dikenal pasti sebagai mangsa yang diperdagangkan tidak harus ditindas dengan tempoh tahanan yang berpanjangan seperti kes pekerja Bangladesh yang telah berada di tempat perlindungan selama hampir dua tahun. Mangsa TIP harus diberi akses kepada bantuan guaman, penjagaan kesihatan dan pampasan yang munasabah harus diberikan.

Suruhanjaya seterusnya mengesyorkan kepada Kerajaan, khususnya Majlis di bawah Pengerusi baharu, untuk terlibat secara aktif dan bekerjasama dengan NGO dan kumpulan masyarakat sivil dalam memelihara dan melindungi mangsa, dan Kerajaan menyediakan dana kepada kumpulan tersebut bagi program dan projek-projek dalam membantu mangsa TIP. Di samping itu, perlunya hubungan kerjasama yang erat di antara Kerajaan dan kumpulan-kumpulan tersebut, perwakilan diplomatik asing dan pihak-pihak yang berkepentingan sama ada dari pihak antarabangsa mahupun serantau dalam usaha berterusan memerangi TIP. Suruhanjaya amat berharap agar mangsa TIP dan penyeludupan pekerja migran dilindungi oleh semua peringkat selaras dengan piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh Protokol PBB untuk Mencegah, Menyekat dan Menghukum Pemerdagangan Orang Terutamanya Wanita dan Kanak-kanak.

- TAMAT -

**“HAK ASASI UNTUK SEMUA”**



**TAN SRI HASMY AGAM**

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

24 Jun 2012



## **SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA** HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

### **SUHAKAM MEMULAKAN SIASATAN AWAM BERHUBUNG INSIDEN SEMASA DAN SELEPAS PERHIMPUNAN AWAM 28 APRIL 2012**

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai perkembangan terkini Siasatan Awam yang dicadangkan dalam insiden semasa dan selepas perhimpunan awam 28 April 2012. Suruhanjaya telah memutuskan bahawa Siasatan Awam tersebut diadakan bermula pada 5 Julai 2012.

Sehingga 21 Jun 2012, Suruhanjaya telah selesai menjalankan semakan ke atas penghujahan awam yang telah diterima daripada orang ramai dalam bentuk dokumen, kenyataan dan rakaman video dan telah mengenal pasti saksi-saksi. Suruhanjaya sedang menunggu maklumbalas dari pihak Polis atas permohonannya, dan peringatan seterusnya telah dikemukakan berhubung tujuan untuk menemubual Personel Polis yang bertugas semasa perhimpunan awam 28 April.

Keputusan Suruhanjaya untuk menjalankan Siasatan Awam terhadap dakwaan penggunaan kekerasan oleh pihak berkuasa semasa dan selepas perhimpunan awam 28 April 2012 setelah mengambil kira pemantauan Suruhanjaya dan beberapa faktor lain yang berkaitan, termasuk penyerahan aduan, laporan dan memorandum daripada orang awam, kumpulan hak asasi manusia dan profesional serta kumpulan masyarakat sivil yang lain kepada Suruhanjaya berhubung perkara tersebut yang menggesa agar satu siasatan bebas dijalankan ke atas kejadian tersebut.


Panel Siasatan akan dipengerusikan oleh Naib Pengerusi Suruhanjaya, Datuk Dr Khaw Lake Tee dan dibantu oleh Pesuruhjaya Profesor Datuk Dr Mahmood Zuhdi b Abdul Majid dan Encik Detta Samen.

Terma rujukan untuk Siasatan Awam ini adalah:

1. Untuk menentukan sama ada terdapat apa-apa pelanggaran hak asasi manusia terhadap mana-mana individu atau pihak semasa dan selepas perhimpunan pada 28 April 2012;
2. Jika pelanggaran hak asasi manusia telah berlaku, untuk menentukan:
  - i. Bagaimana pelanggaran itu terjadi;
  - ii. Apakah arahan pentadbiran dan prosedur, atau aturan yang menyebabkan pelanggaran tersebut; dan
  - iii. Individu atau agensi yang bertanggungjawab untuk pelanggaran tersebut.
3. Untuk mengesyorkan langkah-langkah untuk diambil bagi memastikan pelanggaran tersebut tidak akan berulang.

-TAMAT-

**“HAK ASASI UNTUK SEMUA”**

  
**RODZIAH ABDUL**  
Setiawan  
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)  
30 Jun 2012



## **SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA** HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

### **PEMANSUHAN AKTA HASUTAN DIALU-ALUKAN**

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) mengalu-alukan pengumuman cadangan pemansuhan Akta Hasutan 1948, yang merupakan salah satu daripada undang-undang yang telah digesa oleh Suruhanjaya untuk dimansuhkan. Ia berharap agar langkah baik ini akan membolehkan hak asas kepada kebebasan bersuara sepertimana yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan dan yang termaktub dalam Perkara 19 Deklarasi Sejangat Hak Asasi Manusia 1948 (UDHR) lebih dinikmati.

Suruhanjaya menghargai dan menyokong usaha-usaha untuk reformasi demokrasi serta perlindungan hak asasi manusia dan kebebasan di negara ini, seperti yang dijanjikan oleh YAB Perdana Menteri dalam perutusan khas Hari Malaysia pada 15 September 2011. Kerajaan juga telahpun memansuhkan semua undang-undang Darurat, termasuk Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Akta Buang Negeri 1959 dan Akta Kediaman Terhad 1933, dan meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Polis 1967 dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, serta menggubal Akta Perhimpunan Aman 2012 dan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012. Walau bagaimanapun, usaha pembaharuan undang-undang telah menimbulkan kebimbangan daripada pelbagai peringkat masyarakat apabila penggubalan undang-undang tersebut dilakukan secara drastik dan tidak banyak melibatkan rundingan. Walaupun Suruhanjaya mengalu-alukan cadangan undang-undang yang menggantikannya, Akta Keharmonian Negara, dan ambil maklum akan tujuannya untuk mewujudkan keseimbangan antara jaminan dalam kebebasan bersuara untuk setiap warga negara dan menangani kompleksiti yang wujud dalam masyarakat majmuk di negara ini, ia berharap bahawa Akta baru ini akan digubal secara telus melalui perundingan dengan semua pihak yang berkepentingan untuk memastikan supaya ia selaras dengan prinsip-prinsip asas hak asasi manusia.

Sehubungan dengan itu, Suruhanjaya berharap untuk melibatkan diri dengan Jabatan Peguam Negara dan pihak-pihak berkepentingan yang lain termasuk kumpulan masyarakat sivil dalam penggubalan undang-undang baru ini bagi menangani kebimbangan yang khusus serta memastikan bahawa peruntukan-peruntukan yang disediakan di bawahnya adalah selaras dengan prinsip hak asasi manusia sejagat, sekaligus mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di negara ini. Menurut sebahagian daripada fungsinya sebagai institusi hak asasi manusia nasional, Suruhanjaya akan terus memantau pelaksanaan undang-undang baru ini dan juga undang-undang baru yang lain bagi memastikan mereka mematuhi prinsip-prinsip dan norma hak asasi manusia antarabangsa, khususnya Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejangat 1948 (UDHR).

-TAMAT -

**“HAK ASASI UNTUK SEMUA”**

**TAN SRI HASMY AGAM**

Pengerusi  
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)  
12 Julai 2012



## **SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA** HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

### **HAK KEPADA KEBEBASAN BERSUARA DAN TANGGAPAN TIDAK BERSALAH SEHINGGA DIBUKTIKAN BERSALAH MESTI DILINDUNGI DAN DIHORMATI**

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula, meminda ataupun memansuhkan seksyen yang berkontroversi, Seksyen 114A Akta Keterangan (Pindaan) [No 2] 2012 kerana ianya melanggar prinsip hak asasi manusia kepada kebebasan bersuara seperti yang termaktub dalam Perkara 19 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) dan Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR). Peruntukan yang baru diperkenalkan ini telah berkuat kuasa pada 31 Julai 2012, juga melanggar prinsip asas undang-undang bahawa seseorang itu dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 11(1) UDHR.

Walaupun tanggapan fakta di bawah Seksyen 114A ini boleh dipatahkan, seseorang yang dianggap bersalah mungkin tidak mempunyai masa, sumber, dan khususnya, kepakaran teknikal berhubung dengan persekitaran internet, untuk membuktikan sebaliknya bagi mematah tanggapan tersebut. Berbeza pula dalam kes-kes jenayah, pihak pendakwaan boleh lebih bersedia untuk membuktikan kesalahan tertuduh, kerana mereka diberi kuasa untuk memaksa mana-mana saksi berpotensi (seperti pentadbir, pembekal khidmat rangkaian dan pembekal internet) untuk mengemukakan keterangan, dan mempunyai kepakaran teknikal dan sumber untuk membantu siasatan/pendakwaan. Oleh itu, walaupun boleh dikatakan bahawa Seksyen 114A tidak mengubah keseluruhan beban bukti, sepertimana dalam kes-kes jenayah ianya terletak pada pendakwaan dan dalam tindakan sivil, terletak pada plaintif, dari segi praktikal, ia mungkin mempunyai kesan dalam mengubah beban tersebut kepada yang tertuduh ataupun defendan, mengikut mana yang berkenaan, sekali gus melanggar prinsip asas undang-undang.

Sama pentingnya juga Seksyen 114A mungkin mempunyai potensi dan kesan negatif yang menghalang daripada bersuara, menyebar dan berkongsi idea, berita dan maklumat, yang mana menjadi tanda pasti persekitaran Internet, sekali gus menghad dan mempengaruhi kebebasan bersuara – satu ciri penting demokrasi yang berfungsi sepenuhnya. Ianya harus juga ditekankan bahawa hak bersuara tidak sepatutnya dihadkan oleh kaedah atau cara tidak langsung, seperti penyalahgunaan kawalan kerajaan atau swasta ke atas akhbar bercetak, frekuensi penyiaran radio, atau peralatan yang digunakan dalam penyebaran maklumat, atau dengan apa-apa cara lain yang cenderung untuk menghalang komunikasi dan peredaran idea dan pendapat.

Walaupun diperakui keperluan untuk menangani jenayah siber dan untuk mengesahkan tentangan terhadap ancaman keselamatan negara, namun sebarang kuasa atau langkah-langkah menghadkan hak mestilah mengikut norma-norma hak asasi manusia, menurut syarat-syarat ketat tertentu seperti berikut:

- i. Bahawa penghadan hak individu mesti dikenakan semata-mata bagi maksud melindungi matlamat yang sah (iaitu keselamatan negara, hak atau reputasi orang lain, kesihatan awam atau moral) yang ditetapkan oleh prinsip-prinsip hak asasi manusia antarabangsa;
- ii. Bahawa penghadan hak mestilah benar-benar perlu bagi melindungi matlamat yang sah;
- iii. Bahawa penghadan hak mestilah berkadar dengan perlindungan matlamat yang sah. Bagaimanapun, harus diingatkan bahawa terdapat beberapa hak dan kebebasan yang tidak boleh terhad termasuk kebebasan dari penyeksaan atau lain-lain tindakan yang kejam, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah atau hukuman;
- iv. Bahawa mesti ada perlindungan yang mencukupi supaya dapat mengelakkan sebarang penyalahgunaan kuasa.

Syarat-syarat ini adalah penting bagi membantu untuk mencari keseimbangan secara adil antara kepentingan awam – kebimbangan terhadap keselamatan negara, dan kebebasan asas seseorang individu.

Suruhanjaya ingin mengulangi pendirian bahawa walaupun ia mengakui akan pentingnya keselamatan negara untuk memastikan keamanan dan kestabilan, ia juga berpendapat bahawa Seksyen 114A Akta Keterangan mesti dikaji semula ataupun dimansuhkan demi melindungi dan menghormati kebebasan asas dan hak asasi manusia untuk bersuara dan tanggapan tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah. Suruhanjaya berharap untuk terlibat dengan Jabatan Peguam Negara dan pihak berkepentingan yang lain dalam mengkaji semula Akta serta dalam penggubalan mana-mana undang-undang baru untuk memastikan bahawa peruntukan yang disediakan oleh mereka adalah selaras dengan prinsip-prinsip hak asasi manusia yang diterima secara universal.

-TAMAT-

**“HAK ASASI UNTUK SEMUA”**



**TAN SRI HASMY AGAM**

Pengerusi  
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)  
25 Ogos 2012



## **SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA** HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

### **PERLINDUNGAN DAN PENJAGAAN KHAS MANGSA KANAK-KANAK HARUS SENTIASA DIDOKONG**

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) berpandangan dengan rasa agak bimbang terhadap hukuman yang telah dijatuhkan baru-baru ini pada dua pesalah yang didapati merogol gadis bawah umur. Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa terdapat hukuman yang seumpama ini pada masa lalu dalam kes-kes rogol gadis bawah umur yang dilakukan oleh pesalah muda untuk pertama kali, namun Suruhanjaya terkejut bahawa persetujuan mangsa kanak-kanak menjadi salah satu faktor untuk meringankan hukuman dalam kedua-dua kes berkenaan. Undang-undang keseksaan mengiktiraf bahawa kanak-kanak mungkin kurang tahap kematangan yang diperlukan untuk memberi keizinan sebenar atau mungkin terlalu dipengaruhi untuk memberikan kebenaran, sepertimana yang ditekankan oleh larangan undang-undang terhadap hubungan seksual dengan kanak-kanak perempuan di bawah umur 16 tahun, tanpa mengambil kira keizinan diperolehi daripadanya.

Kelemahan kanak-kanak juga diiktiraf oleh Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC) yang menyatakan, antara lain, bahawa kanak-kanak atas sebab ketidakmatangan fizikal dan mental memerlukan perlindungan dan penjagaan khas, termasuk perlindungan undang-undang yang sesuai. Berdasarkan hukuman berkenaan, adalah diragui sama ada hak, perlindungan dan kepentingan yang terbaik, apatah lagi masa depan kanak-kanak bawah umur telah dan akan terus dipertahankan dan dilindungi dalam kes-kes yang melibatkan rogol bawah umur. Adalah juga menjadi kebimbangan bahawa hukuman ringan yang dijatuhkan ini mungkin menghantar mesej yang tidak betul kepada bakal pesalah, seterusnya ianya tidak akan menjadi satu langkah pencegahan yang berkesan untuk kes rogol bawah umur.

Suruhanjaya juga memandang serius terhadap pendedahan umum akan nama-nama pesalah yang boleh membawa kepada pendedahan identiti mangsa kanak-kanak. Kepentingan yang terbaik untuk kanak-kanak dalam kes-kes sebegini, termasuklah perlindungan identiti mangsa, keselamatan dan kesejahteraan, sepatutnya menjadi keutamaan seperti yang termaktub di bawah Perkara 19 dan 34 Konvensyen Hak kanak-Kanak. Kerajaan hendaklah melindungi kanak-kanak daripada semua bentuk eksploitasi seksual dan penderaan seksual dan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memastikan pemulihan dan integrasi ke dalam masyarakat yang akan memperkukuhkan kesihatan, kehormatan diri dan maruah kanak-kanak sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perkara 39 Konvensyen Hak Kanak-Kanak.

-TAMAT-

**“HAK ASASI UNTUK SEMUA”**



**TAN SRI HASMY AGAM**

Pengerusi  
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)  
30 Ogos 2012



## **SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA** HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

### **TUGAS PEJUANG HAK ASASI MANUSIA MESTI DIHORMATI DAN DIKTIRAF**

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) telah mengikuti secara teliti isu berkaitan Suaram dan dalam hal ini mengalu-alukan jaminan yang dibuat oleh Perdana Menteri YAB Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak, untuk meningkatkan pembaharuan yang lebih demokratik sebagai respons kepada pertumbuhan tuntutan kebebasan sivil yang semakin bertambah. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya merasa amat bimbang dengan cara bagaimana penyiasatan dijalankan, publisiti dibuat dan dilaporkan mengenai urusan dan akaun Suaram. Suruhanjaya menggesa semua pihak yang terlibat dalam penyiasatan ini supaya bertindak bukan sahaja menurut undang-undang dan peraturan tetapi selaras dengan semangat dan niat jaminan Perdana Menteri.

Suruhanjaya ingin menekankan bahawa kebebasan bersuara dan kebebasan berpersatuan adalah pokok kepada hak asasi manusia, yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan dan diperuntukkan dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejangat. Deklarasi 1998 PBB mengenai Hak dan Tanggungjawab Individu, Kumpulan dan Organ Persatuan untuk Mempromosi dan Melindungi Hak Asasi Manusia Diiktiraf Secara Universal dan Kebebasan Asas (dahulunya dikenali sebagai Deklarasi Sejangat mengenai Pejuang Hak Asasi Manusia) antara lain, mengiktiraf pejuang hak asasi manusia, yang mana Suaram adalah salah satu daripadanya, dan aktiviti-aktiviti mereka yang sah untuk melindungi dan mempromosi hak asasi manusia termasuk penerimaan dana dari luar negara untuk mempertahankan hak asasi manusia. Pejuang hak asasi manusia harus dibenarkan untuk berfungsi secara bebas, beroperasi di persekitaran yang berupaya dan selamat, dan mempunyai kebebasan untuk menentukan undang-undang, struktur dan aktiviti mereka.

Dalam hal ini, Suruhanjaya menyeru Kerajaan agar terus mendukung dan mempromosi hak asasi manusia melalui, antara lain, perkongsian positif dengan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk perniagaan dan masyarakat sivil yang akan menyumbang ke arah memastikan tadbir urus demokrasi yang kukuh di negara ini. Ini adalah penting dan amat selaras dengan hasrat yang disuarakan Perdana Menteri untuk menggerakkan negara ke hadapan ke arah menjadi sebuah negara demokrasi yang berfungsi sepenuhnya yang memerlukan dasar-dasar dan amalan hak asasi manusia domestik yang mematuhi sepenuhnya prinsip-prinsip dan norma-norma yang diterima secara universal. Ini akan menggambarkan Malaysia dengan baik sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan menyumbang secara positif untuk meningkatkan imej antarabangsa sebagai negara yang menghormati hak asasi manusia.

Suruhanjaya akan terlibat dengan pihak-pihak yang berkenaan, termasuk jabatan dan agensi Kerajaan dan badan-badan penguatkuasaan lain untuk mendapatkan maklum balas penting mengenai isu itu.

-TAMAT-

**"HAK ASASI UNTUK SEMUA"**

**TAN SRI HASMY AGAM**

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

1 Oktober 2012



## **SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA** HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

### **CADANGAN KAJIAN SEMULA HUKUMAN MATI UNTUK KESALAHAN DADAH DIALU-ALUKAN**

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) mengalu-alukan cadangan untuk mengkaji semula dan akhirnya untuk memansuhkan hukuman mati mandatori bagi pesalah dadah, seperti yang diumumkan oleh Menteri di Perdana Menteri Jabatan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, yang akan memberikan kebebasan dan budi bicara kepada mahkamah untuk menentukan hukuman berdasarkan keseriusan kesalahan tersebut. Langkah ini adalah selaras dengan semangat Perkara 3 dan Perkara 6 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) dan Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR) yang mengesahkan hak seseorang untuk hidup dan hak untuk tidak tertakluk kepada perlakuan atau hukuman yang menyeksa, atau yang kejam, yang tidak berperikemanusiaan atau yang menghinakan. Ia juga sejajar dengan Resolusi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, yang mula diterima pakai pada tahun 2007, yang menggesa supaya penangguhan (moratorium) pelaksanaan hukuman, dengan tujuan untuk akhirnya menghapuskan hukuman mati.

Suruhanjaya telah secara konsisten menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan moratorium pada hukuman mati atau meringankan hukuman tersebut kepada hukuman penjara sepanjang hayat terutamanya bagi banduan yang telah dikenakan hukuman lebih daripada lima tahun. Ia juga ingin menyeru Kerajaan supaya mengkaji semula keterterapan dan keberkesanan hukuman mati dan menyertai 140 negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk memansuhkan terus hukuman tersebut. Suruhanjaya akan terus menyokong Kerajaan dalam merealisasikan pematuhan sepenuhnya prinsip-prinsip dan norma hak asasi manusia antarabangsa khusus UDHR.

- TAMAT -

**“HAK ASASI UNTUK SEMUA”**

**TAN SRI HASMY AGAM**

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

22 Oktober 2012



## **SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA** HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

### **PENUBUHAN JAWATANKUASA PEMILIH PARLIMEN MENGENAI HAK ASASI MANUSIA DIALU-ALUKAN**

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) mengalu-alukan langkah untuk menubuhkan Jawatankuasa Pemilihan Parlimen tetap mengenai Hak Asasi Manusia, seperti yang diumumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, yang akan menyediakan satu forum penting bagi Ahli Parlimen untuk membincangkan hasil penemuan laporan tahunan dan untuk menangani isu-isu hak asasi manusia yang dibangkitkan oleh Suruhanjaya.

Walaupun Suruhanjaya telah, selama 13 tahun yang lalu, menyedia dan mengemukakan laporan tahunan kepada Parlimen tepat pada masa untuk mesyuarat pertama tahun berkenaan, dan telah secara konsisten menggesa Kerajaan untuk membentangkan laporan tersebut untuk dibahaskan oleh ahli-ahli Parlimen, namun ia menganggap langkah untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pemilihan Parlimen tetap mengenai Hak Asasi Manusia sebagai langkah positif ke arah penambahbaikan keadaan hak asasi manusia di negara ini. Suruhanjaya akan terus berbuat demikian sehingga direalisasikan, selaras dengan amalan di banyak negara lain yang mempunyai Institusi Hak Asasi Manusia Nasional. Adalah diharapkan bahawa Jawatankuasa Pemilihan Parlimen akan ditubuhkan secepat mungkin bagi membolehkan ia untuk membincangkan laporan tahunan Suruhanjaya yang seterusnya.

Dalam melaksanakan fungsinya sebagai institusi hak asasi manusia nasional, Suruhanjaya, sebuah badan penasihat tanpa kuasa penguatkuasaan dan pendakwa, akan terus memainkan peranan untuk mempromosi kesedaran hak asasi manusia, menyiasat aduan berkenaan dengan pelanggaran hak asasi manusia dan menasihati Kerajaan dan pihak berkuasa yang berkenaan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan penggubalan undang-undang dan dasar-dasar serta pelaksanaan mereka bagi memastikan keselarasan antara undang-undang negara dan bahawa mereka mematuhi prinsip-prinsip dan norma hak asasi manusia antarabangsa, khususnya Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 (UDHR). Dalam memenuhi mandatnya, Suruhanjaya berharap kepada sokongan kuat dan berterusan oleh semua pihak yang berkepentingan, termasuk, khususnya, Ahli-ahli Parlimen.

- TAMAT -

**“HAK ASASI UNTUK SEMUA”**

**TAN SRI HASMY AGAM**

Pengerusi  
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia  
24 Oktober 2012



## **SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA** HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

### **DEKLARASI HAK ASASI MANUSIA ASEAN BERTENTANGAN DARIPADA APA YANG DIJANGKA**

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) mengalu-alukan penerimaan Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN (AHRD) pada 18 November 2012 semasa Sidang Kemuncak ASEAN di Kemboja sebagai satu perkembangan positif dalam promosi dan perlindungan hak asasi manusia di rantau ini. Suruhanjaya amat teruja dengan penegasan semula oleh negara-negara ASEAN tentang komitmen mereka kepada Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR), Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Deklarasi Vienna dan Program Tindakan dan lain-lain instrumen hak asasi manusia antarabangsa di mana Anggota ASEAN menjadi ahlinya. Suruhanjaya ambil maklum bahawa AHRD meliputi pelbagai hak yang dikategorikan secara berasingan seperti Hak Sivil dan Politik, Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan, Hak untuk Pembangunan, dan Hak untuk Keamanan, di mana semuanya adalah selaras dengan standard hak asasi manusia antarabangsa, namun ianya tertakluk kepada sembilan prinsip umum.

Suruhanjaya tidak memandang remeh kepentingan dan kebaikan prinsip umum tersebut, namun merasa kecewa kerana mereka membenarkan sekatan dibuat atas alasan yang lebih luas daripada apa yang diterima di peringkat antarabangsa. Lebih penting lagi, Prinsip Umum 7, yang mengisytiharkan bahawa semua hak asasi manusia adalah sejagat, tidak boleh dibahagi, saling bergantung dan saling berhubungan, juga mengakui bahawa Negara-Negara Anggota boleh mengambil kira latar belakang politik, ekonomi, undang-undang, sosial, budaya, sejarah dan agama dalam merealisasikan hak asasi manusia di negara mereka. Suruhanjaya bimbang bahawa prinsip-prinsip ini mungkin akan melemahkan keseluruhan semangat Deklarasi dan menafikan penikmatan dan perlindungan hak asasi manusia sepenuhnya di rantau ini. Suruhanjaya juga ingin menarik perhatian kepada Perkara 5 Deklarasi Vienna dan Program Tindakan yang menyatakan bahawa adalah menjadi kewajipan Negara untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia dan kebebasan asasi, tanpa mengira sistem politik, ekonomi dan kebudayaan.

Suruhanjaya juga kesal kerana penggubalan Deklarasi ini dibuat dengan keterbukaan dan ketelusan yang terhad, dan rundingan lanjutan yang tidak memadai dengan pelbagai pihak yang berkepentingan, termasuk Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (NHRIs) yang berminat menyumbang dan bersungguh dalam memastikan AHRD akan setanding dengan lain-lain deklarasi hak asasi manusia serantau.

Walau bagaimanapun, Suruhanjaya bersama Anggota Forum Institusi Hak Asasi Manusia Asia Tenggara (SEANF) akan terus bekerjasama dengan Kerajaan ASEAN dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Antara Kerajaan ASEAN (AICHR) dalam proses pelaksanaan AHRD sepenuhnya dan tanpa halangan, selaras dengan standard dan norma-norma hak asasi manusia antarabangsa untuk memastikan hak 600 juta rakyat di rantau ini dilindungi.

-TAMAT -

**“HAK ASASI UNTUK SEMUA”**

**TAN SRI HASMY AGAM**

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

19 November 2012



## **SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA** HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

---

### **AMBIL TINDAKAN SEGERA TERHADAP PESALAH PEMERDAGANGAN MANUSIA**

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) memandang berat laporan media baru-baru ini mengenai kira-kira 105 pekerja domestik asing tanpa izin, yang telah dikurung, juga didakwa didera dan dipaksa bekerja tanpa gaji, oleh agensi pembantu rumah berlesen. Suruhanjaya memuji pihak Imigresen Malaysia atas tindakan segera mereka dalam menyelamatkan pekerja dan menempatkan mereka di rumah perlindungan serta adalah diharapkan bahawa mereka akan diberi penjagaan segera dan mengikut keperluan, termasuklah akses kepada psikologi, kaunseling dan perkhidmatan penjagaan kesihatan fizikal.

Pada masa yang sama, Suruhanjaya menggesa supaya mangsa-mangsa yang diselamatkan diberi pilihan sama ada menjadi pekerja sah dari segi undang-undang atau kembali semula ke negara masing-masing. Pihak berkuasa Malaysia juga digesa supaya memastikan tindakan dan bantuan segera untuk merealisasikan pilihan tersebut. Dalam hal ini, Suruhanjaya turut menggesa supaya kedutaan yang terlibat akan diberi akses untuk berhubung dengan mangsa dalam mempercepatkan proses berkenaan.

Suruhanjaya juga menyeru Kerajaan supaya mengambil tindakan segera dan tegas terhadap pesalah pemerdagangan manusia yang terlibat dalam dakwaan penderaan 105 mangsa khususnya, dan terhadap semua pesalah pemerdagangan manusia, secara umum. Sementara itu, Suruhanjaya akan membuat persediaan yang perlu untuk melawat mangsa di tempat perlindungan.

- TAMAT -

**“HAK ASASI UNTUK SEMUA”**

**TAN SRI HASMY AGAM**

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

5 Disember 2012

## LAMPIRAN II

# THE COMMISSION'S STATEMENTS TO THE HUMAN RIGHTS COUNCIL

---

## ORAL STATEMENT ON FREEDOM OF PEACEFUL ASSEMBLY AND ASSOCIATION 20<sup>th</sup> REGULAR SESSION OF THE HRC, 21 JUNE 2012 PALAIS DES NATIONS, GENEVA

---

Madame President,

The Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM) wishes to congratulate the Special Rapporteur Mr. Maina Kai for his timely report on the Rights to Freedom of Peaceful Assembly and of Association. The report shall serve as a reference for all human rights advocates when addressing issues related to freedom of assembly and of association.

The Commission shares the Special Rapporteur's concern over peaceful assemblies 'that were either not allowed or violently dispersed' in several countries, including Malaysia. The balance between public order and the rights of people to assemble peacefully has always been a contentious issue. The Commission, however, stands firm, that while peace and public order need to be maintained at all times, peaceful assemblies must be recognised as a legitimate democratic means for the public to express themselves.

The authorities are responsible to assist and facilitate the assembly process while at the same time ensure that peace and public order are maintained. This is important in order to protect the rights of demonstrators and also others who are indirectly involved, such as the food hawkers, traders, the general public and traffic users.

However, the authorities need to be mindful that action taken against provocateurs and counter demonstrators must not impede with the rights of other peaceful demonstrators. In other words, the authorities must not disperse a peaceful assembly, solely based on the actions of a few unruly demonstrators. In this regard, the Commission noted the good practices of the Armenian police which are obliged under law to facilitate public assemblies and the Estonian police which are trained in separating provocateurs from peaceful demonstrators.

In 2012, the Malaysian Government enacted the Peaceful Assembly Act which seeks to govern public assemblies. Although supportive of its main objectives, the Commission opines that rather than facilitating the right to peaceful assembly, the Act imposes too many restrictions and conditions in the organisation of such assemblies. More recently, court action has been instituted against the organisers of the BERSIH 3.0 rally for violating the Act and for damages that were allegedly sustained during the rally on 28 April 2012. The Commission feels that such

actions by the Government might discourage future assemblies and absolve the authorities of their responsibility to maintain peace and order.

Therefore, the Commission calls on the Government to review the Peaceful of Assembly Act 2012, in line with recommendations made by the Commission, Civil Society Organizations as well as by the Special Rapporteur in his report.

Lastly, the Commission welcomes the suggestion from the Special Rapporteur to increase capacity building activities on the monitoring of assemblies for human rights defenders, and wishes to reiterate that the Commission will continue to monitor public assemblies and conduct public inquiries into any allegations of violence, as and when necessary.

I thank you Madame President.

**TRANSCRIPT OF THE VIDEO STATEMENT ON THE  
SUMMARY REGARDING THE PANEL DISCUSSION ON  
FREEDOM OF EXPRESSION ON THE INTERNET  
21<sup>st</sup> REGULAR SESSION OF THE HRC, 14 SEPTEMBER 2012  
PALAIS DES NATIONS, GENEVA**

---

Madame President,

The Human Rights Commission of Malaysia [SUHAKAM] wishes to commend the Council for organising a panel discussion on the promotion and protection of freedom of expression on the Internet at its 19th session, and appreciates the summary report of the discussion, prepared by the Office of the High Commissioner.

Freedom of opinion and expression, be it on the Internet or other media, constitutes an integral element of a democratic society which needs to be safeguarded as a fundamental human right.

We welcome the recent decision by the Malaysian Government to repeal the obsolete Sedition Act of 1948, which restricts the freedom of speech and expression. We hope that the proposed replacement law -- the National Harmony Act -- will strike a balance between providing greater enjoyment of freedom of speech and expression, and the need to handle the delicate nature of the country's plural society.

SUHAKAM is, however, very concerned with the recent inclusion of section 114A in the Evidence Act. We, along with other concerned groups, are of the view that section 114A of the Act, which relates to the presumption of fact in publication, could seriously undermine and threaten freedom of speech and expression, especially on the Internet.

SUHAKAM, therefore, strongly recommends that the Government review section 114A of the Evidence Act, to ensure that the Act is consistent with human rights principles.

We recognize the need for measures to regulate content, both online and offline, especially in preventing criminal activities. However, such regulation must be carefully formulated so as not to impinge on the right to freedom of speech and expression, guaranteed under the Federal Constitution of Malaysia, and enshrined in Article 19 of the UDHR.

Thank you Madame President.

**TRANSCRIPT OF THE VIDEO STATEMENT ON THE  
PANEL DISCUSSION ON ACCESS TO JUSTICE BY  
INDIGENOUS PEOPLES  
21<sup>st</sup> REGULAR SESSION OF THE HRC, 18 SEPTEMBER 2012  
PALAIS DES NATIONS, GENEVA**

---

Madame President,

The Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM) congratulates the Council for organising this panel discussion on Access to Justice by Indigenous Peoples at this 21st regular session.

The significant progress in the promotion and protection of the rights of indigenous peoples can be attributed to the adoption of the United Nations Declaration on the Rights of Indigenous Peoples in 2007. SUHAKAM therefore calls on governments and the Human Rights Council to increase efforts in progressively implementing the Declaration.

Indigenous peoples continue to suffer from marginalization, discrimination and lack of recognition of their ways of life. Access to justice is also still very limited for a large number of indigenous peoples throughout the globe, including in Malaysia.

In Malaysia, this problem can and has been addressed significantly through the establishment of native courts. Such courts, which already exist in the states of Sabah and Sarawak play an important role in resolving disputes within the indigenous communities. Native courts, which incorporate the indigenous legal system, are closely linked to the customs and worldview of the respective indigenous peoples. SUHAKAM therefore recommends that the Government also establish native courts in Peninsular Malaysia so that the indigenous peoples, the Orang Asli, have a similar avenue to seek justice. The process initiated by SUHAKAM to consult Orang Asli communities, should be supported and further enhanced by relevant Ministries.

While conventional courts have a crucial role in providing access to justice for indigenous peoples, we believe that the native court system can serve as a parallel judicial system and therefore should be given adequate financial and political support to enhance its functions to meet the needs of these communities.

The establishment of native courts in Malaysia will not only ensure greater access to justice by the indigenous peoples, but also give due recognition of the indigenous legal system, which is essential in further asserting their rights.

Thank you Madame President.

## LAMPIRAN III

## AKTIVITI SURUHANJAYA 2012

PRD	- Bahagian Perhubungan Awam	ICD	- Bahagian Koordinasi Antarabangsa	
EPD	- Bahagian Pendidikan dan Promosi	Sabah	- Pejabat Sabah	
CMID	- Bahagian Aduan, Pemantauan dan Inkuiri	Sarawak	- Pejabat Sarawak	
RD	- Bahagian Penyelidikan	Jawatankuasa NI	- Jawatankuasa Inkuiri Nasional	
PDD	- Bahagian Pembangunan Dasar	SUHAKAM	- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia	
NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	BAHAGIAN/ UNIT/ CAWANGAN
1.	3-5 Jan	Siasatan Awam Ke Atas Insiden Sebelum dan Selepas Perhimpunan Awam 9 Julai 2011 Julai	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CMID
2.	9 Jan	Pemantauan Pembebasan Anwar di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur	Kuala Lumpur	CMID
3.	11 Jan	Siasatan Awam Ke Atas Insiden Sebelum dan Selepas Perhimpunan Awam 9 Julai 2011 Julai	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CMID

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	BAHAGIAN/ UNIT/ CAWANGAN
4.	16 Jan	Latihan Dalam: Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dan Impak ke atas Hak Asasi Manusia di Malaysia oleh <i>Third World Network</i>	SUHAKAM, Kuala Lumpur	EPD
5.	16-17 Jan	Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah: Lawatan ke sekolah-sekolah	Selangor	EPD
6.	18 Jan	Siasatan Awam Ke Atas Insiden Sebelum dan Selepas Perhimpunan Awam 9 Julai 2011	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CMID
7.	20 Jan	Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah: Lawatan ke sekolah-sekolah	Selangor	EPD
8.	27 Jan	Lawatan ke penjara	Johor Bahru, Johor	CMID
9.	27 Jan	Latihan dalaman: HIV/AIDS dan Hak kepada kehidupan orang yang hidup dengan HIV/AIDS oleh Pink Triangle Foundation	SUHAKAM, Kuala Lumpur	EPD
10.	7-9 Feb	Lawatan ke Sekolah Agama Rakyat (SAR)	Selangor	EPD
11.	9 Feb	Perbincangan Meja Bulat (PMB) Mengenai Pelan Tindakan Kebangsaan Hak Asasi Manusia (NHRAP)	Kuala Lumpur	ICD
12.	10-17 Feb	Inkuiri Nasional (NI): Merekod Kenyataan	Kuching, Sarawak	Sarawak
13.	12 Feb	Lawatan ke penempatan masyarakat Orang Asli di Kg Sg Tiang	Cameron Highlands, Perak	CMID
14.	13-14 Feb	Siasatan Awam Ke Atas Insiden Sebelum dan Selepas Perhimpunan Awam 9 Julai 2011	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CMID
15.	14-16 Feb	Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah: Lawatan ke sekolah-sekolah	Perak	EPD
16.	15 Feb	PMB Mengenai Hak Orang Kurang Upaya	Kuala Lumpur	PDD

17.	18 Feb	Mesyuarat Mengenai Impak ke atas Pembinaan Empangan Mega di Sarawak	Miri, Sarawak	Sarawak
18.	22 Feb	PMB bersama NGO Mengenai Impak FTA dan Perjanjian Kerjasama Trans-Pacific ke atas Hak Asasi Manusia	SUHAKAM, Kuala Lumpur	PDD
19.	24 Feb	Latihan Dalam: Kempen Hentikan LYNAS – Hak ke atas Kesihatan dan Maklumat oleh Stop Lynas Group	SUHAKAM, Kuala Lumpur	EPD
20.	25 Feb	Mesyuarat bersama Masyarakat Orang Asli	Tasik Chini, Pahang	CMID
21.	26 Feb	Pemantauan Himpunan Hijau 2.0 oleh Stop Lynas Group	Kuantan, Pahang	CMID
22.	26 Feb	Pemantauan Himpunan Hijau 2.0 oleh Stop Lynas Group	Kuala Lumpur	CMID
23.	27 Feb - 14 Mac	Pengedaran Awam NI	Serian, Sibu, Bintulu & Miri, Sarawak	Jawatankuasa NI
24.	28 Feb	Lawatan ke penjara	Taiping, Perak	CMID
25.	29 Feb	Lawatan ke penjara	Alor Setar, Kedah	CMID
26.	1 Mac	Debat Pelajar berhubung Hukuman Mati bersama Delegasi Kesatuan Eropah di Malaysia dan Majlis Peguam	Kuala Lumpur	RD
27.	3 Mac	Program Pendidikan dan Promosi Hak Asasi Manusia di penempatan Orang Asli	Pos Betau, Pahang	EPD
28.	10 Mac	Penyertaan Kaunter Bergerak Bersepadu	Pitas, Sabah	Sabah
29.	10 Mac	Program Pendidikan dan Promosi Hak Asasi Manusia di penempatan Orang Asli	Gerik, Perak	EPD
30.	12 Mac	Lawatan ke penjara	Penor, Pahang	CMID
31.	13 Mac	Lawatan ke penjara	Bentong, Pahang	CMID
32.	22 Mac	Perbincangan Mengenai Hak Asasi Manusia Melalui Seni Bersama Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)	Kuala Lumpur	EPD

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	BAHAGIAN/ UNIT/ CAWANGAN
33.	22 Mac	Konsultasi Mengenai FTA Dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI)	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CMID
34.	23 Mac	Latihan dalaman: Kesedaran Mengenai Kanser Payudara – Hak kepada kesihatan dan maklumat oleh <i>Breast Cancer Welfare Association Malaysia</i>	SUHAKAM, Kuala Lumpur	EPD
35.	23 Mac - 11 April	NI: Merekod kenyataan	Tawau, Sandakan, Keningau, Tenom & Kota Marudu, Sabah	Sabah
36.	27-30 Mac	Menjalankan tinjauan ke atas Hak Kanak-kanak	Kuala Lumpur	RD
37.	27-30 Mac	NI: Pendengaran Awam	SUHAKAM, Kuala Lumpur	Jawatankuasa NI
38.	2 April	Ceramah mengenai Hak Asasi Manusia kepada pelajar Universiti Putra Malaysia	Serdang, Selangor	EPD
39.	2 April	Lawatan ke pusat pemulihan dan penjara	Muar & Kluang, Johor	CMID
40.	2 April	Pelancaran Program <i>Global Campaign to End Immigration Detention of Children</i>	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CMID
41.	2-3 April	Tinjauan ke atas Hak Kanak-kanak di sekolah	Kuala Lumpur	RD
42.	3 April	Perjumpaan bersama Bahagian Latihan, Jabatan Penjara	Kuala Lumpur	EPD
43.	3 April	Lawatan ke penjara	Simpang Renggam, Johor	CMID
44.	3 April	PMB Bersama Pihak Berkuasa Tempatan Mengenai Persekitaran Mesra OKU	Kuala Terengganu, Terengganu	EPD

45.	3 April	Program SUHAKAM Bersama Masyarakat	Kuala Terengganu, Terengganu	PRD
46.	5 April	Program Lawatan Malaysia – <i>United States Ties (MUST)</i>	SUHAKAM, Kuala Lumpur	PRD
47.	5 April	Penyertaan Kaunter Bergerak Bersepadu	Sandakan, Sabah	Sabah
48.	7 April	Latihan dalaman: Penayangan Dokumentari Michael Moore, <i>Sicko</i>	SUHAKAM, Kuala Lumpur	EPD
49.	9 April	Pemantauan perhimpunan anti-ISA oleh Gerakan Mansuhkan ISA (GMI)	Kuala Lumpur	CMID
50.	9-10 April	NI: Pendengaran Awam	Kluang, Johor	Jawatankuasa NI
51.	13 April	Penyertaan Pameran Mengenai Pendidikan dan Kesihatan*	Shah Alam, Selangor	PRD
52.	14 April	Ceramah Mengenai Hak Asasi Manusia Untuk Persatuan Kebangsaan Dayak Bidayuh	Kuching, Sarawak	Sarawak
53.	14 April	Bengkel Mengenai Hak Asasi Manusia: Hak Kanak-kanak untuk pelajar sekolah menengah	Permatang Pauh, Penang	EPD
54.	16 April	Majlis Pelancaran Laporan Tahunan SUHAKAM 2011	Kuala Lumpur	PRD
55.	17-19 April	Bengkel Mengenai Hak Asasi Manusia untuk Pegawai di Jabatan Penjara	Kajang, Selangor	EPD
56.	21 April	Bengkel Mengenai Hak Asasi Manusia untuk Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	Bangi, Selangor	EPD
57.	23-25 April	Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah: Lawatan ke Sekolah-sekolah (Zon Utara dan Timur)	Taiping, Perak	EPD
58.	24 April	Perjumpaan bersama Timbalan Canselor Universiti Malaya (UM) Mengenai Penubuhan Pusat Hak Asasi Manusia	Kuala Lumpur	EPD

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	BAHAGIAN/ UNIT/ CAWANGAN
59.	25-26 April	Ceramah Mengenai Hak Asasi Manusia: Hak Kanak-kanak untuk Jabatan Penjara	Pulau Langkawi, Kedah	EPD
60.	25-26 April	Ceramah Mengenai Hak Asasi Manusia untuk Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penjara	Sri Aman, Sarawak	Sarawak
61.	27 April	Tinjauan Mengenai Hak Kanak-kanak yang dijalankan di sekolah	Selangor	RD
62.	27-30 April	NI: Pendengaran Awam	Gua Musang, Kelantan	Jawatankuasa NI
63.	28 April	Pemantauan perhimpunan awam Bersih 3.0	Kuala Lumpur	CMID
64.	1 Mei	Pemantauan perhimpunan awam oleh Jawatankuasa 1 Mei	Kuala Lumpur	CMID
65.	1 Mei	Pengumpulan data untuk tujuan kajian di Universiti Sultan Zainal Abidin dengan kerjasama UKM	Kuala Terengganu, Terengganu	EPD
66.	2 Mei	Pengumpulan data untuk tujuan kajian di Universiti Sains Islam Malaysia dengan kerjasama UKM	Nilai, Negeri Sembilan	EPD
67.	2-4 Mei	Lawatan ke sekolah menengah	Selangor	EPD
68.	3 Mei	Sidang Media: Penemuan Hasil Siasatan Awam ke atas Bersih 2.0	Kuala Lumpur	CMID & PRD
69.	6-10 Mei	NI: Pendengaran Awam	Ipoh, Perak	Jawatankuasa NI
70.	7 Mei	Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah: Lawatan ke SMK Kuala Krau	Temerloh, Pahang	EPD
71.	7 Mei	Lawatan ke Sekolah Agama Taman Tualang	Temerloh, Pahang	EPD
72.	8 Mei	Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah: Lawatan ke SMK Kuala Krau	Temerloh, Pahang	EPD

73.	8 Mei	Lawatan ke Madrasah Tarbiah Islamiah, Kg Chatin	Temerloh, Pahang	EPD
74.	8 Mei	Lawatan ke Hospital Bahagia	Tanjung Rambutan, Perak	CMID
75.	9 Mei	Lawatan ke sekolah Orang Asli di SK Sungai Mas	Kuantan, Pahang	EPD
76.	9 Mei	Lawatan ke Madrasah Sayyidil Mursalin, Bukit Setongkol	Kuantan, Pahang	EPD
77.	9 Mei	Lawatan oleh Delegasi Indonesia berikutan penembakan tiga rakyat Indonesia pada 24 Mac	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CMID
78.	9 Mei	Lawatan oleh Delegasi Indonesia berikutan penembakan tiga rakyat Indonesia pada 24 Mac	Linggi, Negeri Sembilan	CMID
79.	9 Mei	Mesyuarat bersama Delegasi Senat Indonesia	SUHAKAM, Kuala Lumpur	SUHAKAM
80.	10 Mei	Lawatan ke SAR Little Aulad, Bandar Indera Mahkota	Bandar Indera Mahkota, Pahang	EPD
81.	10 Mei	Lawatan ke SAR KAFA Al-Makmur Masjid Taman Balok	Kuantan, Pahang	EPD
82.	10 Mei	Mesyuarat dengan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia New Zealand	SUHAKAM, Kuala Lumpur	ICD
83.	10 Mei	Mesyuarat dengan Duta-Duta Kesatuan Eropah	SUHAKAM, Kuala Lumpur	PRD
84.	10-11 Mei	Lawatan ke Pulau Omadal	Semporna, Sabah	Sabah
85.	11 Mei	Lawatan ke SAR Tahfiz Darul Ulum	Kuantan, Pahang	EPD
86.	13-17 Mei	NI: Pendengaran Awam	Temerloh, Pahang	Jawatankuasa NI
87.	14 Mei	Pemantauan perhimpunan awam oleh pengikut Kumpulan Syiah	Gombak, Selangor	CMID
88.	15 Mei	Ceramah Hak Asasi Manusia di Pusat Latihan Polis	Kuching, Sarawak	Sarawak

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	BAHAGIAN/ UNIT/ CAWANGAN
89.	18 Mei	Lawatan ke Kem Tahanan Kamunting	Taiping, Perak	CMID
90.	18 Mei	PMB ke atas Sistem Perundangan Orang Asli	SUHAKAM, Kuala Lumpur	PDD
91.	21 Mei	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal bersama ASWARA mengenai Hak Asasi Manusia Melalui Seni	Kuala Lumpur	PRD & EPD
92.	22 Mei	Lawatan ke FELDA Bukit Rokan Utara mengenai isu-isu penanaman semula kelapa sawit	Gemencheh, Negeri Sembilan	CMID
93.	22 Mei	Lawatan ke Kampung Serampang Indah mengenai isu-isu tanah	Jempol, Negeri Sembilan	CMID
94.	24-25 Mei	Seminar mengenai NHRAP	Kuala Lumpur	ICD
95.	27 Mei	Latihan dalaman: LGBT oleh Pink Triangle	SUHAKAM, Kuala Lumpur	EPD
96.	30 Mei	Mesyuarat bersama Ketua Pegawai Eksekutif SOCSO	Kuala Lumpur	CMID
97.	31 Mei	Forum mengenai Kebebasan Media sempena Hari Kebebasan Akhbar Sedunia	Kuala Lumpur	PRD
98.	31 Mei	Lawatan ke Kumpulan Karangkrif	Shah Alam, Selangor	PRD & EPD
99.	1 Jun	Lawatan ke Kem Tahanan Kamunting	Taiping Perak	CMID
100.	4-16 Jun	NI: Pendengaran Awam	Kota Kinabalu, Sabah	Jawatankuasa NI
101.	6 Jun	Lawatan ke Pusat Pemulihan	Kangar, Perlis	CMID
102.	6 Jun	Program SUHAKAM Bersama Masyarakat	Alor Setar, Kedah	PRD
103.	8 Jun	Bengkel Hak Asasi Manusia untuk Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan	Banting, Selangor	EPD

104.	11 Jun	Ceramah Hak Asasi Manusia untuk kakitangan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	Putrajaya	EPD
105.	13-14 Jun	Menyertai Pameran Minggu Kesedaran Undang-undang di Kolej INTI	Nilai, Negeri Sembilan	PRD
106.	14 Jun	PMB bersama Pihak Berkuasa Tempatan mengenai Persekitaran Mesra OKU	Kuching, Sarawak	Sarawak
107.	15 Jun	Menyertai Kaunter Aduan Bergerak Bersepadu	Kota Kinabalu, Sabah	Sabah
108.	16 Jun	Lawatan ke penempatan masyarakat yang terjejas akibat pembinaan Empangan Bengoh	Kuching, Sarawak	Sarawak
109.	19 Jun	Ceramah mengenai hak Asasi Manusia dan Hak kepada kesihatan di Kolej Kejururawatan	Kuching, Sarawak	Sarawak
110.	22 Jun	Kunjungan hormat ke Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan Sarawak	Kuching, Sarawak	Sarawak
111.	22 Jun	Latihan dalaman: Lawatan ke pusat percetakan <i>The Star</i> sempena Hari Kebebasan Akhbar Sedunia	Shah Alam, Selangor	EPD
112.	26 Jun	Ceramah mengenai Hak Asasi Manusia kepada Pegawai SPRM	Putrajaya	EPD
113.	26-30 Jun	Bengkel Serantau RWI untuk Pustakawan dan Pegawai Teknologi Maklumat	Kuala Lumpur	ICD
114.	28 Jun	Kunjungan Hormat Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Bangladesh	Kuala Lumpur	PRD
115.	28 Jun	Pemantauan perhimpunan awam oleh GMI	Kuala Lumpur	CMID
116.	28 Jun	Ceramah mengenai Hak Asasi Manusia kepada Pegawai Penjara	Kluang, Johor	EPD
117.	29 Jun	Lawatan ke Rumah Perlindungan Bukit Petaling	Kuala Lumpur	PRD
118.	3 Julai	Kunjungan Hormat ke atas Setiausaha Persekutuan Datuk Yahaya Basimin	Kuching, Sarawak	Sarawak

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	BAHAGIAN/ UNIT/ CAWANGAN
119.	5 Julai	Siasatan Awam Ke Atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam 28 April 2012	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CMID
120.	6 Julai	Lawatan dan Merekod Kenyataan ke atas tahanan di Kem Tahanan Kamunting	Taiping, Perak	CMID
121.	11 Julai	Siasatan Awam Ke Atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam 28 April 2012	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CMID
122.	14 Julai	Menyertai Pameran bersempena Hari Pengguna Kebangsaan	Skudai, Johor	PRD
123.	15 Julai	Menyertai Pameran bersempena Hari Mangsa Penindasan Kanak-kanak Sedunia	Kuala Lumpur	PRD
124.	15 Julai	PMB Mengenai Hak Wanita	Kota Kinabalu, Sabah	Sabah
125.	16 Julai	Siasatan Awam Ke Atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam 28 April 2012	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CMID
126.	17 Julai	Lawatan oleh Pelajar Fakulti Undang-undang, Universiti Sydney, Australia	Kuala Lumpur	PRD
127.	17 Julai	Program Pendidikan dan Promosi Hak Asasi Manusia di kawasan penempatan Orang Asli	Pos Tohoi, Kelantan	EPD
128.	17 Julai	Mesyuarat bersama Laurent Meillan, Pejabat Suruhanjaya Tinggi Hak Asasi Manusia, Bangkok, Thailand	SUHAKAM, Kuala Lumpur	SUHAKAM
129.	23-26 Julai	Siasatan Awam Ke Atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam 28 April 2012	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CMID
130.	27 Julai	Latihan dalaman: Prosedur dan Siasatan Jenayah oleh Majlis Peguam	Suhakam, Kuala Lumpur	EPD

131.	30 Julai	Siasatan Awam Ke Atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam 28 April 2012	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CMID
132.	31 Julai	Mesyuarat bersama agensi-agensi kerajaan berhubung hak perumahan wajar	SUHAKAM, Kuala Lumpur	PDD
133.	1-2 Ogos	Siasatan Awam Ke Atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam 28 April 2012	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CMID
134.	7 Ogos	Mesyuarat bersama Kementerian Pelajaran	Putrajaya	EPD
135.	9-10 Ogos	Siasatan Awam Ke Atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam 28 April 2012	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CMID
136.	13 Ogos	Siasatan Awam Ke Atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam 28 April 2012	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CMID
137.	13 Ogos	Peguam Pemerhati dalam kes <i>Gan Soh Eng vs Guppy Plastic Industries Sdn Bhd</i>	Kuala Lumpur	RD
138.	13-14 Ogos	Menyiasat Aduan di Sekolah Pendidikan Khas Persekutuan Pulau Pinang	Tanjung Bungah, Pulau Pinang	CMID
139.	15 Ogos	Siasatan Awam Ke Atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam 28 April 2012	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CMID
140.	15-16 Ogos	Lawatan Bimbingan ke Sekolah di bawah program Hak Pendidikan kepada Kanak-kanak	Hulu Selangor, Selangor	EPD
141.	2 Sept	Pemantauan Himpunan Hijau oleh Jawatankuasa Bertindak Koman	Raub, Pahang	CMID
142.	5 Sept	Bengkel Hak Asasi Manusia untuk Jabatan Penjara	Taiping, Perak	EPD
143.	6 Sept	Taklimat berhubung FTA untuk NGO	SUHAKAM, Kuala Lumpur	PDD
144.	7 Sept	Mesyuarat bersama En Maina Kai, Pelapor Khas PBB mengenai Hak Untuk Berhimpun dan Berseriatan	SUHAKAM, Kuala Lumpur	SUHAKAM

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	BAHAGIAN/ UNIT/ CAWANGAN
145.	7 Sept	Latihan Dalamam: Protokol dan Etika oleh Institut Diplomas dan Hubungan Luar (IDFR)	SUHAKAM, Kuala Lumpur	EPD
146.	7 Sept	Ceramah untuk Pegawai Kanan dari SPRM dan syarikat berkepentingan kerajaan	Kuala Lumpur	EPD
147.	10 Sept	Siasatan Awam Ke Atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam 28 April 2012	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CMID
148.	11 Sept	Lawatan ke penjara	Kajang, Selangor	CMID
149.	12-13 Sept	Siasatan Awam Ke Atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam 28 April 2012	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CMID
150.	13-14 Sept	Lawatan Bimbingan ke Politeknik di bawah program Hak Asasi Manusia	Tanjung Malim & Ipoh, Perak	EPD
151.	14 Sept	Ceramah mengenai Hak Asasi Manusia di Pusat Latihan Polis	Muar, Johor	EPD
152.	14 Sept	Taklimat oleh Kedutaan Amerika berhubung kedudukan Malaysia dalam 'Senarai Permerdagangan Manusia Amerika Syarikat'	SUHAKAM, Kuala Lumpur	PDD
153.	15 Sept	Program Pendidikan dan Promosi Hak Asasi Manusia di kawasan penempatan Orang Asli	Sungkai, Perak	EPD
154.	19 Sept	Lawatan ke Penjara	Kajang, Selangor	CMID
155.	19 Sept	Mesyuarat dengan Ketua Pengarah Imigresen	Putrajaya	CMID
156.	21 Sept	Mesyuarat dengan Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CMID
157.	21 Sept	Siasatan Awam Ke Atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam 28 April 2012 (Lawatan ke lokasi kawasan perhimpunan berdekatan Dataran Merdeka)	Kuala Lumpur	CMID

158.	21 Sept	Mesyuarat dengan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Pegawai Daerah Jempol	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CMID
159.	22-23 Sept	Kolokium Kehakiman Mengenai Aplikasi Domestik ke dalam Norma Hak Asasi Manusia Antarabangsa	Kuala Lumpur	PDD
160.	24 Sept	Siasatan Awam Ke Atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam 28 April 2012	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CMID
161.	25-27 Sept	Program Hak Kepada Pendidikan bersama Kementerian Pendidikan	Genting Highlands, Pahang	EPD
162	26 Sept	Lawatan ke Rumah Warga Tua Impresif	Petaling Jaya, Selangor	PRD & EPD
163.	27-28 Sept	Bengkel Hak Asasi Manusia untuk Pegawai Undang-undang di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan	Bangi, Selangor	EPD
164.	28 Sept	Latihan dalaman: Gangguan Seksual di Tempat Kerja oleh Jabatan Perkhidmatan Awam	SUHAKAM, Kuala Lumpur	EPD
165.	29 Sept	Pemantauan Himpunan Hijau oleh Jawatankuasa Bertindak Bukit Koman	Desaru, Johor	CMID
166.	29 Sept	Menyertai Kaunter Aduan Bergerak Bersepadu	Ranau, Sabah	Sabah
167.	30 Sept	Pemantauan Himpunan Pengerang oleh Jawatankuasa Bertindak Sungai Rengit	Pengerang, Johor	CMID
168.	1 Okt	Pemantauan ke atas perhimpunan awam JERIT	Kuala Lumpur	CMID
169.	2 Okt	Mamantau pilihanraya kampus di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	Gombak, Selangor	CMID
170.	2 Okt	Ceramah di Pusat Latihan Polis	Kuching, Sarawak	Sarawak
171.	2 Okt	Mesyuarat bersama kumpulan Raihan dan Yassin Sulaiman berhubung Hak Asasi Manusia melalui Seni	SUHAKAM, Kuala Lumpur	EPD

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	BAHAGIAN/ UNIT/ CAWANGAN
172.	3 Okt	Program Mendekati Masyarakat bersempena Hari SUHAKAM: Lawatan ke Pusat Pembelajaran Komuniti di Kampung Kipouvo dan Kampung Kibunut	Penampang, Sabah	Sabah
173.	6 Okt	Program Pendidikan dan Promosi Hak Asasi Manusia di penempatan Orang Asli	Sungai Lembing, Pahang	EPD
174.	7-12 Okt	Lawatan ke SAR, sekolah Tamil dan Sekolah Kebangsaan	Perak	EPD
175.	8 Okt	Siasatan Awam Ke Atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam 28 April 2012	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CMID
176.	10 Okt	Perjumpaan bersama Timbalan Naib Canselor	Kuala Lumpur	EPD
177.	10 Okt	Perjumpaan bersama Suruhanjaya Tinggi Bangladesh	SUHAKAM, Kuala Lumpur	PRD & ICD
178.	10-11 Okt	Siasatan Awam Ke Atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam 28 April 2012	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CMID
179.	16 Okt	Siasatan Awam ke atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam 28 April 2012 (Lawatan ke Pangkalan Gerakan Am Tengah)	Cheras, Kuala Lumpur	CMID
180.	16 Okt	Konsultasi Penggalan Sejagat (UPR)	Kota Kinabalu, Sabah	ICD
181.	18 Okt	PMB bersama Pihak Berkuasa Tempatan Mengenai Persekitaran Mesra OKU	Johor Bharu, Johor	EPD
182.	18 Okt	Konsultasi UPR	Kuching, Sarawak	ICD
183.	18 Okt	Program SUHAKAM Bersama Masyarakat	Johor Bahru, Johor	PRD
184.	24 Okt	Lawatan rasmi ke Penjara Pusat dan Institusi Penjara Wanita	Kota Kinabalu & Kepyayan, Sabah	Sabah

185.	25 Okt	Pertandingan Perbicaraan di UM dengan kerjasama Delegasi Kesatuan Eropah di Malaysia dan Majlis Peguam di bawah Kempen Memansuhkan Hukuman Mati di Malaysia	Kuala Lumpur	RD
186.	29 Okt	Perjumpaan bersama Puan Katri Hoch, Pegawai Hak Asasi Manusia PBB	SUHAKAM, Kuala Lumpur	SUHAKAM
187.	30 Okt	Ceramah mengenai Hak Asasi Manusia di Penjara Reman	Johor Bahru, Johor	EPD
188.	31 Okt	Pertandingan Perbicaraan di Taylor's University College, dengan kerjasama Delegasi Kesatuan Eropah di Malaysia dan Majlis Peguam	Kuala Lumpur	RD
189.	31 Okt	Pameran dan ceramah mengenai Hak Asasi Manusia	Subang Jaya, Selangor	PRD
190.	2 Nov	Latihan Dalam: Pertolongan Cemas dan Tindakbalas Kecemasan oleh St John Ambulans Malaysia	SUHAKAM, Kuala Lumpur	EPD
191.	5 Nov	PMB mengenai Amalan Terbaik dalam Mempromosi dan Melindungi Hak Asasi Orang Asal	SUHAKAM, Kuala Lumpur	PDD
192.	6 Nov	Konsultasi UPR (Wilayah Selatan)	Johor Bahru, Johor	ICD
193.	6 Nov	Lawatan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan Korea	SUHAKAM, Kuala Lumpur	PRD
194.	6 Nov	Lawatan ke RTM	Kuala Lumpur	PRD
195.	8 Nov	PMB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia: Amalan Baik Syarikat yang Mematuhi Hak Asasi Manusia	Kuala Lumpur	PDD
196.	8 Nov	Lawatan ke Kem Tahanan Kamunting	Taiping, Perak	CMID
197.	8 Nov	Siasatan Awam Ke Atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam 28 April 2012	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CMID
198.	8-12 Nov	Menyertai Persidangan Tanah Orang Asal oleh SPNS, Pusat KOMAS dan JKOAS	Kuala Lumpur	PDD & EPD

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	BAHAGIAN/ UNIT/ CAWANGAN
199.	9 Nov	Pertandingan Perbicaraan di HELP Universiti, dengan kerjasama Kesatuan Eropah di Malaysia dan Majlis Peguam	Kuala Lumpur	RD
200.	9 Nov	Lawatan ke Kolej Tentera Udara	Kepala Batas, Kedah	CMID
201.	16 Nov	Perjumpaan bersama Setiausaha Kerajaan Negeri	Kuching, Sarawak	Sarawak
202.	19 Nov	Siasatan Awam Ke Atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam 28 April 2012	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CMID
203.	20 Nov	PMB mengenai Hak Asasi Manusia dan Islam dengan ISIS	Petaling Jaya, Selangor	PDD
204.	20 Nov	Konsultasi UPR (Wilayah Utara)	George Town, Pulau Pinang	ICD
205.	20 Nov	Menyertai Kaunter Aduan Bergerak Bersepadu	Tuaran, Sabah	Sabah
206.	21 Nov	Siasatan Awam Ke Atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam 28 April 2012	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CMID
207.	22 Nov	Konsultasi UPR (Wilayah Timur)	Kota Bharu, Kelantan	ICD
208.	23 Nov	Perjumpaan bersama Masyarakat Penan yang terjejas akibat pembinaan Empangan Murum	Bintulu, Sarawak	Sarawak
209.	27 Nov	Bengkel Hak Asasi untuk Jabatan Penjara	Dungun, Terengganu	EPD
210.	27 Nov	Perjumpaan bersama Suruhanjaya Syarikat Malaysia	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CMID
211.	28 Nov	Lawatan Kerja Ahli Ombudsmen dari Jajahan Takluk Yuan Republik China (Taiwan)	SUHAKAM, Kuala Lumpur	PRD

212.	30 Nov - 2 Dis	Sesi Pelan Strategik Dalam SUHAKAM	SUHAKAM, Kuala Lumpur	SUHAKAM
213.	3 Dis	Konsultasi UPR (Wilayah Tengah Region)	Kuala Lumpur	ICD
214.	4 Dis	Ceramah Mengenai Hak Asasi Manusia di Penjara Reman	Johor Bharu, Johor	EPD
215.	6 Dis	Siasatan Awam Ke Atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam 28 April 2012	SUHAKAM, Kuala Lumpur	CMID
216.	7 Dis	Menyertai Pameran di Fakulti Undang-undang UiTM	Shah Alam, Selangor	PRD
217.	10 Dis	Pertandingan Akhir Perbicaraan dengan kerjasama Kesatuan Eropah dan Majlis Peguam	Kuala Lumpur	RD
218.	10 Dis	Anugerak Hak Asasi Manusia 2012	Kuala Lumpur	PRD
219.	11-14 Dis	Bengkel APF-CESR-SUHAKAM berhubung Pemantauan Hak Ekonomi dan Sosial	SUHAKAM, Kuala Lumpur	ICD
220.	15-16 Dis	Sesi Pelan Strategik Dalam SUHAKAM	Bukit Fraser, Pahang	EPD
221.	17 Dis	PMB mengenai Sekolah Agama Rakyat	Kuala Lumpur	EPD
222.	18-20 Dis	Lawatan ke Penjara	Arau, Perlis; & Batu Gajah, Perak	EPD
223.	19 Dis	Lawatan ke Pusat Pemulihan	Arau, Perlis	CMID
224.	19 Dis	Lawatan ke Kem Tentera dan Penjara	Alor Setar, Kedah	CMID
225.	20 Dis	Lawatan ke Seberang Perai dan Kompleks Penjara	Pulau Pinang	CMID
226.	20 Dis	Lawatan ke Pusat Pemulihan	Batu Gajah, Perak	CMID
227.	26 Dis	Lawatan ke penempatan Orang Asli di Kg Paya Pelong	Temerloh, Pahang	EPD
228.	27 Dis	Lawatan ke penempatan Orang Asli di Kg Simpai	Rompin, Pahang	EPD

## LAMPIRAN IV

## CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN – NASIONAL 2012

AS – Anggota Suruhanjaya

NO.	TARIKH	CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN	TEMPAT	WAKIL
1.	6 Jan	Mesyuarat bersama Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri	Putrajaya	En Muhammad Sha'ani Abdullah (AS)
2.	11 Jan	Mesyuarat mengenai Hukuman Mati bersama Majlis Peguam	Kuala Lumpur	Nur Syamimi Amran, Pegawai
3.	18 Jan	Sesi Perantara: <i>Human Capital Development: The Key to Moderation</i> , di Persidangan Antarabangsa mengenai <i>Global Movement of Moderates</i>	Kuala Lumpur	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi)
4.	18 Jan	Menyertai dialog kurikulum bagi Pelan Strategik Pendidikan oleh Kementerian Pelajaran	Putrajaya	Hasmah Abdul Manaf, Pegawai
5.	19 Jan	Mesyuarat bersama Majlis Anti-Pemerdagangan Orang dan Anti-Penyeludupan Migran (MAPO)	Putrajaya	En Muhammad Sha'ani Abdullah (AS)
6.	27 Jan	Mesyuarat berhubung Pেকেiling Amalan Terbaik PERNIAGAAN 3/2012 (Suruhanjaya Syarikat Malaysia)	Kuala Lumpur	En James Nayagam (AS)

7.	30 Jan	Menyertai Simposium: Hak ke atas Tanah Adat oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS)	Kota Kinabalu, Sabah	Pn Jannie Lasimbang (AS)
8.	3 Feb	Ceramah berhubung Peranan Budaya dan Bahasa dalam Promosi dan Perlindungan ke atas Hak dan Identiti Orang Asal di Pusat Latihan PACOS	Penampang, Sabah	Pn Jannie Lasimbang (AS)
9.	20 Feb	Mesyuarat berhubung Hukuman Mati bersama Majlis Peguam	Kuala Lumpur	Nur Syamimi Amran, Pegawai
10.	27 Feb	Ceramah mengenai Hak Asasi Manusia oleh <i>United Nations Country Team</i>	Kuala Lumpur	Datuk Dr Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi)
11.	27 Feb	Syarahan mengenai Hak Asasi Manusia di Maktab Polis Cheras	Kuala Lumpur	En Muhammad Sha'ani Abdullah (AS)
12.	28 Feb	Ceramah mengenai Hak Asasi Manusia untuk Hakim-hakim Iran	Kuala Lumpur	Datuk Dr Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi)
13.	1 Mac	Menghadiri debat pelajar berhubung Hukuman Mati	Kuala Lumpur	Nur Syamimi Amran, Pegawai
14.	8 Mac	Menyertai Hari Wanita Antarabangsa: <i>Connecting Girls, Inspiring Futures</i> oleh Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat	Cyberjaya, Selangor	Chua Yen Sin, Pegawai Norashikin Hamzah, Pegawai Siti Zaihan Zulkarnain, Pegawai Intan Farida Adnan, Pegawai
15.	27 Mac	Mesyuarat bersama Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri	Kuala Lumpur	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi)
16.	28 Mac	Menyertai dialog berhubung penggabungan Akta Pekerja Sosial	Kuala Lumpur	Nur Syamimi Amran, Pegawai
17.	2 April	Mesyuarat dengan Tan Sri Mohd Sidek Hassan, Ketua Setiausaha Negara	Putrajaya	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi)
18.	13 April	Ceramah mengenai Hak Asasi Manusia bersempena dengan Debat Terbuka Pulau Pinang oleh Kelab Debat Universiti Teknologi MARA	Permatang Pauh, Pulau Pinang	Hasmah Abdul Manaf, Pegawai

NO.	TARIKH	CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN	TEMPAT	WAKIL
19.	8 Mei	Menghadiri Majlis Resepsi sempena Hari Kesatuan Eropah	Kuala Lumpur	En James Nayagam (AS)
20.	17 Mei	Menghadiri majlis memperingati Hari Pertembagaan Kerajaan Beraja Norway	Kuala Lumpur	En James Nayagam (AS)
21.	19 Mei	Perbincangan Meja Bulat (PMB) mengenai Suruhanjaya Diraja Inkuiri ke atas Pendetang Asing anjuran PROHAM dan UMS	Kota Kinabalu, Sabah	Pn Jannie Lasimbang (AS)
22.	22 Mei	Ceramah Hak Asasi Manusia di Pusat Latihan PACOS	Penampang, Sabah	Pn Jannie Lasimbang (AS)
23.	24 Mei	Menyertai Bengkel <i>Unemployment Insurance</i>	Kuala Lumpur	Mohamad Azizi Azmi, Pegawai Paremeswari Subramaniam, Pegawai
24.	24 Mei	Menyertai seminar: Pelan Kebangsaan Hak Asasi Manusia oleh Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR)	Kuala Lumpur	En Muhammad Sha'ani Abdullah (AS)
25.	4 Jun	Pembentangan Pendidikan Kanak-kanak di kawasan ladang di Sabah: Satu Tinjauan	Kuala Lumpur	En James Nayagam (AS)
26.	12 Jun	Menyertai forum awam berhubung Seksyen 114A Akta Maklumat (Pindaan) 2012	Kuala Lumpur	Siti Zaihan Zulkarnain, Pegawai Nur Syamimi Amran, Pegawai
27.	13 Jun	Menyertai Minggu Kesedaran Undang-undang di Kolej INTI	Nilai, Negeri Sembilan	Nur Syamimi Amran, Pegawai
28.	15 Jun	Mesyuarat mengenai Hukuman Mati bersama Majlis Peguam	Kuala Lumpur	Nur Syamimi Amran, Pegawai

29.	16 Jun	Konsultasi bersama wakil Malaysia ke Suruhanjaya antara Kerajaan Berhubung Hak Asasi Manusia (AICHR) mengenai Perisytiharan Hak Asasi Manusia ASEAN (AHRD)	Kuala Lumpur	En James Nayagam (AS) Mohd Hairul Fahmi, Pegawai
30.	20 & 21 Jun	Pembentangan di seminar: Kebebasan Berhimpun	Putrajaya	Datuk Dr Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi)
31.	22 Jun	Konsultasi dengan AICHR mengenai AHRD	Kuala Lumpur	En James Nayagam (AS) Wan Kasim Wan Kadir, Pegawai
32.	28 Jun	Dialog Orang Asal dan Kepenggunaan	Kuala Lumpur	Hasmah Abdul Manaf, Pegawai
33.	31 Jun	Menyertai dialog bersempena dengan Hari Tanpa Tembakau	Skudai, Johor	En Muhammad Sha'ani Abdullah (AS)
34.	4 Julai	Ceramah mengenai Hak Asasi Manusia di Maktab Polis Cheras	Kuala Lumpur	En Muhammad Sha'ani Abdullah (AS)
35.	5 Julai	Menyertai konvensyen Pencegahan Pembuangan Bayi	Bandar Sunway, Selangor	En James Nayagam (AS)
36.	10 Julai	Mesyuarat dengan Dato' Hj Ismail Ibrahim, Ketua Pengarah, BHEUU	Putrajaya	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi)
37.	14 Julai	Sidang Kemuncak Ketua Pelajar Malaysia Ke-6	Kuala Lumpur	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi)
38.	15 Julai	Menyertai Hari Mangsa Penindasan Kanak-kanak Sedunia	Kuala Lumpur	En James Nayagam (AS)
39.	16 Julai	PMB mengenai Konvensyen ke atas Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (CERD)	Bangi, Selangor	En Muhammad Sha'ani Abdullah (AS)
40.	17-18 Julai	Pembentangan di Bengkel Penilaian Penggalan Sejagat, Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan ASEAN oleh COMANGO	Kuala Lumpur	Datuk Dr Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi)
41.	24 Julai	Mesyuarat mengenai perbincangan tindakan susulan ke atas Memorandum to Reverse the Decline of Tasik Chini	Petaling Jaya, Kuala Lumpur	En Muhammad Sha'ani Abdullah (AS)

NO.	TARIKH	CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN	TEMPAT	WAKIL
42.	26 Julai	Mesyuarat bersama MAPO	Putrajaya	En James Nayagam (AS)
43.	28 Julai	Pembentangan di <i>Public Assembly Laws: The Jurisprudence and the Operation</i>	Kuala Lumpur	Datuk Dr Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi)
44.	4 Ogos	Menyertai forum: Ubat-ubatan dan Hak kepada Kesihatan oleh Majlis Peguam	Kuala Lumpur	En Muhammad Sha'ani Abdullah (AS)
45.	8 Ogos	Mesyuarat bersama Delegasi Kesatuan Eropah di Malaysia	Kuala Lumpur	En James Nayagam (AS)
46.	9 Ogos	Menghadiri resepsi Hari Kemerdekaan, Suruhanjaya Republik Singapura	Kuala Lumpur	En James Nayagam (AS)
47.	15 Ogos	Mesyuarat untuk membincangkan Laporan Deraf Kebangsaan ke atas Implementasi Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi ke atas Wanita (CEDAW)	Kuala Lumpur	Ph Rodziah Abdul, Setiausaha Lau Sor Pian, Pegawai Siti Zaihan Zulkarnain, Pegawai
48.	15 Ogos	Mesyuarat bersama Suruhanjaya Tinggi India	Kuala Lumpur	En James Nayagam (AS)
49.	25 Ogos	Menyertai seminar: Komitmen Malaysia ke atas Hak Asasi Manusia oleh Universiti Kebangsaan Malaysia	Bangi, Selangor	En Muhammad Sha'ani Abdullah (AS)
50.	29 Ogos	Menyertai PMB: Sistem Pendidikan di Malaysia oleh Jabatan Perpaduan dan Integrasi Sabah	Kota Kinabalu, Sabah	Ph Jannie Lasimbang (AS)
51.	29 Ogos	Mesyuarat bersama MAPO	Putrajaya	En James Nayagam (AS)
52.	30 Ogos	Mesyuarat mengenai Hukuman Mati bersama Majlis Peguam	Kuala Lumpur	Nur Syamimi Amran, Pegawai
53.	6 Sept	Pelancaran Maklumbalas Alternatif CEDAW oleh NGO	Kuala Lumpur	Datuk Dr Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi) Lau Sor Pian, Pegawai

54.	7-9 Sept	Menyertai Karnival Jom Masuk U oleh Pertubuhan Kadazan Dusun Murut Malaysia	Kudat, Sabah	Jasmih Stamat, Pegawai
55.	10 Sept	Menghadiri acara sosial di Kementerian Dalam Negeri untuk penghuni rumah perlindungan mangsa perdagangan	Tanjung Kling, Melaka	En James Nayagam (AS)
56.	10-12 Sept	Siri Syarahan Tertutup Kedua: Hak Tanah Adat Orang Asal oleh Pejabat Peguam Negara	Putrajaya	Pn Jannie Lasimbang (AS)
57.	13 Sept	Ceramah mengenai Hak Asasi Manusia di Maktab Polis	Kuala Kubu Bharu, Selangor	En Muhammad Sha'ani Abdullah (AS)
58.	14 Sept	Mesyuarat bersama Dato' Hj Ismail Ibrahim, Ketua Pengarah, BHEUU	Putrajaya	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi)
59.	18 Sept	Menghadiri sesi taklimat mengenai Seksyen 114A Akta Keterangan (Pindaan) 2012	Kuala Lumpur	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi) Datuk Dr Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi) En James Nayagam (AS) Ph Rodziah Abdul, Setiausaha Lau Sor Pian, Pegawai
60.	19 Sept	Ceramah mengenai proses UPR kepada <i>International Federation of Journalists, Asia Pacific</i>	Kuala Lumpur	Datuk Dr Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi)
61.	20 Sept	Menyertai seminar mengenai Seksyen 114A Akta Keterangan (Pindaan) 2012	Kuala Lumpur	Lau Sor Pian, Pegawai
62.	20 Sept	Mesyuarat bersama Cik Wivina Belmonte, Ketua Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Tabung Kanak-kanak (UNICEF) di Malaysia	Kota Kinabalu, Sabah	Pn Jannie Lasimbang (AS)
63.	21 Sept	Memberikan input kepada Penyelidikan ke atas Kanak-kanak di Sabah oleh UPEN dan UNICEF	Kota Kinabalu, Sabah	Pn Jannie Lasimbang (AS)
64.	24 Sept	Mesyuarat bersama Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri	Parliament House, Kuala Lumpur	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi)

NO.	TARIKH	CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN	TEMPAT	WAKIL
65.	26 Sept	Mesyuarat bersama Tan Sri Mohd Sidek Hassan, Ketua Setiausaha Negara	Putrajaya	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi)
66.	26 Sept	Pembentangan mengenai Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah, Institut Aminuddin Baki	Genting Highland, Pahang	Hasmah Abdul Manaf, Pegawai
67.	27 Sept	Mesyuarat bersama MAPO	Putrajaya	En James Nayagam (AS)
68.	27 Sept	Syarahan mengenai Hak Asasi Manusia di Maktab Polis Cheras	Kuala Lumpur	En Muhammad Sha'ani Abdullah (AS)
69.	29 Sept	Menyertai seminar antarabangsa: <i>Towards a More Inclusive Labour Market: Promoting Women's Increased Participation</i>	Kuala Lumpur	Lau Sor Pian, Pegawai
70.	2 Okt	Panel Perbincangan Akta Perhimpunan Aman 2012 di Institut Latihan dan Kehakiman Perundangan	Bangi, Selangor	Datuk Dr Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi)
71.	4 Okt	Menyertai Persidangan Forensik Kebangsaan oleh Universiti Sains Malaysia	George Town, Pulau Pinang	En Muhammad Sha'ani Abdullah (AS)
72.	16 Okt	Menyertai Persidangan <i>Inclusive Insurance</i> oleh Projek Bakti Minda	Kuala Lumpur	Parneswari Subramaniam, Pegawai Siti Zaihan Zulkarnain, Pegawai
73.	18 Okt	Menghadiri <i>luncheon talk: Integrity is the Pillar for Transformation: Issues and Challenges</i> oleh <i>South-South Information Gateway</i>	Kuala Lumpur	Chua Yen Sin, Pegawai Norashikin Hamzah, Pegawai
74.	20 Okt	Merasmikan Festival Kebebasan Filem 2012 oleh Pusat KOMAS dan PANGGAU	Kuching, Sarawak	En Detta Samen (AS) Sophian Osman, Pegawai
75.	21-24 Okt	Menyertai Bengkel: Menangani Masalah Keciciran Sekolah di kalangan Pelajar Orang Asli oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli	Kota Bharu, Kelantan	Hasmah Abdul Manaf, Pegawai

76.	24 Okt	Menyertai Hari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu	Kuala Lumpur	En Muhammad Sha'ani Abdullah (AS)
77.	30 Okt	Menyertai PMB mengenai CERD oleh Penyelidikan Etnik	Kuching, Sarawak	En Detta Samen (AS) Sophian Osman, Pegawai
78.	30 Okt	Mesyuarat bersama MAPO	Putrajaya	En James Nayagam (AS)
79.	31 Okt	Latihan mengenai Hak Asasi Manusia di Pusat Latihan Polis	Pulau Langkawi, Kedah	Abdul Rahman, Pegawai
80.	31 Okt	Menyertai PMB mengenai CERD oleh Jabatan Perpaduan dan Integrasi Sabah	Kota Kinabalu, Sabah	Jasmih Slamet, Pegawai
81.	2 Nov	Mesyuarat mengenai Hukuman Mati bersama Majlis Peguam	Kuala Lumpur	Nur Syamimi Amran, Pegawai
82.	5 Nov	Menyertai konsultasi NGO ke atas Laporan Alternatif mengenai Konvensyen ke atas Hak Kanak-kanak	Kota Kinabalu, Sabah	Jasmih Slamet, Pegawai
83.	6 Nov	Ceramah berhubung 'Pengetahuan Tradisional' di Siri Syarahan Tahunan Hak Asasi Manusia	Putrajaya	Pn Jannie Lasimbang (AS)
84.	7 Nov	Menyertai konsultasi NGO berhubung Laporan Alternatif CRC oleh Institut Sumber Kanak-kanak Malaysia	Kuching, Sarawak	En Detta Samen (AS) Sophian Osman, Pegawai
85.	7-8 Nov	Menyertai seminar: Undang-undang Perlembagaan: Islam sebagai Agama Persekutuan	Putrajaya	Mohamad Azizi Azmi, Pegawai
86.	8-12 Nov	Menyertai persidangan Tanah Orang Asli	Kuala Lumpur	En Muhammad Sha'ani Abdullah (AS) En James Nayagam (AS) Wan Norhafizah Junid, Pegawai Hasmah Abdul Manaf, Pegawai
87.	9 Nov	Pembentangan mengenai ucapan pembukaan di Persidangan Orang Asli	Kuala Lumpur	En James Nayagam (AS)

NO.	TARIKH	CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN	TEMPAT	WAKIL
88.	11 Nov	Menyertai Persidangan Tanah Orang Asli	Putrajaya	En Muhammad Sha'ani Abdullah (AS)
89.	14 Nov	Mesyuarat bersama Dato' Hj Ismail Ibrahim, Ketua Pengarah, BHEUU	Putrajaya	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi)
90.	19 Nov	Syarahan mengenai Hak Asasi Manusia di Maktab Polis Cheras	Kuala Lumpur	En Muhammad Sha'ani Abdullah (AS)
91.	19 Nov	Mempengerusikan Persidangan Antarabangsa: <i>9/11 Revisited - Seeking the Truth oleh Perdana Global Peace Foundation</i>	Kuala Lumpur	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi)
92.	20-22 Nov	Menyertai persidangan mengenai Perlindungan Kanak-kanak	Kuala Lumpur	En James Nayagam (AS)
93.	23 Nov	Mesyuarat mengenai Hukuman Mati bersama Majlis Peguam	Kuala Lumpur	Nur Syamimi Amran, Pegawai
94.	29 Nov	Menyertai Seminar Antarabangsa: <i>Towards a More Inclusive Labour Market: Promoting Women's Increased Participation</i>	Kuala Lumpur	Nurul Hasanah, Pegawai Lau Sor Plan, Pegawai
95.	3 Dis	Mesyuarat bersama MAPO dan delegasi daripada KEMBOJA	Putrajaya	En James Nayagam (AS)
96.	4 Dis	Ceramah mengenai Hak Asasi Manusia dan Malaysia di IDFR	Kuala Lumpur	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi)
97.	5 Dis	Pembentangan mengenai UPR sempena Hari Hak Asasi Manusia Sedunia	Kuala Lumpur	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi)
98.	6 Dis	Mesyuarat bersama MAPO	Kangar, Perlis	En James Nayagam (AS)

99.	7-8 Dis	Menyertai seminar sempena Hari Hak Asasi Manusia Sedunia: Perjuangan Orang Asli dan Kumpulan Minoriti di Malaysia oleh Majlis Peguam	Kuala Lumpur	Hasmah Abdul Manaf, Pegawai
100.	8 Dis	Pembentangan mengenai Hak Pendidikan kepada Orang Asli di Seminar Perjuangan Orang Asli dan Kumpulan Minoriti di Malaysia oleh Majlis Peguam	Kuala Lumpur	Hasmah Abdul Manaf, Pegawai
101.	10 Dis	Menghadiri pelancaran <i>Child Rights Coalition Malaysia</i> dan sambutan <i>Annual Status Report on Children's Rights in Malaysia</i>	Kuala Lumpur	Hasmah Abdul Manaf, Pegawai
102.	17-18 Dis	Menyertai persidangan <i>Leveraging Child Protection and Role of Stakeholders</i>	Kuala Lumpur	En James Nayagam (AS)
103.	20 Dis	Mesyuarat bersama UNICEF berhubung Pendidikan dan Perpaduan Sosial	Kuala Lumpur	Akhdiat Nur Zahhir, Pegawai

## LAMPIRAN V

## CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN - ANTARABANGSA 2012

AS – Anggota Suruhanjaya

NO.	TARIKH	CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN	TEMPAT	WAKIL
1.	13-15 Feb	Persidangan Mahkamah Jenayah Antarabangsa dan Bengkel Pembangunan Kapasiti di Peringkat Asia Pasifik	Sydney, Australia	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi)
2.	22-24 Feb	Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) Forum Institusi Hak Asasi Manusia Asia Tenggara (SEANF)	Bangkok, Thailand	Wan Kasim Wan Kadir, Pegawai Parneswari Subramaniam, Pegawai
3.	23-24 Feb	Mesyuarat SEANF TWG	Bangkok, Thailand	Parneswari Subramaniam, Pegawai Wan Kasim Wan Kadir, Pegawai
4.	19-20 Mac	Mesyuarat Biro Jawatankuasa Penyelarasan Antarabangsa Institusi Kebangsaan untuk Promosi dan Pertindungan Hak Asasi Manusia (ICC)	Geneva, Switzerland	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi) Mohamad Azizi Azmi, Pegawai Mohd Hairul Fahmi Mohd Harris, Pegawai

5.	19, 20 & 22 Mac	Mesyuarat luar Forum Institusi Hak Asasi Manusia Komanwel (CFNHRI)	Geneva, Switzerland	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi) Mohamad Azizi Azmi, Pegawai Mohd Hairul Fahmi Mohd Harris, Pegawai
6.	19-28 Mac	Kursus Pembelajaran untuk Wakil Institusi Kebangsaan Hak Asasi Manusia (NHRIs) di Asia Pasifik	Bangkok, Thailand	Wan Norhafizah Junid, Pegawai Dzul Affandi Mat Noor, Pegawai
7.	20-22 Mac	Mesyuarat Agung ICC ke-25 Meeting	Geneva, Switzerland	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi) Mohamad Azizi Azmi, Pegawai Mohd Hairul Fahmi Mohd Harris, Pegawai
8.	22 Mac	Mesyuarat Agung luar SEANF ICC ke-25	Geneva, Switzerland	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi) Mohamad Azizi Azmi, Pegawai Mohd Hairul Fahmi Mohd Harris, Pegawai
9.	13-16 Jun	Lawatan SEANF ke Suruhanjaya Kebangsaan Hak Asasi Manusia Myanmar (MNHRC)	Yangon, Myanmar	Datuk Dr Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi) Wan Kasim Wan Kadir, Pegawai
10.	18-22 Jun	Bengkel Latihan kepada Pelatih oleh Forum Asia Pasifik NHRIs (APF)	Manila, Filipina	Abdul Rahman Abdullah, Pegawai
11.	9-12 Julai	Bengkel Penyelidikan mengenai Peranan NHRI dalam Perniagaan dan Hak Asasi Manusia di Asia Tenggara	Bangkok, Thailand	En James Nayagam (AS) Paremeswari Subramaniam, Akhdia Nur Zahhir, Pegawai
12.	15 Julai	Latihan mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia	Singapura	Nur Syamimi Amran, Pegawai
13.	18 Julai	Bengkel mengenai Perundangan Hak Asasi Manusia Antarabangsa dan Hak Asasi Manusia ke-5	Singapura	En James Nayagam (AS)
14.	18-20 Julai	Mesyuarat SEANF TWG	Jakarta, Indonesia	Rafidah Yahya, Pegawai Wan Kasim Wan Kadir, Pegawai

NO.	TARIKH	CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN	TEMPAT	WAKIL
15.	31 Julai - 3 Ogos	Dialog APF Bersama MNHRC	Yangon, Myanmar	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi)
16.	10-12 Sept	Mesyuarat Asia Pasifik mengenai Orang Tua	Bangkok, Thailand	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi)
17.	11-14 Sept	Mesyuarat Tahunan SEANF ke-9	Chiang Mai, Thailand	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi) Pn Rodziah Abdul, Setiausaha Wan Kasim Wan Kadir, Pegawai
18.	25-29 Sept	Bengkel Latihan Sub-Serantau mengenai Hak Orang Kurang Upaya	Bangkok, Thailand	Siti Zaihan Zulkarnain, Pegawai
19.	10-11 Okt	Persidangan mengenai Perlombongan dan Hak Asasi Manusia	Ulaanbatar, Mongolia	En Muhammad Sha'ani Abdullah (AS)
20.	19 Okt	Mesyuarat Konsultasi Pusat Sumber Hak Asasi Manusia mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia di ASEAN	Jakarta, Indonesia	En James Nayagam (AS)
21.	4 Nov	Mesyuarat Biro ICC	Amman, Jordan	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi) Chua Yen Sin, Pegawai
22.	4 Nov	Mesyuarat luar Mesyuarat Biro ICC CFNHRI	Amman, Jordan	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi) Chua Yen Sin, Pegawai
23.	4 Nov	Acara luar Persidangan ICC ke-11; Pelancaran Rumusan Laporan: <i>Championing Children's Rights: A Global Study of Independent Human Rights Institutions for Children</i>	Amman, Jordan	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi) Chua Yen Sin, Pegawai
24.	5 Nov	Mesyuarat Agung Tahunan APF	Amman, Jordan	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi) Chua Yen Sin, Pegawai
25.	5-7 Nov	Persidangan ICC ke-11	Amman, Jordan	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi) Chua Yen Sin, Pegawai

26.	6 Nov	Pelancaran <i>Handbook for NHRIs on Protecting and Promoting Women's Rights and Gender Equality</i>	Amman, Jordan	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi) Chua Yen Sin, Pegawai
27.	7 Nov	Pelancaran Laporan Hubungan Asian NGO 2012 <i>Performance and Establishment of NHRIs in Asia</i>	Amman, Jordan	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi) Chua Yen Sin, Pegawai
28.	9 Nov	Making the Bali Declaration Effective: The Phnom Penh Workshop on Human Rights and Agri-Business in Southeast Asia	Phnom Penh, Kemboja	Pn Jannie Lasimbang (AS) Akhdiat Nur Zahhir, Pegawai
29.	24-27 Nov	<i>Regional Governance Week: Social Accountability in a Changing Region – Actors and Mechanisms</i>	Kaherah, Mesir	Tan Sri Hasmy Agam (Pengerusi)
30.	28 Nov	Bengkel Kerjasama mengenai Tanggungjawab Sosial Korporat oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Australia dan Suruhanjaya antara Kerajaan ASEAN mengenai Hak Asasi Manusia	Singapura	Akhdiat Nur Zahhir, Pegawai
31.	5-7 Dis	Perkhidmatan Antarabangsa untuk Bengkel Hak Asasi Manusia Penilaian Penggalan Sejagat	Bangkok, Thailand	En Muhammad Sha'ani Abdullah (AS) Mohd Hairul Fahmi Mohd Harris, Pegawai
32.	6-8 Dis	Mesyuarat Susulan: Kursus Pembelajaran mengenai Status Kesamarataan dan Hak Asasi Manusia Wanita di Asia Tenggara	Bangkok, Thailand	Noor Azizah Atdenan, Pegawai Helmi Fendy Mohammad Idris, Pegawai Chua Yen Sin, Pegawai
33.	11-12 Dis	Bengkel Serantau mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia	Singapura	Datuk Dr Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi)

## LAMPIRAN VI

# PENERBITAN SURUHANJAYA 2012

NO	KATEGORI	TAJUK
1.	Laporan	Laporan Tahunan SUHAKAM 2011 (Bahasa Malaysia & Bahasa Inggeris)
2.	Laporan	Seminar Memperkasakan Hak-Hak Ibu Tunggal Di Malaysia
3.	Laporan	<i>Public Inquiry Into the Infringement of Human Rights Including the Use of Excessive Force Prior to and During the Assembly on 9 July 2011</i>
4.	Jurnal	<i>Human Rights Journal</i>
5.	Buletin (Mac)	Buletin SUHAKAM
6.	Buletin (Jun)	Buletin SUHAKAM
7.	Buletin (Sept)	Buletin SUHAKAM
8.	Buletin (Dis)	Buletin SUHAKAM
9.	Brosur ( <i>Pocket size</i> )	ATIP (Pelbagai bahasa)
10.	Buku Kecil	<i>RTD on the Convention Against Torture and Other Cruel, Inhuman and Degrading Treatment (CAT)</i>
11.	Buku Kecil	Senarai Bantuan Ibumama Tunggal

## LAMPIRAN VII

## MESYUARAT BULANAN 2012 – KEHADIRAN ANGGOTA SURUHANJAYA

NO	NO. SIRI MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	ANGGOTA SURUHANJAYA YANG HADIR	ANGGOTA SURUHANJAYA YANG TIDAK HADIR	DENGAN KEBENARAN	TANPA KEBENARAN
1.	Mesyuarat ke 1-2012	19 Jan	Tan Sri Hasmy Agam Datuk Dr Khaw Lake Tee Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid En Muhammad Sha'ani Abdullah En James Deva Nayagam Pn Jannie Lasimbang En Detta Samen Pn Hashimah Nik Jaafar			
2.	Mesyuarat ke 2-2012	8 Feb	Tan Sri Hasmy Agam Datuk Dr Khaw Lake Tee Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid En Muhammad Sha'ani Abdullah En James Deva Nayagam Pn Jannie Lasimbang En Detta Samen Pn Hashimah Nik Jaafar			

NO	NO. SIRI MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	ANGGOTA SURUHANJAYA YANG HADIR	ANGGOTA SURUHANJAYA YANG TIDAK HADIR	DENGAN KEBENARAN	TANPA KEBENARAN
3.	Mesyuarat ke 3-2012	1 Mac	Tan Sri Hasmy Agam Datuk Dr Khaw Lake Tee Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid En Muhammad Sha'ani Abdullah En James Deva Nayagam Pn Jannie Lasimbang En Detta Samen Pn Hashimah Nik Jaafar			
4.	Mesyuarat ke 4-2012	12 Apr	Tan Sri Hasmy Agam Datuk Dr Khaw Lake Tee Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid En Muhammad Sha'ani Abdullah En James Deva Nayagam Pn Jannie Lasimbang En Detta Samen Pn Hashimah Nik Jaafar			
5.	Mesyuarat ke 5-2012	11 Mei	Tan Sri Hasmy Agam Datuk Dr Khaw Lake Tee Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid En Muhammad Sha'ani Abdullah En James Deva Nayagam Pn Jannie Lasimbang En Detta Samen Pn Hashimah Nik Jaafar			

6.	Mesyuarat ke 6-2012	12 Jun	Tan Sri Hasmy Agam Datuk Dr Khaw Lake Tee Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid En Muhammad Sha'ani Abdullah En James Deva Nayagam Pn Jannie Lasimbang En Detta Samen Pn Rodziah Abdul	En James Deva Nayagam	✓
7.	Mesyuarat ke 7-2012	19 Jul	Tan Sri Hasmy Agam Datuk Dr Khaw Lake Tee Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid En Muhammad Sha'ani Abdullah Pn Jannie Lasimbang En Detta Samen Pn Rodziah Abdul		
8.	Mesyuarat ke 8-2012	7 Ogos	Tan Sri Hasmy Agam Datuk Dr Khaw Lake Tee Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid En Muhammad Sha'ani Abdullah En James Deva Nayagam Pn Jannie Lasimbang En Detta Samen Pn Rodziah Abdul		
9.	Mesyuarat ke 9-2012	4 Sept	Tan Sri Hasmy Agam Datuk Dr Khaw Lake Tee Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid En Muhammad Sha'ani Abdullah En James Deva Nayagam Pn Jannie Lasimbang En Detta Samen Pn Rodziah Abdul		

NO	NO. SIRI MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	ANGGOTA SURUHANJAYA YANG HADIR	ANGGOTA SURUHANJAYA YANG TIDAK HADIR	DENGAN KEBENARAN	TANPA KEBENARAN
10.	Mesyuarat ke 10-2012	10 Okt	Tan Sri Hasmy Agam Datuk Dr Khaw Lake Tee Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid En Muhammad Sha'ani Abdullah En James Deva Nayagam Pn Jannie Lasimbang En Detta Samen Pn Rodziah Abdul			
11.	Mesyuarat ke 11-2012	6 Nov	Tan Sri Hasmy Agam Datuk Dr Khaw Lake Tee Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid En Muhammad Sha'ani Abdullah En James Deva Nayagam Pn Jannie Lasimbang En Detta Samen Pn Rodziah Abdul			
12.	Mesyuarat ke 12-2012	4 Dis	Tan Sri Hasmy Agam Datuk Dr Khaw Lake Tee Prof Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid En Muhammad Sha'ani Abdullah En James Deva Nayagam Pn Jannie Lasimbang En Detta Samen Pn Rodziah Abdul			

LAMPIRAN VIII

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI AKAUN SURUHANJAYA**





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**

Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod dan dokumen secara semak uji dan bagi memastikan ketepatan angka dan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia pada 31 Disember 2012 serta hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

**(LIM CHIN TEONG)**


b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
25 FEBRUARI 2013



Kami, TAN SRI HASMY AGAM dan DATUK DR. KHAW LAKE TEE yang merupakan Pengerusi dan Naib Pengerusi SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Suruhanjaya, Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2012, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dana serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota-nota yang disertakan, adalah disediakan menurut piawaian perakaunan yang diluluskan yang berkenaan di Malaysia untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA pada 31 Disember 2012 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Suruhanjaya,




**TAN SRI HASMY AGAM**

Pengerusi

Kuala Lumpur

Tarikh: 22 FEB 2013

Bagi pihak Suruhanjaya,



**DATUK DR. KHAW LAKE TEE**

Naib Pengerusi

Kuala Lumpur

Tarikh: 22 FEB 2013

**SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA**  
**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB**  
**KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA**

Saya, Rodziah Abdul, Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2012, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dana serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota-nota yang disertakan, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akaun Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui )

Oleh penama di atas, )

Rodziah Abdul )

Di Kuala Lumpur pada 13 FEB 2013 )



Di hadapan saya,



Lot 1.08, Tingkat 1,  
Bangunan KWSP, Jln Raja Laut,  
50350 Kuala Lumpur.  
Tel: 019-6680745

**SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA**

**LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2012**

	Nota	2012 RM	2011 RM
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Loji dan peralatan	3	971,594	1,484,244
<b>ASET SEMASA</b>			
Pelbagai Penghutang, deposit dan prabayar	4	790,884	792,043
Simpanan Tetap	5	4,533,000	2,176,948
Tunai dan baki di bank	6	1,281,080	1,429,052
		6,604,964	4,398,043
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Pelbagai pemiutang dan akruan	7	408,791	58,828
		408,791	58,828
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>		6,196,173	4,339,215
		7,167,767	5,823,459
 <b>Dibiayai Oleh:</b>			
Dana Terkumpul	8	7,167,767	5,823,459
		7,167,767	5,823,459

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas penyata kewangan ini

**SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA****PENYATA PENDAPATAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**

	Nota	2012 RM	2011 RM
<b>PENDAPATAN</b>			
Geran Kerajaan		11,264,500	9,767,000
<b>PENDAPATAN LAIN</b>			
Hibah		7,295	5,717
Faedah ke atas simpanan tetap		96,105	93,515
Keuntungan ke atas pelupusan		-	57,297
Lain-Lain		25,384	3,820
		<u>128,784</u>	<u>160,349</u>
Jumlah Pendapatan		11,393,284	9,927,349
<b>PERBELANJAAN</b>			
Emolumen	9	3,830,752	3,538,395
Perjalanan dan sara hidup		764,709	1,068,872
Pengangkutan		400	480
Perhubungan dan utiliti		232,592	283,787
Sewaan		2,302,890	2,577,018
Bekalan bahan mentah		72,853	85,749
Bekalan dan bahan-bahan lain		160,355	213,256
Penyelenggaraan dan pembaikan kecil		528,322	341,526
Perkhidmatan Ikhtisas dan hospitaliti	10	1,576,258	1,641,980
Susutnilai		546,447	594,305
Ganjaran		16,385	44,369
Kerugian daripada jualan/pelupusan harta		245	47,896
Hutang Ragu		430	-
Lain-Lain Perbelanjaan		733	2,419
		<u>10,033,371</u>	<u>10,440,052</u>
Lebihan / (Kurangan) pada tahun		<u>1,359,913</u>	<u>(512,703)</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas penyata kewangan ini

**SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA**

**PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA TERKUMPUL**

**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**

	<b>Nota</b>	<b>Dana <u>terkumpul</u></b>
		RM
Pada 1 Januari 2011		6,336,162
Kurangan bagi tahun		(512,703)
Pada 31 Disember 2011/ 1 Januari 2012		<u>5,823,459</u>
Lebihan bagi tahun		1,344,308
Pada 31 Disember 2012		<u><u>7,167,767</u></u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas penyata kewangan ini

**SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA**

**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**

	<b>2012</b>	<b>2011</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</b>		
Penerimaan	11,264,500	9,767,000
Pembayaran untuk perbelanjaan	<u>(9,105,293)</u>	<u>(10,094,258)</u>
Tunai bersih (digunakan untuk)/ dari aktiviti operasi	<u>2,159,208</u>	<u>(327,258)</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>		
Hibah	7,295	5,717
Keuntungan diterima dari simpanan tetap	83,899	36,829
Pendapatan dari jualan aset	-	368,100
Belian loji dan peralatan	<u>(42,323)</u>	<u>(890,029)</u>
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan	<u>48,871</u>	<u>(479,383)</u>
Peningkatan / (Penurunan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	2,208,079	(806,641)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	<u>3,606,000</u>	<u>4,412,641</u>
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	<u>5,814,079</u>	<u>3,606,000</u>
<b>ANALISA TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</b>		
Simpanan tetap	4,533,000	2,176,948
Tunai dan baki di bank	<u>1,281,079</u>	<u>1,429,052</u>
	<u>5,814,079</u>	<u>3,606,000</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas penyata kewangan ini

## **SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA**

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2012**

#### **1. OBJEKTIF-OBJEKTIF/FUNGSI-FUNGSI UTAMA**

- 1.1 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) ditubuhkan oleh Parlimen Malaysia di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, (Akta 597) dengan objektif untuk melindungi dan memajukan hak asasi manusia di Malaysia. Akta ini diwartakan pada 9 September 1999.
- 1.2 Fungsi utama SUHAKAM adalah untuk:
  - 1.2.1 memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubung dengan hak asasi manusia.
  - 1.2.2 menasihati dan membantu Kerajaan dalam merumuskan perundangan dan arahan dan tatacara pentadbiran dan mengesyorkan langkah-langkah yang perlu diambil.
  - 1.2.3 mengesyorkan kepada Kerajaan berkenaan dengan penandatanganan atau penyertaan dalam perjanjian triti dan surat cara antarabangsa yang lain dalam bidang hak asasi manusia; dan
  - 1.2.4 menyasiat aduan berkenaan dengan pelanggaran hak asasi manusia.

#### **2. DASAR PERAKAUNAN PENTING**

- 2.1 Asas Perakaunan

Penyata kewangan ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan terpakai di Malaysia.
- 2.2 Loji dan Peralatan Dan Susut Nilai

Loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul.

Susutnilai diperuntukkan berdasarkan kaedah garis lurus dikira untuk menghapus kira kos setiap aset sepanjang anggaran hayat kegunaannya.

Kadar susut nilai tahunan adalah 20%.

### 2.3 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai merangkumi wang tunai di tangan dan di bank dan simpanan. Kesetaraan tunai merangkumi pelaburan mudah tunai yang boleh ditukarkan kepada amaun tunai yang diketahui yang tertakluk kepada risiko pertukaran nilai yang tidak signifikan. Pihak Suruhanjaya telah menggunakan kaedah langsung di dalam penyediaan Penyata Aliran Tunai.

### 2.4 Faedah Kakitangan

#### Faedah Jangka Pendek

Upah, gaji dan bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun yang mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Suruhanjaya.

#### Pelan Caruman Tetap

Suruhanjaya membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ('KWSP') dan Pertubuhan Keselamatan Sosial ('PERKESO'). Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan seperti yang ditanggung. Apabila caruman telah dibayar, Suruhanjaya tiada obligasi bayaran lagi.

### 2.5 Peruntukan

Peruntukan dibuat bila pihak Suruhanjaya mempunyai obligasi sah atau konstruktif pada masa kini berikutan peristiwa lepas, di mana kemungkinan aliran keluar sumber akan diiktirafkan untuk menjelaskan obligasi, dan bila anggaran yang boleh diyakini boleh dibuat bagi amaun tersebut.

### 2.6 Geran Kerajaan

Geran daripada Kerajaan diiktiraf pada nilai saksamanya di mana terdapat jaminan munasabah bahawa geran akan diterima dan Suruhanjaya akan mematuhi semua syarat yang ada padanya.

**Geran kerajaan berkaitan dengan pembelian Loji dan Peralatan dimasukkan dalam liabiliti bukan semasa sebagai pendapatan tertunda dan dikreditkan kepada Penyata Pendapatan sepanjang hayat dijangka ke atas Loji dan Peralatan berkaitan, asas-asas yang seimbang dengan susut nilai Loji dan Peralatan yang berkaitan.**

**2.7 Pengiktirafan Pendapatan Hibah, Faedah Simpanan Tetap Dan Mudharabah-Insurans**

**Pendapatan Hibah, Faedah Simpanan Tetap Dan Mudharabah-Insurans diiktirafkan berdasar asas tunai.**

## 3. LOJI DAN PERALATAN

<b>2012</b>	Buku, peralatan dan kelengkapan	Komputer	Kenderaan	Peng- ubahsuaian	Kerja Dalam Kemajuan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
<b>Kos</b>						
Pada 1 Januari	702,431	576,267	1,474,361	1,563,013	0	4,316,072
Tambahan	23,012	11,029	0	0	0	34,041
Pelupusan/Pelarasan	(52,930)	(15,003)	0	0	0	(67,933)
Pada 31 Disember	672,513	572,293	1,474,361	1,563,013	0	4,282,180
<b>Susut Nilai Terkumpul</b>						
Pada 1 Januari	556,483	405,344	1,038,037	831,964	0	2,831,828
Caj untuk tahun	44,985	67,943	234,340	199,178	0	546,446
Pelupusan	(52,916)	(14,772)	0	0	0	(67,688)
Pada 31 Disember	548,552	458,515	1,272,377	1,031,142	0	3,310,586
<b>Nilai Buku Bersih</b>						
Pada 31 Disember	123,961	113,778	201,984	531,871	0	971,594

<b>2011</b>	Buku, peralatan dan kelengkapan	Komputer	Kenderaan	Peng- ubahsuaian	Kerja Dalam Kemajuan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
<b>Kos</b>						
Pada 1 Januari	865,711	622,859	2,498,113	776,613	786,400	5,549,696
Tambahan	113,855	26,424	0	786,400	0	926,679
Pelupusan/Pelarasan	(277,135)	(73,016)	(1,023,752)	0	(786,400)	(2,160,303)
Pada 31 Disember	702,431	576,267	1,474,361	1,563,013	0	4,316,072
<b>Susut Nilai Terkumpul</b>						
Pada 1 Januari	778,012	349,909	1,425,734	654,072	0	3,207,727
Caj untuk tahun	39,409	81,026	295,978	177,892	0	594,305
Pelupusan	(260,938)	(25,591)	(683,675)	0	0	(970,204)
Pada 31 Disember	556,483	405,344	1,038,037	831,964	0	2,831,828
<b>Nilai Buku Bersih</b>						
Pada 31 Disember	145,948	170,923	436,324	731,049	0	1,484,244

**4. PELBAGAI PENGHUTANG, DEPOSIT DAN PRABAYAR**

	<u>2012</u> RM	<u>2011</u> RM
Pelbagai penghutang	0	863
Deposit	782,107	778,876
Prabayar	3,788	5,594
Faedah Terakru	<u>4,989</u>	<u>6,710</u>
	<u>790,884</u>	<u>792,043</u>

**5. SIMPANAN TETAP**

Simpanan tetap dengan bank berlesen tidak dicagarkan untuk sebarang tujuan. Kadar faedah efektif bagi simpanan tetap dengan bank berlesen ialah di antara 3.00% - 3.17% setahun. Tempoh matang simpanan tetap ialah antara 30 hari hingga 90 hari.

**6. TUNAI DAN BAKI DI BANK**

Tunai di tangan	5,000	5,000
Tunai di bank	<u>1,276,080</u>	<u>1,424,052</u>
	<u>1,281,080</u>	<u>1,429,052</u>

**7. PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN**

Pelbagai pemiutang	7,729	51,843
Operasi pemiutang	253,485	0
Lain-lain pemiutang	593	0
Akruan	<u>146,984</u>	<u>6,985</u>
	<u>408,791</u>	<u>58,828</u>

**8. DANA TERKUMPUL**

	<u>2012</u>	<u>2011</u>
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	5,823,459	6,336,162
Lebihan/(Kurangan) Bagi Tahun	1,344,308	(512,703)
Baki pada 31 Disember	<u>7,167,767</u>	<u>5,823,459</u>

**9. EMOLUMEN**

Pembayaran emolument bagi 80 (2011:83) jawatan pegawai dan Kakitangan Tetap adalah seperti berikut:

	<u>2012</u>	<u>2011</u>
	RM	RM
Gaji	2,255,584	2,025,699
Imbuhan Tetap Khidmat Awam	128,881	118,349
Imbuhan Tetap Perumahan	263,199	265,423
Imbuhan Tetap Keraian	110,075	119,303
Lain- lain Elaun	553,818	568,079
Sumbangan Badan Berkanun	430,779	359,323
Faedah Kewangan Lain	88,416	82,219
Jumlah	<u>3,830,752</u>	<u>3,538,395</u>

**10. PERKHIDMATAN IKHTISAS DAN HOSPITALITI**

Termasuk di dalam perbelanjaan ini adalah pembayaran emolumen kepada Pesuruhjaya sebanyak RM698,589

**11. MAKLUMAT KAKITANGAN**

Jumlah kakitangan SUHAKAM pada akhir tahun adalah 80 (2011:83).

**12. INSTRUMEN KEWANGAN**

Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan Suruhanjaya bertujuan memastikan sumber kewangan mencukupi untuk menjalankan operasi-operasinya dengan lancar.

(a) Risiko Mudah Tunai

Pihak Suruhanjaya mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang hemat untuk meminimumkan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan dan untuk mewujudkan tahap tunai dan bersamaan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja.

(b) Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan bersamaan tunai, pelbagai dan lain-lain belum terima, pelbagai dan lain-lain belum bayar menghampiri nilai saksama kerana sifat instrumen kewangan yang jangka pendek.

## SENARAI SINGKATAN

---

AICHR	Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN mengenai Hak Asasi Manusia
ATHAM	Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah
AHRD	Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN
APF	Forum Asia Pasifik Institusi Hak Asasi Manusia
ATIP	Anti-Pemerdagangan Orang
AUKU	Akta Universiti dan Kolej Universiti
BHEUU	Bahagian Hal Ehwal Undang-undang
BRIMAS	Institut Penyelidikan Borneo
CAT	Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah
CEDAW	Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita
CFNHRI	Forum Komanwel Institusi Hak Asasi Manusia Nasional
CESR	Pusat Hak Ekonomi dan Sosial
CRPD	Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya
CRC	Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak
CSR	Tanggungjawab Sosial Korporat
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
DBNA	Persatuan Kebangsaan Dayak Bidayuh
DRN	Dasar Perumahan Negara
EPRG	Kumpulan Pendidikan dan Perhubungan Awam
EU	Kesatuan Eropah
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
FTA	Perjanjian Perdagangan Bebas
GMI	Gerakan Mansuhkan ISA
HRC	Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
IAIS	<i>International Institute of Advanced Islamic Studies Malaysia</i>
ICCPR	Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Sivill dan Politik
IKS	Industri Kecil dan Sederhana
ILO	Pertubuhan Buruh Antarabangsa
ICC	Jawatankuasa Penyelaras Antarabangsa bagi Institusi-Institusi Nasional untuk Promosi dan Perlindungan Hak Asasi Manusia

IPT	Institusi Pengajian Tinggi
ISA	Akta Keselamatan Dalam Negeri
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JOAS	Jaringan Orang Asli Se-Malaysia
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
JKR	Jabatan Kerja Raya
KAFA	Kelas Agama Fardu Ain
KEMTA	Kem Tahanan
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KPN	Ketua Polis Negara
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KLBW	Kementerian Luar Bandar dan Wilayah
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KWAPM	Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LCDA	Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah
LGBT	Lesbian, Gay, Bi-Seksual dan Transgender
LIGS	Lembaga Industri Getah Sabah
MAPO	Majlis Anti-Pemerdagangan Orang dan Anti-Penyeludupan Orang
MITI	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
MNHRC	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional Myanmar
MTAAG+	<i>Positive Malaysia Treatment Access and Advocacy Group</i>
MTUC	Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia
NCR	Hak Tanah Adat
NHRAP	Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional
NI	Inkuiri Nasional
NHRI	Institusi Hak Asasi Manusia Nasional
NGO	Badan bukan Kerajaan
NHRCT	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional Thailand
OA	Orang Asal/Asli
OCPD	Ketua Polis Daerah
OHCHR	Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Asasi Manusia
OKU	Orang Kurang Upaya

PACOS Trust	<i>Partner of Community Organisation in Sabah</i>
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PPK	Pusat Pembelajaran Komuniti
PSC	Jawatankuasa Tetap Pemilih Parlimen Mengenai Hak Asasi Manusia
PMB	Perbincangan Meja Bulat
RTM	Radio Televisyen Malaysia
RWI	<i>Raoul Wallenberg Institute</i>
SAR	Sekolah Agama Rakyat
SEANF	Forum Institusi Hak Asasi Manusia Nasional Asia Tenggara
SEDIA	Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah
SEO	Pegawai Eksekutif Kanan
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SOP	Prosedur Operasi Standard
SOSMA	Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012
TIP	Pemerdagangan Orang
TPPA	Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik
TVPA	Akta Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Orang Amerika Syarikat
TWG	Kumpulan Kerja Teknikal
UDHR	Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UMS	Universiti Malaysia Sabah
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
UNDP	Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UNDRIP	Peristiharan Hak Orang Asal Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UNHCR	Pesuruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Orang Pelarian
UNCT	Pasukan Negara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UPR	Penilaian Penggalan Sejagat
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia

MUKA SURAT INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

MUKA SURAT INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

MUKA SURAT INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG



**SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA  
(SUHAKAM)**

Tingkat 11, Menara TH Perdana  
1001, Jalan Sultan Ismail  
50250 Kuala Lumpur

[www.suhakam.org.my](http://www.suhakam.org.my)